

Bil. 5

**Khamis
21 April 2016**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 20)
Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>YB Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman</i>	(Halaman 23)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Sri Doris Sophia Brodie.
3. “ Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad (Dilantik)
4. “ Datuk Abdullah bin Mat Yassim (Dilantik)
5. “ Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman (Dilantik)
6. “ Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin (Terengganu)
7. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
8. “ Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar – Senator (Dilantik)
- Menteri di Jabatan Perdana Menteri
9. “ Dato' Adam bin Abdul Hamid (Johor)
10. “ Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
11. “ Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki – Senator (Dilantik)
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri
12. “ Puan Hajah Azizah binti Haji Harun (Dilantik)
13. “ Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan (Dilantik)
14. “ Dato' Boon Som a/l Inong (Dilantik)
15. “ Dato' Chai Kim Sen (Dilantik)
16. “ Tuan Chandra Mohan a/l Thambirajah (Selangor)(LS)
17. “ Datin Paduka Chew Mei Fun – Senator (Dilantik)
- Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
18. “ Tuan Chia Song Cheng (Johor)
19. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
20. “ Tuan Chong Sin Woon – Senator (Negeri Sembilan)
- Timbalan Menteri Pendidikan
21. “ Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
22. “ Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib (Terengganu)
23. “ Dato' Goonasakaren a/l Raman (Dilantik)
24. “ Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
25. “ Dato' Hoh Khai Mun (Pahang)
26. “ Dato' Dr. Hou Kok Chung (Dilantik)
27. “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (Dilantik)
28. “ Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)(LS)
29. “ Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
30. “ Dato' Dr. Johari bin Mat - (Kelantan)
31. “ Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya (Sabah)
32. “ Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
33. “ Dato' Khairudin bin Samad (Dilantik)
34. “ Datuk Koh Chin Han (Melaka)

-
35. Yang Berhormat Dato' Lee Chee Leong – Senator (Perak)
- Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri
 36. “ Datuk Lihan Jok (Sarawak)
 37. “ Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan – Senator (Dilantik)
- Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan
 38. “ Datuk Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
 39. “ Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
 40. “ Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin (Dilantik)
 41. “ Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)
 42. “ Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B)
 43. “ Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty (Selangor)
 44. “ Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)
 45. “ Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh Bin Tun Said Keruak – Senator
(Dilantik) - Menteri Komunikasi dan Multimedia
 46. “ Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah (Kedah)
 47. “ Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
 48. “ Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin (Dilantik)
 49. “ Puan Hajjah Norahan binti Abu Bakar (Pahang)
 50. “ Datuk Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
 51. “ Datuk Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
 52. “ Datuk Paul Low Seng Kuan – Senator (Dilantik)
- Menteri di Jabatan Perdana Menteri
 53. “ Datin Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)
 54. “ Tuan Ramli bin Shariff (Perlis)
 55. “ Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
 56. “ Datuk S. Vigneswaran a/l M. Sanasee (Dilantik)
 57. “ Puan Shanim binti Mohamad Yusoff (Kedah)
 58. “ Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian (Dilantik)
 59. “ Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail (Pulau Pinang)
 60. “ Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
 61. ” Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
 62. “ Tuan Wilfred Yong Chen Leong (Dilantik)
 63. “ Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas (Dilantik)
 64. ” Datuk Yoo Wei How (Dilantik)
 65. “ Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Wilayah Persekutuan Labuan)
 66. “ Datuk Zali bin Mat Yasin (Dilantik)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Negara
Encik Riduan bin Rahmat

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Monarita binti Mohd Hassan
Azhari bin Hamzah
Rosna binti Bujairomi

Suriyani binti Mohd. Noh
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Noraidah binti Manaf
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Siti Norlina binti Ahmad
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman
Nurul Fadhilah binti Ibharam
Hizamihatim Maggiha bin Juaraah
Siti Nasirah binti Md Nasir

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA

Khamis, 21 April 2016

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia dan salam sehati sejiwa. Hari ini hari Khamis, hari keempat kita bersidang dan pagi ini kita bertuah ada Menteri-menteri telah hadir, menunjukkan keprihatinannya kepada Dewan ini. Ada pertama sekali kita punya Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak ada bersama kita dan juga Yang Berhormat Dato' Seri Haji Idris Jusoh dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan. Terima kasih hadir.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Norliza binti Abdul Rahim** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan:

- (a) prospek industri animasi dan kreatif tempatan akhir-akhir ini yang mampu menghasilkan skrip penceritaan yang mantap dan kualiti animasi yang setanding dengan filem animasi luar negara; dan
- (b) apakah perancangan Kerajaan dalam menjadikan filem-filem bercorak animasi sebagai satu produk yang boleh diketengahkan serta menjana punca pendapatan negara.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui agensi di bawahnya seperti Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS), *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia sentiasa memberi penekanan kepada program pembangunan industri animasi tempatan dan merencanakan pelan strategi pembangunan industri kreatif bermula pada tahun 2010. Pertumbuhan pesat sektor animasi ini adalah seiring dengan pertumbuhan saiz pasaran yang berkait rapat dengan sektor media perfileman. Menurut kajian *PriceWaterhouse Coopers, Global Entertainment and Media Outlook 2015* hingga 2019, nilai bagi sektor media perfileman bagi Malaysia adalah dianggarkan sebanyak RM800 juta. Untuk tahun 2015, nilai ini dijangka meningkat pada kadar *Compound Annual Growth Rate* (CAGR) sebanyak 2.6 peratus dari tahun 2014 hingga 2019.

Berdasarkan pertumbuhan pasaran tempatan dan eksport syarikat MSC Malaysia, subsektor animasi merupakan bidang yang sedang berkembang maju. Sehingga 31 Disember 2015, sebanyak 114 buah syarikat berstatus MSC Malaysia terlibat dalam subsektor animasi. Pada tahun 2015, syarikat MSC Malaysia di bawah subsektor animasi juga telah mencatatkan nilai jualan tempatan sebanyak RM127 juta berbanding tahun 2014 sebanyak RM137 juta manakala nilai eksport yang dicatatkan pada tahun 2015 adalah sebanyak RM101 juta berbanding RM66 juta pada tahun 2014.

Kementerian melalui FINAS telah mewujudkan Dana Industri Kandungan Digital (DIKD) bagi memajukan industri kreatif termasuklah industri animasi tempatan. Dana ini turut bertujuan membantu pengusaha industri animasi tempatan menghasilkan produk animasi yang bernilai komersial dan mampu menjana pendapatan negara.

Pada tahun 2015, sebanyak 10 buah projek animasi dengan peruntukkan sebanyak RM10.3 juta di bawah DIKD telah dibelanjakan oleh kerajaan bagi membantu penerbitan filem animasi negara. Filem animasi tempatan semakin hari telah dapat menembusi pasaran antarabangsa dan diiktiraf daripada segi penerbitannya. Sebagai contoh filem animasi *Boboiboy* yang baru ditayangkan pada 3 April 2016 telah berjaya mengutip jualan sebanyak RM16 juta dalam tempoh dua minggu tayangan dan telah mula ditayangkan di Indonesia bermula 13 April 2016. Beberapa contoh filem dan siri animasi tempatan yang telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa ialah seperti *Upin dan Ipin* dan *Saladin*.

Dalam menjadikan sektor animasi sebagai salah satu sektor yang dapat menjana pendapatan negara, kementerian melalui MDEC telah melaksanakan pelbagai aktiviti termasuk memberi khidmat nasihat, promosi serta memperkenalkan dan menyelia penyertaan syarikat animasi tempatan di platform antarabangsa bagi membantu pemasaran produk animasi serta menggalakkan aktiviti penjanaan pendapatan melalui harta intelek.

Program seperti penjenamaan atau *branding* dan *merchandising* merupakan komponen penting yang perlu diperkenalkan dan diterapkan ke dalam sistem pembangunan industri kreatif tempatan. Ini kerana pelaksanaan perniagaan dalam bidang *merchandising* seperti pembuatan permainan, pembuatan baju dan penjenamaan pakaian, taman permainan dan penjual *image rights* akan menambahkan peluang-peluang perniagaan dan menjana pendapatan yang berterusan bagi sesebuah produk yang berjenama seperti filem animasi dan cereka.

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya juga hendak mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak Yang Berhormat Menteri kerana menjawab dengan begitu baik dan Yang Berhormat Menteri sendiri hadir pada pagi ini. Tahniah. Saya juga dapat melihat bahawa peningkatan daripada segi sektor animasi ini sesuatu yang membanggakan cuma saya ingin bertanya sebab ada kalanya hanya sesuatu syarikat sahaja yang *monopolize* filem-filem animasi ini.

■1010

Jadi saya ingin bertanya kenapa kita tidak boleh perbanyakkan. Jadi, mungkinkah daripada segi kekangan kemudahan fasiliti ataupun kewangan dan bagaimana kerajaan mengambil inisiatif dan usaha untuk membantu syarikat-syarikat animasi ini untuk mengeksport produk mereka ke luar negara dan seterusnya saya ingin bertanya daripada segi di pusat-pusat pengajian tinggi, sama ada kita mempunyai pembelajaran daripada segi animasi ini. Adakah kursus yang ditawarkan? Bagaimana perkembangan sama ada pelajar-pelajar ini dapat kita ketengahkan kreativiti mereka mungkin kerajaan ingin membuat anugerah sebagaimana yang dibuat di luar negara supaya kita *encourage*, dengan izin, lebih banyak penglibatan kreativiti daripada negara kita sendiri. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, ada tiga soalan yang telah dikemukakan soalan tambahan. Pertamanya sama ada kita mengamalkan monopoli ataupun tidak. Kita tidak mengamalkan sedemikian. Kita menggalakkan mana-mana syarikat untuk terlibat dalam bidang terbitan animasi ini. Sebagaimana yang saya katakan tadi ada 114 buah syarikat yang bertaraf MSC yang terlibat dan kita kerajaan mempunyai beberapa program untuk membantu mereka. Selain daripada menyediakan dana, kita juga ingin tentukan mereka mendapat pasaran di luar negara.

Antara program yang dilakukan oleh MDEC contohnya ialah program *Go-to-Market* yang menemukan syarikat tempatan dengan syarikat pembeli antarabangsa melalui platform dan festival antarabangsa. Program pendedahan kepada syarikat tempatan dalam membangunkan IP serta penglibatan dalam projek, studio dan rangkaian antarabangsa. Kita juga membantu menyediakan platform untuk mempelopori potensi IP melalui aktiviti pelesenan dan penjenamaan melalui bengkel, seminar dan pameran pelesenan IP.

Kita juga membantu di platform sosial media seperti di mana syarikat tempatan menjana pendapatan melalui platform sosial media, MDeC telah bekerjasama dengan pihak Google melaksanakan program *Made for YouTube*. Matlamat program ini adalah bagi menggalakkan penghasilan kandungan tempatan serta menjana pendapatan melalui platform *YouTube*.

Di FINAS pula, kementerian telah mewujudkan bahagian komersial sebagai strategik utama untuk memasarkan produk kandungan kreatif di peringkat antarabangsa. Bahagian ini menjalankan kerjasama strategik dengan pihak *Creative Content Association of Malaysia*.

Sebenarnya banyak potensi dalam bidang ini dan ia boleh menambah pendapatan di mana yang terlibat dan mungkin kita masih dalam industri yang baru dan sudah tentulah perlu banyak pendedahan kepada syarikat-syarikat tempatan dalam bidang ini. Kalau kita lihat tadi dari statistiknya kita lihat di negara kita ada penurunan, tetapi daripada segi eksportnya pertambahan kerana pasarnya lebih di luar negara. Jadi kerajaan berusaha bersungguh-sungguh untuk membantu sedemikian. Banyak kolej yang terlibat dalam hal ini. Antaranya ialah MMU, *Point College*, KDU, Lim Kok Wing dan *One Academy*. Antara institusi tinggi ini menawarkan kursus-kursus yang berkaitan kerana bidang ini memerlukan kemahiran dan ia juga memerlukan peluang-peluang pekerjaan kepada kita.

Memang pada ketika ini anugerah khusus belum kita tentukan tetapi untuk makluman, kita di peringkat antarabangsa dan negara telah mendapat kemenangan beberapa anugerah. Antaranya ialah "*Origanimas*" oleh Giggle Garage iaitu *ASEAN Television Awards, Best 3D Animated TV Program 2014, "Kampung Boy" – Annecy Animation Festival Awards; "Ribbit"* oleh KRU FAM 27 filem animasi cereka. Ertinya kita telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Namun, Yang Berhormat tadi ingin bertanya sama da untuk menggalakkan anak-anak tempatan, kita wujudkan anak-anak sedemikian. Saya tidak ada maklumat lengkap. *Insyallah* pada saya cadangan ini cadangan yang baik, sudah tentu kerajaan akan mengambil kira.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sehatii sejiwa.*

Sebelum saya menyoalkan soalan tambahan ini, saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abd. Halim selaku Timbalan Speaker, dan juga ingin mengucapkan setinggi terima kasih yang saya lihat hari ini ada empat orang Menteri hadir di Dewan yang mulia ini [*Tepuk*]

Pertamanya sudah tentulah yang menjawab soalan tadi iaitu Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak, dan juga Yang Berhormat Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek; Dato' Seri Haji Idris Jusoh; dan juga Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said.

Soalan saya, saya ingin menarik perhatian mengenai taman-taman tema yang wujud di seluruh negara seperti *Legoland, Hello Kitty* dan terkini *20th Century* di Pusat Peranginan Genting Highlands. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri iaitu mengenai syarat yang diberikan kepada produk import ini. Sama ada diwajibkan mempunyai *local content*, sama ada cerita tempatan, kakitangan animasi dan kreatif tempatan atau lain-lain lagi yang boleh mengetengahkan warga tempatan dalam aktiviti taman tema tersebut. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini soalan spesifik. Saya akan memberi jawapan bertulis. Akan tetapi apa yang saya maksudkan tadi daripada segi tema ialah di mana syarikat-syarikat yang terlibat dalam bidang animasi ini untuk menentukan agar mereka ini mendapat pendapatan yang bertambah. Maka kita menggalakkan mereka bukan sahaja terlibat dalam soal penjenamaan semula, mereka juga terlibat dalam bidang *theme park* dan ada syarikat yang telah menerokai bidang tersebut. Soalan Yang Berhormat tadi mengenai dengan syarikat-syarikat luar negara yang datang ke sini dan sudah tentulah ia soalan spesifik, kita akan jawab secara bertulis.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpenggil untuk bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, berhubung dengan soalan saya di mana saya pernah ke sebuah negara, saya tidak mahu *mention* negara itu, dan saya agak terkejut apabila membuka televisyen di sana, dan saya ingat pukul 10.30 malam, dan filem animasi yang ditunjukkan itu filem lucu animasi.

Terkejut juga saya apabila melihat peranan-peranan yang dimainkan. Tidak dapat bayangkan saya bagaimana boleh buat begitu. Maknanya begitu hebat sekali animasi filem lucu ini.

Jadi Yang Berhormat Menteri, soalan saya kalau sudah ada di negara luar, kemungkinan satu hari akan ke sini ataupun akan diakses melalui internet. Jadi, apakah kerajaan dalam video-video ataupun filem-filem animasi sedemikian rupa masuk ke dalam negara kita? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada setakat ini animasi yang dihasilkan oleh rakyat Malaysia terlibat dalam hal-hal sedemikian. Walau bagaimanapun, kita mempunyai undang-undang dalam negara ini di mana jika ada, sama ada animasi ataupun cerita filem yang ada kaitan dengan porno, maka kita ada kuasa yang tertentu di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia di bawah seksyen 233, kementerian mempunyai kuasa untuk menyekat filem-filem sedemikian. Akan tetapi sehingga ini daripada segi syarikat dari Malaysia tidak terlibat dalam soal lucu animasi.

2. Datuk Dr. Lucas Umbul minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan langkah-langkah kementerian mengagih *MyBeras* kepada golongan sasar dalam negara ini, dan apakah kriteria yang diperlukan bagi melayakkan mereka memohon program ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya bagi pihak rakan-rakan juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Datuk Sri atas pelantikan. Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang dikemukakan dan saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah yang sepatutnya dijawab pada tarikh 4 Mei kerana soalnya lebih kurang sama.

■1020

Tuan Yang di-Pertua, *MyBeras* merupakan suatu program kerajaan yang seboleh-bolehnya kita tidak mahu melihatnya sebagai satu program politik tetapi ia lebih berhasrat untuk memastikan dalam negara kita ini sekiranya berlaku kemiskinan dan sekiranya berlaku kemiskinan itu ke tahap miskin tegar tetapi tidak ada seorang pun di kalangan rakyat kita yang ditemui kelaparan kerana tidak ada kemampuan untuk membeli beras. Oleh sebab itu program ini bukan dilihat sebagai program masa, program secara besar-besaran tetapi fokus kepada mereka yang benar-benar tidak ada kemampuan untuk membeli beras dan kerajaan menyediakan sebanyak 20 kilogram sebulan kepada keluarga yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang kita berdasarkan kepada senarai eKasih yang disediakan oleh ICU iaitu Bahagian Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri terdapat kira-kira 85,000 orang yang tersenarai dalam golongan ini dan terdapat kira-kira 12,000 lagi di bawah senarai eDamak iaitu di kalangan masyarakat Orang Asli. Ertinya terdapat kira-kira 100,000 orang yang dimaksudkan sebagai mereka yang tersenarai di kalangan golongan miskin tegar.

Daripada jumlah ini sudah tentu ramai masih lagi di Sabah dan Sarawak melibatkan sejumlah 31,692 orang di Sabah, di Sarawak 29,853 orang. Negeri-negeri lain kalau di Semenanjung yang tertinggi jumlahnya ialah di negeri Kelantan 14,849 orang, diikuti negeri Selangor 3,210 barulah Kedah 2,200. Pahang dan ada negeri di bawah daripada 1,000 orang penerimanya. Ini termasuk Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor, Perlis, Terengganu, Melaka dan sebagainya.

Jadi dalam soal ini selain dari Sabah dan Sarawak, ia juga diharapkan akan dapat digunakan sebagai panduan kepada kita dalam usaha untuk menghapuskan mereka yang berada di bawah garis kemiskinan tegar ini. Ertinya sepatutnya kita memberikan sesuatu penghargaan kepada negeri-negeri yang dilihat berjaya mengurangkan mereka yang berada di bawah garis kemiskinan tegar bukanlah sesuatu yang kita katakan kejayaan sesebuah negeri itu ialah apabila banyaknya mereka yang menerima bantuan *MyBeras* ini tetapi ialah keupayaan mereka untuk mengurangkan mereka yang memperolehnya. Terima kasih.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan yang begitu informatif kepada Dewan yang mulia ini. Seperti yang kita sedia maklum Program *MyBeras* ini merupakan satu program yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan pengubahsuaian Bajet 2016.

Sebelum itu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana begitu prihatin membela golongan orang bawahan. Dengan peningkatan kos sara hidup yang tinggi, saya fikir bantuan ini merupakan bantuan yang amat diperlukan oleh masyarakat Malaysia dan ternyata sekiranya program ini berjalan lancar, maka tidak ada lagi rakyat Malaysia yang akan kelaparan berdasarkan jawapan Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Soalan saya, bagaimanakah pula dengan masyarakat di luar bandar seluruh Malaysia? Adakah sistem pengagihan yang dilaksanakan adalah sama seperti sistem yang diguna pakai dalam pemberian BR1M dan sama ada kajian dilaksanakan di mana kita mengambil segala masalah yang pernah dialami dalam pemberian BR1M dan kita pastikan masalah-masalah itu tidak berlaku semasa pemberian *MyBeras* ini. Mohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, pertama terima kasih sekali lagi atas soalan tambahan yang dikemukakan menggambarkan keprihatinan Yang Berhormat atas perkara ini. Kita ada pengalaman kita yang tersendiri dalam usaha untuk memberikan bantuan kepada mereka yang termiskin dalam negara kita. Misalnya dalam tahun 2008 suatu program yang pernah diperkenalkan dinamakan Program SUBUR atau Subsidi Beras Rakyat, di mana ia berlaku sewaktu dunia dilanda krisis makanan pada waktu itu di mana harga makanan melambung tinggi dan dikhuatiri pada waktu itu kemungkinan rakyat kita tidak mampu untuk mendapatkan bekalan beras dan sebagainya.

Pada waktu itu cara pelaksanaannya untuk kita meminta pihak organisasi akar umbi seperti JKKK untuk mendaftarkan kepada mereka yang mahu mendapatkan bantuan ini. Apa yang terjadi pada waktu tersebut ialah jumlah mereka yang mendaftar kerana hendak beras percuma ini terlalu tinggi dan apabila diselidiki di kalangan mereka itu ada yang mempunyai kereta, ada yang mempunyai kemampuan yang lain tetapi turut berusaha untuk mendapatkan beras percuma. Ia menjadi suatu yang dianggap tidak realistik dan dalam masa yang sama dilihat tidak *sustainable*, berdaya tahan bagi sesebuah kerajaan untuk menanggung kesemuanya.

Oleh sebab itu pada waktu tersebut telah diubah kaedahnya dengan kerajaan memberi subsidi yang dikatakan beras hancur 15 peratus atau ST15 supaya dalam pasaran kita ini terdapat beras yang harganya murah. Sekampit 10kg dapat dibeli dengan harga RM16.50 - RM17 mengikut tempat dan daerah. Sehingga sekarang kita menilai perkara ini kerana ada banyak perkara yang diputuskan berdasarkan kepada apa yang berlaku tahun 2008 tidak semestinya dilihat praktikal ataupun tidak dilihat sesuai lagi pada waktu sekarang. Antaranya kita katakan bahawa ada isu-isu yang ditimbulkan daripada segi pelaksanaan subsidi beras ST15, isu tidak sampai ke bawah dan sebagainya. Ini antara perkara yang sukar bagi kerajaan untuk menjawabnya dan meneruskan program tersebut. Ia juga dilihat tidak *sustainable* kerana kos penanggungungan subsidi ini satu angka yang sangat tinggi.

Oleh sebab itu pada waktu sekarang ini kita cuba satu kaedah lain yang kita mengharapkan ia lebih subsidi diberi atau bantuan diberikan kepada golongan yang tersasar, golongan yang benar-benar memerlukannya. Jadi untuk yang memerlukannya, kita terpaksa menggunakan suatu data yang kita anggap paling boleh dipakai, bukan kita kata data itu sempurna tetapi paling boleh dipakai. Bukannya data yang dikeluarkan oleh kami daripada kementerian saya, bukan data yang berasaskan kepada angka yang dikehendaki di peringkat bawah yang kemungkinannya ditentukan oleh faktor-faktor populis. Saya hendak bagi ramai kepada orang kawasan saya, saya angkat nama dan sukar untuk kita menentukannya kemudian.

Dasar yang ada sekarang ini kerana di pejabat-pejabat daerah, ia sudah mengadakan apa yang disebutkan suatu program untuk melihat golongan-golongan yang fokus di daerah masing-masing. Golongan fokus ini kemudiannya berdasarkan kepada aduan yang disampaikan ke peringkat yang atas mengatakan bahawa di kawasan berkenaan ini dia golongan-golongan yang berada di bawah garis kemiskinan tegar.

Jumlahnya kalau di Semenanjung 580, di Sabah 710, di Sarawak 660 saya sebutkan tadi berdasarkan faktor yang tertentu. Di sinilah ICU akan datang menghantar pegawainya untuk mengenal pasti untuk membuat penilaian bahawa apakah orang yang dimaksudkan itu benar-benar berada di bawah garis kemiskinan. Jadi apa yang saya sebutkan di sini ialah tentang senarai mereka yang berada di bawah garis kemiskinan suatu senarai yang dinamik yang bukannya hari ini dia berada di bawah garisan bawah kemiskinan tegar ini, dia akan berada di situ sampai bertahun-tahun.

■1030

Berdasarkan aduan dan sebagainya, dia akan didatangi sekali lagi oleh pihak ICU akan mengemukakan, bertanya dan melihat tentang persekitaran, anaknya, kemampuan dan sebagainya, mungkin dia dikeluarkan daripada garis kemiskinan ini. Mungkin dalam masa yang sama adalah atas faktor tertentu. Misalnya, perkara yang menggusarkan kita sekarang ini apabila berlaku keadaan harga komoditi dunia seperti kelapa sawit, getah dan sebagainya sekarang ini jatuh misalnya. Sudah tentu kita rasakan ada orang-orang baru yang dirasakan berada di bawah garis kemiskinan dan kita menunggu ada sahaja laporan dan ICU akan datang untuk memastikannya. Ini tidak bermakna semua orang penoreh getah berada garis kemiskinan, mungkin mereka ada kerja-kerja lain dan ini akan disiasat.

Untuk pelaksanaannya di peringkat di Semenanjung, kita akan menggunakan Institusi Lembaga Pertubuhan Peladang dan Lembaga Pertubuhan Peladang itu mempunyai agen-agensya di peringkat setiap daerah iaitu kedai-kedai PPK. PPK ialah Pertubuhan Peladang Kebangsaan dan di situlah kita akan hantar beras tersebut dan mereka akan menghubungi. Ada negeri yang ramai seperti di Kelantan 12,000 orang penerimanya tapi ada tempat, daerah saya misalnya di Kemaman, saya lihat cuma seorang sahaja.

Saya katakan sebagai Menteri Pertanian kalau saya hendak terima perkara ini saya rasa malu. Sebagai Ahli Parlimen tiga penggal masih ada orang miskin, saya kata itu biar saya yang uruskan. Bukanlah sesuatu yang saya katakan, "*Oh! Di kawasan saya, saya minta ramai perkara ini*", tidak. Saya katakan perlu kita tidak melihat ini sebagai suatu peluang untuk kita mendapatkan program itu untuk beri pada orang supaya program ini dilihat sebagai satu kaedah setiap daerah, kawasan, setiap negeri sekurang-kurangnya mengambil tanggungjawab.

Misalnya, di negeri Terengganu hanya tujuh orang sahaja. Saya percaya Kerajaan Negeri Terengganu kata, "*Tidak apalah, kami akan selesaikan tujuh orang ini.*" Di negeri Melaka misalnya, cuma 11 orang, campur dengan Orang Asli lebih kurang 56 orang. Negeri Melaka saya puji kerana ia juga mengatakan bahawa antara negeri yang berjaya untuk menghapuskan kemiskinan tegar sampai ke peringkat hampir tidak ada. Negeri Sembilan misalnya, antara yang terbaik, sepatutnya kita puji mereka yang terkeluar daripada ini. Ini antara program bukan sahaja di Malaysia, misalnya di Brazil ada program dipanggilkan dalam bahasa Sepanyol, "*Fome Zero*" iaitu 'Sifar Kelaparan'. Di mana mereka yang berjaya keluar daripada garis kemiskinan tegar akan diberikan sijil kerana mereka berjaya mengeluarkan dirinya.

Sebab itu kita katakan program ini dilihat daripada perspektif yang berbeza, bukan untuk dibanggakan siapa yang ramai. Kita faham Sabah dan Sarawak ada kes yang tertentu, perlu kita berikan, kita cari mereka ini. Ini sebab di Sabah dan Sarawak pelaksanaannya bukan LPP tetapi melalui kementerian yang berkenaan. Misalnya, di Sabah kerjasama dengan MAFI, di Sarawak dengan MOMA, di mana peranan pegawai-pegawai daerah dianggap lebih penting untuk pelaksanaannya, untuk mengenal pasti dan menyampaikan.

Ada tempat kita rasakan untuk hantar beras di Bario di Sarawak misalnya, dianggap tidak praktikal kerana orang sana ada berasnya. Dia ada simpan beras, dia buat padi mereka, jadi kita akan fikirkan untuk hantar *cash* kepada mereka supaya ia akan dapat membantu sedikit sekiranya mereka tergelong dalam golongan ini. Jadi, ini antara perkara yang dianggap fleksibel supaya kita akan cuba untuk memastikan bahawa yang pentingnya tidak ada seorang pun rakyat dalam negara yang tercinta ini terbiar kerana kemiskinan sehingga mereka tidak ada asas penting beras di sini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat...

Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: ...Dan seorang lagi saya bagi kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif pula.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tahniah dan syabas kepada Menteri Pertanian yang mana telah melakukan transformasi pada subsidi beras kepada subsidi *MyBeras* tersasar. Di mana sebelum ini rasanya rakyat, ada sebahagian rakyat tidak merasai bagaimana subsidi beras. Akan tetapi hari ini penjelasan yang dibagi bahawa *MyBeras* ini akan dapat kepada 100,000 orang golongan yang susah. Jadi, golongan yang susah ini telah dikenal pasti melalui eKasih dan sebagainya.

Jadi, soalan saya bilakah agaknya program *MyBeras* ini? Oleh sebab rakyat menunggu-nunggu program ini akan dilaksanakan kerana seorang keluarga akan menerima 20kg. Ini mungkin keluarga tiga, empat orang, kalau mungkin keluarganya besar, 10 orang anak dan sebagainya, mungkin pertambahan kepada beras 20kg subsidi ini boleh ditambah. Ini mungkin cara pelaksanaan nanti. Keduanya, apakah jenis beras? Mungkin yang susah, tidak akan hendak makan beras yang *low class* sangat. Mungkin ada sikit standard beras yang dia pun hendak rasa. Jadi, apakah jenis beras yang diserahkan atau dibagi pada golongan tersebut?

Ketiganya, sistem penyampai atau *delivery system MyBeras* ini sangat tepat kalau ia lebih ditambah, disebarluaskan melalui koperasi di mana sahaja yang mungkin dapat kita sampaikan dalam masa yang paling pantas. Jadi, tidaklah 10, 15 hari, beras sudah habis, hendak tunggu beras yang kedua mungkin susah. Jadi, di mana *stockpile* atau beras ini dapat diperolehi dengan mudah. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih soalan Yang Berhormat yang dikemukakan tadi. Ada dua perkara penting di sini, yang pertama, bilakah hendak dilaksanakan? Sebenarnya, sepatutnya sudah dilaksanakan tapi sebagai yang saya beritahu, kita tidak mahu ia dipolitikkan. Sekarang ini ada berlaku pilihan raya di Sarawak dan Sarawak antara golongan yang menerima ramai. Setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Sarawak, dirasakan kita bimbang kalau dibuat waktu sekarang, difikirkan ia merupakan suatu langkah politik yang disalahtafsirkan program ini.

Oleh sebab itu kita akan tunggu sebaik sahaja selepas pilihan raya Sarawak kita akan melaksanakannya. Tidak elok juga kalau Sarawak sahaja kita lambatkan tetapi dimulakan di tempat lain. Jadi, kita sama-sama merasakannya dan kita anjakkan tempoh akhir supaya kalau ia praktikal, *inshaa Allah* saya akan berusaha untuk mendapatkan sokongan daripada pihak Kementerian Kewangan, kita akan teruskan sampai bila-bila untuk mencari golongan ini.

Kedua, tentang beras jenis apa yang akan kita gunakan? Dalam kategori ini, beras tempatan itu ia ada kategori yang terbaik ST5. Maknanya, dalam kampak 10 kg itu hanya 5 peratus sahaja yang hancur, itu yang terbaik. Kemudiannya ST10, kemudiannya ada ST15 iaitu 15 peratus. Selepas itu, di bawah itu lagi beras sampai temukut untuk makanan ternakan dan sebagainya. Jadi, dalam program ini yang akan kita beri ialah ST5 tadi, yang terbaik di kalangan kategori. Ertinya, untuk golongan termiskin, bukannya kita memikirkan orang miskin di Malaysia, kerajaan hanya beri beras yang paling rendah kualiti. Akan tetapi golongan yang miskin itu kita berikan yang terbaik dalam pengeluaran beras tempatan yang kita ada. Jadi, tidak ada isu yang mengatakan orang miskin kita bagi beras *low quality, no*. Dalam soal ini tidak begitu.

Kemudiannya tentang berapakah banyak kita berikan? Saya bersedia menerima pandangan. Yang Berhormat jaga kawasan Yang Berhormat, sudah tentu lebih mengenal. Ada orang sampai anak 10 orang misalnya, 20kg tidak cukup, maklum pada saya. Saya katakan kalau perlu dibuat *adjustment*, kita akan sesuaikan. Saya percaya Yang Berhormat boleh membayangkan siapa yang layak menerima.

Akan tetapi kebiasaannya kita bercakap pada *average* ataupun pada purata satu *family* yang ada tiga atau empat orang anak, dia makan berapa banyak, berasnya 20kg mencukupi untuk *family* tersebut pada tempoh sebulan. Ertinya, itu pun pada perkiraan dia makan tiga kali sehari beras tetapi sekiranya ada isu tidak mencukupi, kita akan membuat penyesuaian dalam soal ini.

Oleh sebab tidak mahu juga kalau ia hanya orang tua berdua sahaja, menerima 20kg dia akan rasa sangat berlebihan. Jadi itu juga kita akan ada soal fleksibiliti di sini.

■1040

Sehingga sekarang, kita katakan menggunakan institusi ataupun organisasi PPK-melalui LPP, dia ada PKK. Setiap daerah ada dua ataupun tiga buah kedai Pertubuhan Peladang Kebangsaan. Kita gunakan organisasi ini dahulu. Sekiranya ada organisasi lain seperti koperasi dan sebagainya, kita sedia menimbangkannya. Terima kasih.

3. Puan Hajah Azizah binti Harun minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan mengenai persembahan-persembahan seni di Istana Budaya:

- (a) bilangan syarikat dan produksi seni antarabangsa yang mengadakan persembahan di Istana Budaya dari tahun 2010 hingga kini; dan
- (b) adakah Kementerian akan menjalankan promosi atau mewujudkan insentif bagi syarikat dan organisasi seni antarabangsa untuk mengadakan persembahan di Istana Budaya.

Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin]: *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Puan Hajah Azizah binti Harun yang mana di bawah bilangan syarikat dan juga produksi seni antarabangsa yang telah mengadakan persembahan di Istana Budaya dari tahun 2010 hingga tahun 2016 atau hingga kini sebanyak 53 buah produksi sebagaimana yang saya pecahkan seperti berikut.

Bagi tahun 2010 sebanyak enam buah produksi. Tahun 2011 sebanyak lima buah produksi. Tahun 2012 sebanyak lima buah produksi. Tahun 2013 meningkat kepada tujuh buah produksi. Tahun 2014 meningkat kepada 13 buah produksi dan tahun 2015 sebanyak 14 buah produksi. Bagi tahun 2016, setakat ini hanya tiga dan yang terbaru pada bulan lepas Konsert Richard Clayderman yang mana turut menyaksikannya Raja Permaisuri Agong. Dan yang akan datang *Shrek The Musical* yang akan diadakan pada 2 hingga 5 Jun.

Tuan Yang di- Pertua, kementerian juga melalui Istana Budaya sentiasa menjalankan promosi secara berterusan dengan menjemput syarikat ataupun organisasi seni antarabangsa untuk sama-sama mengadakan persembahan di Istana Budaya dan juga dengan kerjasama daripada pihak Tourism Malaysia.

Istana Budaya juga mempunyai pentas bertaraf dunia dan juga boleh mementaskan pelbagai jenis persembahan yang berkualiti dan juga setaraf dengan pentas di negara maju seperti *Broadway*. Ini salah satu cara untuk kita mempromosikan Istana Budaya ke arena antarabangsa. Selain itu, sebagai salah satu cara untuk mempromosikannya adalah dengan mengadakan kerjasama dengan pelbagai pihak.

Buat masa ini, tidak ada sebarang insentif yang diberikan kepada syarikat ataupun organisasi seni antarabangsa bagi mengadakan persembahan seni antarabangsa di Istana Budaya, tetapi mereka boleh memohon kepada salah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan iaitu MyCEB ataupun nama penuhnya *Malaysia Convention Exhibition Bureau* yang boleh kita berikan di bawah MyCEB dan juga memenuhi beberapa kriteria yang diperlukan.

Istana Budaya juga bertindak sebagai *venue providers* dan akan terus menyokong, memberi nasihat dan juga kepakaran kepada produser-produser tempatan yang juga komited bagi membawa persembahan antarabangsa yang sesuai dengan slogan Istana Budaya sebagai pentas bertaraf dunia. Secara tidak langsung, ia akan mempromosikan acara antarabangsa yang dipilih ini yang mana secara tidak langsung akan meningkatkan imej Malaysia di persada dunia. Terima kasih.

Puan Hajah Azizah binti Harun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana sudi menjawab soalan saya dengan baik dan jelasnya. Istana Budaya boleh diiktiraf sebagai mercu tanda kesenian Malaysia dengan rekaan bangunan yang tersergam indah dan mempunyai ciri-ciri tempatan serta merupakan panggung pertama di Asia yang mempunyai mekanisme pentas yang termoden di Asia. Tidak hairanlah mengapa Istana Budaya disenaraikan antara 10 buah panggung paling canggih di dunia.

Akan tetapi, semenjak kebelakangan ini, saya lihat Istana Budaya hanya menjadi medan persembahan seni tempatan. Saya sebenarnya bukan tidak menyokong hasrat untuk mengangkat seni tempatan, malah saya menyokong sebarang usaha untuk memartabatkan seni tempatan, tetapi amat malang sekiranya kita tidak memanfaatkan panggung yang secanggih ini sepenuhnya. Saya lihat penyertaan syarikat dan produksi antarabangsa seolah-olah sudah berkurangan berbanding dengan dahulu apabila Istana Budaya mula-mula beroperasi.

Soalan saya, adakah kementerian akan mengadakan kerjasama dengan pihak kedutaan-kedutaan yang berada di Kuala Lumpur untuk mempromosi dan menjalankan kempen untuk menjemput syarikat dan produksi seni negara mereka untuk mengadakan persembahan di Istana Budaya? Langkah ini akan menyemarakkan dan mempelbagaikan kegiatan seni di Istana Budaya seperti seni tari, teater dan juga muzik.

Seterusnya, saya ingin mencadangkan agar pihak kementerian merangka dan menyediakan sebuah pakej inisiatif yang menarik dan mengarahkan pegawai-pegawai kementerian dan juga pegawai Istana Budaya untuk keluar dan membuat promosi di luar negara. Mohon jawapan. Terima kasih.

Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin: Terima kasih atas soalan tambahan Yang Berhormat.

Untuk makluman, sebagaimana usaha-usaha, bukan hanya pihak Istana Budaya tetapi juga pihak *Tourism Malaysia* dalam mempromosikan Istana Budaya adalah dengan penajaan artis-artis dan juga pegawai-pegawai Istana Budaya dalam pameran-pameran antarabangsa seperti yang terbaru di ITB Berlin, WTM London dan juga program-program *consumer* seperti program makanan dan kebudayaan Malaysia. Malah, penajaan ini antara lain untuk mempromosikan budaya negara kita melalui persembahan sebagai tarikan dan produk pelancongan negara di samping menyediakan acara tarikan bagi Malaysia di pameran juga program-program *consumer* ini.

Persembahan-persembahan ini pastinya dapat menjana publisiti bagi pihak Istana Budaya itu sendiri serta menyediakan platform bagi pegawai-pegawai Istana Budaya berinteraksi secara terus dengan sasaran pengguna antarabangsa dalam mempelopori peluang-peluang pasaran bagi Istana Budaya.

Di bawah program *Mega Fam, Tourism Malaysia* juga membawa media dan juga ejen pelancongan antarabangsa bagi menyaksikan program persembahan di Istana Budaya. Manakala laman web korporat *Tourism Malaysia* juga menyediakan pautan pada Istana Budaya dan juga risalah-risalah yang telah diterbitkan oleh pihak *Tourism Malaysia*. Antaranya risalah Kuala Lumpur yang ada juga mempromosikan Istana Budaya sebagai *pin a venue* bagi program teater dan kebudayaan tempatan dan antarabangsa. Risalah ini diedarkan memalui pameran-pameran antarabangsa, program *consumer* antarabangsa dan juga boleh diakses secara digital di serata dunia.

Saya juga hendak menerangkan pada Dewan yang mulia ini, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi bahawa program di Istana Budaya daripada segi program kesenian antarabangsanya menurun, sebenarnya itu tidak benar Yang Berhormat. Ini kerana sebagaimana yang saya beritahu tadi, jumlahnya meningkat dari tahun 2010 yang hanya ada enam sahaja produksi tetapi ia meningkat pada tahun 2015 sebanyak 14 buah produksi.

Ini dilihat sebagai satu perkara yang baik dan perkembangan yang positif yang mana apabila ada kolaborasi dan juga pendekatan NBOS atau *National Blue Ocean Strategy* yang bukan hanya menggunakan Istana Budaya sahaja sebagai penggerak utamanya tetapi juga kolaborasi dengan di bawah agensi-agensi yang terlibat yang mana di situ yang boleh melonjakkan persembahan-persembahan seni antarabangsa ke Malaysia.

Kita tengok pada tahun 2015 sahaja, untuk makluman sidang Dewan, pada tahun 2015 sahaja, antara produksi yang terlibat Konsert Rossa iaitu adalah daripada segi muzik dan “Konsert Aku, Dia dan Lagu”, yang juga daripada segi muzik.

■1050

Begitu juga dengan ada *Saturday Night Fever* iaitu teater dan juga konsert *Frozen music*. Maksudnya itu antara empat yang saya sebut ini, empat daripada 15 buah produksi seni antarabangsa yang terlibat. Malah kita mengalu-alukan kalau ada sekiranya yang mana-mana yang berminat untuk mengadakan ataupun untuk membuat persembahan di Istana Budaya sebagai untuk melonjakkan lagi nama Malaysia. Ini kerana apabila kita menganjurkan seni antarabangsa di Istana Budaya sebagaimana saya bagi tahu tadi, ia akan dapat melonjakkan apatah lagi sekiranya produksi itu mempunyai nama, mempunyai pengaruh serta pengikutnya daripada negara luar untuk dibawa ke Malaysia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Datuk Mas, Yang Berhormat sila.

Dato’ Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada penerangan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan. Saya tengok tadi perbincangan dan persoalan yang dikemukakan merupakan persoalan yang betul-betul menyentuh berhubung dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan kita. Saya ingin dapat penjelasan daripada pihak kementerian, apakah bentuk-bentuk persembahan yang telah diadakan di Istana Budaya dan jenis-jenis dia? Sebab saya melihat pemikiran masyarakat kita apabila sebut budaya ini dia berlegar di antaranya nyanyian, begitu juga persembahan-persembahan tarian dan sebagainya. Apakah setakat itu yang kita maksudkan dengan budaya ataupun apalagi kebudayaan-kebudayaan yang terangkum dalam maksud budaya kita?

Kedua ialah kalau sekiranya persembahan yang hendak dilakukan di Istana Budaya, adakah penapisan budaya-budaya yang akan dibawa khususnya dari luar yang tidak bercanggah dengan budaya tempatan kita khasnya dengan ajaran Islam. Sebabnya kita tak mahu budaya yang datang dari luar yang bercanggah dengan Islam dipersembahkan dan dipertontonkan di dalam masyarakat kita yang akan memberi kesan kepada masyarakat kita pada masa hadapan. Terima kasih.

Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang begitu baik tadi. Untuk makluman sidang Dewan yang mulia ini, antara bentuk-bentuk persembahan yang boleh dipersembahkan di Istana Budaya meliputi persembahan tarian, muzik, teater dan juga anugerah. Pasti terdapat pemilihan daripada segi program yang hendak dipentaskan di Istana Budaya dan bukannya main kaut semua sahaja tidak ada. Antara pemilihan yang dijadikan kriteria tersebut, pertamanya daripada segi mengangkat nilai seni dan juga nilai jati diri yang juga tinggi termasuklah dalam teater, muzik, penganugerahan dan sebagainya.

Keduanya ia memberi hiburan tetapi tidak menyentuh isu-isu *taboo* contohnya seperti agama, sentimen perkauman dan juga politik.

Ketiga pastinya ia memerlukan naskhah-naskhah ataupun skrip yang berkualiti. Ini kerana ini amat penting untuk menjaga nama dan juga kualiti Istana Budaya itu sendiri.

Keempat pastinya adalah bagi mendidik masyarakat kepada nilai-nilai murni ke arah perpaduan bangsa Malaysia dan juga kita melihat *branding* di dalam serta luar negara yang cukup kuat. Sebagaimana yang saya bagi tahu pada soalan Yang Berhormat kedua, kerana ia boleh membawa pengaruh yang baik dan juga pengaruh yang ramai untuk datang ke Malaysia.

Maksudnya dipentaskan di Istana Budaya tetapi pengikut daripada negara-negara jiran turut hadir sama untuk menyaksikan persembahan-persembahan tersebut sehingga ia yang kita lihat naskhah seperti PGL suatu ketika dulu, *Puteri Gunung Ledang* dan juga *Takhta 3 Ratu*, *SuperMokh the Musical* dan juga lain-lain lagi. Saya kira sebagaimana cadangan Yang Berhormat Hajah sebentar tadi juga boleh kita ambil kira dan juga cadangan tersebut juga boleh kita angkat kepada pihak kementerian untuk dipertimbangkan. Terima kasih.

4. Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif @ Mohd Sharif minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, berapa banyak jumlah pinjaman PTPTN yang tertunggak sehingga kini yang sepatutnya peminjam telah selesaikan hutang mereka. Berapa banyak dana yang dimiliki oleh PTPTN untuk membiayai pinjaman pelajar akan datang.

Menteri Pendidikan Tinggi [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif bersekali dengan Yang Berhormat Senator Dato' Hoh Khai Mun pada hari ini memandangkan isu yang dibangkitkan adalah berkaitan iaitu tentang PTPTN iaitu Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sehingga 29 Februari 2016, terdapat seramai 661,262 orang peminjam yang masih gagal membuat bayaran balik melibatkan jumlah tertunggak sebanyak RM5.4 bilion. Walau bagaimanapun, melalui tindakan penguatkuasaan dan juga penstrukturan semula pinjaman, jumlah hutang tertunggak tersebut dijangka akan berkurangan. PTPTN yang bermula pada tahun 1997 untuk membantu kewangan pelajar di institusi pendidikan tinggi negara dan juga untuk meningkatkan cendekiawan-cendekiawan negara bermula dengan geran kerajaan sebanyak RM5.2 bilion.

Selepas itu keperluan pembiayaan PTPTN didapati daripada kutipan daripada peminjam-peminjam dan selebihnya daripada institusi kewangan yang dijamin oleh kerajaan. Untuk melestarikan kewangan PTPTN, beberapa usaha sedang dilaksanakan iaitu program-program kesedaran. Melalui program kesedaran ini pelajar-pelajar diberi kesedaran tanggungjawab mereka untuk membayar hutang. Ini kerana kita lihat mereka yang meninggal sebelum dikebumikan biasanya tanya dulu supaya ada tak hutang mereka. Kesedaran agar apabila mereka membayar, mereka dapat membantu pelajar-pelajar miskin lain yang memerlukan kewangan.

Insentif juga diberi dan juga penguatkuasaan dilaksanakan. Antaranya ialah CCRIS ataupun *Central Credit Reference Information System* dan juga melalui potongan gaji. Melalui usaha-usaha ini kita lihat peningkatan telah bertambah. Kalau kira pada tahun lalu tahun 2015 kita lihat peningkatan hampir dua kali ganda daripada sasaran. Sasaran kutipan PTPTN pada tahun lepas 2015 - RM750 juta, tetapi kutipan mereka RM1.4 bilion, saya katakan hampir dua kali ganda melalui usaha-usaha yang telah dilaksanakan tadi.

Pada tahun ini sejak bulan lalu Mac 2016 kutipan bulanan telah melebihi RM200 juta sebulan. Kutipan pada bulan Mac tahun ini sahaja ialah RM237.4 juta dan dijangka pada tahun 2016 ini jumlah kutipan PTPTN akan meningkat kepada angka RM2 bilion setahun. Ini akan memastikan kelestarian kewangan PTPTN yang akan terus membantu pelajar-pelajar di pendidikan tinggi negara.

■1100

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Hoh Khai Mun, keutamaan sentiasa diberi kepada pelajar-pelajar daripada keluarga yang berpendapatan rendah. Ini kerana untuk pelajar-pelajar yang mana ibu bapa mereka penerima BR1M, mereka diberi pinjaman sepenuhnya. Untuk mereka yang pendapatan keluarganya tidak lebih daripada RM8,000, mereka diberi pinjaman sebanyak 75 peratus daripada jumlah maksimum dan untuk mereka yang pendapatan keluarganya yang melebihi RM8,000, mereka hanya diberi 50 peratus daripada jumlah maksimum. Dengan ini, kita akan dapat melihat bahawa PTPTN akan terus membela golongan-golongan yang miskin. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih kerana Menteri sendiri yang datang menjawab. Saya nampak bahawa peruntukan sangat besar iaitu RM52 bilion. Jadi, maknanya kesedaran yang telah dilakukan oleh PTPTN membuahkan hasil. Namun begitu, ada di kalangan mereka yang sudah bekerja. Contohnya saya hendak bertanya, berapa ramai mereka ini yang berada dalam agensi kerajaan, yang sudah ada pekerjaan dan berkedudukan tinggi, yang ingkar, yang degil untuk membayar hutang? Berapa ramai pula mereka yang berada dalam sektor swasta, GLC yang mana mereka ini hendak kata tidak ada pekerjaan, sudah ada pekerjaan tetapi ingkar untuk bayar?

Bak kata Menteri tadi, sebelum jenazah diusung ke kubur pun ditanya hutang si polan si polan, akan berjumpa dengan keluarga ataupun waris. Ini menunjukkan bahawa hutang ini wajib dibayar.

Jadi saya melihat bahawa bagaimana gerakan selain yang kita sasarkan kepada mereka yang bekerja boleh bayar, tetapi sebaliknya mereka yang tidak bekerja. Mungkin dia tidak ada pendapatan, adakah golongan ini tergolong daripada mereka yang degil ataupun ingkar? Yang lain pula, adakah mereka ini tergolong daripada pelajar yang mendapat PTPTN beli kereta, beli *handphone*, bersuka-ria, bantai kerajaan sana sini dan akhirnya, mereka ini gagal. Apabila gagal, salahkan kerajaan. Adakah ini juga tergolong daripada mereka yang ingkar dalam kumpulan yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri? Mohon pencerahan. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya, bilangan peminjam daripada kakitangan kerajaan ada 113,847 orang peminjam semuanya dan daripada Badan Berkanun ada 7,791 orang. Kita lihat jumlah ini adalah jumlah mereka yang meminjam, yang membayar hutang telah mula bertambah kerana sudah ada arahan JPA pada 9 Julai tahun lalu untuk dikenakan potongan gaji kepada mereka. *Alhamdulillah*, melalui *circular* ini kita lihat pembayaran pinjaman daripada sektor majikan kerajaan dan juga Badan Berkanun telah mula meningkat.

Kita lihat melalui tindakan-tindakan seperti yang saya katakan tadi, seperti dengan potongan gaji dan juga dengan CCRIS yang keluar dalam surat khabar ini muka depan, satu surat khabar, ada juga yang memang degil tidak hendak bayar. Oleh sebab itu dengan adanya tindakan CCRIS terhadap mereka, mereka tidak ada pilihan daripada membayar. Oleh sebab itulah kita lihat apabila kita mengadakan tindakan-tindakan tersebut, ramai telah mula membayar.

Kalau dahulunya bulanan PTPTN hanya dapat mengumpul tidak sampai RM100 juta sebulan, sekarang saya hendak beritahu tadi sudah lebih mencecah RM200 juta sebulan. *Alhamdulillah*, saya katakan di samping kesedaran, usaha-usaha penguatkuasaan dan juga usaha-usaha penstrukturan, kita lihat peningkatan akan terus berlaku pada PTPTN. Saya beri jaminan kepada Kabinet semalam pun, *inshaa Allah* dalam masa 10 tahun ini, *inshaa Allah* kita akan dapat pastikan PTPTN akan menjadi lestari. Itu jawapan saya untuk kali ini.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya salah seorang penyokong kuat program PTPTN ini sebab masa saya dahulu susah hendak mendapatkan pinjaman, tetapi sekarang kerajaan menyediakan pinjaman. Soal hutang, wajib dibayar. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, selain daripada CCRIS dan tindakan-tindakan ini yang telah dijelaskan kepada kita tadi, adakah tindakan lebih agresif hendak dilakukan oleh kementerian terhadap penghutang-penghutang? Maksud saya, kalau tidak bayar, kenapakah tidak ambil tindakan mahkamah? Kedua, dia ada penjamin. Kenapakah tidak diburu penjamin? Ini kerana kalau mereka tidak membayar, sudah tentu kita kekurangan punca kewangan dan kemudian kita tidak boleh membantu generasi yang terkemudian. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Sebenarnya, PTPTN sehingga kini pun mengambil satu tindakan yang agak fleksibel kerana kita tidak mahu terlalu membebankan peminjam-peminjam. Oleh sebab itulah dengan cara penstrukturan semula, sebenarnya mereka yang tidak mampu untuk membayar katakanlah RM200 sebulan tidak mampu, dengan program penstrukturan boleh turun beritahu kepada PTPTN, pegawai-pegawai PTPTN bahawa dia mampu hanya RM100, okey. PTPTN boleh menstrukturkan semula pembayaran kerana kita tidak berniat untuk membebankan mereka yang tidak mampu untuk membayar. Walaupun tindakan mahkamah telah dilaksanakan, tetapi tindakan mahkamah ini memakan masa yang lama.

Cuma yang kita lihat yang memang mendatangkan kutipan yang meningkat ialah kerana adanya CCRIS. Mereka lebih suka beli kereta daripada membayar pinjaman PTPTN. Ini budaya tidak kena ini. Suka hendak melancong ke luar negara, suka hendak beli rumah. Jadi sudah mula- bila kita mengadakan CCRIS, mereka mula datang ke PTPTN dan kita sedia, masih sedia untuk berunding dengan mereka, menstrukturkan semula. Ini kelembutan dan fleksibiliti kita, menstrukturkan semula pinjaman-pinjaman kita dan melihat kemampuan mereka. Apabila penstrukturan dibuat, mereka membayar mengikut kemampuan mereka.

Jadi, nama mereka di CCRIS akan hilang kerana mereka telah membayar dengan mengikut kemampuan penstrukturan yang telah dibuat kerana kita memang fleksibel.

Akan tetapi yang tidak jadi ini kerana tidak bayar langsung. Kerja, gaji ada Tuan Yang di-Pertua, gaji yang sampai RM18,000 hingga RM20,000 tidak mahu bayar. Ini yang kita cari. Memang mereka sudah mula bayar sekarang ini sebab itu saya katakan tadi melalui program-program tindakan penguatkuasaan tadi, *alhamdulillah* kita telah melihat peningkatan kutipan sudah dua kali ganda pada tahun lalu dan *inshaa Allah* pada tahun ini akan mendapat kutipan lebih RM2 bilion.

Saya beri jaminan bahawa *inshaa Allah*, kita ingin melihat agar CCRIS, agar PTPTN akan menjadi satu sistem pinjaman yang lestari pada masa-masa yang akan datang untuk terus membantu pelajar-pelajar kita membiayai pelajaran mereka di pendidikan tinggi.

5. YBM Engku Naimah binti Engku Taib minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, sejauh manakah kesan fenomena El Nino yang melanda negara ini hingga menyebabkan kenaikan paras suhu melampau menjejaskan pengeluaran pertanian seperti padi, sayur-sayuran dan lain-lain dan apakah langkah kerajaan bagi menangani fenomena ini supaya tidak menjejaskan pengeluaran hasil pertanian negara serta nyatakan langkah kerajaan untuk membantu golongan pesawah dan petani yang terjejas akibat fenomena ini.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator, orang Besut yang mengemukakan soalan. Izinkan saya menjawab soalan ini berserta dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Norahan binti Abu Bakar yang dijadualkan pada 21 April; dan Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam yang dijadualkan pada 4 Mei.

■1110

Soalan-soalan ini berkisar pada persoalan pada kesan fenomena El Nino yang melanda negara kita. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu bahawa bukan saja negara kita tetapi dunia juga diancam dengan apa yang disebutkan fenomena El Nino, fenomena kering yang dijangkakan dalam negara kita akan berterusan sehingga bulan Mei ataupun Jun yang akan datang. Sebagaimana yang kita tahu melalui paparan akhbar dan sebagainya, kekeringan ini menyebabkan berlaku keadaan yang kita harus berjaga-jaga dan berhati-hati kerana empangan-empangan juga telah merosot daripada segi takungan airnya. Begitu juga sungai-sungai besar dalam negara kita.

Sudah tentu bagi sebuah kerajaan kita akan melihat kesannya kepada pelbagai sektor. Terutamanya daripada segi *consumers*, pada orang ramai hendak mandi, hendak basuh pakaian dan sebagainya, minum memerlukan air. Ia juga akan memberi kesan pada sektor tenaga kerana kekuatan tenaga elektrik hidro dan sebagainya berdasarkan pada empangan air dan sudah tentu yang kita rasakan menggusarkan juga pihak kami ialah yang berkaitan dengan soal keperluan air bagi tujuan pertanian termasuk ternakan padi dan sebagainya.

Semua ini pihak kerajaan khususnya kementerian memerhatikannya, memantaunya dengan begitu dekat sekali. Sehingga sekarang belum lagi kita katakan bahawa sampai ke peringkat darurat di mana langsung tidak boleh untuk kita mengusahakan tanaman padi dan sebagainya tetapi ada tempat-tempat yang tertentu terpaksa kita mengubah jadualnya, dilewatkan dan sebagainya kerana kita perlu menabungkan air bagi petak-petak sawah yang tertentu dan sebagainya.

Kita bersyukur juga kerana ada beberapa langkah yang pernah kita ambil sebelum ini. Misalnya mengadakan kolam takungan sekitar Sekinchan telah benar-benar dapat menyelamatkan keadaan sekarang ini walaupun ada berlaku sedikit kontroversi pada waktu tersebut antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri di mana kerajaan negeri menganggap ianya ada isu yang terpaksa dilengahkan tetapi Kerajaan Persekutuan didenda untuk mengadakan kolam tersebut dan kita terpaksa membayar kepada kerajaan negeri setiap tahun permit untuk mengadakan kolam tetapi kolam takungan itulah sekarang ini dilihat dapat menampung keperluan pesawah-pesawah padi di bahagian Barat Laut Selangor. Kemudian kita juga memantau tentang isu yang berkaitan dengan soal tanaman ataupun ternakan akuakultur.

Sebagai contohnya Sungai Pahang berlakunya keadaan yang kering, semakin kering. Airnya masih mengalir tetapi semakin kering. Di mana ia memberi kesan kepada mereka yang terlibat dalam ternakan ikan patin, ikan tilapia dan sebagainya di kawasan-kawasan seperti Jerantut, Temerloh, Bera juga di Pekan, di mana di sana berlaku apabila air sungai yang kering, air laut masuk ke dalam. Sudah tentu ia memberi kesan kepada ternakan akuakultur. Pihak kementerian melihat bahawa ada tempat-tempat yang perlu diuruskan penggunaan airnya seperti kawasan MADA. Sehingga sekarang peringkat penanaman padi itu masih lagi mengikut jadual kecuali ada beberapa buah tempat yang perlu dikatakan diubah sedikit jadualnya.

Di Kelantan misalnya di KADA, belum lagi waktu mulanya musim menanam. Jadi ia boleh ditangguhkan sedikit. Kita juga akan melihat kesan dan impaknya kebimbangan kita pada penanam sayur dan juga pengeluar buah-buahan. Kita tidak tahu apakah kesan sebenarnya akan berlaku pada musim durian yang akan datang kerana ada laporan-laporan yang mengatakan bahawa kemungkinan ada sedikit kesan. Dia lihat pokok-pokok kering dan sebagainya.

Oleh sebab itu langkah kerajaan antaranya untuk menyediakan beberapa buah plan secara jangka pendek. Menyediakan *tube well* ataupun telaga tiub untuk digunakan. Telaga tiub tidak boleh digunakan untuk tujuan padi tetapi boleh membantu petani-petani buah-buahan, sayuran dan sebagainya. Ia disediakan di beberapa buah negeri, sekarang ini 281 *tube well* sudah disediakan.

Di samping kita menyediakan banyak, lebih daripada 1,700 pam-pam dan ini dapat membantu terutama pesawah padi yang memerlukan perairan, yang air tidak mengalir dimasukkan dan menggunakan pam di sini. Bagi mereka yang terlibat dalam akuakultur yang saya sebutkan tadi, pihak kementerian melalui Jabatan Perikanan mengadakan rundingan ataupun *engagement* dengan mereka, pengusaha-pengusaha yang terlibat termasuk memberitahu bahawa ini kawasan-kawasan yang tidak sesuai lagi kerana ia akan kering. Mungkin ada beberapa kes di mana berlaku di kalangan pengusaha merasakan bahawa mereka ingin mencuba lagi tetapi kalau mereka terus mencuba mereka akan kerugian dan sebab itu Jabatan Perikanan misalnya sudah menyediakan, kita minta mereka bersabar. Jangan teruskan kalau ia tidak sesuai pada waktu sekarang.

Akan tetapi bila sampai waktu air ada kembali, kita akan membantu mereka untuk menyediakan benih-benih anak ikan terutama ikan tilapia, ikan patin dan sebagainya. Kita tahu bahawa harga ikan sungai sekarang ini dilihat dalam pasaran sudah naik antara 50 peratus sehingga 100 peratus kerana akibat kekurangan bekalan ini dan memberi kesan kepada pengusaha-pengusaha ikan dan juga restoran-restoran ikan patin dan sebagainya. Ini adalah merupakan satu daripada fenomena yang kita hadapi. Namun begitu ada perkara-perkara yang telah kita jangka, kita ingatkan tetapi tidak memberi kesan yang besar.

Sebagai contohnya kalau keadaan air laut kita naik 1 darjah ataupun 2 darjah, ia kemungkinan menyebabkan ikan-ikan akan pergi ke utara. Akan tetapi berdasarkan kepada perangkaan kita terutama di Pantai Barat, pendaratan ikan-ikan laut ini tidak terjejas malahan ada yang dikatakan bertambah terutama di kawasan utara negeri kita dan kegusaran di kalangan nelayan bila banyak ikan menyebabkan harga ikan pula jatuh, juga ikan-ikan laut. Jadi ini perkara-perkara yang sentiasa kita pantau dan lihat. Ada perkara yang kita rasa kita perlu berikan bantuan sekarang dan ada perkara yang kita beri bantuan selepas ini dan yang paling penting kita minta semua pihak untuk sentiasa bersedia dan memberikan maklumat-maklumat yang terakhir supaya kita mengambil langkah yang sepatutnya dalam menghadapi fenomena ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

YBM Engku Naimah binti Engku Taib: Jutaan terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab dan memberi segala input yang baik untuk dikongsi kepada kita. Soalan tambahan saya, sekiranya didapati fenomena El Nino berpanjangan, apakah langkah kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi memastikan bekalan produk pertanian seperti ayam dan daging mencukupi terutama menjelang bulan Ramadan dan hari raya yang tidak lama lagi?

Di masa akan datang, adakah terdapat usaha kementerian untuk bekerjasama dengan Jabatan Meteorologi, umpamanya membuat *prediction* atau jangkaan terhadap perubahan iklim supaya negara dan petani khususnya lebih bersedia menghadapi sebarang perubahan iklim? Adakah kerajaan bercadang memberikan bantuan kewangan kepada pesawah yang terpaksa menjadualkan semula tarikh tanaman padi akibat daripada kekurangan bekalan atau pengairan menjadi kering akibat fenomena El Nino ini. Terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah Yang Berhormat yang bertanya, Yang Berhormat Mulia Engku, atas soalan yang menggambarkan Yang Berhormat memahami bahawa satu perkara yang kita perlu hadapi bila berlaku bencana ialah keupayaan sesebuah kerajaan dan agensi itu untuk membuat *prediction* ataupun membuat ramalan.

■1120

Ini merupakan satu pandangan yang begitu penting sekali untuk menjadikan satu daripada cara kita melaksanakan tanggungjawab kerajaan ini. Oleh sebab itu ada beberapa bila kita bercakap tentang cuaca, kita bercakap tentang bencana dan sebagainya, ada bencana yang sukar untuk kita ramal seperti gempa bumi. Kalau hendak datang, datang. Amarnya mungkin hanya beberapa jam.

Banjir mungkin hanya beberapa hari tetapi El Nino merupakan suatu bencana yang boleh dianggarkan berbulan-bulan sebelum ini dan boleh dihitung beberapa tahun yang akan datang kerana ia ada penjelasan-penjelasan saintifik dalam soal ini. Jadi sudah tentu saya berkongsi dengan Yang Berhormat bahawa perlunya kerjasama sekurang-kurangnya tiga jabatan yang penting:

- (i) Jabatan Metrologi untuk meramalkan cuaca; dan
- (ii) JPS iaitu Jabatan Perairan dan Saliran, kerana ia juga akan dapat meramalkan kalau tidak hujan berapa lama air Sungai Pahang di Jerantut akan susut, bila di Temerloh, bila di Bera supaya kita dapat beritahu pada Jabatan Perikanan, Jabatan Pertanian dan sebagainya dapat memberitahu kepada pengusaha-pengusaha ataupun petani dan penternak dan sebagainya untuk bersedia berhadapan dengan perkara ini.

Oleh sebab itu ada beberapa perkara yang perlu kita lihat juga. Misalnya, ayam. Kita akui bahawa dalam keadaan cuaca yang panas, ayam akan berhadapan dengan suasana *stress* dikatakan. Jadi, apa bekalan-bekalan yang boleh membantu untuk *anti stress* atau mengurangkan *stress* ayam. Ia akan berlaku sekiranya pengusaha-pengusaha ataupun penternak ayam ini masih lagi mengamalkan kaedah lama iaitu ternakan menggunakan reban yang terbuka. Ia sudah tentu akan kadar *stress* ayam tersebut akan bertambah tinggi dan pembesaran ayam tersebut akan berlaku dengan tidak mengikut yang sepatutnya. Kalau 38 hari mungkin jadi 40 hari lebih untuk dia sampai ke tahap berat yang tertentu.

Akan tetapi sekarang ini sudah banyak pengusaha-pengusaha besar telah bertukar daripada penternakan ayam menggunakan reban terbuka kepada reban yang tertutup- *close system*. *Close system* ini di mana suhu lebih mudah dikawal digunakan cara untuk menggunakan tiupan air, tiupan yang boleh menjadikan suhu kawasan reban yang tersebut itu lebih rendah dan *stress*nya dapat dikurangkan.

Kesannya juga boleh kita ramalkan. Misalnya untuk keperluan ayam pada bulan enam sebab dijangkakan sepatutnya bulan enam ataupun bulan Jun ini bulan puasa. Sepatutnya puasa orang kurang makan tetapi dalam statistik kita, bulan puasalah orang bertambah makan. Jadi keperluan ayam itu bertambah pada waktu tersebut dan semua keperluan tersebut sudah diatur sekarang.

Penetasan sudah di mula sekarang dan penetasan itu sudah dikira berapakah tambahan-tambahan, berapa peratus perlu ditambahkan kalau diandaikan akibat daripada El Nino ini menyebabkan 5 peratus ataupun 10 peratus daripada keperluan ayam yang sepatutnya akan berkurangan. Ertinya mereka sudah membuat perkiraan sekarang untuk tambah lagi ayam-ayam yang perlu ditetas, yang perlu dibesarkan mulai sekarang.

Jadi ini juga perkara-perkara yang sudah pun kita lihat dan kita pantau supaya pada bulan Jun tidak lama, tidak akan berlaku *stress* di kalangan rakyat apabila ayam kurang dan juga harga ayam meningkat dan sebagainya.

Jadi sebab itu kita juga akan melihat pilihan-pilihan lain. Walaupun saya tidak mengambil keputusan sekarang tetapi saya sudah meminta jabatan yang berkenaan untuk melihat kemungkinan-kemungkinan untuk mencari pilihan lain termasuk import dan sebagainya supaya bekalan ayam misalnya pada bulan Jun, pada bulan Julai yang akan datang ataupun keperluan daging dan sebagainya dapat ditingkatkan supaya harga bahan-bahan tersebut stabil dan tidak menimbulkan *stress* di kalangan rakyat apabila berhadapan dengan kesan daripada fenomena El Nino ini. Terima kasih.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kerana banyak tindakan yang diambil oleh Yang Berhormat Menteri untuk mengatasi isu El Nino ataupun suhu kepanasan yang semakin menjadi di seluruh dunia terutamanya di negara kita. Saya lihat ada juga negeri yang membazir air seperti Pulau Pinang. Kita hendak jimat air pada musim panas ini. Air ini datang dari Kedah, Projek MADA tetapi Pulau Pinang pula dia ada pesta air. Saya dengar kementerian memberi teguran supaya tidak membazir air ketika negara menghadapi...

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Minta mencelah Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, biar saya selesaikan soalan saya. Yang kedua, kita tahu jika panas berterusan akan berlaku kebakaran. Jadi apa usaha-usaha kita untuk mencegah daripada berlaku kebakaran dan adakah kita kerjasama Kementerian Pertanian terlibat dengan Kerajaan Indonesia kerana setiap tahun akan berlaku kebakaran kerana El Nino dan kalau telah adakan kerjasama, apa rancangan Kerajaan Indonesia sendiri sama ada mereka membina kolam dan sebagainya supaya kesan El Nino di Indonesia ini jerebunya tidak sampai ke negara kita yang menjejaskan industri pertanian kita. Terima kasih.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta Yang Berhormat di sini, di mana terdapatnya pesta air di Pulau Pinang? Setahu saya tak ada langsung.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, ada keluar *paper* itu hari. Ada pesta semasa satu masyarakat ada sambutan dan festival. Jadi dia orang pun mandi air macam dekat Thailand. Ada keluar surat khabar. Mungkin Yang Berhormat tak baca surat khabar, sudah selalu duduk di Kuala Lumpur. Terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Yang Berhormat, saya difahamkan soal, saya tidak mahu menjawab pasal pesta air tetapi di Penang memang ada sambutan Songkran. Songkran ini ialah pesta air. Biasa diamalkan di Thailand, satu daripada *water festival* yang digunakan. Saya tak tahu bagaimana banyaknya air yang digunakan tetapi saya setuju dengan Yang Berhormat Senator Tan Sri bahawa dalam konteks sekarang, semua pihak sepatutnya lebih sensitif kerana apabila berlaku El Nino ini sehinggakan di Thailand pun mereka bercakap tentang mengurangkan walaupun itu merupakan satu tradisi dan budaya mereka, mengurangkan penggunaan air berlebih-lebihan kerana sekarang ini kita tahu bahawa air adalah merupakan sumber yang sangat berguna. Jadi saya kira, saya faham perkara ini ada kalanya faktor kerajaan, ada kalanya ialah faktor bagaimana kita menyesuaikan budaya yang diamalkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tentang beberapa persoalan yang disebutkan tadi, ia melibatkan pelbagai kementerian lain. Misalnya persiapan hendak berhadapan dengan kebakaran, saya akan maklumkan kepada rakan-rakan saya yang bertanggungjawab tentang soal bomba, soal untuk mengingatkan orang ramai tentang lebih berhati-hati.

Kementerian NRE, Sumber Asli kita akan terus mengadakan rundingan dengan pihak negara jiran kerana kita jangkakan juga masuk bulan Mei, bulan Jun nanti, sekarang ini sudah melihat apa yang disebutkan *hotspot* sudah berlaku. Ada di negara kita dan ada juga di negara jiran yang kemungkinan fenomena jerebu akan kembali melanda kita. Itu memerlukan satu perundingan yang berterusan dan tindakan-tindakannya tindakan-tindakan besar yang mesti diambil bersama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

6. **Dato' Sri Khairudin bin E. S Samad** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apa langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengekang kenaikan harga rumah yang di luar jangkaan pada masa kini.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin bin Samad ataupun nama *glamoumya* Dato' K. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin bersekali dengan beberapa soalan yang ada kaitannya dengan isu harga rumah.

■1130

Yang pertama oleh Yang Berhormat Senator Hajah Norahan binti Abu Bakar. Yang kedua ialah Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun iaitu bertarikh pada 25 April 2016; Yang Berhormat Senator Datin Hajah Rahimah binti Haji Mahamad bertarikh 3 Mei 2016; dan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Boon Som bertarikh 4 Mei 2016.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pasaran perumahan secara asasnya merupakan pasaran ekonomi yang tertakluk kepada kerangka sahsiah di sesebuah negara ataupun dalam sesebuah negeri. Maka kerana itu Tuan Yang di-Pertua, pasaran perumahan ini boleh lah kita definisikan sebagai satu set institusi dan prosedur-prosedur dalam memperuntukkan sumber yang terhad iaitu perkhidmatan perumahan bagi memenuhi permintaan dan juga penawaran perumahan.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Tuan Yang di-Pertua, mekanisme yang menghubungkan antara penawaran dan permintaan iaitu proses pertukaran yang berlaku di pasaran iaitu stok rumah kepada isi rumah. Proses pertukaran ini berlaku Tuan Yang di-Pertua disebabkan:

- (i) faktor-faktor pertumbuhan ekonomi;
- (ii) pertukaran polisi;
- (iii) jangkaan adanya permintaan;
- (iv) peningkatan permintaan;
- (v) terdapat kemudahan pembiayaan; dan
- (vi) perubahan-perubahan yang berlaku dalam demografi penduduk.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, harga rumah ini juga tetap bergantung kepada jenis rumah dan kawasan. Kawasan bandar mencatatkan peningkatan harga yang tinggi adalah kerana disebabkan oleh pertumbuhan pembangunan yang pesat di kawasan sekitar selari juga dengan peningkatan jumlah penduduk dan purata pendapatan penduduk.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat berdasarkan kepada laporan indeks harga rumah yang telah pun dikeluarkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta ataupun NAPIC, Kementerian Kewangan, indeks harga rumah pada tahun 2008 adalah 129.8 mata, manakala bagi tahun 2014 pula adalah 211.0 mata. Dalam tempoh tujuh tahun ini Tuan Yang di-Pertua, indeks harga rumah telah pun meningkat sebanyak 71.2 mata dan purata harga rumah pada tahun 2015 adalah sebanyak RM311,369 berbanding dengan tahun 2008 iaitu sebanyak RM179,359.

Walaupun harga rumah ini mencatatkan kenaikan sepanjang tempoh lapan tahun ini Tuan Yang di-Pertua, namun kadar kenaikan purata harga rumah tahunan semakin menurun mulai daripada 2012 sehinggalah kepada 2015. Kadar kenaikan purata harga rumah tahunan Tuan Yang di-Pertua, menunjukkan trend menurun mulai pada tahun 2013 dengan mencatatkan 10.9 peratus berbanding pada tahun 2012 yang mencatatkan 11.8 peratus.

Pada tahun 2014 angka ini menurun lagi kepada 8.5 peratus dan penurunan ini Tuan Yang di-Pertua, menunjukkan bahawa langkah-langkah dan segala inisiatif fiskal yang dilaksanakan bagi menstabilkan harga rumah oleh kerajaan telah pun menampakkan impaknya.

Bagi memastikan supaya rakyat tidak dibebankan dengan kenaikan-kenaikan harga rumah disebabkan oleh aktiviti spekulasi, kerajaan akan terus mengawal harga kenaikan rumah dan jika perlu akan terus mengenakan langkah-langkah fiskal tambahan untuk memastikan harga hartanah tidak melambung. Pada hari ini saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun saya sebutkan tadi yang membangkitkan isu berkaitan dengan harga rumah. Antara langkah-langkah yang telah pun diambil oleh kerajaan dalam membendung sama ada aktiviti spekulasi ataupun kenaikan harga rumah yang tinggi adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan kadar cukai keuntungan hartanah;
- (ii) meningkatkan harga jualan minimum yang boleh dibeli oleh warga asing daripada RM500,000 kepada RM1 juta;
- (iii) meningkatkan ketelusan harga jualan hartanah di mana pemaju perlu mempamerkan secara terperinci harga jualan termasuk semua manfaat dan insentif yang akan diberikan kepada pembeli;
- (iv) melarang pemaju perumahan melaksanakan projek yang bercirikan *developer interest bearing scheme*, dengan izin;
- (v) mewajibkan pemaju melaporkan pembelian melebihi empat hartanah dalam satu pemajuan oleh individu perseorangan ataupun oleh syarikat melalui syarat baru yang telah diletakkan dalam lesen pemajuan;
- (vi) menggalakkan peningkatan penawaran rumah dalam pasaran Malaysia dan membantu mengurangkan bebanan rakyat Malaysia dalam pemilikan rumah melalui program-program yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi kerajaan seperti:
 - (a) Skim MyHome oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, pemberian insentif sebanyak RM30,000 untuk rumah-rumah yang bernilai RM80,000 sehingga RM200,000 bagi Semenanjung Malaysia dan RM90,000 sehingga RM250,000 bagi Sabah dan Sarawak dan RM300,000 bagi rumah-rumah di Kuala Lumpur bagi mereka yang mahu membeli rumah pertama;
 - (b) projek perumahan rakyat;
 - (c) Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) di bawah Jabatan Perdana Menteri, Syarikat Perumahan Negara (SPNB) di bawah Kementerian Kewangan;
 - (d) Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) di bawah Jabatan Perdana Menteri yang dijual kepada penjawat awam; dan
 - (e) inisiatif-inisiatif yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dengan meletakkan syarat kepada pemaju perumahan swasta supaya membina sehingga 30 peratus buah rumah kos harga mampu milik bagi mereka yang berpendapatan RM3,000 ke bawah daripada jumlah keseluruhan kawasan pemajuan.
- (vii) *loan to value ratio*;

- (viii) bantuan pinjaman pembelian rumah antaranya Skim Rumah Pertamaku (SRP) Kementerian Kewangan yang membolehkan golongan muda mendapatkan pembiayaan sehingga 100 peratus daripada institusi kewangan untuk membeli rumah pertama tanpa perlu bayar 10 peratus - wang pendahuluan dengan nilai maksimum hartanah yang berjumlah RM400,000 dan yang kedua, kerajaan telah pun menubuhkan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP) Bhd. di bawah Kementerian Kewangan untuk menjamin segala kemudahan pinjaman kewangan yang diberikan oleh institusi kewangan kepada yang turut terlibat dalam skim ini yang difokuskan kepada mereka yang tidak berpendapatan tetap seperti petani, peniaga kecil untuk dapatkan kemudahan kewangan bagi membeli perumahan.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan semasa mengumumkan pengubahsuaian Bajet 2016 telah pun memperkenalkan beberapa inisiatif tambahan bagi meningkatkan lagi pemilikan rumah mampu milik di kalangan golongan muda pelbagai peringkat. Di antaranya menetapkan kesemua penjualan rumah mampu milik berharga sehingga RM300,000 adalah terhad kepada pembeli rumah pertama sahaja.

Kedua, kerajaan juga akan mengadakan jelajah ekspo pemilikan rumah bersepadu meliputi rumah yang ditawarkan oleh Jabatan Perumahan Negara, PR1MA, SPNB, PPA1M, agensi negeri dan juga sektor swasta. Lebih daripada 100,000 unit rumah akan ditawarkan dalam program ini.

Ketiga, bagi projek perumahan PPR yang berharga RM35,000 Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menerusi Bank Simpanan Nasional dan Bank Rakyat bermula pada 1 Mac 2016 akan menawarkan pakej pembiayaan pada kadar 4 peratus dengan dana berjumlah RM400 juta dan inisiatif ini akan memberikan manfaat sejumlah lebih daripada 10,000 orang pemilik rumah.

Yang akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini melalui keputusan Majlis Perumahan Negara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah pun mengumumkan satu lagi insentif baru yang dilaksanakan oleh kerajaan iaitu dalam bentuk bantuan insentif pemilikan rumah melalui Skim Pembiayaan Deposit ataupun MyDeposit yang akan membantu kumpulan sasar yang mempunyai pendapatan RM3,000 sehingga RM10,000. Pemberian sumbangan sebanyak 10 peratus daripada harga jualan rumah atau maksimum RM300 bagi mana-mana pembelian rumah yang bernilai RM500,000 ke bawah. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Khairudin bin E. S. Samad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum soalan tambahan saya hendak tegur Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi sudah bocorkan rahsia nama *glamour* saya. Selepas itu Datuk Siti Nurhaliza karang terperanjat ada dua Datuk K sudah [*Ketawa*]

Soalan tambahan saya ialah golongan muda sekarang ini terpinga-pinga cari rumah terutama kaum bumiputera rumah yang pertama mereka. Apa usaha kerajaan untuk mengatasi masalah ini apa yang sedang diusahakan untuk membantu mereka untuk mencari rumah terutama rumah pertama mereka. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebelum jawab Yang Berhormat saya ada satu usul untuk dikemukakan saya minta Menteri membentangkan usul tersebut.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.39 pg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 5 April 2016.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya seperti usul yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

■1140

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang, minta Yang Berhormat jawab.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Senator Yang Berhormat Datuk K. Ini dah umum dalam Parlimen ini Yang Berhormat, makna dah masuk dalam *Hansard* ini. Jadi, tak payah bimbanglah dengan Datuk K- Datuk Siti Nurhaliza lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya dah sebut tadi dalam kerangka jawapan saya tadi Tuan Yang di-Pertua. Untuk menambahkan lagi kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Khairudin tadi, apakah usaha kerajaan untuk membantu mereka mengenal pasti rumah yang bersesuaian? Begitu soalnya tadi ya Datuk? Yang bersesuaian untuk mereka beli sebagai rumah pertama mereka.

Saya ingin memaklumkan, selain daripada jawapan yang panjang lebar yang telah pun saya berikan tadi, pada tahun 2016 kementerian telah pun memperkenalkan satu lagi inisiatif baru daripada segi kemudahan untuk memberikan maklumat kepada rakyat Malaysia. Terutama kepada golongan muda, bumiputera dan sebagainya untuk mendapatkan maklumat pasaran hartanah dan seterusnya usaha untuk meningkatkan lagi ekuiti pemilikan rumah bagi rakyat Malaysia melalui Sistem Data Bank Perumahan yang dikenali sebagai TEDUH.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Seri Khairudin, di bawah program Sistem Data Bank Perumahan ataupun TEDUH ini Tuan Yang di-Pertua, ia melibatkan beberapa perkara. Ini adalah satu lagi *apps* yang dibangunkan, satu lagi Sistem Data Bank Perumahan yang dibangunkan yang dinamakan sebagai TEDUH. Yang pertama ialah semua program yang berkaitan dengan MyDeposit, MyHome, permohonan *online* boleh dibuat, Tuan Yang di-Pertua. Keduanya, tentang kuota bumiputera. Hebahan pelepasan, makluman carian dan sebagainya, kriteria penilaian, pematuhan oleh pemaju, kita hendak tahu status pemaju.

Carian hartanah iaitu maklumat projek perumahan, ha yang ini Yang Berhormat Datuk Seri Khairudin tanyakan tadi. Maklumat projek perumahan, projek perintis yang terdapat di negeri-negeri dan kemudian juga ada *dashboard* pembeli di bawah skim MyHome tadi yang saya sebutkan. Satu juta buah rumah mampu milik yang telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terdapat juga *dashboard* untuk mendapatkan maklumat. Kemudian kita juga perlu tahu, dalam itu letakkan maklumat sistem senarai hitam pemaju dan sekali lagi peluasan maklumat projek perumahan di setiap negeri yang boleh dijadikan pilihan kepada golongan-golongan muda dan juga semua rakyat jelata untuk mendapatkan maklumat yang terkini daripada sistem TEDUH ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya dah sebutkan tadi ekspo perumahan yang akan dijalankan bagi kategori rumah *Type 'A'*, RM65,000 ke bawah. *Type 'B'*, RM65,001 hingga RM100,000. *Type 'C'*, RM100,001 hingga RM300,000 dan *Type 'D'*, RM300,001 hingga RM500,000 yang akan diadakan dalam tempoh 7 hingga 14 hari di peringkat zon-zon yang telah pun ditetapkan. Zon Tengah, Kuala Lumpur pada Julai 2016. Zon Timur, Kuantan pada Ogos 2016. Zon Utara, Alor Setar pada September 2016. Zon Selatan, Johor Bahru pada Oktober 2016. Zon Sarawak, Kuching pada November 2016 dan Zon Sabah, Kota Kinabalu pada Disember 2016.

Ini peluang untuk merebut Tuan Yang di-Pertua, pemilikan rumah-rumah mampu milik pertama yang dapat dinikmati oleh semua rakyat jelata. Jadi, saya harap mudah-mudahan maklumat ini akan dapat disampaikan oleh kita kepada rakyat dalam kawasan kita. Terima kasih banyak-banyak Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau Datuk Halimah ini menjawab, macam bertih dan dia cukup peka. Dia tahu segala-gala masalah perumahan rendah, kita bersyukurlah. Kalau ada masalah apa-apa jumpa dia, saya rasa tiada masalah.

7. Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apa kedudukan terkini laporan kehilangan MH370.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Tan Sri Yang di-Pertua, operasi mencari pesawat MH370 telah dibahagikan kepada empat fasa utama iaitu fasa transisi, fasa ukur batu metrik, fasa pencarian laut dalam dan fasa dapatan semula. Sehingga kini, operasi pencarian pesawat telah memasuki fasa pencarian laut dalam. Operasi pencarian laut dalam di kawasan pencarian utama yang diketuai oleh *Australian Transportation Safety Bureau* (ATSB) masih sedang berjalan. Sehingga kini, operasi tersebut telah dilaksanakan dalam kawasan pencarian yang merangkumi sehingga seluas 102,996 kilometer persegi.

Pasukan pakar satelit tersebut telah menentu sahkan bahawa kawasan berkeluasan 120,000 kilometer persegi sebagai kawasan pencarian utama ataupun, dengan izin, *high priority search area* yang akan merangkumi 99 peratus daripada *possible flight path*. Setelah tamat operasi pencarian bagi kawasan seluas 120,000 kilometer persegi tersebut, ini bermaksud hampir keseluruhan kawasan yang mempunyai kebarangkalian berhubung kedudukan pesawat tersebut telah selesai dilaksanakan sepenuhnya.

Sehubungan itu, sebarang keputusan berhubung operasi pencarian pesawat MH370 akan hanya diputuskan oleh Malaysia, Australia dan China semasa mesyuarat *tripartite* peringkat Menteri yang dijadual akan dilaksanakan pada akhir bulan Jun 2016 dengan mengambil kira nasihat teknikal daripada pasukan pakar satelit.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun *flaperon* yang telah dijumpai di Pulau Reunion telah disahkan milik MH370, operasi pencarian akan diteruskan di kawasan pencarian sedia ada di Lautan Hindi Selatan. Ini adalah berdasarkan hasil analisis data yang telah ditentu sahkan oleh pasukan pakar di kawasan seluas 120,000 kilometer persegi sebagai mempunyai kebarangkalian tertinggi mengesan pesawat tersebut iaitu meliputi seluruh kawasan kebarangkalian tertinggi yang dikenal pasti oleh analisis pakar.

Semenjak awal analisis data dan kawasan pencarian ditentukan, satu *drift model* ataupun model hanyutan telah dihasilkan oleh pasukan pencarian daripada ATSB dan *joint agency coordination centre* (JACC). Berdasarkan *drift model* tersebut, satu hipotesis telah dibuat bahawa sekiranya terdapat *debris* ataupun serpihan daripada MH370, ia akan dibawa arus ke arah Barat Laut Lautan Hindi yang meliputi persisiran Pantai Timur Benua Afrika di mana *flaperon* telah dijumpai di Pulau Reunion.

Dalam hubungan ini, *flaperon* dan lima serpihan yang telah dijumpai tersebut selaras dengan *drift pattern analysis* tersebut. Ini membuktikan bahawa MH370 sememangnya telah berakhir di Lautan Hindi Selatan. Dengan itu, operasi pencarian akan diteruskan dan dijalankan di kawasan berkenaan. Setakat April 2016, menurut MAS, bagi waris dan keluarga penumpang MH370, sebanyak 62 orang waris dan keluarga penumpang telah menerima bayaran pampasan penuh dan muktamad.

Manakala 177 orang waris dan keluarga penumpang telah memfailkan tuntutan dan sedang berunding untuk pembayaran pampasan penuh. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Datuk Megat.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Oardin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan. Pertamanya, saya hendak mengambil kesempatan ini hendak mengucapkan tahniah walaupun itu merupakan satu tragedi yang tak mungkin dapat kita lupakan buat selama-lamanya. Tahniah ialah kerana walaupun kejadian itu telah berlaku hampir lebih daripada dua tahun tetapi saya hendak ucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia kerana janji yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu tragedi itu berlaku bahawasanya Kerajaan Malaysia tidak akan berhenti untuk membuat pencarian.

■1150

Syukur *alhamdulillah*, walaupun ini dah lebih dua tahun, pencarian masih lagi dibuat dan Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberikan laporan sebentar tadi. Cuma yang ingin saya bertanya ialah soal, walaupun ia telah dikendalikan oleh pakar-pakar yang berpusat di Australia, cuma soalan tambahan saya ialah kenapa ia berpusat di Australia dan siapakah pakar-pakar yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi supaya boleh mendapatkan penjelasan yang lebih lanjut. Mungkin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, ia berpusat di Australia kerana mengikut perundangan dan peraturan ICAO ataupun *International Civil Aviation Organization*, dalam peraturan ini di mana kemalangan tersebut berakhir atau berlaku, negara yang terdekatlah yang mengetuai pencarian tersebut.

Oleh sebab kedudukan kemalangan itu berakhir di selatan Lautan Hindi dan negara yang terdekat ialah Australia, maka Australia lah yang bertanggungjawab untuk mengetuai pencarian tersebut.

Manakala ia juga dibantu oleh pakar-pakar seluruh dunia. Selain daripada pakar dari Australia, pakar daripada *United Kingdom*, pakar yang diwakili oleh *National Transportation Safety Board* dan *United States of America*- minta maaf. Pertama daripada *United Kingdom* ini ialah *Air Accidents Investigation Branch* (AAIB) dan dari Amerika ialah NTSB iaitu *National Transportation Safety Board* dan dari Australia iaitu ATSB dan juga Syarikat Boeing dan juga daripada Inmarsat iaitu pakar satelit, Thales dan termasuk Jabatan Penerbangan Awam Malaysia. Ini semua mempunyai kepakaran dan kepakaran inilah yang telah menasihatkan bagi memutuskan sesuatu kepada ketiga-tiga buah negara ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Setakat itu sahajalah soalan lisan kita pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat.]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan pada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Ketiga Belas.” **[20 April 2016]**

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut jadual di sini, saya rasa kita ada sekarang ini- untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, hari ini ialah hari terakhir untuk membahaskan Titah Diraja. Saya telah berkali-kali mengingatkan semua Ahli Yang Berhormat untuk kemukakan nama kerana ini kita akan benarkan sehingga habis semua berucap. Siapa yang ingin berucap, sila kemukakan nama. Setakat ini saya bagi dalam tempoh lima minit lagi, selepas itu saya tutup. Sesiapa yang tidak bagi nama itu bermakna tidak ingin berucaplah.

Sekarang kita ada- yang semalam ada juga yang masih belum berucap. Saya akan beri mengikut jadual yang telah saya tentukan. Yang akhir sekali semalam sudah habis ya. Sekarang kita mulakan pada hari ini dengan mempersilakan Yang Berhormat Datuk Norliza.

11.54 ptg.

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang dan peluang untuk turut berbahas dalam Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dibuat pada bulan Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ada lebih kurang tiga topik yang akan saya bawa. Pertamanya saya ingin menyentuh mengenai isu integriti dan ketirisan. Sebagaimana kita Ahli-ahli Dewan sentiasa membaca Laporan Audit, boleh dikatakan setiap tahun ada saja masalah integriti ataupun ketirisan yang berlaku di kalangan penjawat awam di kementerian-kementerian.

Baru-baru ini kita dikejutkan dengan satu kes penyelewengan yang melibatkan sejumlah wang hampir RM100 juta. Jadi saya rasa dengan jumlah wang yang begitu besar yang sepatutnya wang tersebut dimanfaatkan untuk kemudahan masyarakat dan rakyat tetapi ia telah disalahgunakan, saya rasa ini adalah sesuatu yang amat membahayakan sekiranya ia tidak diberi perhatian dan diambil tindakan yang sewajarnya.

Saya agak amat hairan kerana pada jumlah yang sebegitu besar, hanya ada seorang yang boleh meluluskan peruntukan tersebut. Jadi soalan saya kepada kementerian, apakah SoP atau prosedur untuk meluluskan sesuatu projek? Adakah limit ataupun, dengan izin, adakah siling yang diletakkan? Bermakna, kelulusan itu boleh diluluskan oleh penjawat awam, selebihnya oleh pihak Menteri. Jadi saya mohon kerajaan untuk memberikan penjelasan dalam bidang tersebut.

Juga, ada kalanya terdapat banyak projek yang kecil ini, mungkinkah disebabkan projek itu kecil, maknanya hanya pada tahap pegawai kerajaan saja yang boleh meluluskan? Akan tetapi, projek itu banyak. Jadi ini menyebabkan penyalahgunaan kuasa akan berlaku dalam sesuatu kementerian. Jadi saya mohon penjelasan yang lebih terperinci daripada pihak Menteri.

Saya juga mendapat aduan baru-baru ini daripada beberapa buah syarikat yang memasuki tender-tender kantin ataupun kebersihan di sekolah-sekolah yang mana mereka ini adalah dari kalangan ahli-ahli koperasi yang memasuki tender tetapi tidak boleh nak dapat sebab kononnya satu syarikat itu sampai ada 10 lesen kalau nak dapat tender kantin di sekolah ini tetapi ia didominasi oleh orang yang sama tetapi 10 lesen yang berlainan. Jadi saya rasa ini satu praktis yang tidak sihat sebab kita ingin memberi orang yang betul-betul berniaga, betul-betul melaksanakan tugas itu untuk mendapat kerja-kerja di sekolah-sekolah tersebut. Kita hendak mengelakkan *monopolization*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian, bagaimanakah kita dapat mengawal keadaan sedemikian? Adakah kementerian membuat semakan, adakah kementerian pergi memantau di kantin-kantin sekolah untuk memastikan kita tidak mahu ia dimonopolikan oleh sesuatu pihak?

Kerap kali berlaku situasi di mana kalau sebuah syarikat itu dapat, sampai bertahun-tahun syarikat yang sama. So saya rasa ia akan *create* persepsi negatif di kalangan peniaga-peniaga atau rakyat sendiri atau kadang-kadang guru sekolah sendiri. Dia kata kenapa asyik orang ini saja dapat sedangkan mereka dah buat surat tak puas hati apa semua tetapi masih orang tersebut atau syarikat tersebut yang mendapat tender tersebut. Jadi saya rasa perkara ini harus kita titik-beratkan dan harus kita bendung dan kita mohonlah pihak kementerian untuk melihat keadaan sedemikian.

Saya juga difahamkan ada pula di kementerian-kementerian ini macam sindiket pula. Jadi kalau nak tender ini, ada kumpulan ini yang perlu kita hubungi untuk mendapat projek-projek ini. Jadi saya rasa ini harus dilihat sebab kadang kalanya yang mendapat tohmahan ataupun *complaint* kementerian itu dan Menteri sedangkan bukanlah Menteri yang salah ada kalanya. Jadi kita tidak mahu persepsi negatif ini semakin berleluasa di negara kita.

Jadi kita mintalah kepada pihak menteri dan juga kementerian untuk melihat dengan serius perkara ini supaya setiap perancangan atau tender ini biarlah diberi dengan cara yang lebih telus. Jadi kita tidak mahu pemimpin dipersalahkan atas benda-benda yang tidak dilakukan oleh pemimpin.

Akan tetapi keadaan ini Tuan Yang di-Pertua, berlainan pula di Pulau Pinang di negeri saya. Di Pulau Pinang, pemimpin tertinggi di Pulau Pinang pula penyalahgunaan kuasa. Membeli rumah dengan harga di bawah harga pasaran. Katanya sebabnya *feng shui* rumah tak bagus, tidak ada kolam renang, jadi dia belilah di bawah harga pasaran. Jadi saya rasa kes ini juga telah dirujuk kepada SPRM. Jadi saya mohonlah kepada pihak SPRM, mohon dilihat kes ini dan dipercepatkan kes ini supaya rakyat dapat melihat kebenaran daripada kejadian yang berlaku ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin memasuki isu perumahan yang mana saya rasa ini antara isu yang sangat hangat. Saya juga hendak ucap tahniah kepada Timbalan Menteri Perumahan yang sentiasa ada di sini, sentiasa manis dan sentiasa memberi jawapan yang begitu mantap.

■1200

Jadi kalau saya tak tanya pun, tidak seronok, kena tanya sedikit. Kalau kita lihat isu-isu perumahan ini isu global, isu kebangsaan juga tetapi saya ingin menyentuh isu perumahan di kawasan-kawasan bandar. Saya rasa harga rumah ini naik terlalu tinggi dan melampau di sesesuatu kawasan, bukan di semua kawasan dan di sesuatu negeri yang mana saya rasa *is beyond control*, dengan izin. Jadi saya ingin mengambil contoh yang saya ingin maklumkan kepada pihak kementerian. Sebuah projek mampu milik di Key West, Pulau Pinang yang bersaiz 650 kaki persegi dan dijual pada harga RM400,000. Seluas 650 kaki persegi, saya ingat lebih kurang besar *Chamber* Tuan Yang di-Pertua sahajalah kot. So, dijual pada harga RM400,000 kaki persegi.

Kalau kita kira ikut *square feet*, dengan izin, jatuh 650 *square feet* ini maknanya RM615 sekaki persegi berbanding dengan pemimpin teratas Pulau Pinang membeli banglo RM276 sekaki persegi. Jadi saya rasa ini adalah satu yang tidak adil. Kalau kita hendak buat rumah 650 kaki persegi ini, saya ingat sangat-sangat kecil dan kita jual pada harga RM400,000. Dulu 650 kaki persegi ini hanya dijual pada harga RM25,000 iaitu kos rendah. Jadi saya minta kementerian untuk melihat perkara ini, bolehkah kementerian mengambil tindakan terhadap projek-projek yang disalahgunakan sedemikian.

Seterusnya, saya ingin juga bertanya, saya ingin mendapat penjelasan daripada PR1MA. Tiga hari yang lalu, PR1MA telah membuat pengumuman sebuah pembangunan perumahan mampu milik di Balik Pulau, Pulau Pinang. PR1MA merancang untuk membina 25 buah blok, 27 tingkat rumah, empat buah blok 23 tingkat rumah dengan jumlah rumah 9,904 unit. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat biasa ke Pulau Pinang, Balik Pulau ini sebuah kawasan perkampungan yang kita kena naik bukit, agak jauh untuk ke Balik Pulau dan majoritinya kaum bumiputera atau majoritinya orang-orang yang menanam pokok-pokok durian. Sebab itu, Balik Pulau ini, durian Balik Pulau *is among the most famous* lah dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi rumah-rumah yang dibuat ini dijual pada kadar harga RM467,000 hingga ke RM510,000. Ada juga 6,000 unit yang dijual pada RM190,000 hingga RM290,000. Jadi saya rasakan, yang pertamanya, dengan keadaan Balik Pulau itu sendiri, pembangunan melebihi 27 tingkat ini saya rasa adalah sesuatu yang sangat-sangat tinggi yang sebelum ini maksimumnya hanya lima tingkat sahaja dan kebanyakannya rumah-rumah kampung tetapi sekarang kita hendak naik pula rumah-rumah apartmen ini. Kalau kita kira, sebuah rumah itu katakanlah minima empat orang duduk dalam rumah itu, so kalau 9,000 lebih, *total population*, dengan izin, 30,000 lebih yang mana 30,000 lebih orang ini sudah separuh Balik Pulau sudah. Jadi saya tidak rasalah keperluan permintaan perumahan di sebuah kawasan itu sehingga 30,000 lebih *because* ia sebuah kawasan perkampungan.

Jadi yang membimbangkan saya, katakanlah kita bina sampai 9,000 lebih rumah ini, orang Balik Pulau tidak akan beli sebanyak itu sebab mereka tidak memerlukan keperluan perumahan sebanyak itu. Maka akan masuklah orang-orang dari luar yang akan membeli rumah di kawasan Balik Pulau. Jadi saya rasa ini agak membahayakan pada masa akan datang dan harus kita lihat dengan secara serius.

Persoalannya, saya ingin bertanya kepada PR1MA, kenapa kita harus fokus pada sebuah kawasan sahaja sedangkan keperluan penduduk tidak sebanyak itu di kawasan tersebut. Mungkin keperluan di kawasan-kawasan lain lebih memerlukan. Jadi kita tidak mahu fokus pada sebuah kawasan sahaja. Kita kena fokus pada satu buah negeri tersebut, keperluan di kawasan-kawasan mana. Kita tidak mahu wang yang kerajaan ingin melaburkan untuk membantu rakyat akan terbuang begitu sahaja kerana dengan izin, *supply is more than demand*. Jadi saya mohonlah kepada pihak PR1MA untuk memberi penjelasan mengenai perkara ini.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak PR1MA, adakah sebarang kajian dibuat sebelum sesebuah pembangunan itu dibuat sama ada kita melihat kepada kehendak atau keperluan di sesebuah kawasan tersebut dan juga melihat, dengan izin, *nature of business* orang-orang di situ sebab apa, pada kadar harga RM510,000 ini, kalau sekadar cikgu yang mengajar di sekolah di situ, suami isteri pun tidak akan mampu membeli rumah di kawasan tersebut. Jadi perkara ini amat membimbangkan. Kita tidak mahu senang-senang sahaja orang dari luar masuk ke dalam kawasan kita hanya sebab orang kawasan setempat tidak dapat membeli rumah pada kadar harga yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh Kementerian Kesihatan. Di mana baru-baru ini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kalau boleh Yang Berhormat, ringkaskan ya?

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: *Alright*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh daripada segi ambulans di bawah hospital-hospital sebab baru-baru ini, ada seorang wanita yang berusia 60 lebih mempunyai penyakit asma, dia telah naik sebuah ambulans di situ bersama anaknya dan keadaan ambulans itu sangat-sangat buruk yang mana dia bergoncang sehingga terpelanting dia punya *nebulizer*.

Jadi saya rasa kalau sampai anak dia kata pada sayalah, kalau bolehlah tahan lagi, saya tidak tahu lah. Saya takut tidak boleh tahan sampai ke hospital. Jadi saya ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan, berapa usia sesebuah ambulans itu dibenarkan beroperasi, berapa kerap kenderaan-kenderaan ini diservis dan sama ada ada peruntukan yang diberi untuk *maintenance*, dengan izin, penyelenggaraan kenderaan-kenderaan di bawah Jabatan Kesihatan?

Satu lagi, saya ingin menyentuh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, menuju ke sebuah negara yang maju, saya rasa kita telah berjaya melahirkan ramai intelek dalam kalangan pelajar-pelajar kita, modal insan kita. Akan tetapi kerajaan juga telah memberi peruntukan untuk projek-projek inovasi termasuk usahawan-usahawan baru yang mula ingin menghasilkan inovasi baru. Akan tetapi malangnya saya difahamkan peruntukan-peruntukan tersebut ada kalanya tidak digunakan dan terpaksa diserahkan semula kepada Kementerian Kewangan. Jadi soalan saya, berapakah jumlah geran *TechnoFund* dan *InnoFund* yang telah diperuntukan untuk SME dan industri dalam tahun 2014 dan 2015. Berapakah yang telah diguna pakai? Berapakah yang telah dipulangkan semula kepada MoF?

Saya juga mendapat keluhan daripada SMEs yang mengatakan syarat-syarat untuk mendapat geran untuk inovasi ini terlalu sukar sehingga *demoralize*, dengan izin, penghasilan inovasi-inovasi baru. Ada kalanya dalam permohonan untuk membantu usahawan SME ini, dia mohon *gadget* itu disiapkan dahulu. Sebenarnya kita memerlukan bantuan daripada kerajaan untuk menyiapkan *gadget* tersebut. Jadi saya mohon kementerian untuk melihat perkara ini dan memberi jawapan kepada masalah-masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja tiga topik yang ingin saya utarakan. Memandangkan Tuan Yang di-Pertua juga akan bersara pada hari Isnin depan, jadi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang banyak membimbing kami Ahli-ahli Dewan Negara. Saya masih ingat lagi sewaktu saya mula masuk ke Dewan Negara, hari ini saya angkat sumpah, Tuan Yang di-Pertua bagi *note* pada saya, esok berucap sulung.

Malam itu, satu malam saya tidak boleh tidur sebab saya sangat-sangat takut untuk berucap di Dewan Negara tetapi *alhamdulillah*. Tuan Yang di-Pertua sentiasa memberi ajaran, tunjuk ajar dan membantu kami Ahli-ahli Dewan *to perform better*, dengan izin. So, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya mendoakan agar Tuan Yang di-Pertua dan keluarga sentiasa sihat dan berjaya pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, janganlah asyik hendak minum kopi dengan Datuk Megat Zulkarnain, Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas semua ini, kami Senator-senator wanita pun sudi untuk minum atau tolong bancuhkan kopi untuk Tuan Yang di-Pertua. Jadi ajaklah kami juga, wanita termasuk Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed, semua, kami pun sudi ada kalanya ingin berbincang dan mendapat ilmu dan pengalaman Tuan Yang di-Pertua yang begitu banyak. Saya ini tidak pandai berpantun tetapi hari ini saya dapat bantuan daripada petugas Parlimen. Jadi saya hendak pantun juga untuk Tuan Yang di-Pertua *for the last time*.

■1210

*Sungguh cantik teguhnya menara,
Kebanggaan semua rakyat jelata,
Tiba saatnya Tan Sri bersara,
Sedih hati tidak berkata.*

*Ikat tabuh tali belati,
Sisir duri mengguna parang,
Patah tumbuh hilang berganti,
Namun tidak sama Tan Sri seorang.*

Sekian. Saya sudahi dengan *wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Ini kerana masa saya fikir amat mencemburui kerana ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat kita terpaksa mengikut keadaan masing-masing, maka saya tanpa membuang masa, saya mempersilakan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah untuk berucap. Juga kalau boleh Yang Berhormat ringkaskan untuk beri peluang kepada seorang lagi yang terpaksa juga kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan dalam masa yang berpatutan Yang Berhormat, sebelum jam 1 tengah hari. Silakan.

12.10 tgh.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan masa yang tidak banyak diberi kepada saya, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih, bahkan menjunjung kasih pada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Seri Paduka di Mesyuarat Pertama Penggal Keempat, 7 Mac yang lepas.

Sewajarnya juga saya patut merakamkan ucapan tahniah serta terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak selaku Perdana Menteri kita yang telah berjaya memimpin serta mentadbir negara kita sehingga ke hari ini. Walaupun kita tahu suasana politik, kacauan ekonomi dan politik pada hari ini adalah tidak menentu. *Alhamdulillah*, pada hari ini kita berada dalam keadaan harmoni, aman serta berharap kesinambungan pentadbiran ini dikekalkan bagi merealisasikan matlamat negara maju berpendapatan tinggi yang bukan sahaja bersandarkan kepada pencapaian ekonomi semata-mata, tetapi turut mengutamakan kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap tentang negara maju, saya hendak menegaskan sedikit, di dalam kunci pencapaian negara maju, kita perlu mengatasi sembilan cabaran strategik. Saya akan menyatakan strategik pertama sahaja. Cabaran strategik pertama, satu sahaja. Kalau kita baca di sini iaitu mewujudkan negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat yang serupa yang dikongsi bersama. Ia mesti menjadi negara yang aman, berintegriti di peringkat wilayah dan kaum hidup dalam harmoni, bekerjasama sepenuhnya secara adil dan didokong oleh bangsa Malaysia yang mempunyai kesetiaan politik dan dedikasi kepada negara. Kita kena faham untuk mencapai negara maju, itulah cabaran strategik yang pertama yang menjadi asas kepada pencapaian negara maju, *inshaa Allah*.

Bahkan Tuan Yang di-Pertua, saya cukup bangga dan mengucapkan tahniah kepada semua Senator kerana saya merasakan hampir-hampir kesemua Senator telah memberi pandangan yang ikhlas. Rata-rata setuju termasuk untuk masuk, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada kumpulan minoriti peri pentingnya perpaduan dan keharmonian. Semua kita ingin melihat negara ini aman walaupun kita berbilang kaum, berbilang agama. Terima kasih kepada Yang Berhormat Chandra kerana beliau bimbang dan tanya mengapa perpaduan nasional sukar dicapai. Bahkan Yang Berhormat Chandra telah menyeru, "*Marilah kita bersama-sama mempertahankan negara supaya keamanan dan keharmonian berkekalan*". Yang Berhormat Dato' Dr. Johari juga bertanya, mengapa mereka masih melakukan perkara-perkara yang boleh mengugut keamanan dan keharmonian negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita ini Dewan Negara. Saya merasakan Dewan Negara ini *The Upper House of Wisdom*. Perkataan *wisdom* di sini menekankan kebijaksanaan kita, kearifan kita dan lebih penting kematangan dan keikhlasan demi negara kita. Akan tetapi saya katakan tadi persoalan yang dipersoalkan, mengapa masih ada masalah-masalah ini. Mengapakah perpaduan amat sukar untuk kita capai?

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil sedikit dan mungkin ada isu-isu yang agak sensitif tetapi saya akan *back up* dengan buku-buku. Saya hendak pada hari ini semua kita rakyat Malaysia tidak kira daripada apa kaum, apa agama mesti sedar dan berbalik ke pangkal jalan. Kalau kita telah buat kesilapan, kita merasakan kesilapan itu akan merosakkan negara kita ini di mana akan merugikan semua anak cucu cicit kita, tidak kira apa kaum, maka *please*, balik ke pangkal jalan.

Saya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat daripada segi kebelakangan ini apabila kita membincangkan tentang *Gross National Product* (GNP). Di *United Nations*, Perdana Menteri Bhutan telah mencadangkan, yang lebih penting pada hari ini ialah *Gross National Happiness* (GNH). Ya, *Gross National Happiness* adalah lebih penting. Kalau kita kaya macam mana pun tetapi kalau kita tidak *happy*, tidak bermakna. Dikatakan Malaysia salah sebuah negara yang agak teratas dari segi *Gross National Happiness* dan negara-negara yang bermasalah seperti Syria, seperti Afghanistan diletakkan dicorot, di bawah. Salah satu faktor yang kita tidak *happy* kerana masalah-masalah fahaman-fahaman agama yang sempit, ekstremisme, termasuk masalah-masalah *environment* dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak *quote* sikit. Kalau kita lihat Malaysia kita ini memang sebuah negara yang cukup hebat, cukup maju. Sebuah buku *The Tenth Parallel* by Eliza Griswold mengatakan, "*Malaysia is one of the most technologically sophisticated Muslim countries in the world, and one of the most prosperous country in the world.*" Ini sebuah penerimaan di peringkat global mengatakan kita sebuah negara yang *sophisticated Muslim country* yang moden, yang berteknologi tinggi dan juga *prosperous*, yang kaya walaupun kita kecil. *Prosperous*, tetapi ada masalah. "*Nonetheless, Malaysia struggles to exist as a single, diverse nation, one in which religious differences create the greatest divisions and threaten, at time, to pull apart the modern state.*"

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat *the Arab Spring*, satu persatu negara Islam telah jatuh dengan angkara kuasa-kuasa besar yang dipelopori oleh kumpulan-kumpulan Zionis Israel. Kita satu-satu negara Islam yang masih tinggal, yang masih belum jatuh. Mereka berhasrat melalui proses *regime change*, Dato' Seri Najib Razak *is not included* dalam sebagai pemimpin yang diterima oleh kumpulan-kumpulan ini. Kita kena faham di mana dalam buku lain mengatakan- saya ingin jelaskan sikit di sini.

Buku yang mengatakan *religious differences*, perbezaan agama, provokasi agama antara satu kaum dengan kaum yang lain dan juga antara sesama agama itu yang berlaku. Kebelakangan ini banyak perkara berlaku. Baru-baru ini kes penceramah Zakir Naik, seorang pemimpin DAP telah mengatakan Zakir Naik syaitan. Itu satu provokasi yang cukup berbahaya, yang boleh mencetuskan masalah perpaduan. Saya masih ingat di Pulau Pinang, seorang pengikut parti tersebut telah menunjukkan isyarat lucah ke Permaisuri Agong, lucah ke Permaisuri Agong. Bahkan juga menunjukkan isyarat lucah ke ASP Polis yang cuba menangkap...

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Tuan Yang di-Pertua, minta celah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada seorang bangun Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Yang Berhormat, memang saya mengaku ada seorang yang tidak bertanggungjawab yang menunjukkan isyarat lucah. Akan tetapi apa buktinya dia ahli DAP? DAP tidak mengaku dia ahli DAP.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Okey, saya akan berikan-okey, kalau itu tidak mengaku DAP, Anthony Loke mengata *Islam is the fucking religion*, minta maaf. Itu DAP. Surau di Lembah Pantai, seorang MP DAP Serdang masuk tanpa menutup aurat bagi tazkirah di tempat imam, sejadah imam. Surau Al-Huda Kajang, masuk tempat sembahyang pakai kasut, buka paha nampak, bawa makan. Ya, Queen Elizabeth datang ke Masjid Negara pun tutup aurat. DAP pakai kasut nampak paha, tempat kita sembahyang, ini provokasi. Dalam *blog* letak gambar khinzir atas Kaabah, ini provokasi yang melampau. Dalam *blog* Alvin Tan, cop paha dia dengan perkataan "*Allah*". Ini provokasi.

■1220

Saya hendak katakan, saya Yang Berhormat, saya bermaksud ikhlas. Ya, saya katakan tadi saya menyokong pandangan-pandangan sahabat-sahabat semalam hendak negara kita aman. Akan tetapi, yang saya bimbang apabila saya membaca buku ini. Perkara-perkara ini telah pun dikritik. Buku ini saya baca lima tahun lepas dan berlaku satu persatu. Buku ini telah mencetuskan isu kalimah "*Allah*". Masalah kalimah "*Allah*" telah dibincangkan...

Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah: [*Bangun*]

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya. Banyak isu yang dibincang dalam buku ini telah berlaku di negara kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada seorang yang bangun.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya habiskan sedikit lagi? Sebab masa tidak ada. Sebab yang teramat singkat maka masa yang singkat Tuan Yang di-Pertua. Mengikut kata Helen Ang seorang *blogger*, "*Most of the provocation against Islam come from the Christian Zionist extremist*". Perkataan *extremist*, di sini saya gunakan ekstremis ya. Bukan sahaja Islam ada ekstremis, agama lain pun ekstremis. Kristian ada ekstremis, *Buddhist* pun ada ekstremis, Hindu pun ada ekstremis, yang jahat bukan agama itu, yang jahat mereka yang ekstremis.

Ikut kata beliau, "*Most of the provocation against Islam come from Christian Zionist extremist, it is a worldwide trend and the pattern is identical in Malaysia*". Helen Ang menyambung lagi, "*Please note that DAP is under the thumb of an evangelical Christian Zionist-inclined leadership*". Saya berceramah ini saya bercakap bawa bukti dan apa yang dia cakap ini disokong oleh buku-buku lain yang di tulis oleh penulis Barat. DAP bijak berpolitik dengan membawa kecenderungan agama *Christian Zionist* dalam gerak kerja politik tanpa disedari oleh majoriti masyarakat Islam.

Saya *quote* pada dokumen. Bahkan pada baru-baru ini Dr. Zuhdi pemimpin tertinggi PAS, mengingatkan tentang agenda mencurigakan rakan sekutu yang didakwa mahu membolot kekuasaan di Sabah dan Sarawak menggunakan isu agama. Kalimah "*Allah*" digunakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi? Kena gulung secepat mungkin.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Agak-agak Tuan Yang di-Pertua hendak bagi saya berapa minit lagi? Saya boleh gulung.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi dalam dua minit lagi.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Alamak. Banyak lagi Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua hendak minta saya tolong menerangkan kepada rakan-rakan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau boleh sila masa dalam acara yang kemudian nantilah boleh sambung dalam cara *indirect* Yang Berhormat. Pasal apa, agaknya masa ini kadang-kadang saya faham.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Okey, okey. Cuma saya hendak kata di sini kalau ikut kata Dr. Zuhdi..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat banyak saya rasa memang banyak elok dibangkitkan dalam Dewan ini tetapi kerana cemburu masa itu, saya tahu apa keadaan itu. Cuba Yang Berhormat ringkaskan lepas itu Yang Berhormat boleh sambung.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Okey kalau begitu saya cuba hendak bacakan sedikit di sini. Lain tidak perlu saya cakaplah yang Dr. Zuhdi Yang Berhormat pun tahu Dr. Zuhdi kata, *proxy* Israel pun ada di sini, semua ada, Dr. Zuhdi. Cukup jelas. Saya rasa di sini bukan saya hendak *implied* kan kepada orang-orang bukan Islam kepada orang Islam pun tidak kira apa parti, sedar bahawa kita sekarang digunakan oleh Israel, Yahudi menggunakan gerakan *evangelical Christian Zionist*. Kita digunakan, kita digunakan supaya kita bergaduh sesama sendiri, Islam dengan Islam, Islam dengan bukan Islam kerana *this is the only country left* yang mesti dihapuskan. Kalau ikut kata buku ini, "*Kami akan menentukan siapa yang akan menjadi pemimpin, siapa yang tidak boleh jadi pemimpin. Siapa akan boleh hidup, siapa yang harus mati. Siapa yang boleh hidup, kami yang menentukan*". *This is a global strategy*.

Itu sebab Tuan Haji Abdullah Saamah mengatakan- pengasas Pondok Geting mengatakan, agenda perjuangan DAP berbeza dengan MCA dan MIC dalam Barisan Nasional kerana MCA dan MIC bukan kafir harbi. Yang ini saya *quote*, saya *quote*. Rakan-rakan saya bukan Islam, *we can work together* tetapi kena faham yang mana satu boleh kita bekerjasama, yang mana satu kita tidak bekerjasama... [Disampuk] Masa yang pendek, saya hendak *quote* buku yang terbaru 2015... [Menunjukkan sebuah buku]

Saya baca ini saya seram. Tuan Yang di-Pertua, bagi saya sedikit yang lain saya tidak mahu- panjang lagi tetapi saya hendak ini sahaja.

Saya akan bacakan buku yang terbaru *written* 2015, yang lain kalau ada masa, lain kalilah. Saya hendak bawa buku ini sahaja. Buku ini menyatakan, *“What is of concern however is that there are sources of conflict which are largely concealed, little understood, and potentially disastrous for Malaysia politically, ethnically, socially and economically. A number of these relate to the pressure of religious extremism”*. Beliau merferkan *religious extremism evangelical Christian Zionist* yang dipelopori oleh DAP-DAP. *Very straight forward*. Ini buku orang putih oleh *lain Buchanan*, dikeluarkan 2015. *Please buy the book*.

Kedua yang dia kata di sini, *“Indeed in a number of respects the presence of evangelical Christian Zionist may turn out to be more decisive and more destructive for Malaysia than the presence of the extremist Islam”*. Kita takut pasal IS. Dia kata di sini *it’s not IS*, ia berbahaya kerana...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau boleh Yang Berhormat gulung, Yang Berhormat,

Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Okey saya gulung. Saya gulung hendak habis sudah Tuan Yang di-Pertua, kerana, *“The key problem with the evangelization of Muslim is high degree of deception”*. Satu penipuan. *“Muslim evangelization is a notoriously surreptitious enterprise”* Yang tersembunyi atau *hidden*. *“Involving a variety of proxies...”* Dalam buku ini dua *proxy*, satu yang Islam dan satu lagi bukan Islam. Proksi yang bukan Islam DAP, proksi yang Islam adalah yang membawa pemikiran liberal *plural*, Yang Berhormat kenal siapa. Dalam buku ini ada nama.

So, dia kata di sini *“It is extremely hard, politically and socially to counter a process which is so intrinsically dishonest”*. Perbuatan merekalah bukan pasal mereka hendak *convert* hendak jadi Kristian tetapi masalahnya *dishonest, deception* atau penipuan, *“For decades, the guiding evangelical aim has been to convert whole nation rather than individual to Christianity”*. *This is dangerous*. Ini buku Orang Putih tulis. *Last* sekali, *“Over the three decades Malaysia has been targeted by Christian Zionist group and the effort has gained momentum in the past five years”*. Lima tahun ini *trend* yang baru. Yang Berhormat Sarawak, itu sebab ia berlaku, baru berlaku. Dulu tidak ada hal.

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat.

Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Okey, *“And then, the result can be seen not so much in the discrete and readily identifiable Christian Zionist movement”*. Makna yang lebih penting- okey. Dia kata menasihatkan daripada orang-orang Kristian...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *Last. One minute*. Dia kata, *“To moulding the country’s Christians especially the Chinese into an effective Trojan horse...”* Tuan-tuan dijadikan *Trojan horse*. *“To work both in Malaysia and wider region”*. *Last* sekali, *this is very important* nama Teresa Kok ada di dalam buku, *“According to Teresa Kok”*. Dia kata *“Just, we need 50 cell group in missional ministry would be enough to transform a city”*. *When there are 50 sel*, kita boleh *convert* tiap-tiap negeri untuk dimurtadkan. Dalam buku, boleh beli. *Last* sekali dan paling penting, *“It is hoped, the majority race will be converted to Christianity”*

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat.

Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *Ini last*. *“Could decisively influence politic in Sarawak, Sabah, Penang and Selangor and affect the stability of the entire country. If this were to happen, it would certainly be a tragedy for Malaysia. But it would be a particular tragedy for the Christian community whose many good souls would have been betrayed by the extremist among them”*.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Maksudnya orang-orang *Christian*, dia kata *you are good people especially* Sabah, Sarawak yang masalah ini Kristian di sini, bukan Kristian tetapi *Christian Zionist* yang dipelopori oleh DAP. Sabah Sarawak tidak ada hal sebab dia kata "*You Christian, have good soul...*"

Tuan Yang di-Pertua: Okey, cukup Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Sekian. Terima kasih. *Assalamualaikum*.

Tuan Yang di-Pertua: *Wassalamualaikum*. Yang Berhormat, Yang Berhormat punya ucapan saya puji berdasarkan banyak fakta. Kalau boleh cakap awal Yang Berhormat. Lagi senang saya hendak buat. Kedua, kerana kekangan masa saya terpaksa panggil seorang Ahli Yang Berhormat yang baru sahaja dia angkat sumpah dan beliau juga mewakili Orang Asli dan terpaksa pergi mesyuarat selepas ini di peringkat Kebangsaan dan dia terpaksa hadir. Saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Isa bin Ab Hamid yang baru ini. Inilah susahnya saya duduk di atas [*Ketawa*] Silakan Yang Berhormat. Bagi peluang.

12.29 tgh.

Tuan Isa bin Ab Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Yang dihormati Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator yang saya kasihi.

■1230

Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih pada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas pelantikan saya mewakili masyarakat Orang Asli juga merakamkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas sokongan. Di kesempatan ini saya juga mengucapkan sumbangan yang tidak terhingga yang telah dituai bakti oleh mantan Senator Datuk Muhammad Olian bin Abdullah selama enam tahun di sini. Saya memohon jasa baik Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat-yang berhormat Senator untuk membimbing saya dengan sebuah pantun.

*Buah cempedak di luar pagar,
Ambil galah tolong jolokkan,
Saya YB baru belajar,
Kalau salah tolong tunjukkan.*

Terlebih dahulu izinkan saya untuk membahaskan Titah Diraja bagi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ringkaskan Yang Berhormat. Saya bagi peluang tak payah tengok teks, jangan risau. Teruskan dengan poin-poin.

Tuan Isa bin Ab Hamid: Pertama, saya hendak menjelaskan isu masyarakat Orang Asli yang kita maklum sekarang ini seramai 213,000 semakin ramai dengan pertumbuhan 4.6 peratus dengan 853 buah kampung, dengan Tok Batin 590 buah kampung dan ini akan meluaskan cabaran kepada masyarakat Orang Asli. Kita sedia maklum bahawa isu keciciran, isu pendidikan luar bandar bagi masyarakat Orang Asli merupakan isu yang hangat dan isu utama. Yang ini telah disentuh oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam perkara 17, iaitu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

Walaupun pelan pendidikan masyarakat Orang Asli telah dilaksanakan namun, isu-isu keciciran masyarakat Orang Asli tidak dapat kita nafikan. Kejauhan di pedalaman, bangun awal pagi masih ada yang naik bot dan kalau kita lihat masih ada yang pergi sekolah dengan 'qu merah' maksudnya bila sampai sekolah dengan bedak tanah merah, naik lori, naik 4x4 dan juga naik motor. Walaupun kita lihat cabaran-cabaran inilah yang akan menguatkan bangsa ataupun kaum Orang Asli.

Seperti kita maklum bahawa kata Imam Syafie, *“Jika kita tidak bersusah payah untuk pendidikan yakni pada masa muda maka tunggu lah keperitan kerana kejahilan hidup kita.”* Dan inilah yang saya lihat kepada bangsa saya, kaum saya yang jauh ketinggalan dalam pendidikan.

Data keciciran seperti yang kita sedia maklum daripada Darjah 6 atau Tahun 6 ke Tingkatan 1, keciciran sebanyak 17.19 peratus, iaitu 77 orang daripada 3,710 orang. Yang tingginya daripada Tingkatan 1 ke Tingkatan 5 iaitu sebanyak 33.92 peratus dan lebih kurang 1,050 orang. Kita maklum bahawa sekolah-sekolah Orang Asli yang jauh di pedalaman dan mereka bersekolah di sekolah di pekan yang agak jauh kalau kita bandingkan masyarakat Orang Asli kalau hantar anaknya dari kampung ke pekan yang besar, ke negeri yang lain ataupun dapat di MRSM bagaikan kita masyarakat di bandar menghantar anak ke negeri China ataupun di Rusia. Sedangkan dia...

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Isa bin Ab Hamid: Terima kasih atas dan saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas sokongan pihak kerajaan dalam memberi ruang kepada pembangunan masyarakat Orang Asli. Saya menggulung supaya dasar-dasar pendidikan ini diperluaskan kepada masyarakat Orang Asli iaitu mempertingkatkan asrama-asrama pusat, pusat-pusat latihan, pusat-pusat pendidikan Orang Asli di seluruh negara. Akhir sekali saya menutup dengan dua buah pantun.

*Terbang sekawan burung kedidi,
Melintas selat airnya tenang,
Tan Sri yang dihormati lagi sangat disayangi,
Sepanjang hayat jasa terkenang-kenang.*

*Bertuah sungguh di Dewan ini,
Dapat Yang di-Pertua arif mengerti,
Tegas, berani dan ikhlas hati,
Kepada YB Senator tidak disakiti.*

Dengan ini saya menyokong Usul Titah Diraja. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.* Semua Ahli Yang Berhormat saya harap semua Yang Berhormat sedia maklum ini hari terakhir kita membahaskan. Secara kebetulan kedua mereka yang baru berucap tadi mereka terpaksa meninggalkan Dewan selepas ini kerana menghadiri dua mesyuarat yang amat penting berkaitan Yang Berhormat Senator Tuan Isa Abd Hamid tadi yang terpaksa mewakili Orang Asli di peringkat mesyuarat kebangsaan di Putrajaya. Dia terpaksa bercakap waktu pagi dan begitu juga Tan Sri Dato' Seri Ibrahim Shah sama juga iaitu kalau lihat tadi ucapan cukup baik tetapi masa tak mengizinkan dan bagi saya pula ini hari terakhir bagi saya untuk mengendalikan dan kalau sekiranya selepas ini kita akan teruskan sehingga malam.

Kalau saya hendak benarkan semua bercakap tetapi tidak macam mana tadilah terpaksa- suntuk masa, terpaksa saya kongkong percakapan mereka, saya minta maaf. Walau bagaimanapun, kedua Ahli Yang Berhormat itu boleh mengemukakan dalam Peringkat Jawatankuasa, dalam peringkat sebagainya pada masa-masa yang akan ditambah.

Ada masa sekarang ini saya minta Yang Berhormat menyambung sedikit lagi Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Ibrahim Shah dan Yang Berhormat Isa boleh sambung selepas ini nanti. Saya bagi 10 minit untuk Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Ibrahim Shah. Selepas itu Yang Berhormat habiskan sampai jam 1. Silakan.

12.36 tgh.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak. Saya sekali lagi memohon maaf kepada rakan-rakan saya tidak berhajat untuk menyinggung perasaan sesiapa. Secara ikhlas saya orang akademik. Saya bukan orang politik ya. *I'm an academician*. PhD saya dalam bidang *government and politics*. Masa saya buat PhD, Tuan Yang di-Pertua saya ambil kursus *politics of Israel*, saya ambil kursus *politics of Singapore, politics of Middle East*. Yang Berhormat Senator Chandra, *you're a good man. You just listen to me*. Saya tak ada masa nak terang.

Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah: Yang Berhormat, satu penjelasan sebagai akademik sahaja. Soal akademik ini banyak / tengok daripada petikan Helen Ang. Ini cuma hendak penjelasan sahaja. Saya tak tahu sama ada Helen Ang ada tulis buku atau tidak, / tak pernah baca dia punya buku, tapi banyak saya baca fasal Helen Ang ini daripada *Wordpress.com* kalau tak salah. Sebagai akademik / rasa sekarang akademik *guidelines* ini *websites* macam *Wikipedia*, *Wordpress* dan sebagainya tidak boleh digunakan sebagai *academic reference*. Jadi soalan sama ada Helen Ang ada terbitkan buku atau tidak. Ini fasal *I don't have any knowledge*. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Chandra, sebenarnya yang Helen Ang itu saya *quote* sedikit, saya hendak memperkukuhkan dengan bantuan buku-buku tadi. Saya *quote* tak banyak tapi ia *very relevant*, sebab apa yang Helen Ang cakap tu *is in line* dengan *all the books written by* mat saleh. Mat Saleh ni, Tuan Yang di-Pertua *they are researchers*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa masa dah suntuk ambil Yang Berhormat mencatat...

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: *[Bangun]*

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya rasa cukup lah. Biar saya cakap sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Ariffin, *sit down* dulu. Dapatkan persetujuan saya dahulu. Saya hendak maklumkan apa Yang Berhormat cakap tu kalau sekiranya ambil catatan boleh agaknya di masa akan datang. Untuk klarifikasi. Teruskan Yang Berhormat, masa tidak mengizinkan.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Dalam buku itu ada tak tulis Ketua Menteri Pulau Pinang itu Sayidina Omar Ab. Aziz?

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Macam mana tu?

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Ada tak ditulis dalam buku itu Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng ini macam Sayidina Omar Abdul Aziz lah- Ketua Menteri yang terbaik.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *[Ketawa]* So far dalam buku ini saya tak jumpa lagi, saya akan cari.

Tuan Yang di-Pertua: Tak apa Yang Berhormat, teruskan. Teruskan.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tak apalah sahabat saya Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor Monutty boleh lah.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak memberi respons sedikit kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Ibrahim Shah. Saya bersetuju dengan beberapa perkara yang telah diutarakan sebentar tadi tentang pentingnya kita mencari jalan supaya dapat diwujudkan sebuah bangsa Malaysia yang bersatu. Cuma saya hendak berikan komentar daripada segi agama.

■1240

Persoalan istilah kafir harbi. Apakah makna kafir harbi? Kafir yang diperangi. Kalau kafir yang diperangi maknanya *even*, dengan izin, boleh dibunuh. Ini dalam perbahasan ulama-ulama yang lalu, ahli-ahli fiqah yang lalu. Satu lagi istilah ialah kafir zimmi.

Apakah makna kafir zimmi? Kafir zimmi kafir yang di bawah perlindungan, dengan izin, *under protection* dalam sebuah pemerintahan majoritinya orang Islam.

Satu lagi ialah istilah kafir mustakmin, iaitu orang kafir yang datang untuk mendapat perlindungan sementara di sebuah negara yang majoritinya orang Islam.

Akan tetapi pada hari ini, para fuqaha pada zaman moden ini, seperti Syeikh Yusuf Al-Qaradawi, Rashid Al-Munsi, Mohamad Al-Bayan memberitahu kita supaya berhati-hati menggunakan istilah kafir harbi. Dan saya kurang bersetuju dalam konteks Malaysia untuk menyatakan bahawa sebuah parti politik pembangkang di Malaysia ini dapat diistilahkan secara mutlak sebagai kafir harbi. Sebab perkara ini perlu kita berhati-hati. Sebaliknya hari ini, para fuqaha' pada zaman moden ini, telah mengeluarkan satu pandangan iaitu perlunya untuk kita mewujudkan apa yang dipanggil sebagai kelompok *Muwathinun* iaitu *co-citizen*.

Macam kita di Malaysia, orang Melayu, orang Cina, orang India dan lain-lain suku kaum yang berlainan agama duduk sebagai warganegara yang bersama. Jadi saya rasa akan ada implikasi yang negatif yang boleh menimbulkan kontroversi. Walaupun saya tidak nafikan ada perkara-perkara yang disebut oleh Tan Sri tadi itu perlu diberikan perhatian. Saya tidak nafikan. Itu yang pertama.

Kedua, saya hendak menyebut di sini bahawa tadi telah disebut bahawa Malaysia telah mencapai kejayaan, *alhamdulillah*. Memang kita adalah di antara negara Islam yang mempunyai ciri-ciri kemajuan. Cuma mutakhir ini kita lihat umpamanya ucapan-ucapan dari Paduka Seri Sultan Perak umpamanya. Saya dari Perak, yang menyatakan kebimbangan beliau tentang kedudukan rasuah di negara kita ini yang semakin serius. Ini datangnya daripada seorang Sultan yang berpendidikan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta penjelasan, jangan panjang sangat.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Cukuplah Yang Berhormat. Saya yang hendak bercakap [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh berucap.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Saya tak nafikan tetapi harus diberikan juga perhatian terhadap isu rasuah dalam negara sekarang.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Okey, macam ini lah Yang Berhormat. Saya menghormati pandangan Yang Berhormat. Yang Berhormat merupakan ulama. Saya baca ini ulama yang saya percaya sebab dalam Islam pada hari ini kalau Yang Berhormat baca buku ini tentang konsep liberal sekular, liberal plural. Di kalangan ulama pun sekarang digunakan oleh golongan ini untuk mempertikaikan falsafah dan ideologi Islam.

Contohnya apabila mereka mengatakan, apa masalah liberal plural ini yang pihak di Malaysia ini bahkan mengizinkan dan membenarkan liwat. Tak salah liwat. Hak asasi manusia. Zina pun dengan *pros* Cina ke *pros* Siam, tak salah. Itu hak asasi manusia kerana jawapannya di sini senang. Kalau mengikut satu buku ini, jawapannya ialah ia mengatakan perkataan liberal plural ini, *to Americanize Islam. Liberal plural to Americanize Islam*, yang pertama iaitu mengAmerikakan pemikiran Islam. Liberal plural bermaksud *to contain economy, politic and culture of the Muslim's world*. Itu konsep liberal plural. Kita mesti jelas liberal plural *is meant only for the Muslims*.

Di Amerika Syarikat dalam buku ini mencatat nama beliau. Beliau merupakan wakil di dalam *American foreign policy* untuk liberal plural. Dalam buku ini. Saya boleh tunjuk Yang Berhormat. Daripada segi Islam pun pada hari ini itulah yang mereka melakukan untuk mengelirukan kita. Kita dipersoalkan, itu betul, ini tidak betul. Bila saya kata betul, Yang Berhormat kata tak betul. Yang manakah yang saya nak ikut? Itu sebab anak muda pada hari ini bercelaru. Minta maaf cakap. Banyak ulama yang mencelurkan pemikiran kita. Minta maaf kerana terutama ulama-ulama yang telah meliberalkan pluralkan pemikiran kita mengatakan murtad boleh. Itu liberal plural. Mengapakah mesti mempertahankan Israel? Liberal plural. Jadi ini Yang Berhormat kena faham.

Saya bercakap ini Yang Berhormat, ini bidang saya. Oleh sebab kalau Yang Berhormat tengok di sini, dia kata "*The whole world will wage war on Islam. Islam will slowly disappear, unless Islam converts itself.*" Itu matlamat *evangelical Christian Zionist*. Kita sebagai orang Islam *we cannot accept that*.

Apa yang saya telah *quote* daripada buku satu lagi tadi, Teresa Kok punya nama pun ada. Gerakan-gerakan mereka untuk memurtadkan orang Islam di Malaysia. *We cannot accept.*

Ini yang saya kata kita mempertahankan hinggakan tahun lepas kita sama-sama bincang pindaan Akta Hasutan. Kalau Yang Berhormat perasan, 2015 Akta hasutan, inilah kali pertama kita memasukkan klausa perkataan agama. Selalunya Akta Hasutan hanya kelas *and racial*. Akan tetapi tiba-tiba perkataan agama dimasukkan di dalam Akta Hasutan. Kerana apa? Kerana agama mengikut semua buku ini sekarang digunakan untuk menjahanamkan Malaysia pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang lain topik yang belum diusik lagi selain itu?

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Okey. Saya hendak menekankan tadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menekankan di sini, kalau ikut buku-buku ini dia kata, *Malaysia is a good country*. Walaupun kita *multiracial*, rakyatnya baik. Akan tetapi dia kata menjadi tak baik, lebih kurang lima tahun yang lepas. Apabila sebuah parti politik telah menjadikan parti politik itu bukan sahaja parti politik, tetapi satu kumpulan agama ekstremis. Agama ekstremis yang berpaksikan kepada ajaran *Zionism*. Itu bahaya. Saya hendak katakan di sini, iaitu saya hendak kata sahabat-sahabat saya kaum Cina, sahabat saya katalah dari Sabah dan Sarawak, ini yang kita kena faham. Saya hendak kalau boleh pada petang ini, semua yang ada di Dewan, sila duduk, saya tak habis cakap. Semua yang ada di Dewan ini, tidak kira apa kaum...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada seorang bangun. Hendak bagi peluang kah?

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tak boleh, tak boleh bagi. Saya hendak bercakap ini. Terutama Dr. Ariffin, kena fikir waras untuk kepentingan anak cucu cicit kita. Sedikit punya hal, kita tanpa usul periksa menyokong DAP. Walhal kita tahu *background* DAP itu. Sabah Sarawak *was very peaceful*, tiba-tiba DAP masuk melagalahakan bumiputera Kristian dengan UMNO. Apakah tujuan? *Evangelical Christian* dah lama bertapak di Sabah dan Sarawak. Akan tetapi kenapa sekarang menjadikan satu agama buat kita bergaduh. Di Singapura, dulu pun, Kristian *evangelical* tidak ada hal. Akan tetapi dalam buku ini mengatakan, *it becomes serious when they are increasingly and strongly evangelical zionist*, itu masalah.

Oleh sebab pada hari ini dalam Parlimen Singapura, majoriti dalam Parlimen Singapura dalam buku ini, *majority are evangelical Christian Zionists and that's dangerous. If they are normal Christian*, tak ada hal. *They become dangerous when they are evangelical Christian Zionist*, berpaksikan pada Israel. Apabila berpaksi pada Israel, *Islam is their number one enemy and we cannot accept that*. Maksudnya terutama sahabat-sahabat seperti parti minoriti yang Islam...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, gulung Yang Berhormat dalam tempoh dua minit.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya, Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh mula gulung dalam tempoh dua minit.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya rasa saya nak sampaikan itu sahaja lah. Oleh sebab kalau benda lain pun lebih kurang saya akan hendak tunjukkan bukti yang kukuh. Akan tetapi saya hendak kata, saya merayu pada petang ini, saya sudah tengok ucapan daripada sahabat saya, Yang Berhormat Chandra. Saya rasa saya cukup hormat. Macam ini yang saya hendak dengar.

Untuk kepentingan negara, kita ketepikan ideologi, fikirkan apa yang akan berlaku pada mereka. Negara kita sudah aman. Seluruh dunia menerima negara kita sebagai sebuah negara yang *prosperous*, yang aman. Kenapakah hendak kita hancurkan? *Please. Politics is politics* tetapi jangan menerima, saya minta orang bukan Melayu, termasuk orang Melayu sendiri, jangan menerima DAP. DAP merupakan parti yang akan menjahanamkan kita. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

■1250

Tuan Yang di-Pertua: *Wa'alaikumusalam.* Semua Ahli Yang Berhormat, bahawa saya ingin menarik perhatian semua bahawa kita sekarang ini ada lebih kurang 18 orang akan berbahas.

Saya berharap semuanya berada di sini. Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan; Yang Berhormat Datuk Yoo Wei How; Yang Berhormat Datuk Jamilah; Yang Berhormat Datuk Haji Kadzim; Yang Berhormat Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar; Yang Berhormat Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar; Yang Berhormat Datuk Hajah Mariany; Yang Berhormat Puan Bathmavathi; Yang Berhormat Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim; Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus; Yang Berhormat Puan S. Bagiam; dan Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin bin Samad.

Ini semua telah memberikan nama dan kita akan selesaikan nanti sehingga habis semua ini. Saya berharap agar semua Ahli Yang Berhormat berada dalam Dewan dan kita akan panggil mengikut jadual masing-masing. Kepada yang telah berbahas saya minta datang bersama-sama dapat memanfaatkan, kalau tidak datang itu tidak dapat membezakan mana satu yang baik, mana yang tidak baik. Kepada Ahli yang baru itu, saya ingatkan ambil perhatian bahawa inilah caranya dan saya ingin melihat satu perdebatan, perbahasan yang begitu proaktif. Bagaimana kita berbahas dengan syarat matlamat kita untuk kebaikan bangsa, negara Malaysia. Tanpa membuang masa, saya mempersilakan sekarang Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah, tidak ada? Hah inilah dia. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Hajah Khairiah sudah? Belum. Silakan Yang Berhormat

12.52 tgh.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya terus kepada topik yang saya akan bahaskan di bawah perbahasan Titah Diraja ini. Pertamanya berkaitan dengan apa yang telah dititahkan Ke Bawah Duli Tuanku tentang pengurusan bencana negara.

Sekali lagi menjunjung kasih Tuanku atas keprihatinan Tuanku tentang pengurusan bencana negara. *Alhamdulillah* pada 4 hingga 6 April yang lepas, satu Persidangan Kajian Bencana Banjir 2014 telah dianjurkan bersama oleh UTM, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Metrologi Malaysia dan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia yang telah diadakan di Putrajaya.

Kalau kita sorot kepada persidangan ini terdapat 224 buah kertas kajian yang telah dikemukakan dan ia berkisar tentang peristiwa banjir di Kelantan pada akhir 2014 yang lalu. Dalam persidangan ini juga telah dinyatakan cadangan-cadangan baik pulih pengurusan bencana sebelum, semasa dan selepas banjir dan ia bakal menjadi *blueprint* kepada pengurusan bencana, khususnya bagi negeri Kelantan.

Jadi, *alhamdulillah* dengan kajian-kajian ini telah dapat mungkin membantu pengurusan bencana banjir yang lebih baik. Cuma di sini saya ingin menyatakan rasa agak terkilan kerana dalam persidangan ini Kerajaan Negeri Kelantan tidak dilibatkan *even* mahupun sebagai peserta kepada persidangan tidak dilibatkan. Kami hanya tahu di peringkat akhir program bahawa program ini sedang berlangsung dan kita sama sekali tidak dilibatkan. Saya rasa ini tidak sepatutnya berlaku kerana saya kira Kerajaan Kelantan merupakan antara *stakeholder* terpenting kerana kajian ini melibatkan khusus kajian banjir di Kelantan.

Seterusnya, hasil daripada dapatan persidangan tersebut juga adalah menyatakan bahawasanya antara punca-punca pertama kepada banjir besar 2014 taburan hujan luar biasa sepanjang musim berkenaan. Justeru, saya sekali lagi memohon kerajaan menyegerakan rancangan pembinaan Empangan Lebir dan Nenggiri yang telah dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas yang lalu. Berkaitan dengan banjir juga, saya ingin mengetahui berkaitan dengan laporan ataupun aduan yang telah dibuat oleh pihak-pihak berkenaan kepada SPRM tentang adanya pihak-pihak yang *'menanggung di air keruh'* yang menyeleweng duit ataupun bantuan ubah suai rumah mangsa banjir di Kelantan. Dikatakan sepatutnya nilai ubah suai itu adalah sepatutnya RM880,000 tetapi apa yang diterima adalah kurang daripada itu iaitu hanya sekitar RM500,000 lebih. Saya mohon untuk mendapat maklumat, apakah tindakan SPRM bagi aduan ini sehingga kini?

Seterusnya, berkaitan dengan Projek Perumahan Rakyat. Saya ingin menyambung sedikit daripada apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat Datuk Abbas baru-baru ini, Projek Perumahan Rakyat.

Setakat yang telah dinyatakan di dalam *website* KPKT, terdapat 74 buah projek PPR yang disewa, yang telah siap dan berjumlah 97,000 unit semua sekali dan terdapat 14 buah projek lagi yang belum siap dan masih dalam proses pembinaan. Apa yang telah disebutkan dalam ini, berlaku gejala-gejala sosial, berlaku kes-kes jenayah di kawasan PPR ini. Saya rasa tidak pelik kerana saya telah dimaklumkan beberapa situasi yang tidak sihat berlaku di PPR ini. Ini dikuatkan lagi dengan satu kajian yang saya telah baca yang telah dibuat pada tahun 2007 oleh Institut Pengajian Sosial, Universiti Putra Malaysia yang bertajuk, *'Masalah sosial dan kesedaran sivik generasi muda daripada keluarga berpendapatan rendah di bandar'*.

Kajian ini melibatkan PPR di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, di mana responden berumur 15 hingga 25 tahun. Kajian yang bertarikh pada tahun 2007 ini mengatakan 80 peratus orang responden terlibat dengan aktiviti berpelesenan, melepak di pelbagai lokasi dan 68 peratus orang responden terlibat dengan aktiviti luar rumah sehingga larut malam dan manakala 50 peratus terlibat dengan merokok, 24 peratus terlibat dengan buli dan 23 peratus terlibat dengan lumba haram. Dinyatakan juga dalam kajian ini aktiviti-aktiviti ini, khususnya yang berpelesenan, melepak di pelbagai lokasi dan juga yang keluar sehingga larut malam ini, ini tahun 2007, sekarang ini sudah 2016, saya kira mereka ini memang berisiko tinggi terlibat dengan gejala-gejala sosial apatah lagi jenayah.

Jadi, tidak peliklah apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Datuk Abbas berkaitan dengan gejala jenayah tersebut. Saya kira apabila perkara ini tidak ditangani ia membawa kepada kesan-kesan yang memang kita telah jangkakan. Jadi, saya dengan ini ingin bertanya dengan pihak KPKT kerana setakat yang saya tahu berdasarkan kajian saya di *website* sahaja, bukan KPKT tetapi Jabatan Kebajikan Masyarakat, bahawasanya sebelum ini terdapat Program Penempatan Pekerja Pembangunan Komuniti di PPR. Jadi, sejauh mana keberkesanan penempatan pekerja pembangunan komuniti ini, apakah fungsi mereka? Apakah tugas mereka dan setakat ini apakah keberkesanan kepada program ini?

Jadi saya memohon, mungkin boleh dicadangkan, sekiranya untuk gelandangan kita boleh mengadakan rumah transit untuk mereka. Akan tetapi kenapa tidak bagi remaja-remaja yang mungkin tiada tempat yang selesa di rumah mereka yang hanya berkeluasan minimum 700 kaki persegi? Kenapa tidak disediakan rumah kedua bagi mereka di kawasan PPR yang selesa, kondusif dan boleh mereka anggap tempat yang selesa untuk mereka melepak sambil minum kopi, melepak sambil melayari siber, internet, melepak sambil bersukan dan melepak sambil berekreasi.

Jadi, ini sebagai alternatif kepada tempat-tempat lepak yang mereka pergi di pusat membeli belah. Mereka lepak di tempat-tempat dengan persekitaran dengan sahabat-sahabat serta golongan-golongan yang berisiko tinggi membawa mereka kepada pertumbuhan yang tidak sihat, contohnya terlibat dengan gejala sosial dan juga jenayah. Jadi, saya mohon kerajaan mempertimbangkan cadangan ini, membina boleh kita katakan *teens one-stop centre* yang memberi kemudahan kepada pelajar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah menunjukkan tepat jam 1 petang, Yang Berhormat boleh sambung selepas mula bersidang jam 2.30 petang.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang Ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan persidangan kita pada tengah hari ini sehingga jam 2.30 petang. Terima kasih.

[Mesyuarat ditempokkan pada jam 1.00 tengah hari.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Kita sambung semula persidangan kita pada hari ini. Kita sambung daripada Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah. Sila.

2.32 ptg.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung lagi. Tadi saya berhenti perbincangan tentang Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Sekali lagi saya menyeru agar pihak kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dan juga pihak Kementerian Wilayah itu sendiri mengambil inisiatif segera mewujudkan pusat-pusat rekreasi untuk remaja dan anak-anak muda di PPR ini supaya mereka ada tempat yang sesuai untuk mereka lepak menggantikan tempat-tempat lepak di pusat membeli-belah yang ada sekarang.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Kalau boleh, izinkan laluan sedikit?

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Silakan.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat.

Soal PPR terutama di Wilayah Persekutuan. Saya kira apa yang diutarakan ataupun pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat sebentar tadi saya amat bersetuju. Akan tetapi kita juga sedia maklum bahawa mana-mana PPR di Wilayah Persekutuan, kalau kita lihat keadaannya, begitu teruk sekali. Keadaannya orang kata sesak, *parking* pun kadang-kadang tidak tentu arah.

Akan tetapi dalam masa yang sama, kementerian harus melihat walaupun keadaannya sesak dan sebagainya, tetapi saya nampak kebanyakan rumah-rumah pangsa ataupun PPR ini di bawah bangunan blok berkenaan masih ada ruang-ruang kosong yang boleh dibangunkan untuk mengadakan pusat-pusat seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Jadi ini harus diambil perhatian oleh pihak Dewan Bandaraya khususnya yang mentadbirkan PPR secara khusus dan mungkin boleh berbincang dengan KPKT secara khusus untuk kita menyediakan tempat-tempat yang lebih bermanfaat dan lebih berfaedah kepada anak-anak muda kita. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Datuk Abbas. Boleh dimasukkan sebahagian daripada ucapan saya dan saya rasa perkara ini memang hendak seribu daya tidak hendak seribu dalih.

Sebenarnya ruangan yang minimum bukannya sebagai satu alasan untuk tidak mengadakan kelab-kelab untuk remaja ini. Sebaliknya, ruangan-ruangan yang minimum ini perlu *diutilizekan* sepenuhnya seperti mana rumah-rumah di Korea, rumah-rumah di Jepun bagaimana ruang-ruang dimanfaatkan sebegitu rupa sehingga boleh digunakan sepenuhnya.

Saya terus kepada topik saya yang seterusnya iaitu berkaitan dengan Laporan Indeks Syariah Malaysia. Saya ingin merujuk kepada Laporan Indeks Syariah yang telah dibentangkan pada Januari 2016 dan telah diumumkan pada Mac 2016. Tahniah saya ucapkan kerana Malaysia yang mempelopori indeks syariah ini dan peratus skor diperoleh 75 peratus.

Cuma, saya ingin melihat lebih *detail* lagi. Jika kita lihat kepada responden penyelidikan, terdapat 7,587 orang yang terdiri daripada tiga kategori iaitu pembuat dasar yakni pemerintah, pelaksana dasar iaitu agensi, dan masyarakat sebagai pihak yang menjadi penerima manfaat. Ini tiga kategori responden yang memberi skor yang berlainan bagi setiap bidang.

Jika kita teliti skor-skor yang diberikan, menariknya jika kita lihat, boleh dikatakan golongan masyarakat sebagai penerima manfaat memberi skor yang rendah berbanding pelaksana dasar dan pembuat dasar dalam bidang-bidang yang ditetapkan. Saya ambil contoh skor di indeks bidang ekonomi, masyarakat memberikan skor 55.98 peratus berbanding pembuat dasar memberikan skor 76.25 peratus. Bagi indeks bidang sosial pula, masyarakat memberikan skor sebanyak 54.19 peratus berbanding pembuat dasar sebanyak 75 peratus dan pelaksana dasar sebanyak 65 peratus.

Bagi skor indeks budaya, pembuat dasar memberikan 69.86 peratus manakala masyarakat hanya memberikan 56 peratus.

Jadi saya mohon pihak kementerian berkenaan memaklumkan kenapa masyarakat sebagai penerima manfaat memberi penilaian yang lebih rendah berbanding pembuat dasar dan pelaksana dasar? Adakah dengan ini kita boleh menyimpulkan bahawa masyarakat Malaysia umumnya sebenarnya masih belum berpuas hati dengan pematuhan syariah di Malaysia terutamanya jika kita lihat daripada aspek indeks ekonomi iaitu hanya 55 peratus, indeks budaya hanya 56.65 peratus, indeks prasarana dan persekitaran hanya 55.52 peratus serta indeks sosial hanya 54.19 peratus iaitu yang terendah. Ini berbanding dengan skor ataupun total keseluruhannya iaitu 75 peratus sebagaimana yang kita telah dilaporkan. Saya ingin tahu adakah indeks-indeks ini akan dibawa ke Jabatan Agama di setiap negeri untuk diguna pakai dan menjadi kayu ukur pematuhan syariah di negeri-negeri?

Seterusnya berkait dengan pelaksanaan *Dual Language Program (DLP)*. Sebagaimana yang kita telah maklum, kerajaan telah mengisytiharkan pelaksanaan sekolah rintis DLP bagi tahun 2016 di mana ia melibatkan pembelajaran sains, matematik, teknologi, reka bentuk dan ICT dalam bahasa Inggeris di 300 buah sekolah.

Perlu saya tegaskan di sini, mengikut UNESCO, sesuatu bidang ilmu mudah dikuasai oleh pelajar dengan penghantar bahasa ibunda dan dalam masa yang sama ia akan memperkukuhkan bahasa ibunda pelajar berkenaan.

■1440

Di sini, saya ingin merujuk kepada penulisan yang telah dibuat oleh Profesor Emeritus Dato' Dr. Isahak Haron, Felo Penyelidik Kanan, Fakulti Pendidikan UM berkaitan pelaksanaan PPSMI sebelum ini dan pendapatnya berhubung dengan pelaksanaan DLP pada hari ini. Mengikut penulisan beliau, pelaksanaan PPSMI iaitu Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dari tahun 2003 hingga 2011 telah membuktikan bahawa pembelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris telah melemahkan lagi pembelajaran dan prestasi dalam kedua-dua mata pelajaran tersebut. Ini kerana 75 peratus orang pelajar kurang memahami Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris dan hanya 10 peratus hingga 15 peratus sahaja guru menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya.

Kesan negatif PPSMI juga dapat dilihat daripada ujian antarabangsa TIMSS 2007 dan 2011, PISA 2012 yang menjunam corot kedudukannya. Satu per tiga di bawah berbanding kedudukan di tangga sepuluh terbaik pada ujian TIMSS 1999 dan 2003 sebelum dasar PPSMI dilaksanakan. Kesan daripada PPSMI ini juga ialah merosotnya bilangan dan peratus pelajar yang memilih aliran Sains di tingkatan empat menjadi hanya 26 peratus hingga 28 peratus pada tahun 2012 dan 2013 berbanding lebih 40 peratus sebelum PPSMI. Jadi hari ini kegagalan PPSMI telah terbukti tetapi kenapa ingin diteruskan lagi melalui DLP walaupun hanya di 300 buah sekolah sedangkan hari ini kita ingin mencemerlangkan lagi agar subjek Matematik dan Sains ini betul-betul dikuasai oleh pelajar kita dan penguasaan ilmu ini kemungkinan besar dan memang mudah dikuasai melalui bahasa ibunda.

Jadi saya sekali lagi menekankan dan saya tidak mahu sekali lagi seperti mana yang telah berlaku melalui PPSMI yang dikejar tidak dapat, yang dikendong keciciran. Jadi kegagalan PPSMI telah terbukti dan di sini sekali lagi saya ingin tegaskan penguasaan Bahasa Inggeris perlu direalisasikan melalui kaedah lain dan bukannya kaedah belajar Matematik dan Sains dan teknologi melalui Bahasa Inggeris, bukan. Jadi pendekatan yang munasabah adalah dengan menggubal program dan pendekatan alternatif yang fleksibel bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris di pelbagai peringkat dan tujuan dari pra sekolah sehingga ke universiti.

Jadi seterusnya saya pergi kepada isu yang berikutnya iaitu pemerksaan mahkamah syariah sebagaimana juga yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. *Alhamdulillah* saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Kelantan, saya rakamkan di Dewan yang mulia ini kerana Kerajaan Negeri Kelantan buat julung kalinya telah merealisasikan pengasingan Jabatan Pendakwaan Syariah dari Jabatan Agama Islam dan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAIN) dan pengasingan ini bertujuan tidak lain dan tidak bukan mengukuhkan kewibawaan integriti dan ketelusan bidang pendakwaan syariah, penguatkuasaan dan juga kehakiman.

Dengan penubuhan jabatan ini, Kerajaan Negeri Kelantan telah menjadi perintis dalam pemisahan Jabatan Pendakwaan Syariah dari Jabatan Agama Islam Negeri.

Usaha ini juga telah membuktikan kesediaan dan persiapan kerajaan dalam memperkemas sistem kehakiman syariah Kelantan. Tidak dapat tidak, pemerkasaan Jabatan Syariah memerlukan penambahan bidang kuasa hukuman dengan beberapa pindaan perlu kepada Akta Mahkamah Syariah, (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 dengan kata lain Akta 355 yang sangat-sangat perlu disegerakan dan ini boleh memperkasakan dan seterusnya memartabatkan lagi semua mahkamah syariah di negeri-negeri.

Seterusnya, di sini saya mengambil peluang untuk merakamkan ucapan takziah kepada keluarga adik Nuri Nadirah Ruslan iaitu pelajar Tahun 1 yang meninggal yang dikatakan dipatuk ular disebabkan cuaca pada hari ini, keadaan El-Nino pada hari ini dan satu berita pula pada pagi ini seorang pelajar Tahun Dua dari Rembau, Negeri Sembilan tetapi *alhamdulillah* masih lagi dapat diselamatkan. Di sini saya menyeru supaya semua pihak berjaga-jaga dengan keadaan cuaca pada hari ini supaya perkara yang menimpa kepada adik Nuri tidak berulang di sekolah-sekolah lain. Saya menyeru kepada Kementerian Pendidikan khususnya mengambil tindakan berjaga-jaga, membuat gotong-royong di sekolah masing-masing bagi mengelakkan perkara ini berulang di tempat-tempat lain.

Seterusnya...

Dato' Dr. Johari bin Mat: Boleh saya mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Ya, sila.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memberi ruang mencelah. Tadi saya mendengar Yang Berhormat menyebut tentang gesaan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berhubung dengan langkah-langkah memperkukuhkan institusi agama dan kecekapan pelaksanaan undang-undang-undang, pentadbiran agama Islam melalui pemerkasaan mahkamah syariah dapat disegerakan. Jadi pada pandangan Yang Berhormat, apakah langkah-langkah yang boleh dan perlu dilakukan oleh kerajaan untuk menyegerakan pemerkasaan mahkamah syariah di dalam negara kita?

Begitu juga kaedah-kaedah pada pandangan Yang Berhormat untuk memperkukuhkan lagi, sebab memperkasakan pentadbiran dan mahkamah syariah itu adalah semata-mata untuk memberi kedudukan kepada perkembangan yang baik kepada umat Islam tidak kira di mana sahaja di dalam negara kita ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ya.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih. Mungkin saya boleh ambil sedikit masa. Tadi telah saya nyatakan terutamanya dari sudut bidang kuasa hukuman. Bagi memperkasakan mahkamah syariah, tidak dapat tidak kena ada bidang kuasa hukuman yang lebih besar dan ini hanya dapat dilakukan dengan pindaan kepada Akta 355. Sebab itulah kita sangat menyeru kerajaan memberi kerjasama sepenuhnya, menyegerakan pindaan Akta 355 ini kerana manfaatnya bukan semata-mata untuk negeri Kelantan bahkan semua negeri akan dapat manfaat untuk memartabatkan mahkamah syariah di seluruh negeri.

Keduanya, tidak dapat tidak saya melihat hari ini dari sudut bidang kuasa penguatkuasaan pegawai penguat kuasa agama. Saya kira untuk memperkasakan penguatkuasaan dan kehakiman mahkamah syariah, tidak dapat tidak bidang kuasa pegawai penguat kuasa agama perlu diperkemas lagi. Ini kerana terlalu banyak kelompangan, terlalu banyak kelemahan dan apabila penguat kuasa ini tidak mempunyai kuasa yang jelas, tidak mempunyai kuasa yang besar, bidang tugas penguatkuasaan mereka juga amat terhad dan terbatas.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Okey, itu pandangan saya bagi tujuan memperkasakan mahkamah syariah. Cuma saya ingin sentuh satu lagi berkaitan dengan tempoh menunggu haji.

Sebagaimana yang kita telah sedia maklum, apabila kita mendaftar untuk haji pada hari ini, kita terpaksa menunggu sehingga 83 tahun lagi barulah sampai giliran kita untuk haji. Kalau umur saya 20 tahun, saya mendaftar, maknanya usia saya 100 lebih baru saya dapat mengerjakan haji. Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana apa yang telah disebut baru ini pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memastikan orang yang berusia 65 tahun diutamakan untuk mengerjakan haji. Cuma saya kira usaha-usaha yang ada sekarang ini jika tidak diperkemas lagi, jika tidak diseriuskan lagi, tempoh masa menunggu ini semakin lama semakin lama. Semakin lama semakin tinggi, tidak berkurang, tidak pernah berkurang.

■1450

Jadi hari ini perlu ada satu tindakan yang di luar kotak, perlu ada satu tindakan yang berlainan, barulah tempoh menunggu haji ini akan berkurang sebab untuk mengerjakan haji memerlukan tubuh badan yang cergas. Kita lihat cabaran fizikal yang sungguh hebat untuk mengerjakan haji, bukan setakat cabaran mental tetapi cabaran fizikal. Jadi sebab itulah kita kena *make sure*, pastikan tempoh menunggu haji ini tidak lama dan kita menggalakkan umat Islam di Malaysia yang cukup syaratnya ada di fikiran mereka untuk mengerjakan haji di usia muda. Bukannya mengerjakan haji ketika sudah pencen, baru hendak buat haji. Itu bagi saya satu tanggapan, satu persepsi yang tidak betul.

Sepatutnya bila sudah cukup, kita sudah aqil baligh, kita sudah cukup rezeki kita, semua sudah *completed*, okey kerjakan haji. *Alhamdulillah* saya di usia 38 tahun sudah sempurna rukun saya yang kelima, haji dan dengan fizikal yang *alhamdulillah* sihat, kita boleh melaksanakan rukun yang kelima untuk umat Islam ini dengan sempurna *inshaa Allah*.

Satu sahaja yang terakhir, pendek sahaja. Sekali lagi saya ucap tahniah kepada kerajaan dengan Skim *MyBeras* yang telah diperkenalkan tadi. Cumanya saya sedikit terkejut sebab yang disebut oleh Menteri tadi bilangan penerima *MyBeras* yang berdaftar, yang diterima oleh pihak kementerian 12,000. Setahu saya di Kelantan, skim beras Al-It'am telah diperkenalkan semenjak tahun 2011 lagi dengan jumlahnya 10 kilogram sebuah keluarga. Sehingga hari ini yang berdaftar dengan kita, penerima beras Al-It'am ini adalah sebanyak 9,000 orang sahaja. Jadi saya kira satu usaha yang baik daripada pihak Kerajaan Pusat, cuma saya tidak mahu perkara ini ia menjadi politik, tidak mencapai sasaran. Bilangannya 12,000 semata-mata kerana ingin *compete* dengan apa yang telah kerajaan negeri buat sebanyak 9,000 orang.

Jadi, saya kira itu akan *defeat the purpose*. Kita ingin membantu orang miskin, bukannya bermain politik. Jadi, terima kasih sekali lagi. Cuma hasrat murni itu saya hargai, tetapi pastikan ia mencapai sasaran dan bukannya menjadi bahan politik. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya sokong Usul Titah Diraja. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Hajah Puan Hajah Khairiah binti Mohamed. Saya hendak panggil lagi seorang dan minta kerjasama Ahli Yang Berhormat kerana masa kita terhad juga, banyak hendak bercakap petang ini. Saya bagi 25 minit. Tolong bagi kerjasama.

Saya minta ini Yang Berhormat Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit. Sila.

2.54 ptg.

Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku menekankan betapa seriusnya Kerajaan Malaysia mengemudi pertumbuhan ekonomi negara dengan unjuran dianggarkan pada kadar 4 peratus hingga 4.5 peratus pada tahun 2016. Saya percaya sebagaimana jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 18 April 2016, Isnin lalu, prospek pertumbuhan ekonomi tahun 2017 akan lebih mapan dengan sokongan pelaburan syarikat berkaitan kerajaan iaitu GLC dan swasta. Kita perlu menyokong usaha pengukuhan integriti penjawat awam, lonjakan produktiviti pekerja tempatan dan pengukuhan sektor pelaburan asing bagi memastikan semua rancangan untuk memulihkan pertumbuhan ekonomi berjalan lancar.

Oleh sebab pentingnya peranan pelaburan swasta dan syarikat berkaitan kerajaan, saya mohon Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri menyatakan kepada Dewan ini tentang projek-projek ekonomi berimpak tinggi dan penyelarasan dasar yang akan dapat dinikmati usahawan bumiputera dan pekerja mahir dan separuh mahir tempatan dalam projek-projek seperti berikut:

- (i) prestasi pembangunan di Wilayah Ekonomi Iskandar (ECR), NCER, SCORE Sarawak dan Sabah;
- (ii) projek pembangunan Bandar Malaysia, *Tun Razak Exchange*, MRT2, LRT2, Menara Warisan TNB di Tapak Stadium Negara dan Projek Landasan Berkembar Gemas ke Johor baru; dan
- (iii) projek-projek berimpak tinggi yang dirancang dalam RMKe-11.

Tuan Yang di-Pertua, masalah utama kerajaan yang timbul daripada kesan dari pelbagai tohmahan dan kekeliruan mengenai petunjuk sebenar status hutang negara dan keutuhan prestasi sebenar ekonomi negara telah diputarbelitkan. sering kali pembangkang dan juga mantan pimpinan negara mempersoalkan peningkatan mendadak hutang negara yang telah menjadi kebimbangan awam bahawa Malaysia akan bankrap, sedangkan telah berkali-kali kerajaan dan Gabenor Bank Negara menyatakan jumlah hutang di sesebuah negara merupakan jumlah semua hutang dan liabiliti semasa institusi awam kerajaan, sektor korporat dan individu.

Oleh itu, saya mohon kerajaan memberikan perincian yang jelas mengenai hutang negara mengikut sektor pinjaman serta suatu analisa perbandingan jumlah hutang ini dengan negara-negara seperti Singapura, Thailand, Indonesia, Jepun, Korea, *United Kingdom*, Australia, Kanada dan *United States of America*.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya tajuk kos sara hidup. Isu kos sara hidup telah diberi persepsi negatif oleh rakyat kerana dikelirukan oleh pihak-pihak tertentu di dalam media sosial. Rakyat telah didedahkan persepsi negatif terhadap usaha kerajaan yang sedang menangani kenaikan kos sara hidup. Justeru itu, saya ingin mendapatkan kepastian sehingga kini, apakah inisiatif yang telah dan sedang dan akan diambil oleh Jawatankuasa Kabinet menangani kos sara hidup dan memastikan kerajaan akan dapat menangani masalah kos sara hidup?

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati kenaikan harga makanan asas seperti ikan rakyat dan ayam segar ini disebabkan kenaikan dilakukan di peringkat pertengahan. Harga ikan rakyat seperti ikan kembung di jeti pendaratan RM4.50 sekilo tetapi apabila sampai ke pasar Sentul contohnya, sudah jadi RM13 sekilo iaitu kenaikan hampir RM8.50. Bagi ayam pula, harga dari ladang ialah RM3.80 sekilo, manakala harga runcit pasaran ialah RM7.50 sekilo. Peniaga mengatakan bahawa harga ditetapkan oleh pemborong yang menjadi orang tengah. Manakala pemborong pula mengatakan sebab kenaikan kos pengangkutan dan bahan bakar lori pengangkut.

Persoalan saya, sekarang harga minyak diesel RM1.55 seliter tetapi orang tengah pemborong ini masih lagi mengambil keuntungan berganda yang membebankan pengguna walaupun harga bahan api sudah murah sekarang. Oleh itu saya ingin bertanya kepada kerajaan sama ada KPDKK atau Jawatankuasa Menangani Kos Sara Hidup, bagaimana kerajaan serius atau tidak dalam mengekang kegiatan manipulasi orang tengah ini dan menyediakan satu formula yang menang-menang agar harga ikan rakyat dan ayam tidak naik melampau tinggi.

Saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan EPU menyusun semula kawasan perkampungan nelayan. Penyusunan semula perkampungan nelayan dengan mengambil contoh pelaksanaan model peneroka FELDA untuk memastikan nelayan-nelayan lebih terbelah dan mereka dapat membekalkan ikan rakyat dengan harga yang murah.

Dicadangkan agar kerajaan mengambil inisiatif untuk memborong semua hasil pendaratan ikan rakyat, ikan kembung, ikan selar, kerisi, sardin dan tongkol tanpa mengira sama ada pendaratan dibuat oleh nelayan pesisir pantai lesen Kelas 'A', 'B', C1, C2 laut dalam. Kerajaan perlu mencari formula terbaik agar manipulasi orang tengah dapat dihapuskan. Hasil ini akan boleh menyebabkan pasaran ikan harga yang lebih rendah.

■1500

Tuan Yang di-Pertua, bekalan ayam. Bagi bekalan ayam mentah pula saya mencadangkan agar melalui agensi sama ada Jabatan Perkhidmatan Veterinar atau FAMA untuk mendapatkan pembekal-pembekal borong ayam mentah secara tender berjangka masa contoh tiga tahun sebagai mana pada pembekal ayam mentah, Ayamas dan KFC supaya kerajaan dapat memberikan ayam bersubsidi dengan had 12 ekor sebulan bagi setiap isi rumah dengan harga RM4.80 sekilo. Bekalan ayam subsidi ini boleh dibuat di kedai 1Malaysia atau *kiosk* pasar tani. Satu sistem kupon boleh diwujudkan untuk memastikan ayam bersubsidi dapat dibekalkan kepada seluruh isi rumah rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya pada masa kini penggunaan aplikasi media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *WhatsApp* di kalangan pengurusan tertinggi dan pegawai-pegawai sektor awam amat popular. Saya tidak nafikan penggunaan aplikasi media sosial ini ada baik dan ada buruknya. Apa yang saya ingin kemukakan mengenai rungutan oleh kelompok penjawat awam di mana penggunaan aplikasi *WhatsApp group* sebagai saluran komunikasi di sesuatu jabatan menjejaskan psikologi dan menjejaskan kualiti masa keluarga dan waktu rehat penjawat awam.

Ada sebuah kes di mana ketua jabatan mewajibkan penggunaan *WhatsApp* sebagai saluran komunikasi pada semua pekerja. Ini mendapat bantahan pekerja sektor awam kerana *WhatsApp* bukannya saluran komunikasi yang diwartakan secara rasmi oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Justeru itu, kita memohon JPA tampil untuk menjelaskan apakah aplikasi *WhatsApp* telah diwartakan sebagai saluran rasmi komunikasi antara penjawat awam dan adakah pekeliling perkhidmatan awam telah dikeluarkan bagi memantau standard piawai dan tatacara serta integriti penggunaan aplikasi ini demi menjamin keselamatan operasi, keselamatan dokumen kerajaan yang mungkin menjadi sebahagian daripada dokumen rahsia rasmi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini terdapat pelbagai rungutan *complaint* awam terhadap isu integriti agensi penguatkuasaan. Saya tidak tahu setakat mana orang awam mengetahui kewujudan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP). Agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri, tidak ramai yang sedar akan fungsi dan tugas Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ini. Sejak penubuhan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) ataupun EAIC pada 1 April 2011 di mana Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009, Akta 700 yang diwartakan pada 3 September 2009 masih banyak pindaan perlu dibuat terhadap perundangan ini terutamanya memasukkan beberapa buah agensi penguatkuasaan seliaan EAIC yang tertinggal.

Saya ingin beberapa contoh pertama, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), *Financial Intelligence and Enforcement Department in Bank Negara Malaysia*, dengan izin, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), bahagian pelesenan lesen racun makhluk perosak Jabatan Pertanian Malaysia, penguat kuasa atau warden trafik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan juga semua pihak penguat kuasa kerajaan tempatan di seluruh negara.

Pejabat Tanah dan Galian atau Pejabat Tanah Daerah, Suruhanjaya Tenaga, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negara (SPAN), badan kawal selia air negeri-negeri, Lembaga Hasil Dalam Negeri bahagian siasatan, penguat kuasa bahagian siasatan PERKESO, penguat kuasa bahagian siasatan Jabatan Pengajian Tinggi iaitu pelesenan institusi pengajian swasta dan MQA, *Sustainable Energy Development Authority Malaysia* (SEDA), dengan izin, Jabatan Perhutanan, Jabatan Mineral dan Geosains, Pasukan Polis Bantuan dan Agensi Nuklear Malaysia.

Rasional penambahan ini kerana agensi yang saya senaraikan ini merupakan penguat kuasa berkanun yang mana mereka menguatkuasakan perundangan yang diselia oleh jabatan atau operasi masing-masing. Untuk itu saya mohon maklumat daripada EAIC tentang bilakah pindaan perundangan Akta 700 ini bakal dibuat agar penguatkuasaan Integriti Agensi Penguatkuasaan lebih efektif. Mohon mendapat maklum balas daripada EAIC.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana prihatin terhadap nasib duka lara guru sekolah menengah dan sekolah rendah yang berjauhan dengan pasangan dan membebankan kewangan mereka kerana terpaksa menanggung kos dua 'dapur' dan menyulitkan urusan penjagaan anak-anak dan kebajikan guru-guru.

Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri, ketua setiausaha, ketua pengarah, pengurusan tertinggi yang bertungkus-lumus mencari kaedah terbaik menangani isu permohonan pemindahan guru yang melalui episod duka lara. Sistem aplikasi lampu merah dan hijau e-GTukar telah memaksimumkan urusan pertukaran guru di seluruh negara.

Akan tetapi, saya mendapati masih ada rungutan daripada pasangan-pasangan guru yang mana pasangan mereka dalam perkhidmatan kritikal seperti PDRM, kastam, ATM, jawatan utama kerajaan, JPJ, SPRM yang sering kali bertukar tempat kerja, dikatakan minima dua tahun satu tempoh bahawa sistem e-GTukar ini menyukarkan proses tukar guru. Namun jika ada kes pertukaran ke negeri lampu merah pertimbangan dan rayuan pertukaran tidak akan dilayan oleh kementerian. Justeru itu saya mohon kementerian dapat menimbang satu kaedah rayuan dan penyelesaian khas bagi pasangan mereka yang sering bertukar dan pindah randah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga kecewa pada setiap kali membaca berita mengenai kemalangan jalan raya melibatkan kenderaan komersial dengan kenderaan awam. Saya dapati risiko kemalangan jalan raya berlaku di Malaysia yang melibatkan kenderaan komersial seperti lori dan bas disebabkan masalah disiplin pemandu, keadaan fizikal dan mekanikal lori atau bas serta barangan yang dibawa. Saya ingin memohon di sini agar JPJ, SPAD, agensi Kementerian Pengangkutan iaitu MIROS, Jabatan Keselamatan Jalan Raya, Lembaga Lebuh Raya, Kementerian Kerja Raya, kerajaan tempatan, Bomba dan DOSH mengambil serius untuk mencari formula bagi menangani risiko kemalangan maut yang melibatkan lori ataupun mengangkut bahan berbahaya kimia, barangan petroleum atau gas, berbarangan bersaiz besar dan bas ekspres dan persiaran.

Setuju kah Tuan Yang di-Pertua, usaha memartabatkan kedaulatan bahasa Melayu perlu mendapat sokongan semua pihak dan bukan hanya terletak kepada usaha dan petugas Dewan Bahasa dan Pustaka atau Kementerian Pendidikan atau Kementerian Pendidikan Tinggi. Tugas memartabatkan bahasa Melayu ini perlu dipikul oleh semua anggota Parlimen, sama ada Ahli Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara agar ia menjadi contoh dan teladan kepada rakyat. Saya amat kecewa kerana sejak 59 tahun negara Malaysia merdeka prestasi penguatkuasaan Bahasa Melayu di kalangan terutama kaum bukan Melayu masih tidak berada pada tahap membanggakan.

■1510

Saya memohon agar kerajaan mengambil tindakan tegas akan perkara ini, dan mahu langkah segera dan paling berkesan dilaksanakan bagi memastikan martabat Bahasa Melayu di tingkatkan. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menamatkan ucapan ini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah atas khidmat cemerlang kepada Tan Sri Yang di-Pertua yang akan menamatkan khidmatnya pada 25 April 2016 ini. Mudah-mudahan persaraan Tan Sri YDP diberkati dan dirahmati Allah, dan dengan ini saya mohon mencadangkan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa perasmian sidang Parlimen Ketiga Belas, Penggal Keempat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Mariany dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah, dipersilakan.

3.11 ptg.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: *Bismillahir Rahmanir Rahim... [Bercakap dalam bahasa Arab]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua sebagai Timbalan Yang di-Pertua, tahniah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:Saya juga ingin memohon maaf kepada Dewan kerana sebentar tadi apabila nama saya dijemput untuk berbahas, saya tidak ada dalam Dewan. Sebenarnya, hari ini perut saya agak kelam kabut sedikit. Dahulu saya *complain* ada nyamuk di Dewan ini, tetapi hari ini ada bau mempelam dalam Dewan ini.

Jadi mengganggu perut saya dan saya tidak ada dalam Dewan pada ketika itu. Dalam membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, saya mengambil kesempatan ini untuk melihat kepada beberapa perkara sahaja yang diutus oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Pertama Tuan Yang di-Pertua, Tuanku menyatakan kerajaan beta sedar bencana seperti banjir berlaku hampir setiap tahun dan perkara ini mungkin akan menjadi fenomena biasa khususnya dengan perubahan suhu dan iklim dunia. Oleh itu, segala usaha untuk meningkatkan persediaan sebelum, semasa dan selepas bencana. Jadi kita nampak bahawa Tuanku sendiri menitahkan kepada kita supaya bukan sahaja kita berjaga-jaga, tetapi Tuanku hendak juga kita memastikan bahawa El Nino, banjir, *haze* ini berlaku tiap-tiap tahun dan apakah yang kita hendak buat. Apakah tindakan kita untuk mengatasi masalah ini?

Semalam saya bercakap, anak saya sendiri pulang ke rumah takut kerana peperiksaan akan datang dan sekolah ditutup. Sebelum ini *haze* dan kini cuaca yang terlalu panas. Apakah persediaan Kementerian Pendidikan? Apakah persediaan kerajaan? Kemungkinan mungkin kita terpaksa *air-cond* kan sekolah, kalau tidak cukup bajetnya mungkin *air-cond* di bilik-bilik darjah yang hanya anak-anak yang akan ambil peperiksaan supaya mereka dapat datang ke sekolah juga, supaya kita dapat belanja dengan begitu berhemah.

Pegawai-pegawai kerajaan tidak ada masalah kerana pejabat mereka *air-cond*, tetapi anak-anak kita ini, masalah anak-anak kita ini yang mana peperiksaan mereka tentu sekali kalau kita di tempat mereka kita juga bimbang apabila pelajaran itu tidak mencukupi. Ini sekali gus pihak-pihak tertentu, contoh seperti TNB. Apa yang akan TNB buat ketika berlaku banjir di Kelantan baru-baru ini, kita tengok sendiri bagaimana kelam kabutnya agensi-agensi kerajaan ini. Padahal tiap-tiap tahun kita mengalami *haze*, mengalami banjir dan juga sekarang fenomena El Nino ini.

Tuanku juga menyentuh, kerajaan beta amat prihatin terhadap semua lapisan masyarakat, khususnya kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah dan 40 peratus pertengahan. Kesejahteraan golongan ini akan ditingkatkan melalui kenaikan kadar gaji minimum, perhiasan jaringan perlindungan sosial, kemudahan pembiayaan mikro, peningkatan kemahiran serta perluasan program eRezeki dan eUsahawan. Menyedari kemudahan teknologi maklumat, ini kata Tuanku, titah Tuanku dan komunikasi yang berdaya harap menjadi keperluan rakyat, kerajaan beta akan menyediakan *Internet* jalur lebar berkelajuan lebih tinggi yang mampu dimiliki dan menyasarkan sekurang-kurangnya 95 peratus buah kawasan penduduk mendapat akses kepada internet menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita sebut 2020 kita berasa jauh lagi tetapi yang sebenarnya sekarang ini sudah 2016. Kita hanya ada empat tahun lagi dan sepanjang empat tahun ini daripada keputusan daripada bacaan kita, saya hendak masuk kepada jalur lebar ini kerana masih ada lagi pelajar-pelajar di kawasan kampung saya yang masih lagi ada Netbook 1Malaysia tetapi tidak dapat digunakan. Ini kerana tidak ada *internet access* untuk mereka. Kesian Tuan Yang di-Pertua, masih hendak kena pergi ke dewan orang ramai keliling, duduk keliling untuk mendapat akses internet. Padahal sepatutnya mereka duduk di rumah mereka dan mereka boleh masuk internet seperti biasa.

Kesian orang kampung, di pekan ini tidak mengapa, di kampung. Kadang-kadang kita melihat anak-anak kampung kita cerdik sebenarnya, cerdik. Akan tetapi bila tidak ada kemudahan-kemudahan yang begini mereka menjadi orang yang tidak cerdik dan kita tahu-saya pun tidak tahu kita bercakap dalam Dewan ini ada orang dengar ke tidak dengar, ambil nota ke tidak ambil nota kita pun tidak tahu, kita bercakap berbuih dah mulut sudah. Kita bagi Netbook 1Malaysia macam kita bagi kereta tidak buat lebuhraya. Beli kereta tetapi tidak buat jalan, simpan sahaja dalam rumah. Simpan dalam rumah tidak boleh hendak bawa kereta.

Daripada laporan-laporan yang kita dapat Tuan Yang di-Pertua, jalur lebarselular untuk kawasan luar bandar ini telah pun dijalankan oleh MCMC, SKMM. Fasa satu, fasa dua, fasa tiga, fasa satu dahulu semua Telekom Malaysia, Celcom semua buat tetapi masih belum *complete*, dengan izin. Belum berleluasa. Saya wakil dari Kedah, wakil dari Negeri Sembilan ada, wakil dari Kelantan ada, wakil dari Terengganu pun ada dan saya rasa semuanya sama.

MCMC yang buat ini, kita pun faham dalam setiap syarikat Telekom yang besar seperti Maxis, Telekom, Celcom dan sebagainya *contribute* satu peruntukan kepada SKMM dan MCMC kerana syarikat-syarikat ini tidak mahu pergi ke luar bandar kerana tidak ada untung.

■1520

Maka MCMC selaku badan kerajaan buat di kawasan luar bandar. Saya dengar kata ada 3 bilion kah, 4 bilion yang telah pun dihabiskan. Dulu saya pun kompelin juga berbilion-bilion kita beli *notebook* bagi kepada budak sekolah saya pun bagilah buat program dalam dewan riuh rendah, ribu-ribu datang bergaduh berebut hendak mendapat *notebook* itu yang kaya, yang miskin semua sama sahaja. Susah kita hendak pilihan raya waktu itu yang miskin kata miskin, yang kaya kata kami pun pangkah juga Barisan Nasional apa pasal tak dapat *notebook*.

Padahal dia mampu beli ini saya pun bimbang ini mai beras ini, takut jadi benda yang sama. Takut jadi benda yang sama kalau kita *repair* rumah yang kaya ini tengok tak apalah bila rumah ini hujan pun dia tak boleh tidur, tetapi apabila beli makan dia sensitif, orang Melayu ini dia sensitif. Dia tak panggil kenduri, kalau kita tak panggil kenduri yang kaya yang miskin katalah kita panggil orang kenduri yang miskin sahaja. Marah yang kaya sebab kita bagi makanan, kita bagi beras. Akan tetapi saya tak tahulah kot mungkin kerajaan berbincang dengan ketua-ketua bahagian dan mereka boleh buat perkara ini saya tak nampak jalan, saya nampak menyusahkan lagi.

Jadi bila bagi *netbook* 1Malaysia ini bawa balik rumah tiba-tiba tak boleh pakai kerana *internet* akses tidak ada. Fasa 1, fasa 2, fasa 3 telah pun dibuat oleh MCMC/SKMM. Saya harap ada wakil SKMM di sini. Dulu fasa 1 bagi kepada syarikat-syarikat Telekom yang boleh turun buat infrastrukturnya besar, kakitangannya besar, fasa 2 juga sama, saya dengar baru-baru ini fasa 3 hari ini. Tuanku kata tahun 2020 mencapai 69.5 peratus, sekarang ini 60 peratus pun belum capai. Fasa ketika ini pula diberi kepada kontraktor yang tak ada kena mengena dengan Telekom. Tidak ada kena mengena dengan komunikasi. Mana mungkin boleh habis kalau kita bagi kontrak hendak membina rumah kepada syarikat yang jual buah pelam contohnya.

Saya bila bau mempelam ini sudah sebut nama pelam ini. Akan tetapi saya hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Shukor dia cerita dekat saya, el-Nino pun ada baik juga kata dia. Di Perlis pelam harum manis 30 peratus sahaja yang dapat dijual, 70 peratus tak dapat jual. Dia cerita fasal tuan harum manis ini benda ini bungkus, bila dia kecil dia bungkus, bila cukup hari dia pi buka-buka kecut tak boleh hendak jual, kecut. Saya dok bayang kecut ini macam mana, jadi tak sempat buka tanda betul-betul pi buka masa time ketika hendak jual itu kecut. 30 peratus sahaja yang boleh jual. Oleh sebab 30 peratus sahaja yang boleh jual harga harum manis di Perlis RM38 sekilo. Dulu RM12 ini kesan daripada el-Nino ada untung, ada yang rugi.

Berbalik kepada SKMM tadi yang saya kata bagi kontrak bukan kepada orang yang *expert*, saya buka sebuah syarikat saya bela lembu, tiba-tiba tak tahulah bagaimana mungkin saya kenal orang dalam kah, apa kah bagi saya. Saya pun tolonglah syarikat untuk buat komunikasi. Jadi bila hendak siap ini, bila hendak siap. Dulu kita dengar kata ada kampung *WiFi*. Apakah jadi dengan kampung *WiFi*? Ke manakah pergi kampung *WiFi* ini? Kampung *WiFi* ini untuk anak-anak kita di kampung, untuk orang-orang kampung, Tuan Yang di-Pertua yang memangkah kita ini. Anak-anak orang kampung ini yang saya rasa masa sekarang ini sudah masuk ke UiTM, sudah masuk ke Universiti Malaya, sudah masuk ke pusat-pusat pengajian tinggi tetapi masalah di kampung mereka masih belum selesai. Sebab itu mereka marah. Semasa mereka benda yang sama adik-adik mereka.

Saya baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua pergi merasmikan perhimpunan penutup Universiti Malaysia Kelantan, Pahang dan juga Terengganu buat di Besut berhubung dengan dadah. Saya ini tidak ada benda lain dadah.

Jadi di situ budak-budak ini kami duduk di sebuah *chalet* mereka-mereka ini budak-budak universiti, cuba memasuki hendak buka internet tak dapat. Selain daripada soal dadah itu yang saya mungkin akan bercerita semasa perbincangan rang undang-undang dadah, jadi ini yang bila saya tanya mereka, mereka kata tidak dapat akses, marahnya mereka lebih-lebih lagi kawasan itu kawasan bapa Menteri kita...

Dato' Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: *[Bangun]*

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Jadi boleh cakap jelah. Sila.

Dato' Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Suara sudah hilang itu bagi rehat sikit minum air. Saya hendak menambah Dato' Mohd. Suhaimi tadi ini pun berlaku di kawasan sekolah, sekolah di mana pedalaman dulunya ada BestariNet, yang ini perbelanjaan juga jutaan ringgit bilion. Akan tetapi hingga kini ada sebahagian sekolah tidak ada *coverage*, tidak ada *line internet*, jadi ini juga bagi saya perlu dikaji semula sejauh mana pencapaian di peringkat sekolah ini kerana sekolah-sekolah ini perlu ada *line internet* dan sebagainya bukan sahaja internet tanpa wayar di kampung malah di sekolah pinggir bandar dan pedalaman juga tidak dapat *coverage* yang cukup.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim. Boleh dimasukkan dalam perbincangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat kepada *opportunity*, dengan izin, dalam melaksanakan program ini berbilion-bilion dihabiskan. Saya rasa kerajaan perlu juga melihat kepada kontraktor-kontraktor Melayu yang membuat kerja-kerja komunikasi ini. Jangan kita merujuk kepada sebuah syarikat sahaja. Dulu saya pernah berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri waktu itu syarikat besar menukarkan polisi mereka.

Dulu kita ada syarikat-syarikat Malaysia kita bangga dengan Sapura kerana mereka inilah yang menjadi *pioneer* kepada sistem telekomunikasi di negara kita. Di belakang mereka ada Nokia, tuan-tuan mesti ingat ada Nokia di belakang mereka. Sekarang ini ditukar polisi yang kontraktor Melayu ini dijadikan *subprime* kontraktor. Jawabnya kepada syarikat daripada China Huawei, ZTE, Epson, Nokia, Motorola dan sebagainya. Yang di Malaysia ini dipanggil *subprime*. Tak apalah kalau yang syarikat-syarikat besar yang betul-betul percaya kepada syarikat kita bagi 100 peratus kerja tapi ada syarikat-syarikat yang bawa *toilet paper* daripada China. Yang itu pun dibawa masuk, jadi apa yang kita hendak makan.

Kononnya kita boleh memegang leher syarikat-syarikat besar ini sekiranya berlaku apa-apa. Saya tak tahulah mungkin ada dalilnya. Cuba bayangkan syarikat Huawei itu sekarang ini *control 45 peratus of the world market*. Kita hendak pegang tengkuk dia? Dia panggil *ambassador* dia sahaja datang *settle* dia tak panggil pun- dia panggil *ambassador* sahaja datang *settle*. Kerana kuasa mereka besar.

■1530

Ini kerana kuasa mereka besar, kuasa mereka besar. Hendak pegang tengkuk macam mana dan kita tahu berlaku perkara ini tetapi kita tidak boleh apa-apa Tuan Yang di-Pertua. Dahulu kalau kita lihat Sapura dan sebagainya, ada tiga atau empat buah syarikat yang saya tidak ingat, di belakang mereka ada syarikat-syarikat besar. Mereka boleh buka kilang di sini. Sekarang mana ada. *Award is given direct to this multinational company*, dengan izin. Kita bercakap dan bercakap. Kita hendak menghidupkan syarikat-syarikat bumiputera. Tidak payah cakap dengan syarikat lain, syarikat bumiputera. Akan tetapi kalau kita *award* kontrak kepada syarikat di multinasional, maka depa tekan kitalah. Mereka tahu berapa *percent* hendak beri kita dapat. Habis, ke manakah kita? Ke mana kita bumiputera ini kalau sekecil-kecil itu dan kita mempunyai *opportunity*, boleh masuk ke kampung, *implement cellular WiFi* di kampung tetapi tidak sebegitu.

Saya sedih bila saya mendengar kontrak fasa ketiga ini diberikan kepada sebuah syarikat yang tidak ada kena-mengena langsung. Syarikat jual kereta, Yang Berhormat, syarikat jual kereta. *Mashaa Allah*. Ini kalau harapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong hendak melihat 95 peratus akses internet pada tahun 2020, saya duduk di Dewan ini, kalau saya disambung sebagai Senator, saya boleh sampai ke sini (tahun 2020), saya akan *argue* benda yang sama lagi. Tidak tentulah, kot banyak sangat kita bercakap ini orang tidak sambung.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku juga- yang ke-21, program pembinaan rumah mampu milik yang mencukupi dan berkualiti bagi rakyat yang memerlukan akan dipergiatkan. Saya terlupa, tadi saya memerlukan jawapan daripada pihak SKMM. Pembinaan rumah satu juta mampu milik, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuanku kerana Tuanku membangkitkan soal ini. Soal rumah ini, soal wajib bagi mana-mana kerajaan sekalipun. Biarlah di Penang itu mereka bergaduh, tunggang-langgang tetapi pokok pangkalnya, perumahan itu hendak kena disediakan.

Akan tetapi saya ingin juga menarik perhatian semasa laporan-laporan ini diberikan kepada kita, saya membelek-belek Kertas Statut ST.3 tahun 2016 Malaysia dikemukakan dalam Dewan Rakyat negara menurut Statut. PR1MA... [Menunjukkan dokumen berkaitan] Mungkin Yang Berhormat-Yang Berhormat tidak dapat baca lagi, tidak buka lagi. Saya duduk seorang-seorang tengah hari saya dok belek-belek benda ini, saya pergi kepada akaun. Saya bukan hendak mencari kesalahan tetapi saya hendak *explanation*, dengan izin. Kalau kita tengok *statement of profit and loss* pada tahun 2014, *revenue* sebanyak RM40,461,177 dan *expenditure* pada tahun 2014 - RM64 juta. Akan tetapi kalau kita tengok pada tahun sebelum itu, *revenue* RM77 juta dan *expenditure* hanya RM18 juta. Jadi kalau kita tengok pada tahun 2013, keuntungan sebanyak RM57 juta tetapi pada tahun 2014, kerugian RM22 juta.

Ada dalam buku ini Yang Berhormat... [Menunjukkan dokumen berkaitan] Akan tetapi kalau Yang Berhormat tengok pula dalam *explanation* di belakang, "*Notices are notes to the financial statement*" kalau Yang Berhormat tengok *notes to the financial statement*, Bahagian 11. Tahun 2013, PR1MA beri bonus kepada kakitangan kerajaan sebanyak RM2.5 juta yang mana gaji sebanyak RM6 juta. Setahun selepas itu, gaji meningkat kepada RM15.9 juta dan bonus yang diberikan sebanyak RM8 juta. Bayangkan dalam masa setahun.

Jadi kalau kita tengok daripada segi akaun, tahun 2013 tidak apa, kita buat RM57 juta, kita beri bonus RM2.5 juta, *it is okay, no problem* untuk *reward* balik kepada kakitangan kita. Akan tetapi pada tahun 2014, bila kita rugi RM22 juta, mana mungkin kita boleh beri bonus walaupun satu sen tetapi kita beri RM8 juta. Mungkin ada perkiraan. *I am not an accountant*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya hendak bertanya. Jangan dianggap apabila kami bertanya kami ini seolah-olah seperti pembangkang tetapi kami hanya hendak bertanya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Kemudian Seri Paduka Baginda menyentuh- yang ke-22 potensi sektor agromakanan dapat diperkukuhkan dengan meningkatkan keupayaan pertanian berasaskan eksport. Oleh itu, Beta menyeru agar industri agromakanan ditransformasikan supaya lebih moden, dinamik, kompetitif dan mampu menghasilkan pendapatan tinggi. Dengan daya tarikan ini, usaha-usaha hendaklah turut digerakkan untuk menarik minat golongan belia.

Apabila sebut untuk hendak menarik golongan belia, saya terpanggil juga Tuan Yang di-Pertua, untuk menyatakan bahawa ketidakpuasan hati apabila baru-baru ini saya melihat di dalam televisyen- kerana belia ini Tuan Yang di-Pertua mengambil anak-anak muda sebagai idola mereka. Jadi baru-baru ini apabila berlaku di Argentina, seorang anak muda dari Perak kalau tidak salah saya, Khairul Idham Pawi telah menang *Motor GP3* di Argentina. *Flash* dalam Astro, dalam pelbagai *channel*.

Kita melihat ini merasa bangga. Anak-anak kita merasa seronok apabila melihat mereka ini telah pun naik ke podium walaupun saya difahamkan ada hal-hal teknikal yang menyebabkan pelumba yang kedua jatuh. Kita merasa bangga lagi sebagai seorang Islam apabila dia tidak hendak buka botol *champagne* itu. *Masya-Allah*, tidak pernah jumpa lagi. Pertama kali dalam hidup saya melihat pemenang yang selalunya yang khususnya apabila menang GP atau *Formula 1* mesti botol *champagne*. Berlari dia daripada botol *champagne* itu. Agaknya takut terkena percikan air itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Betapa murninya Tuan Yang di-Pertua hati seorang Islam yang begitu baik. Persoalannya, kawan belia bersembang dengan saya di kelab, dia kata, "*Dato', seronoklah menang nombor satu tetapi Dato' tidak tahu dia cerita kepada saya*".

Dia cerita kepada saya, Khairul Idham ini cerita kepada dia, dia kata, "*Waktu ketika dia hendak mula racing itu, teringat kepada bapanya, maknya, minta kepada Allah supaya jangan jatuh. Takut dia mati tidak ada sesiapa hendak jaga mak bapa dia*". Maknanya, tidak ada sesiapa yang sponsor budak ini.

■1540

Tidak seperti pelumba-pelumba lain. Jadi saya bertanya lebih panjang, kenapakah berlaku begini? Kata mereka, ada pilih kasih. Kita kenal seseorang, maka kita dapat *sponsorship*, tapi bapa ini berniat untuk hendak tengok cita-cita anaknya menjadi *Formula 1* nombor satu, maka dia sanggup mengeluarkan segala-galanya.

Saya hendak bertanya Kementerian Belia dan Sukan, saya baca majalah ini... [Menunjukkan majalah berkaitan] Nama majalah ini '*Driven*'. Dikatakan dalam majalah ini Bernie Ecclestone, tuan punya *Formula 1* ini, *racing* siapa menang sekalipun dia akan tuntut. Baru-baru ini berlaku *court case* di *Germany*. Mengikut ceritanya, dia telah memberikan seseorang sebanyak 23 *million pounds* hasil daripada pendapatan beliau daripada *Formula 1* ini sebanyak 6.7 *billion pounds*.

Kalau dia dapat 6.7 *billion pounds*, takkan SIC tidak dapat langsung kot? Kita, siapakah yang memegang *francais*? Bernie Ecclestone sebagai *francaisor*. Kemudian dia *francaiskan Formula 1*. *The franchisee* yang dimulakan oleh kerajaan, takkan kita tidak dapat? Apakah salahnya kalau kita dapat bagi pihak kita sendiri tapi kita *sponsor* anak-anak sebegini?

Saya hendak bertanya, berapa banyakkah SIC mendapat keuntungan daripada *Formula 1* daripada mula sehingga sekarang? Kalau tidak untung, maknanya cerita Bernie Ecclestone ini tidak betullah.

Saya baca sikit Tuan Yang di-Pertua, bab Bernie Ecclestone ini. Dia kata, "*Bernie Ecclestone is not only the richest person in Formula 1. He is also the most powerful. A former car salesman, he controls the commercial side of the sport since the early 1980's when he invented the Concorde Agreement, the legal document that binds the team to turn up for every grand prix.*" Lupa cerita ini, kita masuk yang ini. "*However...*" anak dia nama *Tamara and Petra*. "*Tamara owns 200,000 pounds handbag collection...*" baru satu cerita. "*And 1 million crystal bathtub while Petra bought 52 million pounds 14-bedrooms Los Angeles mansion in 2011.*"

Takkanlah kita tidak ada tempias untuk hendak membela anak-anak kita ini, Tuan Yang di-Pertua, untuk hendak *sponsor* anak-anak kita ini? Anak orang Perak, anak orang kampung, Tuan Yang di-Pertua, dan kita pun *sport* inilah yang hendak melonjak pun. Kalau main bola tidak boleh lawan dengan Manchester United, mereka badan besar. Kalau lalu, ikut celah peha saja, tinggi daripada kita. Itu kalau tidak sangkut. Ikt celah peha ini jangan main-main, selalu sangkut Yang Berhormat Dato' Mohd. Salim, boleh sangkut. Orang Putih ini jangan main.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato', boleh gulung ya. Sila.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Saya ingat Tuan Yang di-Pertua hendak bagi peluang luas-luas lagi, rupanya tak ada juga.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menurut perintah. Terima kasih dan saya mintalah kalau boleh pihak kementerian dapatlah memberi jawapan yang konkrit dan jawapan itu-saya kadang-kadang saya bangga dengan Datuk Halimah, dia cakap dia buat. Kita pun seronok, bila kita bercakap, dia tulis, dia cakap dan tahu dah. Sekali lagi kita ini tak payah tanya lagi, dia sudah buat. Jadi yang lain itu *wallahu a'lam bissawab...* [Membaca sepotong doa] *Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala tabarakatuh*. Saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi, itu satu cadangan yang terbaik. Kita sambung lagi. Minta Yang Berhormat Tan Sri Anwar bin Mohd. Nor. Dipersilakan.

3.45 ptg.

Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):
Assalamualaikum Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama mengambil bahagian di dalam Usul Menjunjung Kasih dan Perbahasan Titah Diraja.

Titah Diraja menyentuh isu-isu kepentingan negara iaitu isu-isu politik, keselamatan, ekonomi, pendidikan, perpaduan, transformasi Parlimen, mentransformasikan perkhidmatan awam dan paling Tuanku tekankan ialah kos sara hidup dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

Saya tertarik dengan Titah Diraja terutama pada para 34 di mana Tuanku sendiri telah menekankan supaya semua pihak menjalin kerjasama dan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan dalam pelaksanaan program atau projek.

Misalnya Program Jiwa Murni, rondaan dan penguatkuasaan bersama, perkongsian aset dan kemudahan antara agensi satu langkah yang cukup berkesan dalam meningkatkan kecekapan kerana ia memberi impak tinggi dan juga menjimatkan kos. Oleh itu, ia perlu dipertingkatkan lagi. Ini satu saranan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sudah sampai masanya kita melaksanakan penjajaran supaya tidak lagi wujud pertindihan tanggungjawab dan pelaksanaan projek di kementerian-kementerian dan di jabatan kerajaan.

Dalam Titah Diraja Tuanku juga, Tuanku menyentuh tentang isu yang paling penting iaitu isu keselamatan negara. Setakat ini, kalau kita lihat hambatan-hambatan dan juga cabaran-cabaran yang sedang dialami oleh negara, kita lihat di Laut China Selatan di mana sejak kita Malaysia mengisytiharkan peta baru iaitu kita telah mengisytiharkan Zon Eksklusif Ekonomi itu 200 batu nautika, di situ timbullah pertindihan di antara jiran-jiran di dalam ASEAN ini.

Tetapi, beberapa pendekatan telah diambil oleh Malaysia di mana kalau kita lihat bersama negara Thailand, kita mengadaptasikan JDA iaitu *Joint Development Area*. Selepas itu, satu penyelesaian dengan negara Brunei di mana penindihan itu telah dapat kita selesaikan melalui satu kefahaman antara dua orang pemimpin di mana Petronas dan juga Petro Brunei akan bekerjasama.

Akan tetapi sekarang kita melihat hambatan di Lahad Datu, ESSCOM, isu keselamatan ini masih dalam kawalan kerana pasukan keselamatan negara iaitu Angkatan Tentera Malaysia dan juga Polis Diraja Malaysia dan juga termasuk APMM telah membuat satu *joint force* dan mengendalikan atur gerak ataupun operasi-operasi yang akan menangani isu keselamatan di ESSCOM itu.

■1550

Akan tetapi ada dua isu keselamatan yang masih belum kita dapat selesaikan. Ini satu kepentingan negara kerana isu ini adalah pertama, isu penindihan di Ambalat. Saya difahamkan, sudah beberapa kali *team* teknikal antara dua buah negara, *team* teknikal Indonesia, *team* teknikal dari Malaysia telah bertemu, telah membincangkan bagaimana untuk menyelesaikan masalah penindihan ini. Akan tetapi setakat ini kita belum lagi dapat penyelesaiannya. Jadi, soalan saya, apakah pendekatan kerajaan untuk menyelesaikan isu Ambalat ini tanpa menjejaskan perhubungan dua hala?

Isu kedua, ini isu baru sedang hangat iaitu isu Beting Patinggi Ali kerana telah kita lihat di Dewan yang mulia ini juga Ahli-ahli Yang Berhormat telah tahu dalam laporan-laporan akhbar dan juga dibangkitkan dalam media TV, kehadiran kapal-kapal Negara China. Ini kerana Beting Patinggi Ali ini 80 batu nautika, tak jauh daripada pesisiran negeri Sarawak. EEZ kita ataupun Zon Eksklusif Ekonomi, 200 batu nautika, bermakna, 80 KM ini dekat daripada pesisiran pantai Sarawak.

Kalau dulu semasa kita mengisytiharkan peta baru, kita telah menduduki dua buah stesen, dua *coral reefs*. Satu dipanggil Terumbu Layang-Layang dan selepas itu kita menduduki tiga lagi. Bermakna sekarang Malaysia telah menduduki lima buah stesen yang jauhnya 150 batu nautika. Bermakna, kita telah menunjukkan yang kita memiliki keupayaan ketenteraan, keupayaan untuk menuntut milik kita yang telah kita isytiharkan dalam peta baru itu.

Soalan saya di sini dalam isu keselamatan kedua ini iaitu isu Beting Patinggi Ali. Kalau dulu kita pernah mengambil tindakan, dengan izin, *occupation means possession* dan menduduki stesen-stesen yang lima itu, sekarang apakah tindakan kerajaan di dalam menangani isu Beting Patinggi Ali?

Tuan Yang di-Pertua, kita sedang berhadapan dengan pelbagai ancaman global yang meliputi aspek keselamatan, ekonomi dan juga politik. Dalam memperkasakan kawalan keselamatan di sempadan, penubuhan Agensi Keselamatan Sempadan satu langkah yang amat dialu-alukan. Langkah ini harus dipertingkatkan lagi dengan menambah baik infrastruktur dan aset pertahanan. Pencerobohan bukan sahaja berlaku di pintu-pintu masuk utama tetapi juga berlaku di sepanjang sempadan perairan negara. Pintu masuk utama dan sempadan negara adalah penting kepada pertahanan dan keselamatan negara kita ini.

Pencerobohan membawa erti bahawa kedaulatan negara tercabar dan terganggu. Jenayah-jenayah rentas sempadan seperti penyeludupan dadah dan perdagangan manusia bukan sekadar mencemarkan nama baik negara malah memberi implikasi besar kepada kestabilan, keselamatan, kedaulatan dan ketenteraan ataupun ketenteraman awam negara yang dicintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang lebih dinamik, kemas, telus dan berwibawa hendaklah dipertingkatkan. Penguatkuasaan yang lebih teratur mestilah dapat dilaksanakan oleh Agensi Keselamatan Sempadan sebagai sebuah entiti yang baru. Kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lebih mesti dipupuk dan diperkukuhkan bagi mencapai matlamat yang sama, dengan izin, *the common objective that is the national interest*.

Untuk perancangan jangka masa panjang, usaha bagi meningkatkan perolehan maklumat perisikan mestilah dipertingkatkan. Kita harus membentuk rangkaian perisikan ini kerana ia amat penting kerana ia dapat meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan.

Ancaman militan bukan sesuatu perkara yang boleh dipandang remeh. Walaupun kerajaan telah mengambil pelbagai langkah yang berterusan untuk memastikan negara kita bebas daripada ancaman ini, namun tiada siapa yang boleh memberi jaminan bahawa ia tidak akan berlaku. Negara kita telah berhadapan dengan pelbagai ancaman keselamatan sejak tamatnya Perang Dunia Kedua. Ibu bapa kita berhadapan dengan kekejaman pemerintahan Bintang Tiga. Peristiwa berdarah Bukit Kepong adalah antara episod hitam akibat pemerintahan kejam itu.

Seterusnya pada tahun 1948 hingga tahun 1989, kita telah melalui dua pengalaman dalam melawan *insurgency*. Tidak banyak negara di dunia ini yang berjaya menghapuskan militan *insurgent* tetapi Malaysia telah berjaya memaksa Parti Komunis Malaya meletakkan senjata pada 1 Disember 1989.

Persoalannya, dari manakah datangnya kejayaan seumpama ini? Jawapannya ialah komitmen yang tinggi oleh pasukan keselamatan dari berbilang kaum. Pihak-pihak berkuasa tempatan iaitu dari Jawatankuasa Kampung hingga ke peringkat negeri dan seluruh rakyat termasuklah Orang-orang Asli, penduduk-penduduk kampung di pedalaman dan di pinggir hutan, pekerja-pekerja balak dan lain-lain, telah terbukti bahawa kesedaran serta penglibatan rakyat amat penting kerana rakyat tetap boleh memainkan peranan sebagai mata dan telinga negara.

Kita telah melihat beberapa insiden pengeboman yang amat dahsyat yang berlaku kebelakangan ini akibat serangan militan di negara-negara jiran. Tidak dinafikan agensi keselamatan kita bertungkus-lumus berusaha untuk menghindar perkara yang tidak diinginkan berlaku di bumi tercinta kita Malaysia.

Agensi-agensi keselamatan ini perlu mempunyai organisasi yang mantap untuk beroperasi sama ada di dalam ataupun di luar negara. Mereka perlu dibekalkan dengan peralatan yang lengkap serta terkini, moden supaya mereka dapat berhadapan dalam situasi yang sukar. Mereka juga perlu diberikan peruntukan yang mencukupi yang meliputi perbelanjaan mengurus, perbelanjaan pembangunan serta pembelian peralatan yang terkini bagi memastikan kesiagaan pasukan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Tuanku juga menyentuh isu pendidikan negara. Syabas saya ucapkan kepada Kementerian Pendidikan atas pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) tahun 2015 hingga 2025 yang merupakan satu usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara. Kita juga turut menghargai hasrat negara untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara agar setanding dengan sistem pendidikan terbaik di dunia ini. Dalam usaha untuk merealisasikan pelan pembangunan ini, perhatian yang lebih khusus perlu diberikan kepada aspek kos pengajian di mana yuran pengajian perlu diberi pertimbangan terutamanya di peringkat pendidikan tinggi.

■1600

Kita tidak mahu masalah seperti bilangan belia yang disekat dari ke luar negara akibat tidak menjelaskan pinjaman pelajaran terus meningkat. Perancangan pelan pembangunan perlu mengambil kira keadaan persekitaran, bukan sahaja memfokuskan kepada pencapaian akademik. Sebagai contoh, perbelanjaan yang dikenakan oleh Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) perlu disemak supaya ia tidak membebankan pelajar kita.

Usaha ke arah melahirkan modal insan yang holistik yang harap mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan amat dialu-alukan. Statistik menunjukkan seramai 200,000 orang graduan masih lagi menunggu untuk mendapat pekerjaan. Dari tahun 2015, negara telah mencatat kadar pengangguran sebanyak 3.1 peratus. Peningkatan trend pengangguran dari tahun ke tahun ini adalah sangat membimbangkan. Selain galakan diberikan kepada pelajar untuk cenderung ke arah bidang sains, matematik dan teknologi, akan tetapi bidang lain juga perlu diberi tumpuan terutama yang berasaskan kemahiran dan vokasional.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Tuan Yang di-Pertua, budaya bersukan perlu dipupuk bagi membantu meningkatkan kesejahteraan rakyat dan produktiviti negara. Pelan pembangunan sukan jangka panjang 2015 hingga 2023 telah mencerminkan negara mempunyai visi dan hasrat untuk melahirkan atlet profesional bertaraf dunia. Budaya bersukan mesti disemai di kalangan anak-anak daripada usia muda iaitu sejak di bangku sekolah lagi. Dengan ini, budaya bersukan dapat dihayati dan diamalkan oleh seluruh ahli keluarga.

Bagi membentuk atlet di peringkat nasional, kita memerlukan sokongan yang padu khususnya dari keluarga. Peranan dan komitmen institusi kekeluargaan amat penting ke arah mendukung aspirasi negara untuk melahirkan atlet bertaraf dunia. Penyediaan kemudahan asas sukan juga mesti dijadikan satu aturan yang khusus. Tanpa kemudahan asas seperti padang permainan, trek dan gelanggang sukan, ia akan memperlahankan produk pembangunan sukan jangka masa panjang.

Selain bersukan, rakyat mesti diterapkan dengan amalan untuk mementingkan kemudahan bersukan. Di peringkat majlis-majlis perbandaran, perancangan serta komitmen untuk menyediakan prasarana sukan adalah amat diharapkan. Ini juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi di dalam rumah-rumah PPR. Memiliki prasarana dan kemudahan tempat bersukan yang bertaraf Olimpik tidak hanya boleh dibanggakan tanpa adanya penyelenggaraan yang berterusan, dengan izin, *the maintenance culture*. Rakyat perlu mempunyai sikap bertanggungjawab dan bekerjasama menjaga kemudahan dan fasiliti yang disediakan.

Dalam aspek kebajikan atlet negara, soalnya adakah...

Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Mohon mencelah.

Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Silakan.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Sebelum Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Sebelum Yang Berhormat beralih kepada subjek lain berhubung dengan sukan negara ini, saya berpendapat bahawa fasilitinya banyak. Akan tetapi selain daripada skuasy dan badminton, *we are not going anywhere in other sport especially*- istimewa bola sepak.

Pada pendapat Yang Berhormat, di mana salahnya berhubung pergerakan sukan kita untuk membawa sukan ke taraf dunia ini, istimewa pula bola sepak. Dari tahun 1989 hingga tahun 2000, sehingga sekarang sudah jadi 147 ranking dunia. Saya ingat sekarang dengan Cambodia pun kita sudah kalah. Apa pendapat Yang Berhormat berhubung dengan masalah asasnya untuk memperkuatkan kedudukan sukan negara, istimewa pula bola sepak yang begitu popular dalam negara tetapi tidak dapat angkat negara ke taraf dunia. Terima kasih.

Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Terima kasih Yang Berhormat. Pada pendapat saya, saya setuju dengan kedudukan status kita dalam bidang sukan terutama apabila kita berkecimpung dalam peringkat dunia, peringkat Olimpik, peringkat Asia dan sebagainya. Akan tetapi kalau dalam pasukan bola ini, saya rasalah ia kena mula daripada kita kecil lagi. Bukan hanya untuk sukan itu iaitu bermain bola sahaja ataupun mengadakan prasarana padang-padang bola, tetapi saya rasa kita kena ataupun harus *approach* kita tu dengan izin, ialah *approach* yang holistik di mana pembangunan fizikal menjadi satu-satunya yang penting sekarang. Dia menjadi *critical success factor*, faktor kejayaan iaitu pembangunan fizikal.

Ini kerana sukan yang memerlukan fizik kita lihat kita tidak dapat berdepan atau dapat posisi kalau sukan yang tidak terlibat fizikal seperti badminton, skuasy, petong dan sebagainya, nampak kita boleh menguasai dan dapat posisi yang baik. Jadi saya rasa hal ini adalah seperti metodologi yang diadaptasikan oleh negara China. Jadi kalau kita melihat penanda aras cara mereka, kemungkinan dalam suatu hari ini bola sepak kita akan berjaya.

Jadi saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Tidak lengkapkan sebagai seorang Presiden Veteran Angkatan Tentera Malaysia, menyentuh sedikit tentang hal ehwal veteran. Kita faham yang sekarang kita sudah ada Akta Veteran 2012. Kita sudah wujudkan Majlis Veteran Negara. Untuk makluman Dewan, kita sekarang, *population* ataupun populasi veteran tentera adalah dalam anggaran 370,000 orang. Ada dua kategori, yang berpencen 100,000 lebih dan yang tidak berpencen lebih lagi, 200,000 lebih.

Mereka ini sekarang telah mula ada kumpulan-kumpulan kita telah buat jajaran di mana semua kelab persatuan veteran akan membuat pendaftaran semula di bawah Jabatan Hal Ehwal Veteran yang juga diadministrasikan, ditadbirkan oleh Kementerian Pertahanan. Sekarang ini yang mendaftar ada 71 buah kelab dan persatuan. Baru-baru ini satu persatuan tetapi belum mendaftar lagi yang dipanggil Pahlawan. Mereka telah membuat pengumuman akhbar di mana mereka menuntut pengiktirafan, menuntut supaya perbezaan pencen antara pangkat diselaraskan. Jadi saya sebagai Presiden Persatuan Veteran yang mempunyai ahli yang terbanyak, kita menstrukturkan- kita ada tiap-tiap negeri ada bahagian, ada cawangan. Jadi ahli saya 160,000 orang.

Jadi, permohonan untuk Kementerian Pertahanan ialah untuk melihat dan juga Kerajaan Malaysia, untuk melihat dua isu. Pertama isu pencen yang tidak sama antara sama pangkat. Ini kerana mereka yang berpencen awal, mereka mendapat pencen yang kecil daripada mereka yang sama pangkat pencen sekarang. Jadi, ini satu permohonan untuk kementerian untuk memberi pertimbangan sewajarnya.

Kedua, mereka yang tidak berpencen. Apabila ada di antara mereka yang telah berumur sedikit dan tidak pula dapat meneruskan mencari rezeki dan bekerja, mereka juga ingin pembelaan.

■1610

Ini satu tuntutan supaya ada negara-negara yang mengadaptasikan apabila seseorang itu yang tidak berpencen apabila sampai umur 60 tahun mereka akan dapat sara hidup untuk menampung kos sara hidup mereka sebanyak yang akan ditetapkan oleh kerajaan setiap bulan.

Isu perumahan juga menjadi isu yang dibangkitkan oleh veteran-veteran angkatan tentera tetapi *alhamdulillah* kerajaan sangat prihatin kerana kerajaan juga telah mengumumkan dan telah melaksanakan perumahan di bawah Strategi Lautan Biru iaitu telah memperuntukkan 100 buah rumah veteran yang baru berharga RM45,000 di Semenanjung. RM50,000 di Sabah dan Sarawak kepada mereka yang ada sebidang tanah. Memperuntukkan juga kewangan untuk membaiki rumah iaitu 100 buah, boleh membaiki rumah, silingnya dalam RM13,000.

Jadi ini ialah peningkatan-peningkatan yang saya rasa telah pun diberi oleh kerajaan yang sungguh prihatin tetapi kami veteran memohon lagi supaya kerajaan juga melihatlah kepada perkara-perkara yang telah saya bangkitkan...

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat?

Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Dengan itu saya gulung...

Tuan Yang di-Pertua: Panjang kah lagi?

Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Dah habis dah. Saya ingin menggulung, mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sejak saya dicalonkan untuk menjadi seorang Senator pada bulan April tahun lepas kerana dengan sokongan dan galakan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua juga saya berada di Dewan yang mulia ini. Saya nak sudahkan dengan serangkap pantun.

*Pulau Pandan jauh ke tengah,
Gunung Daik bercabang tiga,
Hancur badan di kandung tanah,
Bakti dan budi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dikenang juga.*

Terima kasih [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Itulah bunyinya Senator Yang Berhormat Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar sebagai bekas panglima angkatan tentera suatu ketika dahulu. Kalaulah kita ada semua Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai kepakaran yang macam ini, saya percaya dan yakin kita boleh angkat martabat Dewan Negara, *inshaa Allah*.

Tanpa buang masa, saya hendak beri peringatan kepada semua. Pertama sekali, saya dah pesan daripada dulu lagi iaitu siapa yang dah habis berucap, jangan keluar tanpa izin saya. Maknanya kalau dia keluar dengan izin saya, saya benarkan, tidak ada masalah. Akan tetapi kalau keluar hilang saja, dari atas ini saya boleh memerhatikan siapa dia. Itu saya minta tolonglah hormati Dewan ini bukan untuk saya, saya hanya tak beberapa jam lagi dah. Ini bakal untuk Yang Berhormat semua membawa kedudukan Dewan ini. Kalau semua masing-masing hanya memikirkan untuk diri masing-masing, saya rasa elok berhenti saja daripada Dewan Negara. Saya minta maaf saya cakap begitu kerana ke pertanggungjawaban kita mesti ada.

Saya harap apa yang dilafazkan di Dewan ini ditentukan semua kementerian ambil ingatan dan hendaklah diberi jawapan yang amat munasabah dan berpatutan. Saya kagum, tengoklah pandang kiri kanan siapa yang ada mewakili kementerian, tidak lain dan tidak bukan Datuk Halimah binti Mohd. Sadique sahaja [Tepuk] Saya bukan nak puji dia, bayangkanlah, tengok. Saya rasa inilah, kalau boleh ramai lagilah Menteri-Menteri, Timbalan Menteri buat perangai macam dia ini, agaknya bagus sungguhlah. Baru kita hormat-menghormati Dewan ini.

Keduanya, kita akan bermesyuarat sehingga akhir sekali. Saya mohon kerjasama kalau sesiapa yang rasanya banyak perkara yang dah dibangkitkan itu, tak payah dibangkitkan lagi, yang belum dibangkitkan sila kemukakan untuk menjimatkan masa. Saya bersedia sampai tengah malam pun tidak mengapa tetapi persoalannya adakah perlu. Itu saya pulangkan kepada budi bicara Ahli Yang Berhormat sekalian. Tanpa membuang masa saya persilakan kerana permintaan ini datang daripada seorang Ahli Yang Berhormat kita, dia terpaksa pergi ke Kuching. Dalam sebut ini saya hendak beritahu, siapa yang bertanding di Sarawak saya tahu. Salah seorangnya ialah Datuk Prof. Dr. Sim, itu saya dah bagi kebenaran daripada mula lagi.

Sesiapa yang tidak bertanding, sengaja hendak pergi, kata orang Negeri Sembilan '*buang boreh*', rasa tidak payahlah. Beri keutamaan di sini dulu dan kepada ketua-ketua yang perlu pergi ke sana, boleh, hari Jumaat, Sabtu dan Ahad. Hari Isnin balik semula. Pergilah, sokonglah tetapi balik semula pada hari Isnin kerana ini tanggungjawab kita sebagai Ahli Dewan Negara. Parti memang parti tetapi Yang Berhormat telah dipilih oleh parti untuk duduk di sini dan bagi *priority* kepada persidangan.

Kita hanya tiga kali sahaja dalam setahun. Tanpa membuang masa saya persilakan Yang Berhormat Datuk Yoo Wei How.

4.16 ptg.

Datuk Yoo Wei How: Terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Gambiralah saya dapat bahas di depan Tuan Yang di-Pertua sebelum tamat tempoh Tuan Yang di-Pertua ini. Beberapa isu yang akan saya huraikan di sini. Tiga isu yang akan saya bangkitkan yang mengenai dengan TVET, mengenai perkhidmatan kesihatan asas rakyat dan juga kualiti pengangkutan awam.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyatakan bahawa lapisan masyarakat khususnya kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah dan 40 peratus pertengahan perlu dijaga dan diberi perhatian. Saya selalu fikir apakah langkah yang terbaik bagi kerajaan untuk meningkatkan pendapatan golongan B40 itu. Pada pandangan saya, cara yang terbaik menyediakan pendidikan yang komprehensif kepada golongan tersebut terutamanya pendidikan yang begitu praktikal, teknikal dan vokasional yang ataupun kita cakup sebagai TVET kepada golongan B40 itu terutamanya golongan yang muda.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebanyak 1.5 juta pekerjaan baru yang akan diwujudkan menjelang tahun 2020 dan sebanyak 60 peratus daripada pekerjaan yang akan diwujudkan itu memerlukan kemahiran terutamanya berkaitan dengan bilik pendidikan, latihan teknikal dan vokasional ataupun TVET. Fokus RMK-11 jelas menyatakan bahawa gaji siswazah TVET dijangka akan naik pada RM2,500 pada tahun 2020 berbanding dengan RM1,575 pada tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu pendidikan di negara kita adalah lebih mengutamakan pencapaian akademik dan teori. Bahkan dari sekolah rendah sehingga ke peringkat universiti, banyak kursus yang ditawarkan itu kebanyakannya berkaitan dengan pembacaan dan peperiksaan. Pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional ataupun dipanggil sebagai SLDN yang merangkumi 20 peratus daripada pembelajaran teori di kolej vokasional dan 80 peratus latihan amali di tempat pekerjaan sebenar adalah sangat-sangat baik. Ini telah memberi peluang kepada golongan muda kita yang memang tidak baik dalam pembelajaran konvensional tetapi mereka dapat satu peluang lagi.

Mereka bukan budak yang bodoh ataupun mereka bukan budak yang malas, mereka pandai, mereka memang budak yang cerdas tetapi hanyalah mereka lebih minat dalam pembelajaran yang lebih praktikal dan SLDN telah mengurniakan mereka satu peluang keemasan untuk mereka mempunyai masa hadapan yang lebih cerah lagi. Penganugerahan kelayakan sistem ini Sijil K-Pekerja setaraf dengan SKM Tahap Tiga ataupun DKM Tahap Empat ataupun DLKM Tahap Lima yang diluluskan oleh JPK.

Jika sistem ini dapat dilaksanakan di peringkat ijazah ataupun siswazah, saya percaya bahawa ia boleh meningkatkan lagi imej TVET kepada golongan yang lebih profesional. Malangnya tidak banyak institusi TVET yang menawarkan program pengajian daripada tahap enam sampai ke tahap lapan. Oleh itu, saya ingin mencadangkan kepada pentadbiran universiti-universiti awam untuk menjalankan kajian kebolehlaksanaan ijazah berdasarkan vokasional dan teknikal.

■1620

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan satu isu lagi. Di mana Kementerian yang terlibat dalam TVET itu telah banyak kali saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini. Kita mempunyai Kementerian Belia dan Sukan yang bertanggungjawab terhadap IKBN. Kita mempunyai Kementerian Pendidikan Malaysia yang bertanggungjawab terhadap kolej komuniti dan kita mempunyai Kementerian Sumber Manusia yang bertanggungjawab di dalam ILP dan sijil-sijil SKM. Tidak lupa juga di dalam RMKe-11, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang akan menubuhkan Jawatankuasa Kerja Industri untuk menyelaras penglibatan pihak industri bagi mengumpulkan maklumat mengenai keperluan industri-industri itu. Soalan saya, adakah kerajaan memerlukan begitu banyak Kementerian untuk dalam pentadbiran TVET ini. Adakah ini betul-betul mewujudkan kecekapan di dalam memajukan pendidikan teknikal dan vokasional.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang saya ingin bangkitkan perkhidmatan kesihatan. Titah Diraja, melalui transformasi sistem kesihatan negara, kerajaan akan meningkatkan akses kepada penjagaan kesihatan berkualiti dan ia akan diperkukuhkan lagi melalui dasar kesihatan nasional dan program komuniti sihat perkasa negara. Baru-baru ini saya menerima aduan daripada seorang mahasiswa lepasan jurusan pergigian yang menyatakan bahawa betapa susahnya untuk mendapat penempatan bagi khidmat wajib ataupun *housemanship*, dengan izin, yang bertujuan untuk memenuhi Akta Pergigian 1971. Beliau merupakan seorang graduan universiti persendirian dan duduk di rumah selama satu tahun. Tuan Yang di-Pertua, seramai 980 orang graduan pergigian mendaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia pada tahun lepas tetapi daripada jumlah ini, hanya 504 orang graduan sahaja berjaya mendapat penempatan di Kementerian Kesihatan. Bakinya hanya boleh tunggu di rumah, tunggu berita baik daripada kementerian.

Saya ingin menarik perhatian Dewan, Kementerian Pengajian Tinggi haruslah menjalankan kajian mengenai kapasiti penempatan khidmat awam sebelum meluluskan lebih banyak kursus pergigian. Setakat pengetahuan saya, isu kebanjiran graduan bukan sahaja berlaku di industri pergigian, namun ia juga berlaku dalam sektor perubatan. Graduan perubatan dijangka sekitar 6,500 orang setahun yang terdiri daripada graduan tempatan dan graduan luar negara, namun hospital kerajaan hanya mampu menempatkan 5,000 orang sahaja.

Oleh itu, saya bercadang kepada Kementerian Kesihatan untuk membolehkan graduan pergigian ataupun perubatan supaya menjalankan khidmat awam ataupun *housemanship* di hospital swasta juga. Ini bukan sahaja boleh menyelesaikan masalah penempatan malah ia juga boleh mempercepatkan sasaran nisbah pengamal pergigian kepada penduduk 1:3,000 pada tahun 2018 dan nisbah doktor kepada penduduk 1:400 pada tahun 2020 dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Diraja juga menyatakan bahawa kesejahteraan rakyat di bandar tidak pernah dilupakan. Kemudahan pengangkutan awam yang lebih cekap dan bersepadu serta menaik taraf jalan raya, pengangkutan rel dan beberapa buah lapangan terbang akan dilaksanakan. Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara kita Malaysia, di kawasan bandar, terutamanya di kawasan Lembah Klang ini terdapat banyak penumpang yang menggunakan pengangkutan awam seperti bas, seperti LRT, monorail, KTM untuk bekerja, melancong atau sebagainya bagi sampai ke sesuatu destinasi secara mudah.

Ini adalah jelas apabila statistik Kementerian Pengangkutan sehingga Julai 2015 yang menunjukkan bahawa jumlah penumpang yang menggunakan pengangkutan awam, terutamanya di kawasan bandar adalah sebanyak 159 bilion orang pada tahun 2014 dan 90 bilion pada Julai 2015. Malangnya kenaikan tambang sistem pengangkutan aliran transit ringan sejak 2 Disember 2015 telah menjejaskan langkah kerajaan untuk mempromosikan pengangkutan awam.

Tuan Yang di-Pertua, Prasarana Malaysia Berhad sudah mengumumkan tambang baru untuk perkhidmatan LRT dan monorail yang berkuat kuasa daripada 2 Disember tahun lepas. Tambang LRT dan monorail sudah meningkat sebanyak 102 peratus dan 40 peratus. Dengan struktur baru ini, sebanyak 79 peratus daripada pelanggan ataupun pengguna LRT dan monorail telah dipengaruhi dengan kenaikan tambang. Tuan Yang di-Pertua, walaupun Prasarana Malaysia memperkenalkan kad *MyRapid Smart 7* mingguan dan *MyRapid Smart 30* bulanan yang memberikan diskaun antara 18 peratus sehingga 35 peratus berbanding dengan tambang tunai kepada pengguna tersebut.

Akan tetapi kad-kad tersebut dikenakan untuk membayar premium nominal pada setiap pembaharuan iaitu RM2.50 dikenakan untuk *MyRapid Smart 7* mingguan dan RM10 untuk *MyRapid Smart 30* bulanan. Adakah ini merupakan satu keperluan ataupun hanya disebabkan keuntungan sahaja? Tuan Yang di-Pertua, KTMB komuter atau Keretapi Tanah Melayu Berhad juga mengumumkan bahawa pelarasan struktur tambang baru yang bermula daripada 2 November tahun lepas.

Kenaikan tambang baru sudah meningkat daripada 4 sen satu kilometer dengan maksimum kenaikan RM7.10 bagi satu perjalanan dari Batu Caves ke Pelabuhan Klang. Selain itu, kadar tambang tiket konsesi seperti kanak-kanak, seperti pelajar, seperti warga emas, seperti OKU juga meningkat. Ketiga, bas Rapid Transit ataupun lebih dikenali sebagai BRT merupakan satu inisiatif yang mula diperkenalkan pada Jun 2012 untuk mengurangkan kesesakan ke atas jaringan jalan raya utama yang merentasi lokasi komersial paling sibuk di Lembah Klang.

Selain itu, sistem ini direka khas bagi menggabungkan aspek transit *rail* dengan menyediakan lorong bas khas yang akan memberikan perkhidmatan bas yang lebih pantas, lebih efisien, lebih kondusif dan lebih selesa kepada penumpang. Kebaikan utamanya adalah untuk mengurangkan pelepasan karbon dalam jangka masa panjang. BRT laluan Sunway merupakan program yang berjaya dilancarkan sebagai pertama di Malaysia yang menggunakan bas kuasa elektrik yang beroperasi pada Jun 2005. Prasarana Malaysia Berhad bekerjasama dengan Sunway Berhad bagi pelaksanaan projek BRT laluan Sunway di bawah program kerjasama awam-swasta. Nampaknya projek ini begitu berjaya sekali. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin mengemukakan contoh pengiraan untuk mendapatkan perhatian kementerian-kementerian yang bertanggungjawab.

Jikalau seorang pengguna sering menggunakan BRT laluan Sunway tersebut untuk bekerja sebanyak 20 hari sebulan, perjalanan dari USJ7 ke Sunway Lagoon sejauh lebih kurang daripada 7 kilometer, jumlah tambang yang perlu ditanggung oleh pengguna tersebut RM160- RM160 ini mungkin bukan merupakan satu jumlah yang besar, terutamanya kepada Datuk Seri Nalla [*Ketawa*] Ha, minta maaf ya. Tambang RM160 ini hanya bagi BRT sahaja dan masih belum merangkumi tambang bagi pengguna yang perlu menggunakan BRT bersekalikan dengan komuter KTM atau aliran transit ringan.

Oleh itu, saya di sini berharap kementerian terlibat boleh mengkaji semula tambang harganya untuk menggalakkan ramai orang menggunakan sistem ini agar dapat mencapai matlamat Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu pertumbuhan hijau yang mengurangkan intensiti karbon dalam ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sedikit saya ingin bangkitkan berkaitan dengan pengangkutan udara juga. Kita tahu bahawa *Malaysia Airlines* ataupun syarikat penerbangan kebangsaan kita sekarang sedang menjalani satu proses transformasi supaya menjadikan syarikat penerbangan antarabangsa kita daripada sebuah syarikat yang rugi dan transformasi untuk menjadi sebagai sebuah syarikat yang untung dan menjadi sebuah syarikat penerbangan yang betul-betul premium daripada segi perjalanan, daripada segi struktur perniagaan.

■1630

Akan tetapi apa yang saya bimbang itu, sejak kebelakangan ini, kita nampak bahawa syarikat penerbangan kebangsaan kita, *Malaysia Airlines* telah berhenti terbang ke destinasi-destinasi yang terunggul dalam dunia ini. Misalnya, dahulu kita mempunyai perjalanan terus ke Rome, Paris, Stockholm, New York, LA dan ke bandar-bandar antarabangsa di seluruh dunia. Akan tetapi sekarang syarikat penerbangan tersebut telah membuat keputusan untuk berhenti terbang ke destinasi-destinasi tersebut dan penumpang-penumpang kalau ingin terbang ke bandar-bandar tersebut, kita perlu mengambil penerbangan antarabangsa yang lain. Misalnya kita mengambil *Emirates* yang mempunyai *codeshare* bersama *Malaysia Airlines*.

Ini telah membebankan penumpang-penumpang terutamanya tempatan di mana kita mungkin kena bayar tambang yang lebih mahal tetapi yang lebih membimbangkan saya itu, saya pernah bekerja di Kementerian Pengangkutan. Saya tahu betapa susahnya kita kena dapat satu slot untuk mendarat di sebuah bandar atau pun mendapatkan slot untuk syarikat penerbangan kita untuk mendarat di sebuah lapangan terbang antarabangsa terutamanya lapangan antarabangsa yang terunggul dalam dunia. Kita kena bayar kos yang tinggi. Kita kena berunding dengan kerajaan negara tersebut supaya dapat satu slot terutama slot masa yang terbagus untuk syarikat penerbangan kita.

Sekarang kita pilih untuk berhenti terbang ke negara-negara tersebut. Apa yang membimbangkan ialah, kalau satu hari, selepas transformasi MAS berjaya dan selepas syarikat penerbangan kita sudah bersedia dan sekarang mereka membuat keputusan untuk terus terbang ke bandar-bandar yang telah berhenti itu, adakah Kementerian Pengangkutan masih boleh dapat slot tersebut untuk membolehkan syarikat penerbangan kita mendarat di bandar-bandar tersebut? Atau pun pada masa itu, negara kita kena bayar kos yang lebih tinggi lagi supaya syarikat penerbangan kita dapat mendarat di bandar-bandar antarabangsa tersebut?

Dalam negara pula, saya berasa bahawa kerja koordinasi Kementerian Pengangkutan dengan syarikat-syarikat penerbangan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada dua minit, Yang Berhormat.

Datuk Yoo Wei How: Oh, saya perlu satu minit sahaja. Koordinasi antara kementerian atau pun syarikat-syarikat penerbangan memang tidak wujud. Kita selalu dapati bahawa macam saya, saya selalu terbang ke Alor Setar, kampung saya dekat Alor Setar dan saya mendapati bahawa *Malaysia Airlines*, *AirAsia*, *Firefly*, *Malindo Airlines* semua terbang dalam satu masa yang sama sahaja. Kalau *Malaysia Airlines* terbang pada pukul empat, kita dapati *Firefly* terbang pada pukul 4.10 minit.

Kita dapati *Malindo Airlines* terbang dalam pukul 4.05 minit dan kita dapati *AirAsia* terbang dalam pukul lima. Semua *airlines* macam berlumba di atas langit untuk cepat sampai ke Bandaraya Alor Setar itu. Ini telah menimbulkan satu situasi di mana kita selalu perasan bahawa terdapat pembatalan penerbangan di lapangan terbang terutamanya berlaku di Malindo atau pun di *Firefly*. Ini mungkin disebabkan frekuensi terbang sesuatu destinasi itu terlalu dekat.

Saya mencadangkan kepada Kementerian Pengangkutan bahawa buatlah koordinasi di antara syarikat penerbangan tersebut untuk keselesaan pilihan penumpang-penumpang dan juga untuk syarikat-syarikat tersebut. Pilihlah satu masa yang lebih-frekuensinya jangan terlalu dekat sahaja. Bagilah kepada penumpang satu pilihan yang lebih komprehensif lagi.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang kepada saya untuk berucap di Dewan yang mulia ini dan saya sokong titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Kadzim bin M. Yahya.

4.34 ptg.

Datuk Haji Kadzim bin M. Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan untuk mengambil bahagian berucap Usul Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Mengenai Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini, saya hanya akan menyentuh beberapa perkara sahaja. Antaranya ialah ancaman keselamatan yang sedang dihadapi oleh negara tetapi apa yang saya pasti gerakan SSKM iaitu Sabah Sarawak Keluar Malaysia bukanlah merupakan satu ancaman kepada negara.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Boleh saya mencelah?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Tadi Yang Berhormat menyebut ancaman kepada negara tetapi sekarang, Yang Berhormat kata bukanlah satu masalah. Yang manakah satu yang benar? Saya hendak dapatkan penjelasan.

Datuk Haji Kadzim bin M. Yahya: Bukan menjadi ancaman ialah gerakan Sabah Sarawak Keluar Malaysia. Ini sebabnya, gerakan-gerakan Sabah Sarawak Keluar Malaysia (SSKM) ini hanya mula wujud selepas PRU Ke-13 iaitu di mana semasa PRU Ke-13, pihak pembangkang telah menaburkan janji-janji retorik seperti untuk menambah royalti minyak dari lima peratus kepada 20 peratus dan memberi autonomi ke Sabah dan Sarawak. Dalam membuat janji menaikkan royalti minyak lima peratus kepada 20 peratus ini, pihak pembangkang memberi gambaran seolah-olah selama ini Kerajaan Pusat telah mengambil 95 peratus daripada hasil minyak sedangkan negeri hanya diberi lima peratus.

Pada hakikatnya itu adalah tidak betul. Sebab daripada royalti minyak, 10 peratus royalti minyak yang dibayar oleh PETRONAS iaitu lima peratus kepada Kerajaan Pusat, lima peratus kepada kerajaan negeri, 90 peratus adalah dipunyai oleh PETRONAS bersama rakan-rakan kongsinya.

Jadi untuk memberi royalti yang tinggi, di manakah kemungkinannya peratusan yang boleh diambil untuk menambah royalti? Jadi atas janji-janji ini telah mewujudkan sentimen bahawa Kerajaan Pusat telah menipu negeri lebih dari negeri Sabah lebih daripada yang sepatutnya. Janji-janji untuk memberi autonomi juga telah memainkan sentimen parokial tetapi apabila Kerajaan Sabah dan Sarawak menggunakan kuasa autonomi mereka dalam imigresen apabila menghalang beberapa personaliti yang tidak

diingini masuk ke Sabah dan Sarawak, mereka juga yang melenting, mengatakan tidak adil, tidak patut menyalahi undang-undang-undang.

Ini juga termasuklah mereka yang menggerakkan Suara-suara Sabah Sarawak Keluar Malaysia ini. Jadi autonomi apa yang mereka hendak? Apabila kita guna autonomi, dia kata tidak patut. Dia kata hendak bagi autonomi, bukan? Jadi gerakan-gerakan begini hanya ada, dibuatkan oleh segelintir manusia yang ingin menggunakan sentimen-sentimen parokial demi kepentingan politik mereka. Ia bukanlah menjadi ancaman kepada negeri kita. Ancaman yang sebenarnya di Sabah ini ialah kawasan ESSCOM. Baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah memaklumkan bahawa di kesemua 60 buah kawasan DUN di Sabah ini telah dilantik panglima-panglima oleh *terrorist* Sultan Kiram.

Saya hendak bertanya, adakah pihak berkuasa telah mengenal pasti siapakah yang telah dilantik di antara 60 buah kawasan DUN ini? Sebab apabila 60 buah kawasan DUN telah mempunyai panglima-panglima *terrorist* Kiram ini, bermakna bukan lagi *Eastern Sabah* yang menjadi *security command*, ia akan menjadikan *Sabah State Security Command*, jadi untuk kita tukar ke *Sabah State Security Command*. sebab 60 buah kawasan DUN bermakna seluruh Sabah. Ini amat menjejaskan pelancongan dengan laporan sedemikian.

Selain daripada itu, saya juga hendak bertanya, dalam risikan, adakah orang-orang tempatan yang terlibat dalam mengetuai wakil-wakil Sultan Kiram di 60 buah kawasan DUN itu?

■1640

Tuan Yang di-Pertua, kekerapan jenayah rentas sempadan di perairan Sabah semakin berleluasa. Walaupun dengan arahan perintah berkurung diadakan dari senja hingga ke subuh tetapi ia masih juga berleluasa. Baru-baru ini juga ada lagi rakyat Malaysia diculik dan aktiviti-aktiviti ini nampaknya bukan sahaja aktiviti *terrorist* tetapi ialah satu aktiviti perdagangan. Kita pun tidak tahu dan tidak pasti. Mungkin-berkemungkinan bahawa yang menculik ini ialah agen-agen daripada tentera Kesultanan Kiram yang akan menggunakan wang tebusan yang kita bayar untuk menggunakan membeli senjata dan melawan kita balik. Atau menggajikan *sleeping cells*, dengan izin, yang ada di Sabah.

Pada hari Selasa lalu, saya telah membaca bahawa Kementerian Pertahanan telah menandatangani satu MoU dengan membeli enam *multipurpose armed helicopter and coastal surveillance system* untuk ESSCOM dan juga *harbor surveillance underwater detection system*. Akan tetapi perkara ini masih lagi di peringkat MoU. Kita tidak tahu bila benda ini ada dan bila ia akan digunakan. Sedangkan jenayah sedang berleluasa sekarang.

Oleh itu saya ingin mencadangkan, adakah boleh pihak ESSCOM atau pihak keselamatan bekerjasama dengan Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah dan juga Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah, di mana di setiap pelabuhan di pekan-pekan utama di Sabah mempunyai sebuah alat iaitu dipanggil *vessel tracking monitoring system* (VTMS) yang mana boleh mengesan kemasukan sebarang bot sejauh melebihi 25 kilometer dalam perairan Sabah. Untuk sementara ini, mungkin kita boleh mengurangkan dan mengesan dengan lebih mudah kemasukan para penjenayah rentas sempadan melalui perairan di Sabah ini.

Selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai kos sara hidup yang disebut oleh Duli Tuanku iaitu kos sara hidup di Malaysia. Kos sara hidup di Malaysia semakin hari semakin meningkat. Akan tetapi kenaikan gaji seberapa kerap yang diberi pun tidak akan menentukan kos sara hidup akan turun. Oleh sebab setiap kali ada kenaikan gaji, setiap kali itu juga para peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga-harga barang. Ini akan terus berlaku. Oleh yang demikian saya ingin bertanya, adakah dalam perancangan atau dalam cadangan pihak kerajaan untuk menggalakkan sebuah dasar, di mana rakyat boleh memiliki dua pekerjaan, satu secara sambilan? Untuk menampung pendapatan harian mereka dan menampung kos sara hidup yang meningkat.

Di samping itu juga, kita beri galakan kepada pelajar-pelajar di IPT untuk buat kerja sambilan bergantung kepada keputusan atau *result* CGPA. Kalau dia mempunyai CGPA yang baik, dia dibenarkan. Kalau tidak, dia harus menumpukan kepada pelajaran. Ini akan membantu para pelajar untuk menampung perbelanjaan mereka di IPT.

Di samping itu, ia juga akan mengurangkan punya bergantung sangat kepada tenaga pekerja asing yang mana telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Dewan sebelum ini bahawa kebanyakan di *frontliners* orang asing telah mula membanjirinya yang sepatutnya boleh diisi oleh orang-orang tempatan mempunyai dasar untuk menggalakkan kita rakyat yang memerlukan mempunyai dua pekerjaan mungkin dapat mengatasi masalah yang sedemikian.

Selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai budaya sukan. Budaya sukan bertujuan untuk mewujudkan rakyat dan masyarakat yang sihat dan cergas. Akan tetapi di samping itu juga, budaya sukan hendaklah membentuk ahli sukan yang berdisiplin, berintegriti dan berdedikasi. Saya hendak bertanya kepada Kementerian Belia dan Sukan, sejauh mana kementerian dapat memantau persatuan-persatuan sukan negeri untuk memastikan atlet-atlet mereka, terutamanya yang mewakili negara daripada atlet negara yang memastikan supaya mereka tidak terlibat dalam gejala-gejala yang tidak sihat seperti menjual perlawanan dan sebagainya? Seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Megat hari itu, bahawa judi-judi haram berleluasa dan bukan sahaja di Selangor tetapi di semua negeri.

Tidak mustahil judi-judi haram ini juga mempunyai kesan kepada prestasi ahli-ahli sukan kita yang semakin merosot sekarang ini, terutamanya bola sepak. Cuba bayangkan bola sepak dalam tahun 70-an, dalam Sukan SEA kita boleh membelasah pasukan lawan 8-0 dengan mudah. Dalam Sukan SEA tahun lalu, pasukan bola sepak kita tidak terlepas daripada perlawanan pusingan awal. Selepas pusingan awal, pulang.

Pada tahun 1980 - Piala Merdeka, pasukan kebangsaan mengalahkan pasukan Arab Saudi dengan mudah 3-1. Akan tetapi berjumpa dengan Arab Saudi sekarang, dibelasah 10-0. Baru-baru ini kalah 2-0, *coach* kata satu pencapaian. Adakah kekalahan itu satu pencapaian? Saya pun hairan. Kalah 2-0 satu pencapaian. Kalau dia kata dia seri, menang pencapaian, kalah 2-0 dia kata pencapaian. Jadi, apakah kemungkinannya bahawa pemain-pemain bola sepak kita ini terlibat dalam judi-judi haram dan mengatur perlawanan? Dia hendak kalah banyak, dia kalah. Dia hendak kalah sedikit, dia kalah. Dia hendak seri, dia seri.

Jadi saya hendak tanya, adakah kementerian memantau peserta-peserta sukan untuk memastikan bahawa ahli-ahli sukan negara yang di bawah naungan mereka tidak terlibat dalam gejala-gejala sebegini sehingga merosotkan prestasi sukan kita? Akhir sekali, saya ingin mengucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua selamat bersara.

Saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih atas segala bimbingan, nasihat Tuan Yang di-Pertua kepada saya selama empat tahun lebih. Empat tahun setengah saya bernaung di bawah Tuan Yang di-Pertua. Saya mendapati pencapaian Tuan Yang di-Pertua yang paling ketara ialah usaha Tuan Yang di-Pertua untuk memartabatkan Dewan Negara ini. Legasi ini merupakan satu cabaran untuk dikekalkan oleh Dewan Negara. Saya mengucapkan tahniah dan selamat bersara. Akhir sekali, saya mohon menyokong. Sekian, *assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikumussalam warahmatullaahi wabarakaatuh*, Datuk Kadzim. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukur bin P A Mohd Sultan.

4.49 ptg.

Tuan Haji Abdul Shukur bin P A Mohd Sultan: *Bismillaahir Rahmaanir Raheem. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

■1650

Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah*. Bertuah rasanya saya dan rakan-rakan seperjuangan sekalian yang dapat kembali ke Dewan Negara yang mulia ini untuk bersidang bagi sesi pembukaan Dewan Negara, Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Ketiga Belas, tahun 2016 ini berhadapan dengan Tuan Yang di-Pertua. Ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua yang menaruh penuh kepercayaan kepada saya untuk bangun mengambil bahagian berucap Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Diraja, Baginda Tuanku telah menyentuh beberapa isu dan topik yang saya kira tepat pada masanya dan perlu diberi perhatian. Jelas, Ke bawah Duli Tuanku begitu mengambil berat dan prihatin berkenaan hal ehwal rakyatnya dan saya sebagai rakyat Malaysia begitu berbangga mempunyai seorang raja yang jelas prihatin dan mengambil berat akan kebajikan rakyat. Izinkan saya menyentuh hal ehwal isu ekonomi dalam ucapan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini asas ekonomi Malaysia diyakini akan terus kekal mampan dan berdaya saing meskipun berdepan persekitaran ekonomi global yang mencabar. Ini bukan cakap-cakap kosong tanpa fakta tetapi pencapaian ini terbukti menerusi pelbagai pencapaian tahun lalu termasuk pertumbuhan ekonomi lima peratus, peningkatan pelaburan asing lebih 22 peratus setahun dan penciptaan 1.8 juta pekerjaan baru. Malah, laporan antarabangsa juga turut mengesahkan seperti yang dilaporkan oleh *Bloomberg*, kemasukan pelaburan asing ke dalam Malaysia adalah yang terbesar di Asia dan bursa tempatan adalah yang paling stabil di rantau ini.

Jelas sembang-sembang kosong dan *hearsay* oleh sesetengah pihak sebenarnya mempunyai agenda tersendiri dan cuba memperkecilkan kemampuan negara daripada sektor pencapaian ekonomi.

Namun, harus diakui juga, di sebalik kelembapan ekonomi, harga minyak dunia yang tidak menentu dan nilai Ringgit yang agak merosot mempengaruhi iklim ekonomi kita.

Namun, tidaklah sampai ke tahap merbahaya dan perlu ditekan *panic button*. Kemapanan ekonomi kita masih berdaya saing biarpun ada beberapa sektor seperti minyak dan gas yang terpaksa merasionalisasikan kembali strategi perniagaan serta tidak dapat mengelak daripada mengurangkan jumlah pekerjaan.

Namun, saya yakin langkah ini hanya bersifat sementara. Bila mana harga minyak kembali kepada paras yang munasabah, Ringgit kembali kukuh, sudah pasti ekonomi negara kembali berada pada landasan yang baik.

Tidak usahlah terus memperkecilkan negara pada warga asing. Malah, ada yang sanggup mengajak orang asing campur tangan dalam hal ehwal negara kita. Cukuplah kita dijajah selama hampir empat dekad. Sekarang biar apa pun terjadi, biarlah kita sendiri yang mencorakkan hala tuju negara kita. Tanamlah sedikit semangat patriotisme agar kita dapat menjiwai perjuangan datuk nenek moyang kita ke arah kemerdekaan. Jangan tergadai negara kita dan dijajah kembali dari sudut ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga terpanggil untuk menyentuh isu-isu hal ehwal keselamatan negara. Sebagaimana keprihatinan Ke Bawah Duli Tuanku yang menzahirkan dalam Titah Baginda di mana Baginda mahu melihat negara kita kekal aman, harmoni dan mengelak daripada sebarang kekacauan dan pertelingkahan sama ada dengan anasir dan ancaman luar mahupun pertelingkahan sesama kita. Ini semua, menurut Baginda, bakal merugikan dan melemahkan negara sekali gus membuka ruang untuk kuasa asing campur tangan dalam hal ehwal pentadbiran kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya setiap daripada kita ada peranannya. Setiap individu dipertanggungjawabkan untuk mempertahankan keselamatan negara daripada pelbagai ancaman luar dan dalam negara ataupun ancaman tradisional dan bukan tradisional.

Berkaitan isu ini, izinkan saya memfokuskan pada isu semasa yang sering diperbincangkan oleh setiap rakyat kita iaitu lambakan pendatang asing, sama ada yang mendaftar ataupun yang tiada dokumen sah yang pada pandangan saya, jika tidak dikawal boleh mendatangkan ancaman keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut perangkaan, sejumlah 2.1 juta orang pekerja asing telah berdaftar dan jumlah ini terus meningkat. Jika dicampurkan dengan yang tidak berdaftar, yang datang secara tidak sah, dilaporkan jumlah yang tiada permit iaitu PATI jauh melebihi jumlah yang sah. Tiada pihak yang mempunyai anggaran yang tepat bagi PATI ini. Akan tetapi hasil bancian dan kajian, mungkin jumlah PATI hari ini sekitar empat hingga enam juta bertaburan di seluruh negara dan bekerja dalam pelbagai sektor malah mempunyai koloni sendiri di setengah-setengah tempat.

Ada kampung Indonesia, koloni Myanmar, terusan Vietnam, tempat melepak Bangla, malah yang lebih merisaukan, ada *'Little Africa'* yang rata-ratanya dibanjiri dan dikuasai oleh warga asing. Baik lelaki mahupun perempuan, yang kedatangan dan aktiviti mereka ini tidak diketahui matlamatnya. Semua berpura-pura sebagai pelajar. Ada pas pelajar tak dapat hadir kelas, tinggal menyewa di kondo-kondo mewah dan memandu kereta mewah. Malah, berlagak seperti orang kaya.

Malah, di sinilah wujudnya *love scam, money scam* yang dilaporkan pada tahun 2015 sahaja, orang tempatan yang terpedaya kehilangan jumlah hampir RM5 hingga RM10 juta. Semuanya gara-gara terpicat dengan 'mat salleh' ekspatriat yang kononnya kaya dan bekerja di sektor minyak antarabangsa, kakak, sehingga ada yang sanggup menyerahkan wang tunai yang banyak, malah ada yang tergedai maruah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang membuat keputusan untuk tidak mengambil dan membatalkan kemasukan 1.5 juta orang dari Bangladesh. Apa yang saya ingin maklumkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan patut memikirkan cara macam mana untuk mengambil di sekitar empat hingga enam juta yang gagal sebagai PATI untuk memutihkan mereka semula. Sepatutnya kerajaan pada hari ini memberhentikan sama sekali kemasukan buruh asing pada ketika ini. Yang ada kita pulihkan semula.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya nak sebutkan juga di sini berkenaan dengan warga asing iaitu sama seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Adam Hamid kelmarin. Apa yang berlaku sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua?

Apa yang kita faham, pekerja-pekerja asing ini kalau dia bekerja di hotel, dia sebenarnya sepatutnya bekerja di bahagian *supporting* sahaja di belakang. Akan tetapi sekarang kalau Tuan Yang di-Pertua pergi ke hotel, PRO dia adalah orang asing. Yang bawa teksi pun orang asing. Yang di kedai-kedai mamak pun semua orang asing. Sedangkan yang kita faham, imigresen beri arahan bahawa mereka ini tak boleh jadi *front liner*, tak dibenarkan. Apakah yang kita buat?

Inilah kelemahannya iaitu penguatkuasaan, Tuan Yang di-Pertua. Saya haraplah pihak penguat kuasa mengambil serius perkara ini. Ini kegagalan kita, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin sentuh beberapa perkara, Tuan Yang di-Pertua. Satunya, Seri Paduka Baginda juga menyentuh tentang GST. Titah Seri Paduka Baginda pada para 20, "*Beta mengalu-alukan penubuhan Jawatankuasa Khas Bagi Menangani Kenaikan Kos Sara Hidup serta menambah bilangan barangan dalam senarai kenaan GST yang pada kadar sifar. Ini membuktikan kerajaan beta sedia mendengar pandangan rakyat. Bagi melindungi pengguna, beta menyeru supaya tindakan tegas diambil ke atas pihak-pihak yang mengeksploitasi harga dan mengambil untung berlebihan. Pengguna juga haru bijak berbelanja dan membezakan antara keperluan dan kehendak serta utamakan barangan tempatan.*"

■1700

GST ini memang baik untuk negara, Tuan Yang di-Pertua. Kita dapat pulangan RM20 bilion RM27 bilion, *okay, fine, alhamdulillah*, baik untuk negara. Akan tetapi apa yang berlaku sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua penguat kuasa kita cukup lemah, cukup lemah.

Saya beri satu contoh, Tuan Yang di-Pertua. Saya pi minum di Damansara, segelas *Nescafe* ais RM3.40. Saya tanya *cashier* itu, "*Pasaipa you charge RM3.40?*" Dia golek kepala, dia tak tahu. Kita bayar. Saya tanya, "*Mana board tanda harga?*" Tak dak, Tuan Yang di-Pertua. Ini Kuala Lumpur, Tuan Yang di-Pertua. Tak dak. *Okay, fine*. Malam saya minum di kedai mamak juga di Petaling Jaya. Benda yang sama, satu gelas *Nescafe* ais RM2.40.

Cuba Tuan Yang di-Pertua lihat keadaan sekarang. Benda yang sama harga tak menentu. Kerja ni dah okey lah, Tuan Yang di-Pertua macam kita okey kita bayar, kita ambil tahu. Orang kampung yang datang dari utara dari selatan, mereka datang sini. Harapan rakyat ini cukup tinggi kepada kerajaan supaya kerja-kerja ini semua kerajaan buat. Jadi tak apalah kami marah fasal GST, sudahnya benda ini dah sejuk dan kebelakangan ini kita tengok macam tak ada apa. Itu bab makan.

Kalau Tuan Yang di-Pertua pergi kedai apa yang Dato 'habaq' dalam cerita memang betul. Saya masuk beli barang, dia ada dua harga. Satu harga beresit, satu harga tanpa beresit. Mungkin dia akan kurangkan lebih kurang RM5. Tak beresit, tanpa GST. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tak perlu berlaku. Tak patut berlaku. Kelemahan kita ni Tuan Yang di-Pertua, maaflah saya terpaksa tegurlah, penguat kuasa kita ini cukup lemah.

Ini daripada pekerja asing, daripada segi GST, so nampak tak kisah. Kesudahannya Tuan Yang di-Pertua, rakyat marah pada kerajaan. Kerajaan kena tanggung, ni yang pegawai-pegawai ni buat kerja apa? Sepatutnya mereka inilah membela pilihan kerajaan jangan dok kata kita ni orang politik sahaja yang kena bela kerajaan. Apakah kerajaan tak beri? Tahun ini penaik gaji, mai bulan tujuh penaik gaji. *Come on lah be thankful to the government.* Buat kerja jujur sikit. Itulah yang saya minta Tuan Yang di-Pertua. Saya harap benda ini mereka jawab Tuan Yang di-Pertua.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua saya hendak sentuh juga di sini Tuan Yang di-Pertua akan pencen 25 hari bulan, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat akan pencen 25 hari bulan. Sebulan sebelum Tuan Yang di-Pertua pencen pejabat *pension* hantaq surat kepada Tuan Yang di-Pertua isi borang pencen. *Am I right,* Tuan Yang di-Pertua? Okey. Tuan Yang di-Pertua pun isilah, *pong pong* panggil pegawai tolong isi, okey pegawai pun isi, hantaq. *So you expect you get your salary this month, inshaa Allah* dua bulan tiga bulan Tuan Yang di-Pertua akan dapat pencen.

But Tuan Yang di-Pertua jangan terkejut, Tuan Yang di-Pertua tak akan dapat pencen yang sekarang ini. Ini saya bangkitkan kepada Tuan Yang di-Pertua saya dapat SMS daripada bekas Senator yang pencen 2015 sampai sekarang menerima pencen RM2,000. Dua penggal sampai sekarang berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negara yang mana kita berjuang naik elaun, ini pencen dapat RM2,000. Dekat siapa kita hendak mengadu ni, Tuan Yang di-Pertua?

Now you are in the office, Tuan Yang di-Pertua. *You are a good man, so* Tuan Yang di-Pertua tolong bangkit sebelum nak habis 25 April ini. *You call JPA tell them, what is happening? No, we need a man like you. Sorry,* Tuan Yang di-Pertua [Tepuk] Teruk. *Very sad* lah... [Disampuk] Para pegawai Datuk Abbas, yang saya dok bercakap ni karakter pegawai. Menteri baguih, nu budak-budak belakang nu, dengan comel, *oh clear* semua. *No,* ini betul saya tahu menteri dok fokus tengok ni apa saya nak bercakap ni benda betul. Tuan Yang di-Pertua, *tomorrow you take a call, call them. What happened?*

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin dengan saya dia tak berani.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Tak tahu lah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi apa Yang Berhormat katakan itu akan saya cuba.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: *Alhamdulillah.* No, saya dapat SMS kelmarin daripada mantan Senator Khalid. Kawan tu dah lah mulut tak boleh nak bercakap. Dah kena *accident. Jaw accident. Operation.* Dia SMS pada saya, saya telefon pegawai dia kata YB tak boleh bercakap. Awat? Dah *jaw operation,* tak boleh. Dihantar lah, *"Sampai hari ini dok terima RM2,000 lagi lah YB". Saya hendak luah kat siapa?" So this is the man.* Sebelum 25 Tuan Yang di-Pertua, *you call not for you, you are helping others.* Ini ikhlas, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang depa tak berani dengan *you,* bila *you* pencen, *"Ah tak apa Abu Zahar pon habis dah."* *You know, they are not serious.* Kita berjuang bermati-matian. *It could have happened to us* kalau kita yang Ahli Dewan ni tak berani nak bercakap, jalan lah lagu tu Tuan Yang di-Pertua.

Sorry mungkin orang tak suka lah saya bercakap macam ni kan?

Tuan Yang di-Pertua: Teruslah, Yang Berhormat. Teruslah.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: *I'm telling the truth.* Satu perkara lagi yang saya hendak sebut, bab anak-anak yatim. Ini tak lari, Tuan Yang di-Pertua. Bab anak-anak yatim ini saya ingat dah nak masuk empat tahun dah saya dok bercakap isu ni. Daripada RM8 sehari kepada RM16. Saya buat kajian macam-macam saya buat. *Last* sekali baru ini saya pergi jumpa Ketua Pengarah JKM.

Saya kata, "*Be fair lah. Bolehkah RM8 bagi makan kepada satu orang sebanyak lima kali dengan RM8?*" Macam mana Yang Berhormat?

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Tak boleh.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Tak boleh. Kita jaga anak yatim-saya salah seorang daripada Naib Presiden PEYATIM Malaysia. Kita tidak ada gaji Tuan Yang di-Pertua, tak dak. RM8 untuk lima kali makan. *How do you eat?* Kita 'pi habaq' kat jabatan, kita buat surat kepada menteri, *nobody listens*. Sebenarnya anak-anak yatim ini tanggungjawab kerajaan. *It is the government's responsibility*. Kita ni NGO, kita kumpul anak yatim, kita buat rumah anak yatim, kita jaga. Kita tak mahu ni dok pi minta sedekah di kedai Shell apa semua, tak mahu.

Kita ada peraturan kita. No. Adakah JKM bagi kita RM8 kita kata patut *should be* RM16. *So what happened*, saya kena jelas benda ni, buat surat kepada JKM, JKM buat kepada MoF. Mereka kata lulus, lulus dia bayar duit atas nama JKM juga, Jabatan Kebajikan Masyarakat. So Jabatan Kemajuan Masyarakat dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dua buah benda berbeza. Sekarang ini orang Jabatan Kemajuan Masyarakat dapat RM16, dia bagi budak-budak yang di KEMAS ini daripada pukul lapan sampai pukul satu *they get* RM16. Yang kita jaga anak yatim 24 jam RM8. Dia kata, "*Yang Berhormat kami tak ada kuasa*". So saya merayu di Dewan yang mulia ini kalau yang dok dengaq di luaq tu, MoF *please consider this*.

■1710

Saya berharap tahun ini, tahun keempat saya berucap bagilah peruntukan. Tidak banyak, Tuan Yang di-Pertua. *We will need only RM11 million cover 4,000* orang anak yatim. Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, *for your information*, dengan izin, dia nak bagi duit kat kita sekarang ni- kalau Dato' K, tempat Dato' K anak yatim Dato' K ada aset, Dato' K tak akan dapat RM8 kerana Dato' K ada aset. Dia kurangkan lagi. Saya katakan kepada JKM, aset ini kita bubuh *fixed deposit*. Kalau esok-esok kita tak dak duit, kita akan *withdraw fixed deposit* ini, kita guna duit tu. Oh, tak boleh. So, benda ini kita tengok tak betullah dasar itu. Jadi saya harap ini JKM kena memikirkan jalan untuk membantu. Saya harap sangat Tuan Yang di-Pertua, ini bab anak yatim. *I think...*

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Mohon mencelah.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Okey, sila.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya pendapat Yang Berhormat Tuan Haji Shukor, adakah RM8 ini, saya tidak dapat membayangkan apa yang dimakan oleh anak-anak yatim ini. Bila saya bahagi di sini, untuk makan pagi RM1.50, makan tengah hari RM2, minum petang RM1, makan malam RM2, dan *supper* RM1.50, menjadikan RM8. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Tuan Haji Shukor, apakah yang dia orang makan di rumah anak-anak yatim ini? Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih Yang Berhormat. *Insyallah*, anak-anak yatim ini kita beri makan...

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: [Bangun]

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Hendak tanya juga?

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Boleh? Saya tak boleh tanya? Boleh, boleh tanya? Jadi, ini cagak minum kopi RM3.40 di Damansara. Kopi RM3.40. Pagi makan, tengah hari makan, malam makan, RM8 mana boleh cukup, tak ada cukuplah. Betul? Itu soalan saya mahu tanya.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih. Yang Berhormat Datuk Seri Nalla. Dia pun kira, dia pun macam ceti juga, bila bercakap dia kira semua. Terima kasih Yang Berhormat.

Sebenarnya apa yang saya hendak luahkan di sini, Yang Berhormat Shahanim... [Disampuk] Bukan cetikah? Okey. Apa yang saya hendak maklumkan di sini Tuan Yang di-Pertua, kita bagi makan seperti anak kita. Pagi dia makan nasi lemak, telur. Hari ini kita bagi ikan, esok kita bagi daging, lusa kita bagi ayam. Macam anak-anak kita. So, kita tak boleh *based* sangat kepada *I mean*, JKM membantu kita. So, kita cari duit. Kita car lah, pada orang yang menderma dan sebagainya.

Apa yang kita hendak itu, kalau kerajaan kena *consider*, perbelanjaan itu meningkat. Dia kata kalau *you* ada bangunan besar, *you* punya aset ada, kita kurang. Tak betul. Jangan kita fikir anak yatim kena duduk pondok.

Kita ini yang cari duit ini, kita buat macam mana kita duduk di rumah, macam itu kita mahu anak kita duduk macam itu. Tuan Yang di-Pertua, *you are welcome to my place*. Kita buat bangunan dengan *hall* segala-galanya, lebih kurang RM2.5 juta. Yalah masa itu Tan Sri Radhi, dia Menteri. Dia kata dia angkat, semua nak buat, nak bagi. *Alhamdulillah*. Jadi, selesalah anak-anak yatim duduk. Jangan kerana kita ada aset, *you* kurangkan *contribution* ini terus. Ini yang saya nak minta. Itu saya selesai bab anak yatim Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah dapat luahkan perasaan saya.

Pencen, sudah bercakap sudah. Keempat, Hospital Padang Besar. Hospital Padang Besar ini saya sudah bercakap dari tahun sudah. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat Perlis. Tahun sudah Yang Amat Berhormat melawat Perlis, dua kali. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, depan rakyat Perlis, tak ramailah, lebih kurang 10,000 orang kepada 15,000 orang. Sebab orang Perlis marah, dok marah kat PM. Saya kata, saya *whisper message* kepada PM, benda ini cukup penting. So, PM umumkan, *second visit*, PM umumkan. Saya masuk di Dewan ini, saya sebut. Saya tengok bajet, tak ada.

Saya pergi tengok Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan negeri dia beli tanah lebih kurang 24 ekar. Tanah, sudah siap. Tanah *is ready*. Tak ada. Hospital saya pergi, saya pergi di daerah sahabat mantan kita ini, saya pergi ziarah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cuba ringkaskan.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Okey. So, saya minta perkara ini dibawa masuk dalam MoF. Bajet ini masuklah untuk kepentingan rakyat Perlis. *We deliver 100 peratus Parliament to kerajaan Barisan Nasional*. Tak kira tiga, 100 peratus. *I'm talking 100 peratus, I'm not talking about three*, izin.

Akhir Tuan Yang di-Pertua, saya nak sebut ini berkenaan dengan El Nino. El Nino ini, tadi Menteri dia bercakap fasal penanam padi. Penanam padi memanglah tak boleh nak menanam padi di Perlis setakat ini. Empat bulan tak hujan. Barulah dua hari sudah saya dapat *call*, kata hujan. Sehari sudah hujan, lepas itu tak hujan. So apakah yang berlaku, saya sembang dengan sahabat saya ini, dok bisik dekat dia. Dia curi *the point* saya, saya kena bercakap juga. Saya pesan dekat kawan saya, lebih kurang dalam 500 kilogram harum manis. *That is the icon of Perlis*. Dia saya hantarlah saya cepat sebab Dewan bersidang ini, bolehlah saya bagi rasa dengan kawan-kawan.

So what happened Tuan Yang di-Pertua, macam Yang Berhormat ini ceritalah- dia balut, buah kena balut. Jaga buah, semua pakat balut. Cukup *time* ataupun pertengahan dua bulankah, pergilah nak *collect*. Dia buka, buah itu kecut. Manggallah kecut Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*] Ini masalah dia bila dok fikir lain kecut. Kecut ini buah mempelam. Makna kata dia tak kembang itu. Tuan Yang di-Pertua gelak, masalah. *So what happened*, tak ada air. Ini masalah bila dia kecut, air tak ada 4 bulan. Kering, memang kering. So, tak dapatlah buah mempelam. Tuan-tuan jangan marah pada saya. Itulah saya kata, saya kutip sikit-sikit. Jadi malulah kita nak bagi. Kadang-kadang kita bagi dua biji,. Allah sembang sahaja kuat.

So, this is what happened. Reality Tuan Yang di-Pertua. So, saya mohon kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk memikirlah, *some incentive to these planters*. Kerajaan galak depa suruh tanam harum manis. Yalah sekarang sampai RM38 sekilo. *Last week, last Sunday*, tiga helikopter *from KL fly down to Kangar*, tebas Harum Manis. *So, there are big havoc in the town of Perlis*. Tiga buah helikopter sekali turun. Ini kawan-kawan kita daripada KL turun Perlis. Memang, *it's a special fruit*lah. *So insya-Allah* kalau Harum Manis ini menjadi bulan depan, saya akan ingatlah kawan-kawan yang dekat ini saya dapat jumpa. Dapatlah rasa sedikit sebanyak.

Jadi Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Akhir sekali.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya kira saya pun hendak ambil masa ini nak mengucapkan terima kasih bagi saya peluang saya bercakap Tuan Yang di-Pertua.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan yang mana Tuan Yang di-Pertua pada 25 April ini, Tuan Yang di-Pertua akan bersara. Saya mengucapkan ribuan terima kasih. Saya empat tahun di bawah bimbingan Tuan Yang di-Pertua. *You are very strict. Saya salute. Tuan Yang di-Pertua, ini nak habis lagi beberapa jam, dok berleter kita tak habis lagi. The beauty of you, Tuan Yang di-Pertua. Ini kelebihan Tuan Yang di-Pertua.*

Tuan Yang di-Pertua nak habis lagi lebih kurang 48 jam, duduk diam-diamlah. Ini tidak, dok berleter dengan kita pula lagi [*Ketawa*] *That you must be here. Itu menunjukkan you are a real leader [Tepuk] Salute you Sir. Menunjuk kata, you bukan hendak mai nak jack aku, tak payah... [Disampuk] You duduk diam sikit bolehkah? So- no, I got to say it out, the truth of you. Makna kata you bukan berpura-pura. You stand out, maybe you like me, you don't like me, doesn't matter. You tell me off. Behave. That is you Tuan Yang di-Pertua.*

So, saya mengambil kesempatan ini, sangat-sangat teruja dengan stail politik Tuan Yang di-Pertua. Tadi kawan saya telefon, "*You tell your boss. I don't want to mention the name. One Dato' called me. Dia kata, "Yang Berhormat Shukor, you go and tell your boss". You are my boss. "Go and tell Tuan Yang di-Pertua, he got brain, at the same time he got- you got the guts for right". You- ini, kita dalam Dewan mungkin kita- you, Tuan Yang di-Pertua. You are going to finish on 25 of April.*

■1720

Orang luar pun memerhati Tuan Yang di-Pertua. *Why you say, what you say dalam TV, orang melihat. You ada standing you Tuan Yang di-Pertua. Allahuakbar, selamat bersara Tuan Yang di-Pertua, semoga Allah terus...*

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Macam mana?

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Sekejap lagi saya menangis di belakang- melimpahkan rahmat kepada Tuan Yang di-Pertua sekeluarga, saya doakan Tuan Yang di-Pertua.

Kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara yang baru akan memulakan tugas, saya ucapkan selamat datang dan selamat menjalankan tugas, kami Ahli Dewan berjanji dan berikrar untuk memberikan kerjasama. Macam mana kami memberikan kerjasama kepada Tuan Yang di-Pertua *the same thing we will do when Tuan Yang di-Pertua datang, kita akan taat macam itu juga. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Titah Diraja. Sekian, terima kasih. Thank you Sir.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Saya hendak bercakap pun tidak kenalah tetapi kalau Yang Berhormat bercakap kerana Allah, saya terima dengan penuh kehambaan juga. Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat- sudah lama tunggu saya fikir, Datuk Jamilah. Saya perhatikan nama-nama ini ramai, kita cuba secepat mungkin untuk selesaikan semua sekali. Kalau boleh Yang Berhormat, masa itu sependek mungkin syukur *alhamdulillah* tetapi kalau sekiranya hendak bercakap juga, saya tidak boleh tahan. Sekian, silakan tetapi tidak lebih daripada 20 minit.

5.21 ptg.

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera serta salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk turut berbahas menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bila Yang Berhormat berucap ini kan mengingatkan saya seorang Senator dahulu juga, yang pernah dari Sepang, Sharifah Norli. Suara dia serak-serak basah. Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah menyampaikan titah ucapan yang penuh bermakna di Dewan yang mulia ini. Titah Tuanku merangkumi banyak perkara meliputi pelbagai usaha kerajaan untuk memajukan negara di samping menyentuh beberapa perkara yang perlu dimantapkan demi kesejahteraan, keharmonian dan keselamatan rakyat jelata.

Tahun 2015 telah menjadi satu lipatan sejarah yang memberikan kita seribu satu pengajaran dan teladan. Ketidaktentuan ekonomi global telah menyebabkan pasaran komoditi eksport produk industri dan aktiviti perdagangan menjadi tidak menentu sehingga menyebabkan mata wang Ringgit menurun begitu mendadak lantas mendorong kerajaan untuk bertindak dengan bijak dan pantas bagi menstabilkan ekonomi negara. Tidak cukup dengan ujian tersebut, negara kita juga terpaksa berhadapan dengan krisis politik yang hebat antaranya, tuduhan skandal 1MDB dan isu wang derma RM2.6 bilion daripada Kerajaan Arab Sudi kepada Perdana Menteri.

Namun begitu ia ternyata terbukti tidak benar apabila Peguam Negara, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Jabatan Audit Negara dan Kerajaan Arab Saudi sendiri menyatakan tiada unsur rasuah dan salah guna kuasa melibatkan Perdana Menteri.

Dalam isu ini, Perdana Menteri dan Kabinet yang dipimpinya telah diserang bertubi-tubi sehingga menyebabkan pelbagai gerakan untuk menjatuhkan kerajaan secara tidak diplomatik dan melanggar Perlembagaan negara telah dianjurkan oleh pihak-pihak yang tidak berpuas hati dengan kerajaan. Bahkan hingga ada usaha untuk menganjurkan demonstrasi jalanan dan menjemput campur tangan pihak asing supaya terlibat sama dalam gerakan untuk menjatuhkan Perdana Menteri.

Namun begitu, berkat doa seluruh rakyat Malaysia dan kebijaksanaan pemimpin negara yang dipilih secara sah dan demokrasi telah membolehkan kita menghadapi tekanan ini dengan terurus dan terkawal. Dakwaan yang begitu hebat diutarakan itu ternyata dibuktikan tidak benar, buktinya walaupun diuji dengan hebat ekonomi Malaysia masih mencatat pertumbuhan yang baik walaupun berhadapan persekitaran ekonomi global yang mencabar. Kerajaan juga masih berdiri teguh dan berupaya melaksanakan tanggungjawab menyejahterakan rakyat dengan baik.

Sungguhpun negara berhadapan dengan ekonomi global malap, langkah tindakan kerajaan memperkenalkan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) telah berjaya menyelamatkan negara daripada mengalami krisis kewangan yang teruk kesan daripada kejatuhan harga minyak dan mata wang ringgit. Walaupun berhadapan dengan cemuhan, usaha tersebut telah terbukti berjaya dan menyelamatkan negara. Hasil kutipan cukai GST telah dapat membantu kerajaan menjana pendapatan baru dan berupaya mengimbangi kerugian yang dialami hasil kemerosotan pendapatan daripada kejatuhan harga minyak.

GST sekarang telah menyumbang kira-kira 10 peratus kepada hasil Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun lalu iaitu lebih daripada RM30 bilion. Pakar ekonomi seperti yang dilaporkan oleh *ASEAN HSBC Global Research* dan *ForexTime Limited* (FXTM) menyatakan bahawa pertumbuhan sihat ekonomi sebagai suatu yang kukuh dan menunjukkan Malaysia masih mampu berdaya saing walaupun menghadapi ancaman getir ketidaktentuan pasaran global.

Tuan Yang di-Pertua, projek Lebuhraya Pan-Borneo, kemakmuran yang di kecapai hari ini oleh seluruh rakyat Malaysia bukanlah datang bergolek begitu sahaja tanpa mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan. Pada hari ini seluruh rakyat Sabah dan Sarawak berasa amat bersyukur dan gembira kerana setelah sekian lama dinantikan akhirnya projek Lebuhraya Pan-Borneo telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Projek lebih raya ini yang dapat menghubungkan Sabah dan Sarawak bukan sahaja bakal merancakkan ekonomi dan kemajuan sosial kedua-dua negeri berkenaan tetapi juga dapat mengurangkan jurang perbezaan ekonomi di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Inilah yang menjadi impian rakyat khususnya di Sabah supaya semua rakyat di negara ini dapat menikmati pembangunan yang seimbang.

Saya menaruh keyakinan bahawa projek ini akan menjadi pemangkin yang dapat mentransformasikan kehidupan rakyat dan mengubah landskap di Sabah dan Sarawak, seterusnya dapat membawa arus pembangunan yang pesat.

Pastinya segala luahan hati dan keluhan kesah rakyat Sabah dan Sarawak selama ini dapat diubah khususnya rakyat yang tinggal di kawasan luar bandar yang dihantui dengan pelbagai masalah untuk menikmati taraf hidup yang selesa dan terjamin. Syukur *alhamdulillah*, majlis menandatangani perjanjian rakan pelaksanaan projek Lebuh raya Pan-Borneo sektor Sabah telah dilaksanakan pada 11 April yang lalu.

■1730

Perasmian Lebuh raya Pan Borneo bagi Sabah akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 24 April ini di Kampung Andus, Papar.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Lebuh raya sepanjang 2,239 kilometer ini yang bernilai RM27 bilion dijadualkan akan siap menjelang tahun 2025. Sungguhpun demikian, rakyat amat berharap sangat supaya projek tersebut dapat disiapkan tepat pada jangka waktunya. Diharap janganlah ada halangan, rintangan terutamanya daripada segi peruntukan kewangan yang membolehkan pelaksanaan projek ini terbantut.

Kerajaan Persekutuan telah berjanji kepada rakyat Sabah dan Sarawak untuk memberi komitmen yang sepenuh hati bagi memastikan projek ini mencapai kejayaan dan menjadi kenyataan. Oleh itu, pastikan janji tersebut ditunaikan supaya keyakinan rakyat Sabah dan Sarawak terhadap Kerajaan Barisan Nasional sentiasa berkekalan.

Daripada aspek lain, saya juga memohon supaya laluan lebuh raya ini juga hendaklah meliputi pulau bebas cukai Labuan. Saya difahamkan bahawa terdapat sedikit masalah memasukkan Labuan sebagai salah satu jaringan lebuh raya ini kerana melibatkan isu tanah. Walau apapun, saya berharap isu tersebut dapat diatasi dengan segera supaya projek yang hendak dilaksanakan tidak terganggu dan siap pada tempoh yang telah ditetapkan.

Bagi saya, Labuan penting dijadikan sebahagian daripada jaringan lebuh raya ini kerana Pulau Labuan merupakan pusat perdagangan dan pelancongan yang penting kepada negara. Selain daripada itu, saya juga difahamkan terdapat juga isu berkaitan dengan pemberian pampasan kepada penduduk yang terpaksa berpindah dari kawasan projek tersebut. Saya berharap isu ini dapat diselesaikan terlebih dahulu sebelum penduduk diarahkan berpindah dari tanah tempat mereka mencari rezeki sejak berdekad-dekad dahulu.

Saya difahamkan ramai di antara mereka tidak berdaftar sebagai pemilik tanah tetapi oleh sebab mereka telah lama tinggal di kawasan tersebut sejak zaman datuk nenek mereka lagi, jadi adalah wajar kerajaan menyelesaikan masalah bayaran pampasan tersebut dahulu bagi membolehkan mereka membina kehidupan baru di tempat lain. Saya harap episod protes dalam isu mengambil alih tanah pembinaan projek Empangan Bakun tidak lagi berulang yang berpunca daripada pertelingkahan bayaran pampasan tanah oleh kerajaan kepada penduduk setempat pada waktu itu.

Tuan Yang di-Pertua, isu penculikan di Sabah. Isu penculikan di perairan Sabah ini nampaknya tiada kesudahannya. Baru-baru ini dalam tempoh jangka masa yang singkat, kumpulan penculik telah menganas lagi dengan menyerang bot tunda dan menculik beberapa orang rakyat Malaysia dalam tiga kejadian yang berasingan. Amat mendukacitakan dalam usaha pasukan keselamatan mempergiatkan gerakan mereka, menghalang kemasukan kumpulan penculik dan penganas ke dalam perairan negara, kejadian yang sama masih lagi berterusan berlaku. Di manakah silapnya?

Dengan berulangnya lagi kejadian ini, rakyat telah mula mempersoalkan adakah operasi yang dilakukan oleh ESSCOM di perairan pantai Sabah ini benar-benar berkesan. Kejadian seorang rakyat Malaysia yang telah diculik dan kemudian dipenggal kepalanya masih lagi baru dalam ingatan dan sekarang empat orang lain rakyat Malaysia berada dalam tahanan penculik. Adakah kejadian yang sama akan berulang terhadap mereka di mana mereka mungkin dibunuh. Apa pun, insiden ini telah menimbulkan ketakutan di kalangan rakyat Sabah dan juga pelancong asing khususnya yang berada di kawasan Pantai Timur Sabah.

Dalam isu ini, saya melihat banyak lagi kelemahan dan kekurangan yang dihadapi oleh pasukan keselamatan ESSCOM dalam membanteras ancaman ini. Walaupun Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim mempertahankan keberkesanan kawasan keselamatan ESSCOM, tetapi perbuatan terlepas pandang untuk melindungi kapal-kapal dan bot-bot perdagangan yang menggunakan perairan ini satu kesilapan yang perlu diberi perhatian dan diperbetulkan. Daripada pengamatan saya, kumpulan penculik begitu bijak mengambil kesempatan terhadap kelemahan pasukan keselamatan di samping begitu memahami kedudukan geografi kawasan perairan tersebut sehinggakan jumlah pasukan keselamatan yang begitu ramai pun gagal untuk mengesan mereka walaupun kawasan perairan tersebut telah diisytiharkan sebagai kawasan darurat.

Memang tidak dinafikan bahawa peperangan menentang pengganas terutama yang berupa *kidnap for ransom*, dengan izin, ini memang sukar untuk disekat. Ini adalah kerana mereka mudah bergerak bebas secara tersembunyi di kalangan masyarakat setempat di samping amat mengetahui selok-belok geografi kawasan Lautan Sulu. Maka dengan itu dan keadaan ini tidak dinafikan bahawa kumpulan penculik telah berjaya melakukan jenayah kerana mereka mendapat bantuan daripada masyarakat tempatan khususnya di sebelah selatan Filipina.

Ini membolehkan kumpulan penculik bergerak dengan mudah di kawasan sasaran mereka. Berbeza dengan kejadian-kejadian sebelum ini, mereka sekarang menyasarkan kawasan yang jauh dari kawasan tumpuan pasukan keselamatan kita.

Tindakan Kerajaan Negeri Sabah baru-baru ini menggantung aktiviti perniagaan tukar barang (*barter trade*) di kesemua pelabuhan merupakan satu tindakan yang positif kerana ia berupaya memberi impak yang besar terhadap keselamatan di Sabah khususnya usaha mengekang aktiviti jenayah rentas sempadan. Walaupun tindakan ini dilihat menjejaskan kegiatan ekonomi penduduk setempat, tetapi nampaknya kerajaan tiada pilihan lain kecuali terpaksa mengambil langkah ini. Saya bersetuju langkah tindakan Kerajaan Negeri Sabah ini kerana kita tidak boleh berkompromi lagi dalam isu keselamatan. Inilah antara satu langkah tindakan terbaik bagi menyekat pergerakan kumpulan penculik dan pengganas termasuklah juga kehadiran pendatang asing tanpa izin.

Selain daripada itu, saya juga meminta kepada kerajaan untuk meluaskan lagi kawasan pengawasan dengan menggunakan radar yang lebih baik. Saya difahamkan lokasi kejadian penculikan yang berlaku di perairan berhampiran Pulau Ligitan pada 1 April yang lepas berada di luar kawasan liputan radar yang terletak di Pulau Dinawan kerana radar itu hanya dapat mengesan jarak sejauh 37 kilometer. ESSCOM juga perlu memberi *response* yang lebih berkesan lagi terhadap sebarang insiden penculikan atau keganasan.

Dalam beberapa insiden penculikan, kita lihat masa tindak balas oleh pasukan keselamatan ESSCOM masih lagi belum cukup pantas untuk menyekat kumpulan penculik daripada melarikan diri. Respons yang segera dapat memberi gambaran pasukan keselamatan berada di mana-mana. Dalam hal ini, pendekatan strategik oleh ESSCOM harus mengambil kira nisbah kemudahan logistik dan tanggungjawab dengan jarak kawasan dijaga.

Di samping itu, saya juga mencadangkan semua pemilik kapal, pengusaha dan peniaga di pulau serta pesisir pantai diperkenalkan dengan sistem kecemasan yang membolehkan memberi isyarat dengan cepat dan lokasi yang tepat kepada ESSCOM apabila berlaku kecemasan.

■1740

Dengan cara ini, dapat isyarat kecemasan dengan cara yang cepat kepada ESSCOM untuk mengatur gerak asetnya dengan pantas dan berkesan. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: Ya, saya rasa saya ada dua isu, namun telah disentuh oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Jadi, sebelum saya mengundur diri walaupun Tuan Yang di-Pertua tidak ada di sini, saya mohon supaya ucapan saya ini dapat direkodkan untuk perhatian Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana beliau mentor saya sejak kami bersama-sama di dalam MUBARAK dan sehinggalah dalam Dewan Negara ini.

Saya berdoa semoga Allah SWT memanjangkan usia Tuan Yang di-Pertua dan menganugerahkan kesihatan sihat walafiat agar Tuan Yang di-Pertua dapat terus berbakti kepada negara dan masyarakat. Saya juga mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas pelantikan sebagai Timbalan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: Dengan itu, saya mohon menyokong Titah Diraja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman. Saya minta tadi Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus. Sila.

5.42 ptg.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bertuah kerana saya dan rakan-rakan seperjuangan sekali lagi dapat kembali ke Dewan Negara yang mulia ini untuk bersidang bagi sesi pembukaan Dewan Negara tahun 2016. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang mana penuh memberi kepercayaan kepada saya untuk bangun mengambil bahagian Titah Menjunjung Kasih Ke Bawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya tidak ingin menyentuh beberapa sebab sudah disentuh oleh rakan-rakan kita yang terawal. Saya cuma ingin menyentuh mengenai dengan perkhidmatan MASwings dan mungkin juga ada masa, saya cuma tepatkan tidak lebih 20 minit, satu minitlah.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia ini sebenarnya kaya dengan keindahan flora dan fauna. Banyak yang masih belum diterokai dan di promosi secara komersial, terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak. Mungkin faktor kemudahan dan akses ke sana agak terhad, maka prospek industri pelancongan agak perlahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh kemudahan pengangkutan yang diterajui oleh MASwings. MASwings ini memang mempunyai rekod yang baik sejak sekian lama dan menjadi penyumbang silaturahmi antara dua buah negeri serta kemudahan rakyat untuk bergerak disebabkan faktor muka bumi yang tidak mengizinkan jika bergerak melalui jalan darat.

Saya memuji langkah MASwings melebarkan sayap mereka ke beberapa lagi daerah di Sabah dan Sarawak sebagai usaha mengelakkan pertumbuhan ekonomi kedua-dua negeri ini, juga sebagai langkah meningkatkan persaingan domestik. Saya sebenarnya penumpang setia MASwings. Saya sering berulang alik antara Labuan dan Kota Kinabalu yang tempoh penerbangan hanya sekitar 20 minit sahaja. Baru masuk kapal terbang, duduk rileks sekejap, tiba-tiba sudah hendak *landing*. Bayangkan, hanya tempoh 20 minit.

Akan tetapi apa yang saya ingin kongsi di sini, walaupun tempohnya singkat tetapi tambangnya tidak pula murah. Harga tiket sekitar dua hala iaitu *return*, dengan izin, RM406.95 dan *class business* pula RM488.70 bagi tempoh penerbangan 20 minit sahaja. Maka, saya mengambil kesempatan ini untuk mengusulkan kepada pihak pengurusan MASwings agar dapat memberi diskaun tambang penerbangan bagi laluan Labuan dan Kota Kinabalu ini bersandarkan pada tempoh dan jarak penerbangan yang singkat. Saya cadangkan, berilah diskaun mungkin sekitar 40 peratus hingga 50 peratus dari harga asal.

Malah saya yakin dengan pemberian diskaun tambang murah ini ia bakal merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi antara Labuan dan Kota Kinabalu, sekali gus industri pelancongan antara dua buah destinasi ini. Saya mohon agar cadangan saya ini mendapat perhatian serius pihak pengurusan tertinggi MASwings dan juga Kementerian Pengangkutan semasa menjawab isu yang saya sebutkan nanti.

Nombor dua mengenai dengan pekerja asing. Di Sabah, di Labuan, di Semenanjung, orang-orang pekerja asing dari Filipina entah berapa juta. Di Labuan, merekalah- minta maaf, di sini GRO, di sana PRO. Di restoran, di kedai makan, jadi tukang *construction*, semua mereka tetapi di sini pun begitu. Apa yang saya hairan di Kuala Lumpur, di sinilah pusat ataupun nadi di mana rakyat kita senang mencari pekerjaan. Akan tetapi dalam hotel saya menginap sekarang ini, Sunway Hotel atau Bumiputera Hotel, dalam 10 orang pekerja, saya lihat muka dia seperti Filipina, seperti juga manis-manis masam pun ada, hitam manis orang Bangladesh.

Saya tengok lagi, orang apa? Saya tanya dia, saya tidak tanya macam tanya *direct* dari mana dan bangsa apa? Saya cuma guna cara saya sendiri, secara berhemahlah. Dia tengok saya, dia tunduk saya. Dia cakap Orang Putih. Dia tahu dah, Inggeris slang itu memang orang Filipina. Dia fikir saya orang Jepun. Saya kata saya *Malaysian*, cakap Orang Putih. Jadi, saya tanya dia, ini minta maaflah, saya kata dalam bahasa Tagalog, minta maaflah... [Bercakap dalam bahasa Tagalog] Dia kata... [Bercakap dalam bahasa Tagalog] Apa khabar? Dia kata baik. Saya tanya lagi... [Bercakap dalam bahasa Tagalog] Dia beritahulah, *confirm* orang Filipina. Inilah, kalau bolehlah, pekerja asing ini mintalah kepada pihak kerajaan, kalau boleh yang ada itu *stop*.

■1750

Sekarang kerajaan kita ekonomi tidak begitu baik. Di Labuan, di mana saya ingat pekerjaan seperti *oil and gas* semakin hari semakin merudum. Saya sendiri pun, syarikat saya pun buang orang. Jadi, saya tengok orang ini macam *Philippines* ini, entah macam mana, apa ilmu mereka, mereka senang sahaja cari kerja. Di hotel yang begitu besar, entah-entah hotel lain di Semenanjung, yang hotel 5 Bintang, barangkali mereka juga yang jadi raja dalam pekerjaan. Jadi, saya minta seboleh-bolehnya *stop* yang ada dan cuba kita lihat, fikir dengan panjang lebar, bagi orang-orang kita pekerjaan. Walaupun mungkin 1,000 lebih orang *Philippines*, saya tanya, saya kata berapa *you* punya gaji? RM1,200. Saya cakap guna *Philippines* tapi saya cakap *Philippines*, minta maaf dia kata, "Dari mana, saya *Malaysia*. Oh! Saya tahu *you Datuk lah*." Akan tetapi mereka ini sungguh berhemah ataupun cukup baik PR mereka.

Dalam hotel saya itu daripada sepuluh- cuma dua orang sahaja *Malaysia*. Satu mungkin orang Sabah, perempuan, muka dia bulat-bulat begitulah, tidak leper. Saya tanya dalam bahasa Kadazan, dia *confirm*, dia cakap Kadazan dengan saya. Berapa lama sudah bertugas? "Sudah 10 tahun", dia kata. Macam inilah saya cakap sama dia 'singaranu', minta maaf. Ini bahasa Kadazan 'singaranu' ini siapa nama? Dia beritahulah nama dia, Kadazan betul, nama dia sini pun orang Kadazan. "Dari manakah?", saya kata, cakap Kadazan. Dia cakap, "Dari Sabah". Jadi, ini saya boleh dari Sarawak, Sabah, Labuan, negeri-negeri di Semenanjung, ramai orang minta pekerjaan. Kenapakah sehingga macam ini? Kita macam kurang imejlah, seperti malu.

Dalam tahun 2020, kita akan menjadi negara maju tapi rakyat kita, negara maju kurang maju, rakyat kurang maju. Jadi, mudah-mudahanlah, kerana kita ini, saya pun berjanji bercakap 19 minit. Mudah-mudahan kerajaan ini serius. Oleh sebab kalau kita, kerajaan kita tidak boleh menangani masalah orang kita sendiri, inilah akibat- pilihan raya hendak hampir. *Especially* orang muda, minta maaf. Di tempat saya, orang-orang kita, kita bagi dia kerja, habis-habis saya bantu dia sekarang ini, yang tidak kerja, dia kena buang daripada syarikat *oil and gas*, saya bincang dengan Jabatan Pertanian, tanam tanaman fertigasi. Satu *round* RM 20,000 tanpa cukai, *income tax* dan cukai segala-gala.

Jadi, ini satu inisiatif kalau boleh atau seboleh-boleh, orang-orang muda kita mungkin dia malas, satu. Mungkin dia memilih pekerjaan, satu. Jadi, apakah sudah jadi? Dalam masa tahun 2020 kita masih tunggu dan lihat. Jadi, saya minta seboleh-boleh kerajaan kita jaga rakyat kita terlebih dahulu daripada rakyat orang asing. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus. Baik, sekarang saya minta Yang Berhormat Datuk Zali bin Mat Yasin, sila.

5.54 ptg.

Datuk Zali bin Mat Yasin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam ucapan Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 7 Mac yang lalu. Pertama sekali, saya mendoakan agar Tuanku Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong dianugerahkan kesihatan yang baik dan terus menaungi, memayungi negara yang tercinta ini. Dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyentuh semua perkara berkaitan dengan soal ekonomi, politik, sosial, pentadbiran dan segala-galanya.

Pertama sekali sebelum meneruskan ucapan, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein. Oleh sebab pameran DSA yang sedang berlangsung di PWTC sejak hari Isnin sehingga pada hari ini yang mana dalam persidangan dan Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia 2016 telah pun mencatatkan satu sejarah. Penglibatan hampir 1,200 orang peserta pameran dan juga syarikat daripada 60 buah negara. Tahniah diucapkan dan dimaklumkan lebih daripada 30,000 hingga 50,000 orang pelawat yang menghadiri dan melawat pameran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan berhubung langkah kerajaan mempertingkatkan usaha membanteras pemerdagangan manusia. Sebelum ini kegiatan pemerdagangan orang jenayah global yang ketiga terbesar selepas jenayah dadah dan juga senjata dengan nilai dagangan sehingga RM32 bilion setiap tahun.

Akan tetapi kini jenayah ini menjadi jenayah global yang kedua setelah mengatasi pemerdagangan senjata dengan nilai mencecah hampir RM42 bilion setahun. Mengikut analisis, hampir setiap 30 saat dalam setiap hari, seorang kanak-kanak atau seorang wanita menjadi mangsa pemerdagangan manusia. Mengikut indeks perhambaan global, terdapat kira-kira 29.6 juta orang manusia diperhambakan di seluruh dunia, melibatkan lebih 160 buah negara.

Jadi, mangsa pemerdagangan orang ini dieksploitasi sebagai buruh paksa di ladang ataupun kilang, pekerja domestik sebagai pembantu rumah dan juga pekerja hamba seks. Malaysia tidak terkecuali. Malaysia walaupun mempunyai undang-undang khas bagi membanteras jenayah pemerdagangan orang ini seperti Akta Antipemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran dan juga Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang 2010/2015, namun kedudukan Malaysia mengikut *Trafficking in Persons Report* (TIP), masih lagi di tahap *three tier level* setelah *automatic downgrading* berada dalam dua tahun berturut-turut iaitu dalam tahap *ranking* yang kedua pada tahun 2012 dan juga tahun 2013.

Saya tidak menafikan bahawa kerajaan dan semua agensi kerajaan yang terlibat seperti imigresen, polis dan juga NGO dan sebagainya telah pun mengambil pelbagai inisiatif untuk memperbaiki kedudukan *tier levels* ini. Oleh sebab kedudukan *tier levels* ini adalah penting, bukan sahaja daripada segi reputasi negara tetapi juga menggambarkan tahap keselamatan negara ini.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan. Pertama, sejauh manakah Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang 2010/2015 ini telah berjaya dalam menangani isu pemerdagangan orang?

Kedua, setakat manakah kerjasama telah dijalinkan dengan *stakeholders* seperti UNHCR dan juga Kedutaan Amerika untuk mencapai *tier level 1* yang tidak pernah negara kita capai? Kemudian yang ketiga, saya juga ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, bilangan mangsa pemerdagangan manusia di negara ini bagi tempoh berikut, 2001 hingga 2006, 2007 hingga 2010, 2011 hingga 2015 dan berapa ramai kah yang telah ditahan dan dibicarakan atas kesalahan di bahawa Akta Pemerdagangan Orang?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai isu alam sekitar yang kita sedia maklum bahawa sekarang kita menghadapi fenomena El Nino. Di mana keadaan kepanasan yang melampau yang mungkin seperti kata Menteri Pertanian tadi mungkin menjangkau sehingga Mei dan juga Jun. Fenomena El Nino ini telah pun menyebabkan beberapa buah negeri terpaksa mengambil keputusan untuk menutup sekolah. Ini menyebabkan kesukaran kepada ibu bapa dan juga pihak pendidikan, termasuklah guru-guru dan juga pelajar.

Namun begitu, kita juga harus mengambil iktibar daripada apa yang berlaku sewaktu banjir besar pada tahun 2014 yang lalu, melanda negeri di sebelah Pantai Timur, termasuklah Kelantan, Pahang dan Terengganu.

■1800

Akan tetapi, Melaka juga mengalami masalah banjir yang teruk pada awal tahun ini 2016 yang mana pada bulan Disember kita mengalami banjir, kemudian hujung Januari, awal Februari kita juga mengalami banjir di beberapa buah kawasan di daerah negeri Melaka terutamanya daerah Melaka tengah, Daerah Alor Gajah dan juga Daerah Jasin, yang mana 13 buah Pusat Pemindahan Banjir telah pun dibuka dan melibatkan hampir 3,000 orang terpaksa dipindahkan.

Perkara ini amat jarang berlaku di negeri seperti negeri Melaka. Kalau negeri Pantai Timur, mungkin. Akan tetapi negeri Melaka berlaku dan ini menyebabkan keadaan yang tidak menentu pada ketika itu yang mana kerajaan negeri terpaksa mengambil tindakan bersama dengan agensi-agensi, jabatan-jabatan kerajaan yang lain termasuklah pihak bomba, pihak Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sebagainya bertungkus-lumus membantu menyelesaikan ataupun memindahkan mangsa banjir ini ke pusat-pusat pemindahan banjir.

Persoalannya di sini pada ketika itu, Melaka tidaklah menerima taburan hujan yang begitu banyak tetapi sebenarnya hujan dan banjir ini berlaku disebabkan aliran sungai yang Melaka berkongsi sungai dengan Negeri Sembilan dan juga negeri Johor. Ada beberapa batang sungai yang dari Johor dan juga Negeri Sembilan yang menyebabkan air dari utara negeri Melaka ini mengalir masuk terutama ke Daerah Alor Gajah.

Keadaan ini menyebabkan banjir kilat dan kemusnahan harta benda yang begitu besar dan bukan hanya *stress* kepada- Menteri Pertanian kata, *stress* kepada ayam, tetapi *stress* lebih teruk lagi kepada manusia, ada yang tidak dapat tidur, dan lebih *stress* lagi ialah pemimpin yang terpaksa berjaga malam bersama-sama dengan mangsa banjir ini.

Saya mohon kepada pihak Kerajaan Persekutuan khususnya, mengambil beberapa inisiatif supaya sama ada sungai ini dikorek lebih dalam ataupun dibesarkan lagi sungai ini ataupun dibina tebatan banjir ataupun kolam-kolam tebatan banjir yang boleh menghalang banjir berlaku pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, itulah masalah banjir yang saya ingin sampaikan khususnya di negeri Melaka. Dalam masa yang sama juga berkaitan dengan alam sekitar, saya ingin menyentuh mengenai surat khabar *Utusan Malaysia* hari ini, berkenaan dengan kes penebangan hutan yang berleluasa dan menggunakan nama Sultan Kelantan di Daerah Gua Musang yang menyebabkan hampir 4,000 hektar kawasan ditebang. Saya lihat perkara ini amat serius kerana suatu ketika dahulu Gua Musang dan juga kawasan Kelantan pernah mengalami banjir yang begitu teruk. Jadi diharapkan pihak yang berwajib agar menangani masalah ini. Masalah alam sekitar ini bukan hanya berlaku di beberapa buah negeri tetapi di seluruh negara. Di Johor baru-baru ini pun kita lihat bahawa pihak berkuasa telah mengambil tindakan. Kita ucap terima kasih kepada Sultan Johor yang mengarahkan supaya diambil tindakan.

Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, saya telah pergi melawat kawasan Taman Negara Ulu Tembeling. Saya lihat kawasan Taman Negara di kawasan Pahang ini juga mengalami masalah yang hampir sama. Kita amat khatir dan risau bahawa Taman Negara ini suatu hari nanti takut anak cucu kita tidak dapat lagi melihat flora dan fauna di sana kerana akibat kemusnahan alam sekitar yang begitu teruk di kawasan sekitarnya, saya lihat pembinaan jalan raya dari Kampung Tuit di Kuala Tahan sehinggalah ke kawasan paling jauh di Ulu Tembeling iaitu Kampung Mat Daling sudah bermula hampir 30 kilometer sudah siap, fasa yang kedua, sedang dilaksanakan tetapi sepanjang laluan tersebut saya lihat banyak berlaku penebangan balak ini dilakukan secara berleluasa.

Saya amat khatir dan bimbang sekiranya alam sekitar tidak dijaga dengan baik, saya amat risau pada suatu hari nanti kita bukan sahaja mengalami masalah kepanasan El Nino yang begitu teruk, mungkin juga berpanjangan untuk beberapa tahun dan apabila habis El Nino, kita juga menghadapi masalah banjir yang mungkin lebih teruk daripada tahun 2014. Jadi saya mengharapkan pihak berkuasa dapat mengambil tindakan yang sewajarnya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai gejala mat rempit anak-anak muda ini. Sebenarnya saban tahun kita bercakap mengenai mat rempit sama ada di Kuala Lumpur, sama ada di Kota Raya Pulau Pinang, Johor Bahru dan sebagainya. Hatta di Melaka sendiri masih lagi berlaku gejala lumba haram mat rempit ini terutama pada hujung minggu, hari Jumaat malam, Sabtu malam, Ahad malam yang mana ia boleh menyebabkan bahaya kepada pengguna jalan raya yang lain terutamanya pada waktu malam.

Jadi apa tindakan pihak berkuasa terutamanya polis, pihak JPJ dan sebagainya? Apakah hukuman yang boleh dikenakan kepada pelumba-pelumba haram ini? Kalau boleh, kenakanlah hukuman yang berat. Contohnya, kalau boleh, sita motor tiga bulan, enam bulan. Kalau boleh, penjarakanlah dua bulan, tiga bulan supaya menjadi pengajaran kepada pelumba-pelumba yang lain. Ini boleh sedikit sebanyak membantu kita supaya mengatasi masalah ini.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin: Boleh saya mencelah?

Datuk Zali bin Mat Yasin: Silakan kakanda.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Zali. Saya tertarik sikit, Tuan Yang di-Pertua, apabila bercakap soal mat rempit ini. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Datuk nak sampaikan supaya dikenakan hukuman yang lebih setimpallah, sebab pada kita, ia bukan lagi hanya menjadi masalah di bandar-bandar besar, tapi ia dah merebak sampai ke kawasan-kawasan bandar kecil pun, sudah menjadi satu budaya baru.

Dan ia bukan lagi membahayakan nyawa mereka sahaja tapi dah boleh membahayakan nyawa orang lain juga.

Akan tetapi, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau kita bercakap soal menambah soal hukuman itu ialah penaltilah, maknanya hukuman, tetapi mungkin juga pihak yang berwajib atau mana-mana kementerian, mesti nak melihat *the root cause*, dengan izin penyebab kepada masalah ini berlaku? Rempit ialah *consequences*. Itu ialah hasil yang berlaku. Jadi kalau hasil ini kita nak baiki mungkin dah terlambat tapi kalau mungkin kita boleh balik kepada punca kejadian yang mengakibatkan mereka berlaku seperti ini, mungkin. Kadang-kadang ada anak-anak muda ini yang saya tanya kenapa merempit, jawapannya mudah iaitu kerana mereka nak mencari identiti. *They are dropouts from school*. Kawan ada Tingkatan 5, dua-dua belajar, satu cemerlang pergi ke IPTA, IPTS, yang mereka ini yang tak dapat keputusan yang baik.

Jadi apa pandang Yang Berhormat, kita nak kena tengok juga macam mana nak selamatkan yang *dropout* ini. Sebab Tuan Yang di-Pertua, mereka nak mencari identiti. Dia tengok kawan masuk universiti dapat keputusan yang baik, mereka pun nak ada identiti mereka sendiri, nak bawa *girlfriend* yang cantik-cantik duduk belakang motor. Jadi dia pun cakap tak payah belajar tinggi-tinggi pun boleh bawa *girlfriend* juga. Jadi, merempit. Kalau mereka merempit hujungnyanya mereka berjaya, tak apa. Akhirnya habis di bawah tayar treler. Ini yang kita tak nak.

Jadi mungkin Yang Berhormat boleh bersetuju, mesti kita cari juga sebab kenapa ia berlaku, jangan hanya hukuman yang kita nak kenakan kepada mereka. Mohon pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Zali bin Mat Yasin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Megat. Saya juga bersetuju. Saya tadi memberi pandangan daripada segi hukuman tapi Yang Berhormat Datuk Megat mencadangkan supaya ada alternatif lain kepada anak muda ini kenapa mereka bersikap sedemikian. Jadi, saya pun setuju dan saya fikir ini kita kena lihat pada Kementerian Belia dan Sukan sebenarnya kerana mereka ini masih dalam umur belia remaja yang berumur 40 tahun ke bawah kebanyakannya.

Saya juga ingin menyentuh mengenai soal peranan pihak Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Saya baru-baru ini ramai kawan yang masih lagi berumur belia merungut, bising apabila isu berkenaan dengan penyelewengan yang berlaku di Kementerian Belia dan Sukan yang melibatkan hampir RM100 juta.

■1810

Saya juga sangat menghormati jawapan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan Malaysia yang berani memberi jawapan secara *transparent*, berterus terang sehinggalah ke dalam Dewan Rakyat baru-baru ini. Jadi saya fikir bahawa kesalahan ini yang disebut panjang lebar oleh Yang Berhormat dari Perlis tentang terdapat ramainya penjawat awam yang perlu mereka perbaiki dari segi *performance* tanggungjawab mereka dan jangan disalahkan pula akhirnya kepada Menteri ataupun orang yang terlibat dengan politik. Apa yang hendak disampaikan di sini ialah golongan orang muda belia ini masih mengharapakan...?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjang lagi? Sila Yang Berhormat.

Datuk Zali bin Mat Yasin: Sikit sahaja lagi. Jadi orang muda belia ini dia masih lagi mengharapakan supaya pihak Kementerian Belia dan Sukan membela nasib mereka terutamanya persatuan-persatuan belia yang berada di kawasan bandar dan juga di luar bandar. Kalau kita lihat setiap kali Majlis Perundingan Belia daerah negeri sampailah kebangsaan apabila dimohon peruntukan beri kepada persatuan belia bukan banyak RM3,000 untuk pengurusan dan pentadbiran setahun. Apa jawapan pegawai ialah bahawa tidak ada peruntukan, tidak ada bajet.

Akan tetapi apabila berlaku kes penyelewengan yang hampir RM100 juta, saya fikir ini juga satu keadaan yang kita susah hendak jawab kepada mereka. Sedangkan duit itu ada, wang itu ada, kenapa tak diberi kepada mereka, tak dibantu tetapi berlaku pula penyelewengan seperti ini.

Inilah yang menyebabkan ramai anak-anak muda kita mungkin akan lebih rasa kecewa. Jadi saya harap pihak Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dapat memandang serius perkara ini, bantulah mereka kerana kalau bukan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia yang membantu persatuan-persatuan belia yang ada ini siapa lagi yang hendak membantu. Inilah kementerian yang diwujudkan untuk membantu mereka. Jadi Tuan Yang di-Pertua setakat itu sahaja. Jadi saya dengan ini menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang kita jemput Yang Berhormat Dato' Khairudin bin Samad.

6.12 ptg.

Dato' Khairudin bin E. S. Samad: *Bismillahir Rahmanir Rahim... [Membaca sepotong ayat al-Quran]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak pandai berpantun sebab saya 07- orang boria. Orang boria Pulau Pinang ini dia tak pantun. Boria, dia pantun hujungnya sama. Jadi saya belajarlah sikit-sikit ini kerana Tuan Yang di-Pertua saya hendak ucapkan tahniah, untuk rekod supaya ada dalam *Hansard*, hendak ucap tahniah kerana diangkat menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara yang mulia ini.

*Kalau pergi ke Langkawi jangan lupa beli gamat;
Gamat dibeli berasa masin;
Yang Berhormat Dato' Seri dengan saya anak Pak Samad;
Cuma bin sama bapa lain-lain.*

Ha, nampak itu. Itu yang banyak sikit orang boria, boleh Tuan Yang di-Pertua? Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan saya melihat semuanya keprihatinan Seri Paduka Baginda itu terhadap negara ini cukup baik seperti tahun-tahun yang lepas. Cuma sebelum saya mengeluarkan yang lain-lain, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Dewan kepada apa yang disyorkan oleh Datuk Hajah Noriah semalam. Saya tak mahu ganggu beliau Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah tetapi saya simpan untuk saya utarakan hari ini.

Ini berkenaan dengan apa yang dicadangkan oleh Datuk Hajah Noriah supaya kita ini ditambah tiga penggal, bermakna ditambah lagi satu penggal iaitu tiga penggal untuk berkhidmat. Akan tetapi saya berpendapat adalah lebih baik kita pertahankan yang kita perjuangkan dulu yang dijanji oleh Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan iaitu satu penggal lima tahun. Sebab apa yang berlaku kalau tiga penggal, tiga tahun, tiga tahun, ada negeri-negeri yang hanya memberikan perkhidmatan untuk satu penggal. Jadi tidak ada faedahnya kalau kita pertahan tiga penggal daripada kita ambil satu penggal lima tahun. Jadi saya rasa perjuangan ini haruslah diteruskan dan sudah tentulah saya difahamkan untuk luluskan ini kita memerlukan 2/3 daripada Dewan Rakyat.

Dewan Negara ini tidak ada masalah, tetapi Dewan Rakyat. Akan tetapi saya rasa tidak menjadi masalah kalau kita boleh berbisik-bisik dengan rakan-rakan di sebelah sana untuk membantu kita, untuk kita boleh mengesyorkan supaya pindaan ini sebabnya ia pindaan Perlembagaan. Dilakukan supaya Dewan Negara juga boleh berkhidmat seperti mereka iaitu lima tahun sepenggal dan kita kekalkan dua penggal tidak jadi masalah. Bererti kita berakhir dengan sepuluh tahun. Kalau tiga penggal bererti kita berakhir dengan sembilan tahun kalau yang sambung. Akan tetapi kerajaan-kerajaan negeri juga harus diingatkan, kita masuk ke dalam Dewan ini hanya tiga tahun apa yang kita boleh belajar.

Dalam masa tiga tahun Tuan Yang di-Pertua yang dikasahi, dalam masa tiga tahun kita hanya bermesyuarat 26 hari setahun tak sampai sebulan pun. Jadi apalah pengalaman yang dapat ditimba dalam masa tak sampai tiga bulan selama kita berkhidmat. Jadi saya berpendapat adalah lebih baik lima tahun. Jadi Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari pula tolong bisik-bisik dengan parti-partai yang berkenaan untuk membantu kita mendapat sokongan 2/3 dalam Dewan Rakyat kemudian bawa ke Dewan Negara sudah 100 peratus kita akan sokong *inshaa Allah*. Itu pandangan saya berkenaan dengan term kita.

Satu lagi yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukur berkenaan dengan rakan kita Senator Dato' Khalid, mantan. Saya amat simpati kerana saya pun ber*WhatsApp* dengan beliau, mesej dengan beliau bertanyakan tentang pencen beliau. Saya difahamkan selepas digazet, apa yang dipersetujui apa yang di bentang di dalam Dewan Negara dulu setelah digazet dan dipersetujui oleh Yang di-Pertuan Agong digazet mereka itu dapat. Akan tetapi yang malangnya yang sebelum itu, kerana mantan kita ini Senator Khalid berhenti selepas kita bersetuju dengan gaji baru, dia pun pencen. Akan tetapi pencen dia sampai hari ini sudah setahun tak lagi diperbetulkan oleh pegawai-pegawai berkenaan.

Ini kalau kita hendak kata kita sebut JPA lah. Bererti bukan sahaja JPA, saya bersetuju dengan Dato' Boon Som, bukan saya tidak bersetuju dengan Datuk Adam, saya bersetuju dengan Dato' Boon Som. Masalah di sini ialah masalah pelaksana. Apa sahaja yang berlaku masalahnya ialah masalah pelaksana. Pelaksana yang mengambil masa begitu lama hendak perbetulkan sesuatu masalah yang ditimbulkan. Menteri ini saya ingat Yang Berhormat Senator Datuk Adam. Menteri ini dia datangkan, dia tak datangkan sama sahaja. Saya hendak ucap terima kasih lah- hilang pula, tak boleh hendak puji. Kalau dulu Yang Berhormat Senator Dato' Doris sewaktu menjadi Timbalan Yang di-Pertua, kalau saya puji cantik manis dia kata saya bodek. Tuan Yang di-Pertua saya tidak bodek, saya cakap yang nyata.

■1820

Macam Yang Berhormat Menteri, Datuk 'Kak Limah' ini, yang nyata beliau memang cantik. Akan tetapi bila saya kata dia cantik, dia kata saya *handsome*. Itu juga nyata [*Ketawa*] Bila saya kata dia cantik, dia kata saya Dato' K yang *handsome*. Itu juga nyata. Jadi saya kata yang cantik, pun nyata. Apa yang saya maksudkan di sini ialah Menteri hadir, Timbalan Menteri hadir di dalam Dewan yang mulia ini, kita minta dari dahulu sampai sekarang melainkan Menteri yang banyak dipertimbangkan, bila kita tanya pegawai "*Fasal apa you tidak lulus? Fasal apa you tidak buat? Menteri sudah beri 15 untuk pertimbangan*". Ada Menteri yang macam itu. Jadi kita minta Menteri-Menteri kalau ada kita minta tolong apa-apa, janganlah semua dipertimbangkan.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Boon. Betul Yang Berhormat Senator Datuk Seri Boon? Masalahnya sekarang ini pelaksana. Pelaksana yang tidak buat pelbagai perkara sehinggakan kita menghadapi pelbagai masalah, masalah yang kita hadapi Tuan Yang di-Pertua. Kemudian saya ...

Seorang Ahli: Hah! 'Kak Limah' masuk sudah.

Dato' Sri Khairudin bin E. S. Samad: 'Kak Limah' masuk sudah. 'Kak Limah' yang cantik manis [Ketawa] Ini kenyataan, nyata yang diberikan oleh Dato' K, yang handsome.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Terima kasih Dato' K.

Dato' Sri Khairudin bin E. S. Samad: Tuan Yang di-Pertua, bila saya sebut perkara-perkara ini, saya kasihan terutama kepada mantan Senator kita. Tadi panjang lebar daripada kawan sayalah, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor. Kita minta kalau boleh ia diberi perhatian oleh semua orang pelaksana ini. Cepatlah sedikit. "*Tahun 2020 sudah hampir*" kata Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi. Tahun 2020 sudah hampir sudah. Sudah hendak negara maju sudah, tetapi kita ini setahun ke belakang.

Dari bulan April Yang Berhormat Senator Khalid berhenti, sampailah ke bulan April tahun ini, masih lagi tidak terima duit pencen yang baru. Bayangkan kalau kita yang menghadapi itu, beratur hendak ambil BR1M tahun ini. Apakah yang menjadi masalahnya sangat? Saya minta pegawai-pegawai, kita bukan hendak marah atau hendak tegur yang bukan-bukan, tolonglah ambil perhatian. Setelah Dewan yang mulia ini, Dewan yang paling tinggi ini meluluskan pun menjadi masalah kepada pegawai-pegawai. Apakah masalahnya? Tolong ambil perhatian. Saya tegur ini sebab saya melihat banyak sangat perkara yang perlu dibetulkan. Kalau tidak, jadi masalah.

Titah Ucapan Tuanku berkenaan dengan hujan yang mengakibatkan banjir begitu besar di dalam negara. Kenapakah pegawai tidak buat *paper* kepada Menteri untuk buat empangan yang berlebihan? Kita sekarang menghadapi masalah air kerana empangan pun tidak cukup. Jadi kita buatlah. Kita buat empangan yang berlebihan, jadi bila air banyak, kita takungkan. Bila musim El Nino, apa "*no*" sekali pun, kita tidak akan menghadapi masalah air. Sekarang ini kita akan menghadapi masalah air. Ada orang yang sudah *order mineral water* berlori-lori. Air mineral berlori-lori simpan di rumah, stok kerana kita digembar-gemburkan bahawa kita akan menghadapi bencana kemarau yang perit. Itu yang menjadi masalah.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Kementerian Belia dan Sukan dan juga Kementerian Dalam Negeri, ini dua sekali. Satu PJS, satu ROS. PJS kita kena daftar kerana kita ini badan sukan. ROS kita kena daftar kerana kita ini badan-badan NGO yang lain. Akan tetapi PJS juga suruh kita daftar dengan ROS atau ROS pula suruh kita daftar dengan PJS, tetapi kedua-duanya ada. Satu diterima, satu ini terima. Sekarang ini badan-badan sukan berkelahi antara satu sama lain. Kalau akhirnya berkelahi, kita akan ada- saya dengar Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam yang juga Presiden PESAKA Malaysia, berkata kepada saya, "*Akhirnya, bola sepak pun ada dua. Satu PJS, satu ROS*". Semua badan sukan. Kalau ini tidak diperbetulkan- jadi saya minta kedua-dua kementerian ini bincanglah macam mana hendak menyelesaikan masalah.

Macam kita dalam silat Tuan Yang di-Pertua, kerana satu itu kita pertahankan dalam ROS kerana kesenian, satu lagi kita pertahankan kerana sukan. Itu betul tetapi janganlah suruh badan sukan ini pergi daftar, kemudian dia melayan badan itu tidak melalui PESAKA Kebangsaan. Ini menjadi masalah. Itu saya minta kalau boleh, kedua-dua kementerian ini selesaikan sebelum kita yang menjadi mangsa.

Kemudian... [Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan, teruskan.

Dato' Sri Khairudin bin E. S. Samad: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua... [Berucap dalam bahasa Tamil] [Ketawa] [Berucap dalam bahasa Tamil] Dengan izin Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Dato' Sri Khairudin bin E. S. Samad: [Berucap dalam bahasa Tamil]

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: [Bangun]

Dato' Sri Khairudin bin E. S. Samad: Beri saya habiskan dahululah, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Duduk.

Dato' Sri Khairudin bin E. S. Samad: Sedikit boleh saya cakap? Itu pun tidak fahamkah? *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Sebelah pun bergaduhkah?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator.

Dato' Sri Khairudin bin E. S. Samad: Saya beri peluang.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya teringat tadi, Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin, Yang Berhormat Senator Datuk Megat pun, banyak cerita tentang kebaikan kita punya Pengerusi Speaker kita, jasa baik dia kita kata. Jadi saya teringat semua kata tadi kita mesti pandai berbudi, mengenang budi dan membalas budi. Itu ingat ya. Jadi bak kata pantun Orang Melayu tadi.

*Ada padi, adalah beras,
Bertanak nasi periuk tembaga,
Ada budi, adalah balas,
Orang berbudi kita berbahasa... [Tepuk]*

Dato' Sri Khairudin bin E. S. Samad: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tadi saya *relate* itu pada anak muda seperti Yang Berhormat Senator Datuk Megat dan lain-lain supaya- jadi, betullah apa kata Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin tadi ya. Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin.

Dato' Sri Khairudin bin E. S. Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, itu satu. Kemudian saya hendak menyentuh fasal Malaysia Airlines Berhad. Malaysia Airlines Berhad ini dahulunya *Malaysia Airlines System*. Oleh sebab tidak ada sistem, ganti Malaysia Airlines Berhad. Kemudian kita bawa masuk Mr. Mueller. Mula-mula okey *[Ketawa]* Mr. Mueller ini mula-mula okey, sekarang ini sudah jadi masalah. Saya difahamkan keluar dalam Awani, dia sudah hendak bungkus hendak balik. Bayangkan selepas dia buang beribu-ribu kakitangan *Malaysia Airlines System*, baru dia tahu dia tidak apa hendak pulihkan kerana dia duduk dalam syarikat baru, Malaysia Airlines Berhad sebab *Malaysia Airlines System* sudah tutup. Kemudian dia pergi *advertise*, buat iklan di pejabat-pejabat *Malaysia Airlines* hendak mengambil pekerja baru.

Saya fikir-fikir, ini apa punya manusia ini. Mula-mula sahaja bagus, akhirnya dia sudah buang semua, sekarang dia hendak cari yang baru. Ini macam hotel tukar nama, "*Merlin*" tukar ke "*Concorde*". Apabila tukar *management*, maka bererti kita akan dapat kakitangan yang baru. Jadi, bayar gaji yang murah...

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Boleh, Yang Berhormat Senator?

Dato' Sri Khairudin bin E. S. Samad: Silakan Yang Berhormat Senator Tan Sri.

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Yang Berhormat Senator, tadi ada atau tidak wakil pramugari atau *cabin crew* jumpa Yang Berhormat Senator di kantin? Saya tadi ada di kantin, ada krew MAS yang kerja *cabin*, dia jumpa saya katanya hendak cari kerja baru. Dia minta taklimat daripada PUNB. Katanya kawan-kawan dia ada 3,000 orang yang tidak ada kerja. Ada seorang itu dia kata dia pernah bawa saya dahulu naik kapal terbang dan saya tanya, "*Berapa dapat compensation?*". Dia kata "*Dalam RM20,000*". Jadi ada 3,000 *cabin crew* sekarang sedang mencari kerja. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Senator?

Dato' Sri Khairudin bin E. S. Samad: Pertama Yang Berhormat, tidak ada. Kalau adapun mesti *stewardess*, tetapi dia tidak berani datang sebab anak saya ada *[Ketawa]* Kalau ada punlah, tetapi tidak ada. Dia macam ini Yang Berhormat Senator Tan Sri, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Tan Sri. Saya kasihan sangat.

Saya pergi ke Alor Star hendak pergi beli tiket naik kapal terbang balik ke Kuala Lumpur. Dia kata *ticketing office* sudah tutup, sudah bungkus. Saya kata, "*Fasal apa?*" "*Mueller beri arahan*".

■1830

Kemudian saya bergegas ke Pulau Pinang. Sempat beli tiket, dia pula bagi tahu dekat saya, kata yang ini pun hendak tutup.

[*Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.*]

Jadi itulah cerita ini Tuan Yang di-Pertua. Kalau Tuan Yang di-Pertua, PUNB boleh bantu, bantulah. Tuan Yang di-Pertua, inilah cerita Mueller ini. Mula-mula sudah berakhir. Saya pun sudah naik simpati dengan kakitangan ini. Entah apalah nasib malang mereka sebab selepas sudah buang ini semua, dulu kita tegur, di dalam Dewan yang mulia ini kita tegur, kita lawan habis-habisan. Kita minta supaya diberi pengertian terhadap apa yang akan berlaku ini sebab dia telah mengecohkan *Irish Air*. Dia telah mengecohkan...

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omdin: Minta laluan.

Dato' Sri Khairudin bin E. S. Samad: Ya, silakan.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omdin: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik fasal Mueller, Mueller ini. Saya ingat yang ini saya juga ada berbahas untuk selamatkan 6,000 orang dan saya pernah cakap di Dewan yang mulia ini dengan cukup lantang untuk bagaimana hendak selamatkan mereka kerana mereka ada keluarga. Saya setuju dengan Yang Berhormat Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam tadi. Sekarang benda ini telah berlaku.

Jadi apa pandangan Yang Berhormat Dato' Sri. Bolehkah kita lepaskan begitu saja. Dia sudah kata dia hendak berhenti pada bulan September kalau tidak silap saya. Akan tetapi dia kata, "*I insist to remain in the board*". *Board* tidak ada masalah. Maknanya *board* boleh duduk tapi jawatan CEO hendak lepas, selepas dinikmati semua.

Kita sudah cakap dulu, saya ingat dalam Dewan yang mulia ini, boleh rujuk pada *Hansard* saya. Jangan datang rosakkan, kemudian lari. Saya sudah sebut dalam *Hansard*, boleh rujuk. Akhirnya betul-betul ia berlaku hari ini. Takkan kita hendak lepas sedangkan ada 6,000 orang rakyat Malaysia yang hari ini tidak tahu mana hendak pergi. Yang isteri, suaminya gaji kecil tidak boleh hendak bantu, yang tadi pramugari-pramugari, kasihanlah. Akan tetapi ialah kita hendak tolong pun kalau bujang bolehlah kita cari-carikan mana yang belum kahwin tapi tidak ramai yang Dewan ini yang belum kahwin. Jadi ini saya katakan Yang Berhormat Dato' Sri, apakah caranya? Boleh tidak kalau kita minta dia sendiri bertanggungjawab. *You don't come, you do the mess, you leave us*, dengan izin. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Dato' Sri?

Dato' Sri Khairudin bin E. S. Samad: Pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, ialah Kementerian Kewangan kena ambil tindakan terhadap ini kerana ia dimasukkan oleh Kementerian Kewangan kerana ia di bawah Kementerian Kewangan sekarang ini, bukan Kementerian Pengangkutan kalau tidak salah saya. Akan tetapi kalau Kementerian Pengangkutan juga boleh mengambil tindakan, silakan sebab dia telah pun merosakkan keadaan. Kemudian saya ingin menyentuh tentang tayar-tayar kereta yang *retread*.

Tayar kereta yang *retread* ini saya sudah bincang dengan Kementerian Pengangkutan. Saya difahamkan tayar-tayar ini, *retread* ini maksudnya tayar yang ada sekarang ini dipotong, dibuat bunga di atas tayar itu. Bukan dia buat lapik tapi penguatkuasaan, pelaksana juga Tuan Yang di-Pertua, dia tidak memberi perhatian soal ini atau tidak *check* dengan kedai-kedai yang buat ini.

Mereka ini lapik tayar ini dan ini telah mengakibatkan kemalangan yang dahsyat di seluruh negara. Saya bincang dengan Kementerian Pengangkutan ini, dia kata memang ini masalah sebab tidak ada tindakan terhadap *retread* tayar. *Retread* ini bermakna dia kena guna tayar yang sama, dia buat bunga baru.

Dikorek buat bunga baru, bukan dia ambil sebiji tayar lain, dia lapik dari luar, yang itu tidak betul. Jadi itu yang terjadi kerana hendak menjimatkan perbelanjaan sebuah tayar itu mahal. Jadi dia menggunakan cara yang begitu.

Kemudian, saya hendak menyentuh tentang bangunan-bangunan yang ada di Malaysia ini. Bangunan-bangunan yang ada di Malaysia ini, yang pertama, saya tidak tahulah sama ada kementerian Datuk Halimah yang bertanggungjawab ataupun JKR yang bertanggungjawab. Bangunan tinggi ini yang menggunakan kaca sebagai dinding ini. Di dalam pakai *tinted* yang mahal-mahal supaya panas itu tidak masuk dengan tidak mengambil kira bahawa panas itu pantul keluar yang buat bagi kawasan kita ini bertambah panas dalam iklim yang panas ini. Jadi saya minta kerjasama kerajaan, kalau boleh kita buat keputusan untuk menyelamatkan keadaan panas ini, jangan benarkan lagi cermin-cermin terutama cermin yang boleh pergi bubuh gincu ataupun pergi sikat rambut. Kepada yang tidak ada rambut, tidak ada masalah. Dia kadang dia berhenti depan cermin itu, dia sikat rambut. Cermin ini cermin yang boleh pantulkan panas, yang ini juga kalau boleh kita kena beri perhatian supaya dihentikan.

Kemudian saya difahamkan kita ini kebanyakan Ahli-ahli Dewan Negeri, Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Negara kebanyakan kita boleh memohon pistol. Kita boleh memohon pistol, semua boleh mohon, yang mana tidak mohon, tidak mohonlah. Mana yang mohon kita akan dibekalkan pistol. Tidak payah bayar lesen pula itu. Jadi kebanyakan ada. Apa yang menjadi masalah sekarang bila Tan Sri KPN atau Ketua Polis Negara buat kenyataan kalau kita tembak salah, padahal kita terima lesen ini dengan syarat untuk mempertahankan diri, mempertahankan keluarga, mempertahankan harta benda. Sekarang ini kalau ada perompak masuk dalam rumah, kalau kita tembak perompak itu, apakah akan jadi? Yang ini kita minta pencerahan daripada Kementerian Dalam Negeri untuk memperbetulkan keadaan kerana KPN kata tidak boleh. Tidak boleh tembak orang.

Jadi apa guna kalau kita ada pistol tidak boleh tembak orang. Tidak akan tembak angin? Yang itu tembak di lapangan balapan... [*Disampuk*] Jadi yang ini kena bagi pencerahan sikit Tuan Yang di-Pertua. Kemudian saya ingin menyentuh tentang patriotisme. Patriotisme ini kita minta semua stesen TV dengan arahan daripada Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia, semua stesen TV. Kita bercakap banyak sangat sudah, soal Rukun Negara, sivik, tatatertib kita dan sebagainya. Kita cakap banyak sangat dalam Dewan yang mulia ini tetapi apa dia yang sebenarnya? Sampai kah apa yang akan dibawa?

Jadi saya minta Kementerian Komunikasi dan Multimedia arahkan semua tanpa mengambil keuntungan untuk menyiarkan, bila kita tengah sedap tengok gambar dia berhenti, daripada tunjuk iklan yang bukan-bukan, kadang-kadang kita pun sakit kepala tengok. Lebih baik dia iklankan soal Rukun Negara, tatatertib. Kita didik balik anak-anak bangsa kita ini supaya di masa akan datang tidak akan jadi masalah lagi sudah. Ini sampai Rukun Negara tidak faham, hendak mengikut dua buah lorong jadi tiga, tiga jadi empat, hendak gunakan tandas pun tidak faham. Fasal itulah kita menjadi masalah. Jadi saya minta Kementerian Komunikasi dan Multimedia supaya memberi perhatian agar ia dapat disebarkan melalui mereka.

Kemudian, bila bercakap soal pekerja-pekerja asing terlalu ramai, saya hendak bertanya juga, mengapa juru-juru tol di seluruh negara ini sedikit masa lagi akan menghadapi masalah pembuangan kerja sebab kerajaan telah pun membenarkan rumah-rumah tol ini menggunakan *Touch 'n Go* dan *SmartTAG*. Kalau ini berlaku Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, yang bekerja di situ semua anak tempatan, tidak ada PATI, tidak ada orang dari luar negara yang bekerja sebagai jurutol. Apabila saya sampai ke rumah tol yang ada seperti Kerinchi Link dan sebagainya, sudah membuang pekerja-pekerja ini, saya khuatir satu hari nanti bertambah lagi banyak pengangguran di dalam negara kita.

Kalau cari tempat untuk hendak jimatkan, cari tempat yang pekerja asing bekerja, yang itu kita buang tidak apa sebab dia akan balik ke negara dia. Kalau rakyat kita yang kita buang kerja, mereka hendak pergi merempat ke mana lagi. Sudahlah MAS ada 6,000 orang sekarang Yang Berhormat Datuk Megat Zulkarnain kata, ini hendak tambah lagi dengan juru tol. Jadi saya minta kerajaan tolong beri perhatian terhadap perkara-perkara ini.

■1840

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya akhir sekali saya hendak sentuh sedikit pasal apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal semalam berkenaan Dr. Zakir Naik. Saya masih ingat lagi sewaktu saya menjadi Pengerusi Belia tahun awal 80-an, kawan baik Datuk Seri Nalla, Dato Seri Anwar, akhir tahun 70-an baru keluar dari Kamunting. Jadi saya ini waktu itu Pengerusi Belia Idola, macam Datuk Seri Nalla juga. Saya bawa datang ke tempat saya untuk memberi ceramah Maulidur Rasul. Bila pihak IPD dapat tahu, saya kena *court martial* sebelum dia berucap. Kena *court martial* sebab saya jemput dia. Saya jemput dia ke tempat saya, saya kena *court martial* sebab dia tanya, apa dia hendak berucap? Saya mana tahu apa dia hendak berucap.

Oh, ini syarat-syarat yang diberikan oleh Jabatan Agama Islam tetapi polis tanya saya apa dia hendak berucap. Saya pun tak tahu apa dia hendak berucap dan kalau saya bagi sekatan pun, dia duduk atas pentas, dia pegang mikrofon, dia bercakap apa pun saya pun tak faham. Saya pun tak boleh *stop*, berhentikan dia. Jadi, apa yang Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal kata, saya ini seorang peminat Dr Zakir Naik. Akan tetapi apa yang beliau bersuara semalam saya bersetuju kerana kalau boleh kita bawa dia. Dia tidak faham keadaan kita yang majmuk. Dia tidak faham, dia tidak tahu.

Jadi kalau boleh sebelum seseorang penceramah dari luar datang ke negara kita untuk berceramah, kita beritahuah apa dia yang sensitif. Itu yang sepatutnya dilakukan. Bukan buat kenyataan kita hendak tangkap dia, kita tak bagi dia ini. Itu kita menimbulkan masalah kepada orang-orang Islam pula. Jadi saya minta kalau boleh kementerian kah, siapa sekali pun, Jabatan Agama Islam, panggil, bincang dulu, cerita dahulu bahawa sensitiviti kita ini apa. Bukan setakat kita sudah orang buat, baru kita hendak *stop* dan kita menimbulkan kemarahan kepada puak-puak lain. Saya bersetuju sangat sebab saya juga menyokong beliau, saya juga selalu mendengar ceramah-ceramah beliau. Kita orang-orang Islam ini, kita terima sebagai satu pengajaran bagi kita tetapi kepada...

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat. Panjang lagi?

Dato' Sri Khairudin bin E. S. Samad: Sudah nak habis Tuan Yang di-Pertua. Itu *last point* saya. Kemudian saya hendak ambil kesempatan di sini Tuan Yang di-Pertua, saya ini tidak pandai berpantun seperti di awal mukadimah. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, "*Tiada kata secantik bahasa, tiada gambar secantik lukisan*". Ini kata-kata Allahyarham P. Ramlee yang hendak saya sampaikan kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak-banyak Tuan Yang di-Pertua. Saya menerima banyak pengajaran walaupun Tuan Yang di-Pertua menganggap saya sebagai ayam tambatan [*Ketawa*] Terima kasih banyak-banyak.

Cuma Tuan Yang di-Pertua, saya hendak maklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua pada hari ini, saya simpan lama. Tuan Yang di-Pertua, bagi saya jadi ayam tambatan, Tuan Yang di-Pertua suruh saya panjang lebarkan tetapi Tuan Yang di-Pertua lupa hendak bagi tahu dekat mantan Timbalan. Bila saya masuk, saya ikut arahan Tuan Yang di-Pertua. Saya bercakap panjang, disuruh berhenti. [*Ketawa*] Bila dia suruh berhenti, saya terpaksa kona sana, kona.

Saya suruhlah dia, saya pun pujilah dia, oh, yang cantik manis. Timbalan yang cantik manis. Minta maaf Yang Berhormat, saya tak makan bodek [*Ketawa*] Huh, dengan seriusnya! Setiap kali saya puji, saya kena. Melainkan Yang Berhormat Datuk Halimah, itu nyata [*Ketawa*] Jadi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak-banyak Tuan Yang di-Pertua. Budimu tak dapat dibalas.

Saya akan bawa sehingga ke akhir hayat saya. Terima kasih banyak-banyak. Segala pengajaran, segala teguran akan saya simpan, saya terima dan saya mohon kalau boleh kita ditambah bagi jadi lima tahun. Jadi kita boleh bawa pengalaman ini sampai lima tahun sepenggal. Terima kasih banyak-banyak Tuan Yang di-Pertua. Sehingga kita berjumpa dalam jamuan-jamuan yang akan diadakan. Jamuan perpisahan yang cukup banyak ini dan kemudian ada pula golf persahabatan untuk persaraan.

Jadi saya dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan jutaan terima kasih dan dengan ini saya turut menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, *wabillahitaufik walhidayah. Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam warrahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin, terima kasih banyak. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senator Puan Shahanim. Saya dimaklumkan, kita ada Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Norahan ya; Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul; dan Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam.

So saya harap, inilah kita selesai pada malam ini. Walau macam mana pun, saya akan bersama dengan Yang Berhormat semua sehingga akhir. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Senator Puan Shahanim.

6.46 ptg.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera... [*Membaca sepotong doa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua sekali lagi di atas kebenaran untuk saya membahaskan Titah Menjunjung Kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa Majlis Pembukaan Parlimen Ke-13, Penggal Keempat, 7 Mac 2016.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak hampir dua bulan yang lalu, fenomena El Nino telah melanda negara kita. Kesan pemanasan global dan perubahan mendadak iklim panas negara telah menyebabkan penyusutan mendadak empangan dan sungai yang menjadi sumber air mentah. Beberapa buah negeri seperti Pahang, Negeri Sembilan, Johor dan Lembah Klang telah mengaktifkan pelan catuan air dan ini telah menyebabkan kesusahan dan kesulitan kepada rakyat.

Bagi kami di utara Tuan Yang di-Pertua, di Kedah juga masalah ketiadaan air sudah bermula yang melibatkan sekolah-sekolah dan juga menyusahkan pelajar-pelajar sekolah. Ini adalah kerana amat menyukarkan apabila pelajar-pelajar ini hendak ke bilik air dan menunaikan solat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai pemimpin, kalau kemarau panjang, El Nino, kita panas. Kalau banjir pun kita panas. Kepanasan kita ini adalah yang pertamanya apabila kita terjumpa guru besar ataupun pengetua, mereka akan bagi tahu kita, Yang Berhormat, sekolah saya sudah dekat sebulan tak dak ayaq. Jadi macam mana murid-murid ini hendak pergi ke bilik 'ayaq'? Jadi itu salah satu soalan yang saya merasakan saya di kesempatan ini hendak mohonlah kepada Kementerian Pendidikan dan KeTTHA agar bersama-sama memikirkan macam mana kita hendak bantu pihak sekolah.

Berita Harian Rabu, 20 April Tuan Yang di-Pertua, saya hendak maklumkan di sini, paras air empangan yang membimbangkan adalah di Padang Saga, Kedah hanya berkeupayaan menampung permintaan bekalan air domestik hanya untuk 15 hari sahaja. Paras air empangan sehingga kelmarin, empangan pengairan dan bekalan air dengan baki takungan kurang 50 peratus ada tujuh empangan. Pertamanya Timah Tasoh; keduanya Beris di Kedah; ketiganya Padang Saga di Kedah; keempatnya Muda di Kedah; kelima Labong di Johor; keenam Bukit Merah di Perak; dan ketujuh Bukit Goh di Kuantan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya mohon untuk mendapatkan maklum balas segera Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air berhubung:

- (i) pelan tindakan alternatif sama ada adakah perlu projek pembenihan hujan perlu diperbanyakkan bagi memastikan kapasiti air mentah di kawasan sumber air dan tadahan hujan;
- (ii) senarai pelan catuan air yang diluluskan oleh SPAN dan bagaimanakah langkah sistematik bagi memastikan bekalan air diperoleh kepada semua pemegang akaun bekalan air; dan
- (iii) senarai kawasan sumber air atau empangan kritikal serta kawasan catuan yang terjejas di seluruh negara dan apakah nasihat serta langkah yang perlu diambil rakyat semasa proses catuan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai umat Islam, saya bersyukur terhadap Allah SWT kerana ada beberapa buah negeri melalui Majlis Agama Islam masing-masing termasuk di negeri Kedah, kita telah mengadakan solat istisqa.

■1850

Solat istisqa ini solat memohon hujan. Jadi, di kesempatan dalam Dewan Negara ini, esok hari Jumaat, penghulu segala hari. Saya memohon JAKIM untuk menyelaraskan solat istisqa memohon hujan selepas Jumaat serentak di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengambil iktibar fenomena El Nino sekarang, sejarah catuan air 2014 di Lembah Kelang dan menyebabkan arahan catuan air dilaksana. Ini menjejaskan aktiviti industri dan menyusahkan rakyat. Oleh itu, di sidang Dewan yang mulia ini saya berpandangan kementerian perlu mewujudkan sebuah tabung Kumpulan Wang Amanah dengan mengambil model TBB, Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu sebagaimana seksyen 23, Akta Tenaga Boleh Baharu 2011.

Kutipan fi ke atas setiap akaun pengguna mesti diadakan untuk yang pertamanya, membangunkan teknologi baru bagi meneroka air sumber bawah tanah yang lebih terjamin *resistant* kepada fenomena El Nino berbanding sumber air atas permukaan tanah. Tadi Yang Berhormat Dato' Zalee kata mungkin El Nino ini sampai bulan 5, atau 6, tetapi apa yang menjadi kebimbangan saya Tuan Yang di-Pertua, saya takut El Nino ini berpanjangan sampai lagi 5 atau 6 bulan. Jadi seterusnya Tuan Yang di-Pertua, bajet kewangan kos konservasi dan pemuliharaan kawasan sumber-sumber air mentah yang menjadi pertikaian tanggungan kos seperti mana episod Kerajaan Negeri Kedah dan Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini isu keselamatan dan kesihatan pelajar menjadi keresahan semua ibu bapa, termasuk saya.

Ditambah pula dengan peningkatan kes kemalangan jalan raya melibatkan dua orang pelajar sekolah seperti kes pelajar sekolah dilanggar lori hantu di Sekolah Menengah Kebangsaan Damai, Perdana Cheras, kes pelajar yang kehilangan kedua-dua belah kaki, kes-kes penculikan dan pemerdagangan manusia serta yang terbaru dua hari lepas, seorang kanak-kanak Tahun 1 di Sekolah Kebangsaan Datuk Rahim, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan mati dipatuk ular dan semalam satu lagi kes seorang lagi murid Tahun 2 dipatuk ular di Sekolah Kebangsaan Chembong. Namun, *alhamdulillah*, anak ini dalam keadaan sedar dan stabil.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini, Khamis, 21 April- *Berita Harian*, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim. Beliau telah mengeluarkan kenyataan waris mangsa serangan haiwan boleh minta bantuan. Bermaksud di sini, di Jabatan Kebajikan Masyarakat Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Wang Amanah Bantuan Mangsa Serangan Binatang Buas sebenarnya telah diperkenalkan pada tahun 2004 dan diuruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pada tahun 2008, di kawasan saya seorang ayah telah diserang babi hutan, meninggal dunia dan mendapat bantuan daripada Kumpulan Wang Amanah ini sebanyak RM20,000. Pada tahun 2009, seorang murid Tahun 1 telah diserang kera dan hilang upaya dan mendapat RM20,000. Itu kes-kes di kawasan Sungai Petani.

Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Wang Amanah Bantuan Mangsa Serangan Binatang Buas yang diperkenalkan pada tahun 2004 diuruskan oleh JKM. Antara serangan binatang yang melayakkan mangsa menerima bantuan ialah gajah, seladang, babi hutan, beruang, harimau, ular sawa, ular berbisa, beruk, kera, siamang, ungka, lotong dan kongkang.

Untuk makluman sidang Dewan, persoalan saya kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ialah adakah hanya binatang buas sahaja disenarai untuk mendapat peruntukan daripada Kumpulan Wang Amanah? Jadi, saya hendak memohon kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, bagaimanakah dengan serangan-serangan seperti teban dan lebah yang juga melibatkan kematian? Kalau ikutkan di sini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat beritahu, Kumpulan Wang Amanah bantuan mangsa serangan binatang buas. Akan tetapi kalau kita tengok, teban dan juga lebah tidak termasuk binatang buas tetapi dikategorikan dalam kategori serangga.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman semua, kes seorang anak yang di Kelantan, waris keluarga beliau boleh membuat tuntutan di JKM tetapi tuntutan hendaklah dalam masa tiga bulan dan diproses dalam masa 14 hari. Tadi ada Datuk Boon tanya saya, dia maklum bahawa isteri beliau juga pernah dipatuk ular. Bolehkah dia *claim*? Akan tetapi dari hari kejadian, sebenarnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi masa tiga bulan sahaja. Kalau sudah lebih, tidak boleh Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, akhir daripada saya.

Saya juga ingin memohonlah isu-isu seperti kebajikan kepada rakyat, saya ingin memberi contoh iaitu di luar sana, saya hendak tujukan khas kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Di luar sana ada banyak skim perlindungan diri sama ada kelompok ataupun berseorangan. Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kerajaan Malaysia, bantuan awal persekolahan RM100 adalah untuk pelajar yang berpendapatan keluarganya bawah RM3,000. Kebanyakan ibu bapa pendapatannya bawah RM3,000 kurang kesedaran untuk mengambil skim perlindungan. Seandainya apa-apa terjadi kepada ibu bapa ataupun waris, maka anak-anak ini akan hilang tempat bergantung.

Di sinilah kelebihan seandainya ibu bapa daripada keluarga miskin mendapat skim ini daripada kerajaan. Contohnya, bantuan awal persekolahan, kerajaan akan memberi sebanyak RM100. Saya ingin mencadangkan bantuan ini dibahagi dua iaitu dua dalam satu dan menunjukkan keprihatinan dan kasih sayang kerajaan. Bermaksud, bantuan awal persekolahan dibahagi dua, RM95 untuk bantuan awal persekolahan dan RM5 skim perlindungan untuk pelajar dan keluarga. Ini menunjukkan kasih sayang kerajaan. Kerajaan tidak bagi RM100 untuk bantuan awal persekolahan tetapi kerajaan pecah dua. Bagi RM95 untuk bantuan awal persekolahan dan RM5 lagi untuk skim perlindungan.

Kenapakah saya katakan begini? Oleh sebab RM5 Tuan Yang di-Pertua, sidang Dewan, adalah untuk skim perlindungan antara kelebihan dan manfaatnya. Ini contoh takaful yang ada di luar sana dengan hanya RM5, kalau berlaku kematian kepada pelajar, keluarga akan mendapat RM30,000. Kalau berlaku hilang upaya dan lumpuh kepada pelajar, keluarga akan mendapat RM30,000. Kalau pelajar koma, keluarga akan dapat RM30,000 dan kalau ibu dan bapa juga ada kematian, anak-anak akan mendapat RM30,000.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedikit lagi hendak sentuh tentang pekerja asing. Saya ambil kesempatan ini hendak ucap terima kasih kepada pihak Imigresen. Oleh sebab dua minggu lepas, Imigresen di sebelah utara telah datang ke stesen minyak saya dan hendak mengenal pasti juruwang di stesen minyak saya ini sama ada Bangla atau orang tempatan. Jadi, *alhamdulillah* sebenarnya dari 2008, saya dapat stesen, saya terus terang di sini, saya dapat stesen Petronas, *alhamdulillah* saya bersyukur.

Semenjak 2008, sebelum saya membuka stesen minyak, saya telah diberi peringatan oleh Petronas dan peringatan oleh Imigresen. Juruwang di setiap stesen tidak boleh diletakkan pekerja asing. *Alhamdulillah*, dua minggu lepas apabila mereka datang, memang juruwang di stesen saya budak-budak kitalah, budak-budak tempatan. Akan tetapi apa yang terjadi, ada di antara kawan saya memang kena tangkap sebab juruwang di stesen mereka pekerja-pekerja daripada pekerja asing.

■1900

Cuma apa yang saya nak katakan di sini Tuan Yang di-Pertua, saya hairan kenapa KDN, kenapa imigresen tidak ada satu *standardize*. Kenapa di utara dia boleh buat penguatkuasaan, *enforcement* yang hebat. Dia boleh datang ke stesen kita, dia *check* semua tetapi bila saya 'mai' ke Kuala Lumpur, 10 buah stesen, lapan buah akan ada pekerja asing menjadi juruwang. Jadi saya hendak tanya tindakan kementerian KDN ini. Kalau di utara, di Penang, di Kedah, mereka punya *enforcement* cukup kuat, cukup hebat. Tiga bulan sekali 'mai' tengok stesen kita tetapi di Kuala Lumpur saya tengok tidak ada apa-apa. Saya setuju dengan Dato' Shukor, penguatkuasaan kita sangat lemah. Jadi peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan makin lama makin kecil. Jadi Tuan Yang di-Pertua itu di stesen.

Yang keduanya, saya dimaklumkan bahawa *food handler* ini hanya orang Indonesia saja yang boleh masak tetapi kalau kita pergi kedai-kedai mamak di Kuala Lumpur ini, saya tidak tahulah itu pekerja India atau pekerja tempatan sebab warna kulit sama saja, lebih kurang warna kulit Datuk Nalla.

Sepatutnya tukang masak hanya boleh tukang masak daripada warga Indonesia. Tukang masak tidak boleh dari warga Nepal ataupun India. Jadi saya ulangi, bila kita pergi ke kedai mamak, kita tidak tahu itu pekerja dari India ataupun pekerja dari Malaysia. Jadi saya mohonlah KDN menjawab isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir daripada saya ialah tentang isu dadah sedikit sahaja. Saya rasa terkilan dengan isu dadah ini dah saya masuk dua tahun Tuan Yang di-Pertua, isu dadah di kalangan pelajar sekolah tetapi sampai hari ini saya tengok macam tidak ada tindakan. Di kawasan saya ada sekolah di perkampungan nelayan yang paling banyak penyalahgunaan dadah. Apa yang saya kecewa ialah anak-anak seusia Tingkatan 4, Tingkatan 5 telah didatangi anasir-anasir luar. Depa bawa pil-pil ini ke sekolah ini, bagi kepada pelajar ini pada mulanya bagi *free*, kemudian anak-anak ini ketagih, dia mula mencuri di sekolah. Kemudian dia ketagih, dia tidak pergi ke sekolah, dia akan pergi ke laut cari duit untuk beli pil. Yang paling teruk bila ketagihan teruk, dia akan tumbuk cikgu-cikgu dan ada kes di kawasan saya ramai yang dah berhenti sekolah.

Jadi saya nak tanya kepada pihak KDN, saya hendak tahu peranan polis yang diletakkan di sekolah-sekolah tertentu. Apakah peranan polis ini? Bagaimanakah penguatkuasaan dan saringan yang dibuat oleh agensi KDN terhadap semua golongan muda ini? Jadi Tuan Yang di-Pertua, adakah PDRM, AADK, kastam atau PBT membuat risikan dan pemantauan bangunan-bangunan tinggal dan buruk yang menyumbang kepada 70 peratus buah pusat pemprosesan dadah di Malaysia terutama di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bila saya duduk dengan golongan gelandangan, saya dapat banyak rahsia. Antaranya mereka akan beritahu saya iaitu "*Puan, puan tahu tak bangunan buruk itu?*". Saya kata kenapa, "*itu tempat proses dadah*".

Jadi di Kuala Lumpur ini Tuan Yang di-Pertua, mereka gelandangan ini kadang mereka jalan, mereka tengok dan mereka tahu kat mana tempat proses dadah. Jadi saya mengharap, saya memberi pujianlah kepada Timbalan Perdana Menteri yang baru-baru ini memaklumkan bahawa apa pun yang berkaitan ganja dan ketum diharamkan di Malaysia. Cuma Timbalan Perdana Menteri kata...

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya hendak tanya Yang Berhormat Hanim nampak baik dengan gelandangan dan tahu di mana pusat proses dadah. Boleh saya cadangkan Yang Berhormat jadi *spy* polis, lepas itu lapor kepada pihak berkuasa dan boleh tangkap tutup semua ini. Boleh setuju jadi *spy*?

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tan Sri Ali Rustam. Sebenarnya bukan setakat boleh, demi anak bangsa saya Tuan Yang di-Pertua, saya dah tengok dah ramai anak bangsa saya di kampung-kampung rosak kerana pil-pil dan dadah. Saya relalah walaupun berisiko. Saya hendak maklum *Berita Harian*, 21 April hari ini juga, '*Dadah RM36 juta dirampas*'. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau dadah ini tidak dirampas, dadah ini rampasan yang membabitkan dadah yang sudah diproses dan dipercayai siap untuk diedarkan ke pasaran tempatan dan boleh disalahgunakan oleh 12 juta orang penagih.

Jadi *Berita Harian* dah siar dadah RM36 juta dirampas dan kalau tidak rampas, 12 juta orang penagih. Jadi bila saya dah tengok keadaan-keadaan ini, saya hendak maklum kepada pihak KDN, kalau kita hendak buat apa-apa, hendak perang, kita kena perang sungguh-sungguh. Bukan setakat kita umum di dada akhbar, kemudian kita diam.

Yang terakhir daripada saya Tuan Yang di-Pertua ialah ini saya hendak mohon kepada pihak yang terlibat, pihak KPDNKK. Isu yang terakhir adalah mengenai harapan dan permintaan saya agar Kastam dapat menimbang permohonan rakyat jelata agar tarif kadar GST sifar dipanjangkan kepada produk-produk berikut bagi membantu meringankan kos sara hidup rakyat:

- (i) susu tepung kanak-kanak 3 tahun ke atas dan orang dewasa;
- (ii) lampin pakai buang bayi dan wanita;
- (iii) produk farmaseutikal pakai buang untuk pesakit;
- (iv) *top up Touch 'n Go* kerana banyak operator lebuhraya utama menggunakan sistem operasi elektronik *Touch 'n Go* atau *SmartTAG*;

- (v) peranti bantuan orang kelainan upaya; dan
- (vi) *personal protection equipment* (PPE) bagi keselamatan dan kesihatan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Senator yang baru tahun kedua, bulan Jun ini, bulan depan ialah tahun saya yang kedua, saya amat memahami diri saya yang mengenali kekurangan diri saya yang saya adalah tidak pandai bercakap dan cepat gemuruh, cepat *ketaq*. Akan tetapi dengan bantuan Tuan Yang di-Pertua, saya cuba bercakap tanpa teks dan saya bersyukur, sebenarnya saya takut juga dengan Tuan Yang di-Pertua tetapi saya amat *respect* Tuan Yang di-Pertua, saya hormat Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua selalu bagi semangat kat saya, bagi *guide* kat saya, nasihat kat saya. Di kesempatan ini di atas segala nasihat, kasih-sayang Tuan Yang di-Pertua kepada saya dan semua Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ini, Dato' Suhaimi, tolong jangan salah faham.

Saya dengan ini mendoakan agar Tuan Yang di-Pertua dan keluarga dilimpahi kasih-sayang, diberi keberkatan, kerahmatan, kesejahteraan di dunia dan akhirat. Tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua yang baru. Sekian, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Norahan. Selepas itu Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul dan seterusnya Puan Bathmavathi dan S. Bagiam. Saya akan berada di sini sampai habis. Silakan Yang Berhormat.

7.07 mlm.

Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari ini.

Pada 7 Mac 2016, Yang di-Pertuan Agong telah membuka rasmi mesyuarat pertama penggal keempat Parlimen ketiga belas dengan aspirasi titah baginda kepada kerajaan dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat Parlimen dan juga rakyat Malaysia. Negara sekarang ini berdepan dengan pelbagai cabaran, rintangan namun dengan kecekapan kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, negara kita sentiasa berada di dalam landasan yang betul berpaksikan kepada menuju sebuah negara yang maju.

Tuanku mahu melihat rakyat Malaysia bersatu-padu serta mencapai kemakmuran hidup dalam mencapai keamanan daripada segi pelbagai sudut. Negara kita juga di seluruh dunia sekarang ini sedang bergelut dengan keadaan ekonomi yang tidak menentu. Maka saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan penghargaan saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku ketua kerajaan dan barisan pendekar yang di belakangnya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri serta Kabinet yang menjadi nadi kepada kerajaan untuk mengurus, mentadbir dan menangani segala dugaan, rintangan yang mendatang demi negara yang tercinta ini. Malah tidak salah untuk saya katakan darah pendekar Pahang yang mengalir panas di dalam tubuh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

■1910

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan perbahasan Titah Diraja yang pertama bagi saya semenjak saya dilantik sebagai Senator mulai bulan Mei 2015. Maka, hari ini kebanyakan isu yang saya bawa lebih tertumpu pada negeri saya, Pahang kerana saya dilantik oleh Kerajaan Negeri Pahang. Oleh sebab itu, antara kementerian yang akan saya sentuh Kementerian Kesihatan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Pertanian dan Asas Tani.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, saya ingin menyentuh tentang Kementerian Kesihatan mengenai kemudahan kesihatan di Pahang. Dalam Titah Diraja, Tuanku ada menyebut mengenai transformasi sistem kesihatan negara di mana rakyat akan mendapat akses kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti.

Kemudahan kesihatan merupakan satu keperluan bagi rakyat Malaysia. Semua rakyat pelbagai latar belakang umum ingin mendapatkan dan memperoleh kesihatan yang dicapai dengan mudah.

Malangnya, beberapa buah tempat di Pahang masih kurang menikmati kemudahan yang sempurna. Antara contohnya ialah Hospital Sultan Haji Ahmad Shah di Temerloh. Hospital ini merupakan kawasan tumpuan orang ramai dan oleh sebab kepadatan penduduk, hospital ini tidak mampu lagi menampung pesakit-pesakit yang boleh dikatakan datang daripada sebelah Pahang iaitu dari Bentong, Raub, Jerantut, Maran dan juga Bera. Malah, pesakit-pesakit juga terpaksa menunggu masa yang lama untuk mendapatkan rawatan di Hospital Temerloh. Katil pesakit tidak mencukupi. Malahan, bekalan ubat saya rasakan tidak mampu untuk menampung permintaan yang ramai di hospital tersebut.

Saya sendiri pernah berjumpa dengan pelbagai masyarakat termasuk orang awam. Mereka bersetuju dengan pendapat saya bahawa masalah kepadatan utama memang menjadi masalah. Soalan saya, adakah Kementerian Kesihatan boleh menambah kemudahan dan prasarana yang terdapat di Hospital Temerloh ini? Saya ingin memohon agar dana tambahan dapat disalurkan bagi membina bangunan tambahan sama ada hospital ataupun keperluan-keperluan lain seperti tempat letak kereta.

Selain daripada itu juga, saya ingin menyentuh tentang kemudahan di luar bandar khususnya di kawasan Parlimen Kuala Krau. Saya ingin bertanya mengenai dengan status Poliklinik Kuala Krau. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, bahawa tapak klinik telah pun disediakan oleh kawasan daerah yang mana negeri telah pun diluluskan tetapi bajet untuk membangunkan poliklinik masih tidak ada.

Dianggarkan sekitar 200 orang pesakit yang dirawat di Poliklinik Kuala Krau, mereka meminta saya untuk bawa sendiri kepada pengetahuan pihak kementerian. Saya difahamkan memang inilah yang menjadi masalah kepada penduduk tempatan.

Seterusnya saya juga ingin bertanya mengenai dengan Kementerian Luar Bandar iaitu masalah Pembantu Pemaju Masyarakat Sukarela iaitu KEMAS. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua serta sidang Dewan bahawa setiap Tabika KEMAS di seluruh negara ini terdapat Pembantu Masyarakat Sukarela yang bertugas membantu guru-guru daripada pukul 8 pagi hingga 2 petang. Malah, mereka bertugas hingga lebih masa jika ada keperluan yang ditentukan oleh pihak kelas tersebut.

Mereka membantu guru Tabika KEMAS mengurus kanak-kanak. Tugas mereka juga agak berat tetapi untuk pengetahuan sidang Dewan bahawa elaun mereka terlalu kecil dengan kadar RM400 sahaja. Jadi sempena dengan mesyuarat pada hari ini, saya lebih bersetuju untuk menceritakan sedikit bahawa tugas Pembantu Pemaju Masyarakat ini satu ketika dahulu adalah diberi oleh masyarakat ataupun tabung tabika itu sendiri tetapi pihak kerajaan telah memikirkan bahawa ada di antara tabika-tabika ini tidak mampu untuk membayar maka pihak kerajaan telah pun membayar dengan nilai RM400. Saya mengharapkan agar sempena dengan persidangan ini, saya memohon agar pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat agar dapat memberi elaun yang lebih sedikit kepada Pembantu Pemaju Masyarakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin beralih kepada Kementerian Dalam Negeri mengenai dengan status Balai Polis Kuala Krau. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Dewan sekalian bahawa Balai Polis Kuala Krau ini merupakan sebuah balai polis yang agak lama yang mana untuk pengetahuan, pada tahun lalu sempena 31 Ogos, satu pantomin yang diadakan merupakan itulah Balai Polis Kuala Krau sempena sambutan Hari Kemerdekaan peringkat kebangsaan.

Untuk pengetahuan, bahawa balai polis ini tidak sesuai lagi untuk orang awam pergi berurusan dengan balai polis. Walaupun ia tetap menjadi tempat orang ramai, namun di situlah tempat orang ramai membuat laporan. Saya rasa kakitangan di situ tidak sesuai lagi untuk bertugas dan memberi khidmat yang efisien kepada penduduk sekitar. Saya mohon agar kementerian menaikkan taraf kemudahan Balai Polis Kuala Krau ini.

Seterusnya ingin juga saya menyentuh tentang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan mengenai dengan Balai Bomba Kuala Krau.

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua dan juga sidang Dewan ini, di Kuala Krau memang tidak ada balai bomba. Penduduk di situ agak khuatir sekiranya berlaku sebarang kecemasan, hanya balai bomba yang jauh iaitu dari Temerloh, Jerantut dan juga Bandar Pusat Jengka yang selalu memberi pertolongan kepada penduduk di sekitar Kuala Krau dan ini memakan masa yang lama untuk jentera tiba ke lokasi kejadian. Oleh sebab tempat yang terlalu jauh, maka bantuan kecemasan ini agak lewat diterima. Saya harap pihak kementerian dapat merangka dasar untuk membina balai bomba di kawasan Kuala Krau ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh masalah banjir di Kuala Krau. Pada tahun 2015, negara telah pun dilanda banjir. Pahang tidak terkecuali daripada masalah banjir. Saya percaya pihak berwajib akan mengambil langkah-langkah menangani masalah banjir. Ramai yang berpendapat punca dan masalah banjir ini adalah daripada taburan hujan yang begitu banyak dan penebangan hutan yang terlalu banyak tetapi pada pendapat saya, antara faktor lain ialah sungai semakin cetek.

Di sini saya ingin merujuk kepada Sungai Pahang yang mana di Pahang ada satu projek mendalamkan Sungai Pahang tetapi saya tengok projek ini seolah-olah tidaklah tertumpu pada untuk mendalamkan Sungai Pahang, hanya tertumpu pada untuk mengambil pasir di Sungai Pahang. Jadi saya ingin bertanya, apakah status projek mendalamkan Sungai Pahang ini? Setakat ini, adakah dijalankan? Sebaliknya, saya ingin tahu apakah kajian ukuran kedalaman sungai yang dibuat oleh projek tersebut?

■1920

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ingin saya bertanya mengenai Kementerian Kerja Raya. Dalam Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini, Tuanku ada menyebut betapa pentingnya merencanakan pelancongan domestik di negeri Pahang.

Tadi kita dengar Yang Berhormat Datuk Zali bin Mat Yasin ada menyentuh pelancongan di Taman Negara. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua bahawa dalam perjalanan kita ke Taman Negara, kita melalui sebuah jalan yang sempit yang memang berliku-liku dan ada lori balak. Jadi, masalah jalannya memang agak sempit. Saya merujuk kepada jalan kampung yang sempit, berbahaya kepada pengguna. Jalan ini tidak selesa dan yang mana jalan ini hanya untuk dua hala sahaja tetapi saiznya seolah-olah tidak sesuai untuk kenderaan yang begitu banyak.

Saya tidak mahu melihat sebarang kejadian yang tidak diinginkan berlaku semata-mata untuk kita berhibur, beriadah ke taman negara. Saya ingin mencadangkan agar pihak kementerian dapat menaik taraf atau membesarkan jalan dari Jerantut hingga ke Taman Negara kerana kerja-kerja pembesaran ini harus dijalankan dengan sempurna dan kontraktor yang dilantik hendaklah berwibawa dan mahir dalam pembinaan. Terdapat juga insiden-insiden jalan ini yang menjadi laluan kepada lori-lori balak dan jalan ini pun dikategorikan sebagai jalan PLB.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kementerian Dalam Negeri, isu internet dan salah guna media sosial juga menjadi ancaman yang buruk kepada masyarakat malah pada kami di luar bandar. Dahulunya dalam bentuk fizikal, boleh dilihat seperti penjenayah dan anasir jahat tetapi kini ia lebih berbentuk propaganda fitnah dan juga khabar angin yang boleh menjejaskan keharmonian negara. Kini penjenayah semakin pintar dan bijak. Mereka menggunakan media sosial sebagai medan penyebaran fahaman yang ekstrem kepada ISIS dan juga liberal agama.

Umum mengetahui cabaran yang dihadapi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada hari ini berbeza dengan cabaran yang pernah dihadapi oleh Perdana Menteri yang terdahulu. Perang media sosial yang amat dahsyat sehingga boleh membawa kepada perpecahan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat?

Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar: Sekejap. Apa langkah-langkah yang perlu diambil, dirancang pada masa sekarang bagi menangkis sebarang serangan, tohmahan dan ancaman media sosial ini?

Seterusnya saya pergi kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Saya ingin menyentuh mengenai masalah ternak ikan patin di Sungai Pahang. Baru-baru ini kita dengar bahawa masalah keketekan sungai di Pahang.

Ikan patin merupakan antara tarikan yang ada di Pahang. Ramai warga Pahang menjalankan perniagaan penternakan ikan patin sangkar di dalam Sungai Pahang. Mereka menggunakan Sungai Pahang sebagai tempat hasil mereka. Sebuah sangkar boleh menampung 1,000 ekor ikan patin dan biasanya penternak mempunyai empat buat sangkar pada satu masa. Namun, kebanyakan penternak kecil ini, mereka telah mengharungi pelbagai rintangan dan masalah penternakan ikan Sungai Pahang. Antara kesukaran yang dihadapi ialah masalah banjir yang lalu dan masalah keketekan air yang mendadak.

Baru-baru ini musim kemarau yang berpanjangan yang menjadikan air yang cetek. Kebanyakan mereka kerugian sehingga beribu-ribu ringgit dan dianggarkan keseluruhan penternak ikan sangkar di Sungai Pahang menanggung kerugian hampir RM6.9 juta. Situasi ini telah membawa kepada kerugian yang besar kepada penternak-penternak kecil dan saya rasa masalah mereka harus dibela dan diberi keutamaan oleh kementerian. Baru-baru ini, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani turun ke sekitar Temerloh melihat projek ikan air tawar. Bantuan yang telah dihulurkan amat besar. Sejuta ekor benih ikan tilapia dan patin telah pun dihulurkan. Akan tetapi merangkumi negeri-negeri lain seperti Kedah, Perlis, Terengganu, Perak dan Pahang.

Saya mewakili penternak ikan patin di Pahang juga menyampaikan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan pihak kementerian kerana sudi mengunjungi tempat penternakan ikan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cuba pendekkan, Yang Berhormat.

Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar: Sedikit lagi. Soalan saya, apa status pemberian ini disebabkan pengumuman yang baru sahaja dibuat atau pun ada pemberian yang lain selepas ini.

Akhir sekali, saya bagi pihak diri saya sendiri merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana akan bersara dan mudah-mudahan Tuan Yang di-Pertua dilindungi oleh Allah SWT. Akhir sekali, saya menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kita ada tiga orang lagi. Kalau ada, kalau boleh topik-topik yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum itu, kalau boleh, cuba elakkan. Cuba kemukakan perkara-perkara Yang Berhormat sendiri fikir amat penting untuk dikemukakan di Dewan ini. Sekarang tanpa buang masa, saya persilakan Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul.

7.29 mlm.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, salam perpaduan, salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang untuk turut berbahas dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Yang di-Pertuan Agong pada petang hari ini. Saya menjunjung kasih pada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana sudi membuka rasmi Parlimen ini dan kami Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara menyahut segala seruan, nasihat dan aspirasi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum pergi jauh, saya dalam perbahasan ini mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada pelantikan sahabat kami iaitu Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad yang telah dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara yang baru. Pada masa yang sama kami juga akan...

Tuan Yang di-Pertua: Tarik sedikit Yang Berhormat, rapatkan. Bagi semangat sedikit bunyinya. Okey, silakan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Mungkin suara kurang...

Tuan Yang di-Pertua: Biasa suara Yang Berhormat memang hebat. Ini waktu seuduh gelap, lagi kuat, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Memang boleh menyanyi senandung malam, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Petang tadi, rakan senegeri saya, Yang Berhormat Datuk Haji Kadzim bin M. Yahya menyentuh tentang hal-hal pertahanan negeri Sabah. Saya tidak perlu sentuh panjang cuma saya tambah sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Iaitu Menteri Pertahanan ada membuat kenyataan di media mengenai penggunaan sistem *eye in the sky* bagi memastikan keselamatan di perairan di Sabah ini terkawal melalui penggunaan helikopter dan juga ia boleh memberi signal awal sama ada, ada penceroboh atau anasir-anasir yang tidak baik menceroboh kawasan perairan. Jadi saya ingin pohon kepada pihak kementerian dan meminta maklumat yang lebih lanjut mengenai sistem ini. Adakah ia akan meliputi kawalan helikopter, dron atau lebih canggih lagi, menggunakan satelit di angkasa lepas. Mohon kementerian memberikan jawapan.

Saya juga difahamkan ada satu program *joint venture, joint patrolling* di perairan Sabah dan dimaklumkan juga kementerian mengadakan kerjasama dengan negara-negara ASEAN dan ini sudah tentu dapat membantu dalam pengawalan perairan di negeri Sabah.

■1930

Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua mengenai dengan isu kewarganegaraan yang juga merupakan satu daripada kedaulatan undang-undang negara yang harus dipatuhi oleh semua ahli warganegara kita, khususnya di negeri Sabah. Apa yang menjadi peliknya Tuan Yang di-Pertua, banyak kes. Malah di *newspaper*, hampir setiap minggu menyiarkan kad-kad pengenalan palsu dikenal pasti di Semenanjung.

Apabila diperiksa dengan teliti oleh pihak berkuasa Imigresen, mendapati bahawa kad-kad pengenalan palsu mereka berasal dari negeri Sabah.

Saya ingin bertanya pada Kementerian Dalam Negeri, bagaimanakah kita hendak menyelesaikan masalah ini? Apa yang peliknya juga Tuan Yang di-Pertua, pemegang-pemegang kad pengenalan palsu ini yang datang dari Sabah, dia akan melalui *airport*, dia akan terbang, dia tidak akan berenang melalui Laut China Selatan. Jadi persoalan di sini kepada Kementerian Dalam Negeri, bagaimana mesin yang di Kota Kinabalu itu diimbak kad mereka, ia tidak palsu? Apabila sampai di Kuala Lumpur, ia jadi palsu Tuan Yang di-Pertua. Pelik ya.

Jadi kita juga dapat mengesan dan membaca dalam *newspaper* di Shah Alam baru-baru ini, mereka bekerja sebagai pengawal keselamatan. Ha, penting ini. Mereka memegang kad pengenalan palsu, tetapi bekerja sebagai pengawal keselamatan. Selamat tidak negara kita ini? Itu pertanyaan saya kepada kementerian supaya melihat perkara ini lebih serius. Yang Berhormat Datuk Megat tahu bukan di Shah Alam baru-baru ini ya. Ramai yang ditangkap kerana kad pengenalan palsu. Jadi, saya mintalah kepada KDN untuk melihat perkara ini dengan lebih serius.

Itu sebab Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai warga asing di Sabah ditubuhkan pada 2012 dan jawatankuasa tetap yang telah dibentuk, jawatankuasa teknikal untuk melihat penyelesaiannya telah dibentuk dan rekomendasi telah dihantar kepada Kerajaan Persekutuan. Salah satu Tuan Yang di-Pertua, kita mintalah agar Kerajaan Persekutuan melihat rekomendasi-rekomendasi daripada Jawatankuasa Teknikal yang diketuai oleh Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah, Yang Berhormat Tan Sri Joseph Pairin Kitingan dan ahli-ahlinya bahawa merekomenkan supaya diisukan, dengan izin, atau diberi kad pengenalan baru khusus kepada warga Sabah yang tulen sahaja. Ini dapat memastikan supaya keselamatan negeri dan keselamatan negara kita ini dapat dibendung dari awal.

Jadi saya menyokong penuh dalam Dewan yang mulia ini, menyarankan agar Kerajaan Persekutuan sekali lagi melihat perkara ini perkara yang penting sebab kedaulatan undang-undang itu haruslah diperkasakan dari semasa ke semasa.

Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua iaitu kita dalam menguar-uar mengambil pekerja asing seperti yang diutarakan oleh rakan-rakan dalam Dewan Negara ini termasuk Senator dari- kawan saya dari Labuan, Datuk Haji Yunus, bahawa kalau ramailah warga asing jadi pekerja kita, satu hari nanti kita akan dikuasai oleh mereka.

Percayalah, sebab saya pun tinggal di hotel yang sama dengan Datuk Haji Yunus ini Tuan Yang di-Pertua dan saya memang melihat dan memang betul apa yang beliau katakan sebentar tadi bahawa rata-ratanya daripada 10 itu, ada mungkin dua atau tiga sahaja orang-orang Malaysia. Rakan-rakan di sini ramai yang tinggal di sana, yang *served* kami makan pun orang-orang asing juga. Jadi kita mintalah kepada pihak-pihak berkenaan, kementerian berkenaan untuk melihat perkara ini lebih serius. Saya amat menyokong perkara-perkara seperti ini.

Dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong juga Tuan Yang di-Pertua, ialah menyentuh tentang mengenai kompetitif iaitu persaingan dalam ekonomi. Malaysia perlu memperluaskan akses pasaran bagi memastikan peningkatan ekonomi yang berterusan. Satu daripada satu hambatan untuk negeri Sabah untuk turut sama menikmati semua ini Tuan Yang di-Pertua ialah disebabkan oleh Dasar Kabotaj. Cuma apa yang kita lihat dari ini, *Cabotage Policy* ini jadi satu cabaran yang dihadapi bagi pengeksporan dari Sabah dalam penghantaran barangan khususnya produk atau produk agromakanan ke negara lain terpaksa melalui Port Klang terlebih dahulu.

Jadi, sistem Dasar Kabotaj ini tidak lagi praktikal. Ini satu sistem yang perlu dikaji semula di mana kapal asing yang datang ke Malaysia kena singgah di Pelabuhan Klang, kosnya menjadi lebih mahal. Jadi kita minta kepada Kementerian Pengangkutan untuk melihat perkara ini. Saya ingat dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Yang Berhormat Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek dalam lawatannya ke negeri Sabah, bersedia membantu untuk mengkaji perkara ini. Beliau juga mengharapkan agar majlis pembuat dasar perlu melihat perkara ini lebih serius lagi dan kalau ketiadaan Dasar Kabotaj akan memberi peluang kepada syarikat berkenaan memperluas dan bersaing di pasaran luar negara khususnya dalam pelaksanaan TPPA nanti.

Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua iaitu mengenai dengan kebajikan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Kalau dahulu Tuan Haji Ahmad Yusuf selalu memperjuangkan hal-hal guru terutama kebajikan mereka, saya turut serta pada petang ini untuk melihat bahawa Persatuan Ibu Bapa dan Guru ini mempunyai peranan yang besar. Saya baca sedikit iaitu, *"PIBG menjadi persatuan terpenting berfungsi, bertanggungjawab sebagai rakan kongsi sekolah, membantu pembangunan serta kemajuan sekolah dan pelajar. Sudah pastinya PIBG menjadi saluran dan forum terbaik berbincang menyelesaikan masalah birokrasi yang timbul berkaitan pembelajaran anak-anak mereka"*.

Saya setuju bahawa pada masa yang lalu iaitu Menteri yang lalu ada mengumumkan tentang pemberian peruntukan kepada PIBG, tetapi tidak tahu lagi pada hari ini. Kita ada Menteri yang baru sama ada polisi ini diteruskan. Kita melihat perlu juga membantu Persatuan Ibu Bapa dan Guru ini, mereka nadi di setiap kawasan. Kalau hendak bertanding dan minta sokongan daripada segi sokongan parti, PIBG merupakan satu daripada nadi yang amat-amat berkesan.

Jadi apa kiranya kita di Kerajaan Barisan Nasional ini, Kementerian Pendidikan Malaysia melihat perkara ini supaya diberi peruntukan kepada setiap Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) yang berdaftar secara sah.

Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong juga menyentuh tentang pelancongan domestik. Menggalakkan pelancongan domestik agar negara kita ini, masyarakat kita mempunyai ruang dan peluang melancong dalam negara sendiri. Baru-baru ini saya difahamkan kementerian ada mengadakan *MATTA Fair* atau pesta pelancongan domestik pada bulan Januari tahun ini dan berlangsung di *Convention Centre, Kuala Lumpur*.

■1940

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyokong apa yang dikatakan dan di hujah oleh Yang Berhormat Senator Puan Azizah binti Harun dalam ucapannya hari Selasa yang lalu mengatakan Dewan Negara telah membawa dan membahas perkara ini selama beberapa tahun. Akhirnya kementerian bersetuju menganjurkan pameran pelancongan berlaku baru-baru ini.

Saya berharap kementerian terus menyahut seruan dan cadangan serta aspirasi daripada kami Ahli-ahli Dewan Negara dan seterusnya oleh Yang di-Pertuan Agong dalam titahnya.

Saya berharap pesta pelancongan ini akan berterusan lagi pada akhir tahun ini dan masa-masa akan datang sebab ia satunya, dapat mempromosikan negara kita dengan negara luar. Keduanya masyarakat kita dapat melihat kebudayaan kita yang dipamerkan.

Pertama, saya juga ingin bertanya kepada kementerian apabila menganjur pameran MATTA Fair ini, berapa kos yang ditanggung oleh kerajaan dan bagaimana memperkasakan program ini? Bagaimanakah pula sambutan pengunjung dan orang ramai dalam program ini dan respons mereka yang terlibat dalam industri pelancongan domestik? Adakah kementerian bercadang menjemput pihak syarikat yang terlibat dalam industri pelancongan seperti pengusaha-pengusaha *homestay*, hotel-hotel dan juga taman-taman di Malaysia untuk turut serta dalam program ini di masa akan datang. Jadi, kita mohon respons daripada Kementerian Pelancongan.

Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua iaitu mengenai dengan isu pendidikan kanak-kanak OKU. Kita dapati juga pendidikan kanak-kanak di OKU negeri Sabah khususnya yang saya dapat lihat. Mereka masih kurang diberi perhatian daripada segi kebajikan, kurang mendapat perhatian daripada peruntukan kerajaan. Jadi, kita mohonlah kerajaan boleh melihat perkara ini. Satu contoh, saya melihat di tempat kawasan saya di Parlimen Tenom bangunannya terbakar kemudian dia dipusatkan di tempat lain sehingga hari ini belum lagi dibangunkan. Jadi, kita mintalah kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam perkara ini untuk melihat supaya memberi perhatian yang serius dalam membela nasib-nasib OKU ini.

Sebelum saya mengakhiri perbahasan ini Tuan Yang di-Pertua, izin saya untuk menyampaikan ucapan terima kasih atas perkhidmatan Tuan Yang di-Pertua yang begitu efektif dalam Dewan yang mulia ini. Selalu Tuan Yang di-Pertua mengajar kami, membimbing dan memimpin kami dalam segala hal dalam perkara. Tuan Yang di-Pertua menjadi *role model* kepada kami.

Sehinggakan hari ini, saya kadang-kadang tidak baca teks sebab Tuan Yang di-Pertua kadang-kadang tegur kalau baca teks dan secara spontan, walaupun kita ada *background* akademik tetapi kadang-kadang kita tersipu-sipu juga apabila kita kurang membaca Tuan Yang di-Pertua.

Pada hari ini, sepanjang berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negara tiga tahun tiga bulan di sini Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat Tuan Yang di-Pertua adalah *role model* kami. Tuan Yang di-Pertua telah memberi saya ruang dan peluang melawat di Kazakhstan dan Uzbekistan. *The first and ever* pengalaman yang saya tidak dapat lupakanlah dapat melawat masjid yang begitu besar sekali di Samarkand. Semua ini akan saya dapat abadikan kenangan bersama Tuan Yang di-Pertua dan Puan Sri. Saya doakan semoga Tuan Yang di-Pertua dapat menjalani kehidupan yang lebih baik, dimurahkan rezeki, diberkati kesihatan yang lebih baik dan selepas ini kita akan dapat berjumpa juga. Walaupun Tuan Yang di-Pertua menjadi orang biasa tetapi saya rasa Tuan Yang di-Pertua ini memang *friendly*, memang *friendly*.

Saya juga banyak pengalaman di sini terutamanya yang selalu dalam ingatan saya Tuan Yang di-Pertua, *we are not Members here and we are Members of the Senate* kata Tuan Yang di-Pertua dengan izin, bukanlah *Members* yang *rubber stamp* di sini. Jadi inilah satu perjuangan yang saya Tuan Yang di-Pertua dapat ajar kepada kami, anak-anak didik di sini, anak didik Ahli Dewan Negara dan saya ucapkan selamat bersara kepada Tuan Yang di-Pertua dan keluarga.

Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang disampaikan oleh Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang mengatakan bahawa kita hendaklah sentiasa menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi dalam pertahanan dan melindungi bumi Malaysia ini. Kita ambillah ini iktibar ataupun pesanan dari Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk kita dapat bersama-sama bukan sahaja bercakaran di luar tetapi kita hendaklah melindungi dan tidak payahlah kita melihat ideologi seseorang itu, sama ada dia dari kerajaan ataupun pembangkang tetapi dalam konteks di Dewan Negara. Saya rasa kita satu keluarga di sini dan kita menyampaikan hasrat dan juga aspirasi daripada rakyat kita yang kita wakili.

Walaupun kita tidak ada kawasan tetapi kita ada rakyat yang kita wakili iaitu kita Ahli-ahli parti kita dan saya dengan ini, Tuan Yang di-Pertua mohon menyokong usul perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Terima kasih banyak-banyak. Begitulah bunyinya ucapan daripada Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul dan sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan.

7.47mlm.

Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyertai perbincangan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah Baginda menyampaikan pada 7 hari bulan Mac lalu. Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih pada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana keprihatinan Baginda terhadap kesejahteraan orang kurang upaya di negara ini.

Perkara yang pertama saya ingin menyentuh GST khusus kepada pelepasan GST bagi barang-barang yang dibeli oleh OKU untuk keperluan harian mereka. Peraturan yang sedia ada menurut Akta GST 2014 menyatakan bahawa OKU perlu menunjukkan sijil yang dikeluarkan oleh badan kebajikan berdaftar dengan JKM untuk mendapat pelepasan GST ketika membeli alat bantuan OKU. Namun proses ini dianggap sebagai proses yang rumit dan membebankan OKU dan juga bukan semua orang kurang upaya menjadi ahli persatuan.

OKU telah meluahkan rasa tidak puas hati melalui pelbagai saluran termasuk laman sosial, surat khabar dan juga melalui tunjuk perasaan secara aman. Malahan, saya sendiri juga mewakili golongan OKU dalam Dewan yang mulia ini telah membawa perkara yang sama dalam perbincangan sesi yang lalu.

Berikutan itu, pihak JKM telah mengaturkan beberapa perbincangan antara Jabatan Kastam dengan Majlis Kebangsaan OKU dan juga wakil-wakil pertubuhan OKU untuk mendengar keluhan serta menerima pandangan dan saranan daripada mereka. Sebanyak empat mesyuarat diadakan antara bulan Jun 2015 dan Mac 2016.

■1950

Sekarang sebuah Kertas Cadangan Pelepasan GST bagi OKU telah disediakan oleh pihak JKM dan telah dihantar ke Jabatan Kastam dan antara perkara yang penting kita minta supaya kad OKU diiktiraf oleh Jabatan Kastam untuk diberi pelepasan GST bagi barangan keperluan seorang OKU. Bermakna OKU boleh gunakan kad OKU untuk tunjuk kepada peniaga untuk mendapatkan pelepasan GST. Saya memohon supaya kertas cadangan ini diberi perhatian yang segera oleh Jabatan Kastam dan juga jawatankuasa khas bagi menangani kenaikan kos sara hidup. Diminta pelepasan GST bawah peruntukan 56(1) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 diberi perhatian oleh Jabatan Kastam.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, negara Filipina telah pun meluluskan pengecualian GST di negara sana dipanggil *Value Added Tax* (VAT) bagi barangan keperluan OKU. Jadi soalan saya adalah kalau negara Filipina boleh memberi kelulusan pelepasan, mengapakah Malaysia tidak boleh?

Perkara kedua yang ingin saya sentuh ialah mengenai kanak-kanak autisme. Pada 2 April disambut di seluruh dunia sebagai Hari Autisme Sedunia di mana beberapa aktiviti telah diadakan untuk menimbulkan kesedaran awam di kalangan masyarakat mengenai autisme. Autisme merupakan masalah komunikasi bertutur dan tidak bertutur yang ada pada kanak-kanak. Kanak-kanak tersebut juga mengalami masalah deria dan juga masalah pembelajaran yang mana pembelajaran mereka lebih lambat berbanding dengan kanak-kanak lain. Kanak-kanak autisme terdapat yang boleh berfungsi tahap tinggi, tahap sederhana dan tahap rendah.

Di negara ini, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengeluarkan satu kenyataan pada tahun 2004 menyatakan bahawa satu daripada 600 orang kanak-kanak di Malaysia mengalami masalah autisme. Namun, para pakar dan juga ahli-ahli daripada NGO yang bekerja dengan kanak-kanak OKU ini mendapati angka ini mungkin tidak begitu tepat dan mungkin lebih banyak kanak-kanak yang dikesan mempunyai ciri-ciri autisme.

Statistik yang dikumpulkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan bahawa kini terdapat 12,887 orang individu yang didaftar sebagai autistik ini termasuk 9,014 orang kanak-kanak dan 3,873 orang dewasa.

Sebelum diterima masuk ke sebuah pusat autisme, kanak-kanak berkenaan harus menjalani penilaian yang melibatkan pelbagai ujian dan didapati bahawa terdapat kekurangan pakar-pakar, doktor dan juga ahli-ahli psikiatri dan *psychologist* di negara kita untuk memberi perkhidmatan yang munasabah kepada kanak-kanak yang memerlukannya. Jadi saya memohon supaya Kementerian Kesihatan Malaysia akan menghantar lebih banyak doktor untuk menjalani pengajian khusus untuk meningkatkan kepakaran dalam bidang-bidang psikiatri, psikologi dan juga dalam *allied health sciences* iaitu terapi-terapi-*speech therapist* dan juga *audiologist* yang boleh membantu mengesan ciri-ciri autisme pada kanak-kanak.

Juga didapati bahawa perkhidmatan pengesanan dan rawatan bagi autisme banyak terdapat di Lembah Klang sahaja dan kurang di kawasan luar Lembah Klang ini. Hal ini menyebabkan keadaan tidak seimbang jadi ibu bapa dari luar bandar tidak mendapat peluang yang boleh dinikmati oleh ibu bapa yang ada di Lembah Klang untuk memberi rawatan yang baik untuk anak-anak mereka. Antara persatuan yang memainkan peranan penting dalam autisme ialah Persatuan Autisme yang telah ditubuhkan pada tahun 1987 dan dengan dana yang diterima daripada kerajaan persatuan ini telah menubuhkan 20 buah pusat autisme di seluruh negara tetapi persatuan ini juga menghadapi masalah kekurangan ahli-ahli profesional, pakar-pakar untuk memberi perkhidmatan kepada kanak-kanak autisme.

Terdapat kekurangan *psychiatrist* seperti mana telah saya katakan tadi dan oleh sebab persatuan ini tidak dapat memberi perkhidmatan kepada semua orang, terdapat beberapa buah pusat swasta yang telah muncul dan di sini mesti, kalau swasta, mereka harus caj lebih banyak. Jadi purata perbelanjaan untuk menghantar kanak-kanak autisme ke pusat swasta ini ialah RM5,000 sebulan bagi seorang kanak-kanak.

Ini bermakna hanya keluarga yang berada boleh hantar anak-anak mereka ke sana dan ini menunjukkan bahawa kerajaan mesti memberi perhatian lebih untuk menubuhkan pusat-pusat yang dibiayai oleh kerajaan supaya lebih ramai orang boleh menikmati perkhidmatan ini.

Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana menubuhkan Permata Kurnia sebuah pusat autisme yang ditanggung penuh oleh kerajaan yang baru mula beroperasi pada bulan November 2015. Ini satu projek yang telah dimulakan oleh isteri kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu Datin Seri Rosmah Mansor. Ia bertempat di Sentul. Saya memohon supaya lebih banyak pusat-pusat seperti ini dibina di setiap negeri di seluruh negara yang dibiayai oleh kerajaan. Di pusat PERMATA Kurnia ini kanak-kanak...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjang lagi kah?

Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan: Ada lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau satu-satu perkara itu boleh ringkaskan, boleh *summarize* kan.

Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan: Okey, saya pergi kepada isu yang ketiga iaitu masalah pengangkutan dan khusus kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat. SPAD, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat telah mengadakan dialog dan juga perjumpaan dengan beberapa NGO di sekitar 2010 hingga 2012.

■2000

Saya rasa bangga kerana dalam Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara, pihak SPAD telah memasukkan sebuah dasar di bawah 3.4.3, dasar untuk meningkatkan kemudahsampaian pengangkutan bagi OKU. Di bawah itu, juga digubalkan satu garis panduan pendekatan *accessibility infrastructure*. Saya hendak tanya kepada pihak SPAD sama ada garis panduan pendekatan ini telah siap? Saya tanyakan soalan ini sebab kalau ia sudah siap, mesti ada SOP dalam garis panduan ini untuk memberi perkhidmatan yang cukup, munasabah dan baik pada pelanggan-pelanggan OKU yang menggunakan perkhidmatan pengangkutan seperti rel dan bas.

Saya dapati bahawa sebelum Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara ini digubal, apabila kumpulan-kumpulan OKU telah berbincang dengan pihak SPAD, kita telah pergi ke stesen rel dan ada masalah yang kita nampak bahawa di antara tren dengan platform, ada suatu ruang yang menjadi masalah kepada kerusi roda untuk naik dalam tren. Jadi, cara untuk mengatasi masalah ini ialah mereka telah mengadakan suatu 'flap' untuk diletak di atas- untuk dijadikan macam sebuah jambatan kecil untuk kerusi roda masuk. Akan tetapi bila saya sendiri menaiki ETS dari KL Sentral ke Ipoh, saya nampak bahawa 'flap' itu tidak dipakai. Jadi, saya rasa SOP tidak diikuti dan saya harap SPAD akan memberi perhatian kepada masalah yang saya utarakan ini.

Satu lagi masalah ialah kekurangan bas antara bandar. Ada banyak syarikat bas ekspres yang memberi perkhidmatan kepada orang ramai. Akan tetapi bas-bas yang digunakan tidak ada kemudahan bagi kerusi roda menaikinya. Jadi, sesiapa yang pakai kerusi roda, yang hendak menaiki bas itu, kena diangkat. Ini bukanlah suatu cara yang paling baik. Jadi saya harap bas-bas tersebut boleh menyediakan kemudahan yang lebih selesa bagi OKU.

Satu lagi pengangkutan ialah teksi. Kita telah cadangkan kepada SPAD untuk mengadakan beberapa buah teksi di sesebuah company yang boleh muat kerusi roda. Akan tetapi sehingga sekarang, ia masih belum dilaksanakan. Teksi-teksi awam juga enggan mengambil OKU dan ini suatu masalah besar yang dihadapi oleh mereka yang berkerusi roda.

SPAD juga telah cuba memperkenalkan *Rapid Mobility*, yang berbentuk van yang boleh pergi mengambil OKU yang berkerusi roda dari rumah untuk hantar mereka ke destinasi yang dituju. Akan tetapi antara tiga buah van yang diperkenalkan dahulu, satu telah dihantar ke Penang, dan satu lagi telah di *condemn*, dan hanya satu yang beroperasi. Akan tetapi permintaan adalah sangat tinggi. Jadi saya harap pihak SPAD boleh memberi penjelasan mengapa perkhidmatan ini telah merosot? Pada hakikatnya mereka ada rancangan untuk menambahkan lagi van *Rapid Mobility* ini, akan tetapi tak tahu mengapa ia telah merosot hingga tinggal hanya sebuah van. Perkara yang...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan: Hanya ada dua lagi. Berkenaan dengan...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau boleh Yang Berhormat, ambil topik itu, ringkaskan untuk rekodkan.

Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan: Stiker. Stiker OKU untuk kenderaan yang diguna oleh OKU. Sekarang didapati bahawa ada banyak orang yang bukan OKU yang membeli stiker yang tidak sah atau palsu untuk lekat di atas kereta mereka supaya mereka boleh letak kereta itu di tempat *parking* OKU. Oleh sebab tidak ada penguatkuasaan undang-undang, perkara ini telah menimbulkan masalah bagi golongan OKU.

Ada suatu berita yang keluar dalam surat khabar STAR, pada 19 April ini, di mana pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah memperkenalkan denda bagi mereka yang menyalahgunakan tempat *parking* untuk OKU. Kalau kereta itu tidak ada stiker yang sah yang dikeluarkan oleh pihak PBT ataupun JPJ, dia boleh didenda. Mereka boleh mengesan- pegawai-pegawai penguat kuasa mereka boleh mengesan yang mana sah dan yang mana tidak sah dan kompaun. Sebanyak 51 kompaun telah di *issue*, antara bulan Januari dan April tahun ini.

Saya menyeru kepada semua pihak PBT-PBT yang lain untuk mencontohi apa yang dilakukan oleh MPPP di sana. Itu sahaja daripada saya. Dengan ini, saya menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dan dengan ini saya mengucapkan selamat bersara kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Akhir sekali saya mempersilakan Yang Berhormat S. Bagiam.

Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal: Salam sejahtera, salam 1Malaysia, sehat! sejiwa dan sebangsa... [Berucap dalam bahasa Tamil] Dengan izin.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk turut serta dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk berucap dengan menyentuh beberapa perkara yang dekat dengan hati saya.

Pertama mengenai hasrat kerajaan dan komitmen kerajaan dalam membela nasib kaum India melalui SEDIC. Kemajuan yang dicapai oleh SEDIC sekali gus menunjukkan agenda Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib Tun Razak selaku Perdana Menteri yang mahu memperkasakan komuniti India bukan sekadar retorik. Akibat sebenarnya dalam tempoh memegang tampuk kuasa, Perdana Menteri bukan sahaja telah banyak berjasa dalam menaik taraf pendidikan Sekolah Tamil dengan peruntukan beratus juta Ringgit, malah lebih daripada itu dengan mengukuhkan SEDIC.

SEDIC program pembangunan sosioekonomi masyarakat India di Jabatan Perdana Menteri. Agenda Perdana Menteri yang mahu terus melahirkan usahawan India dengan jumlah yang ramai boleh disifatkan telah berjaya kerana sebelum ini Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) diperkenalkan pada tahun 2008. Kepada usahawan India tempatan hanya membantu dalam segala kecil sahaja dengan peruntukan RM8 juta setahun. Atas inisiatif Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, puluhan ribu orang usahawan India telah mendapat manfaat melalui SEDIC.

SEDIC bertujuan untuk menerajui, memaju dan menyelaraskan penglibatan kaum India di dalam teras agenda pembangunan ekonomi negara. Syabas dan terima kasih saya ucapkan kepada Perdana Menteri. Harap kekal memegang tampuk kepimpinan kerana niat murni sambil menghulurkan bantuan tanpa mengira kaum dan bangsa.

■2010

Inilah yang dimaksudkan sebagai 1Malaysia. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang Kementerian Pelajaran, kadar purata enrolmen pelajar aliran teknikal dan vokasional di peringkat menengah hanya 10 peratus di Malaysia berbanding dengan 44 peratus di negara-negara maju. Kekuatan utama dalam sistem pendidikan negara maju seperti Jerman, Finland dan Australia hampir 50 peratus hingga 80 peratus orang murid mereka belajar habis sampai di tahap vokasional.

Bagi Indonesia dan Thailand, enrolmen menjangkau 40 peratus hingga 60 peratus, Malaysia masih lagi ketinggalan dan ini baru di peringkat pembelajaran dan belum lagi selepas mereka keluar dari universiti di mana puluhan ribuan siswazah kita masih lagi menganggur.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat ke hadapan kita harus merancang serta mempraktikkan sistem pembelajaran yang boleh menampung keperluan masa depan belia-belia kita. Dalam arus pemodenan global, saya ingin menyarankan agar program-program teknikal dan vokasional ini dapat diperkemas dan diutamakan dalam menyediakan belia-belia kita pada masa akan datang. Dalam masa yang sama, saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran mengenai kedudukan kesihatan pelajar-pelajar kita dari bangku sekolah lagi. Apakah mereka ini sihat daripada segi mental?

Saya difahamkan bahawa tekanan emosi dan mental pelajar-pelajar zaman ini amat tertekan dan kita sering mendengar bahawa ramai di kalangan pelajar ini sanggup memilih jalan pintas daripada menghadapi cabaran. Percubaan membunuh diri, melibatkan diri dalam aktiviti dadah dan gengsterisme jalan pintas yang dipilih oleh pelajar-pelajar kita yang menghadapi tekanan emosi dan mental yang lemah. Adakah kerajaan sedar bahawa arus pemodenan ini telah banyak menyebabkan gejala sedemikian. Adakah guru-guru kaunseling yang berkhidmat di sekolah-sekolah kita mempunyai kepakaran untuk mengenal pasti murid-murid yang lemah ini. Apakah mekanisme yang diguna pakai dalam mengatasi masalah tekanan jiwa di kalangan pelajar-pelajar kita?

Satu lagi isu yang ingin saya tarik perhatian di Dewan yang mulia ini program lawatan sambil belajar Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini, skim lawatan sambil belajar banyak mempromosikan oleh guru-guru sekolah rendah mahupun sekolah menengah khasnya sekolah di kawasan bandar. Saya amat menggalakkan program ini tetapi bukanlah lawatan sambil belajar ke luar negara. Ramai pelajar kini- tawaran lawatan sambil belajar yang mencecah hampir beribu-ribu Ringgit, ini yang dianjurkan oleh guru-guru dari sebuah sekolah.

Saya mohon kementerian juga memberikan penjelasan bagi perkara di atas. Persoalan mengapa pelajar-pelajar yang masih di bangku sekolah terutamanya di kawasan bandar harus ke luar negara untuk program ini, banyak lagi lokasi-lokasi dalam negeri yang boleh membantu mereka untuk mempelajari sambil dapat mempromosikan produk serta pusat-pusat pelancongan tempatan berbanding luar negara, mohon kementerian menjelaskan.

Seterusnya keselamatan pelajar kita. Baru-baru ini kita dimaklumkan bahawa terdapat seorang pelajar yang dipatuk ular di kawasan sekolah. Memandangkan musim kemarau yang amat panas, menjadi kebiasaan untuk ular-ular yang berlindung dalam semak untuk keluar mencari tempat yang lebih sesuai. Jadi saya menyarankan agar Kementerian Pelajaran memberikan tumpuan kepada semua sekolah agar kawasan sekolah selamat dan bebas daripada sebarang ancaman binatang yang berbisa demi keselamatan anak-anak kita di sekolah. Saya mohon agar Kementerian Pelajaran memberikan jaminan untuk membersihkan kawasan-kawasan sekolah dengan serta-merta demi mengelakkan kejadian yang tidak diinginkan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin bertanya kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Sumbangan wanita memang sangat penting untuk perkembangan sebuah institusi. Saya juga tertarik dengan Titah Tuanku yang ada menyebut mengenai penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan yang perlu dipertingkatkan dengan mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif. Laporan Pembangunan Manusia Malaysia tahun 2013 menyatakan bahawa bilangan wanita yang bekerja dalam bidang formal masih rendah ketika itu iaitu di bawah 50 peratus.

Walau bagaimanapun, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga mengumumkan bahawa kita telah mencapai 55 peratus penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan, namun anggaran ini masih lagi samar. Penglibatan ini memang agak tinggi tetapi masih lagi rendah jika dibandingkan dengan negara-negara jiran seperti Thailand di mana mereka sudah sampai 69.9 peratus, Indonesia 53.3 peratus, sedangkan jumlah mereka yang berpendidikan jauh lebih tinggi dibandingkan dengan kaum hawa di Malaysia.

Kemungkinan besar terdapat beberapa faktor yang menjadi kekangan apabila mereka perlu menjaga keluarga dan lain-lain. Persoalan yang hendak saya tanyakan kepada pihak kementerian ini adalah bagaimanakah sebenarnya kementerian ini memantau keberkesanan polisi yang telah diwujudkan dalam bagaimana kementerian boleh memastikan semua dadar kerajaan ini mencapai sasaran tersebut.

Satu lagi isu mengenai Program Pengarah Wanita. Kerajaan sudah melaksanakan pelbagai program iaitu Program Pengarah Wanita ataupun *Women Directors' Training Programme* semenjak tahun 2012. Sudah banyak kali saya bertanyakan mengenai perkara ini, program ini memang bertujuan sangat baik untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran teknikal, melaksanakan peranan sebagai ahli lembaga pengarah.

Sebagai makluman, sehingga 31 Disember 2014 seramai 974 orang wanita yang telah dipilih. Akan tetapi soalan yang saya hendak tanyakan kembali kepada pihak kementerian ini adalah berapakah daripada jumlah yang telah dilatih ini sebenarnya mendapat penempatan atau kedudukan di agensi-agensi awam dan juga di syarikat-syarikat swasta, berikan statistik kaum yang tergolong dalam program penempatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas ke atas pelantikan Datuk Seri Haji Abd. Halim sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas sumbangan Tuan Yang di-Pertua kepada Dewan yang mulia ini. Sekian terima kasih, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih banyak-banyak atas ucapan yang terakhir Yang Berhormat baru sahaja selesai sebentar tadi. Jam telah menunjukkan tepat pukul 8.19 minit dan saya ingin menyatakan di sini, *alhamdulillah* saya telah pun mendengar perbahasan Yang Berhormat semua telah kemukakan. Lebih-lebih lagi segala ucapan yang buat saya begitu terharu ialah berkenaan diri saya sendiri yang akan bersara mulai tarikh 25 April akan datang.

■2020

Untuk makluman Yang Berhormat, malam esok akan ada sebuah majlis yang dianjurkan oleh Parlimen Malaysia, dan dijadualkan akan dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan isteri. Seperti mana sebuah majlis perpisahan diadakan, juga satu buku yang diberi nama, "*Yang di-Pertua Dewan Negara Yang Ke-16*" iaitu saya, akan dilancarkan pada malam esok. So, Yang Berhormat siapa ada kesempatan, saya menjemput semua, amat dialu-alukan.

Di samping itu juga, saya sendiri secara peribadi ada menganjurkan sebuah majlis diambang perpisahan saya pada 24 April di Dewan Tun Hussein Onn, PWTC di mana saya tidak lupa jemput semua kawan lama saya daripada sekolah, dan semasa saya dalam pasukan Polis Diraja Malaysia, dan juga saya selaku seorang peguam bela, dan akhir sekali sebagai ahli politik. Saya rasa semua Ahli Yang Berhormat dijemput hadir. Tinggal lagi, saya mohon kerjasama sila kemukakan nama kalau sekiranya- takut nanti agaknya kehadiran itu tidak dapat dirai dengan baik kerana tidak memberi jawapan dan sebagainya. *So, this is for logistic purposes*, dengan izin.

Tanpa buang masa lagi, akhir sekali, inilah kali terakhir saya mempengerusikan Majlis Titah Diraja. Selepas ini kementerian-kementerian akan menjawab. Sebagaimana saya selalu berpesan, Yang Berhormat, apa yang dibangkitkan itu tentukan apabila dijawab oleh kementerian nanti, Yang Berhormat mendengar baik-baik. Kalau sekiranya jawapan itu tidak dijawab, bangkit dan suarakan bagaimanakah soalan itu. Itu tanggungjawab setiap kementerian. Pada saya, perkara ini jangan kita ambil remeh atau ringan. Kalau kita tidak ambil bahagian itu, nanti esok *they take all for granted* dan terburu-buru. Apa hendak jadi sumbangan kita, hujah kita dalam Dewan ini? So, saya selalu berpesan, sumbangan atau perbahasan Yang Berhormat itu mempunyai perkara-perkara penting dan untuk dijawab oleh kementerian.

Jawapan kementerian akan berlangsung dua hari sahaja dan selepas itu saya rasa kedua-dua Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalannya akan mengambil alih tempat di sini. Maka dengan itu, berakhirlah jawatan saya di Dewan yang mulia ini dan saya tidak akan lupa setiap Ahli-ahli Yang Berhormat semenjak saya mula sebagai Yang di-Pertua sehingga hari ini. Ada yang baru, ada yang lama.

Kepada yang baru itu, saya harap semua Yang Berhormat cepat mengambil bahagian dan jangan buat perangai yang saya fikir akan melemahkan semangat Dewan Negara ini. Saya berdoa kepada Allah SWT semoga Yang Berhormat semua akan dapat memainkan peranan yang berterusan dan kalau boleh dipertingkatkan lagi, perhebatkan lagi Dewan yang mulia ini.

Saya hanya boleh berbuat sesuatu kalau sekiranya terdapat kelemahan begini. Saya, andai difikirkan ada terlanjur kata, terkasar bahasa, maklum sahajalah saya manusia biasa, saya memohon ribuan ampun dan maaf kepada semua Ahli Yang Berhormat. Saya ini kadangkala ada orang kata *strict* juga tetapi inilah peribadi saya yang mempunyai disiplin yang saya telah peroleh sejak saya berkhidmat dalam Polis Diraja Malaysia.

Dengan itu, tanpa membuang masa lagi- kepada siapa yang belum solat Maghrib, saya rasa ada masa lagi. Saya tangguhkan mesyuarat kita sekarang ini. Dengan itu, *wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh*. Kita tangguhkan Mesyuarat hari ini sehingga hari Isnin, 25 April 2016.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.24 malam.]